JABATAN KESIHATAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN

LAPORAN TAHUNAN 2022

ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengarah Kesihatan Negeri
Pengurusan Tertinggi JKNNS
Sidang Pengarang
Carta Organisasi
Visi, Misi, Objektif Kualiti dan Dasar Kualiti

BAHAGIAN PENGURUSAN

1.1	Unit Sumber Manusia	8
1.2	Unit Pentadbiran	12
1.3	Unit Perolehan dan Pengurusan Aset	15
1.4	Unit Kewangan	16
1.5	Unit Latihan dan Kualiti	
1.6	Unit Pembangunan	24
1.7	Unit Teknologi Maklumat dan Komunikasi	37
1.8	Unit Psikologi	44
1.9	Unit Kejururawatan	48
1.10	Unit Penolong Pegawai Perubatan	52

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

2.1	Unit Perkembangan Kesihatan Awam	57
2.2	Unit Kesihatan Keluarga	61
2.3	Unit Primer	73
2.4	Unit Penyakit Berjangkit	89
2.5	Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor	95
2.6	Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit	106
2.7	Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar	124
2.8	Unit Pencegahan dan Kawalan HIV/STI dan HEP C	137
2.9	Unit Tibi Kusta	147
2.10	Unit Pemakanan	154
2.11	Unit Promosi Kesihatan	163
2.12	Unit Inspektorat dan Perundangan Negeri	168
2.13	Unit Entomologi dan Pest	176

BAHAGIAN KEJURUTERAAN

3.1	Unit Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling	191
3.2	Unit Program Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan	194
3.3	Unit Kejuruteraan Operasi Hospital	199
3.4	Unit Kejuruteraan Fasiliti Kesihatan (Operasi Klinik)	202

BAHAGIAN PERUBATAN

4.1	Unit Perkembangan dan Amalan Perubatan	206
4.2	Unit Kualiti Perubatan	214
4.3	Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta	222
4.4	Unit Rekod Perubatan	236

BAHAGIAN PERGIGIAN 245

BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI 271

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN 301

Perutusan

PENGARAH KESIHATAN NEGERI



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera,

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, Laporan Tahunan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) tahun 2022 berjaya diterbitkan. Laporan ini merupakan satu penerbitan yang penting bagi JKNNS kerana merupakan sebuah nota yang mencatatkan perjalanan warga JKNNS dalam usaha untuk menggapai hasrat dan aspirasi disasarkan sepanjang tahun 2022. Laporan ini menyaksikan pelbagai cabaran dan kejayaan dihadapi dan dikecapi oleh JKNNS dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan yang berkesan dalam memberikan penekanan kepada golongan kurang bernasib baik.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja JKNNS yang telah menyumbang khidmat bakti cemerlang pada tahun 2022 sehingga terhasilnya Laporan Tahunan 2022. Ini merupakan kompilasi dokumentasi pelaksanaan aktiviti dan hasil segala usaha pencapaian semua bahagian iaitu Bahagian Pengurusan, Bahagian Perubatan, Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Kesihatan Pergigian, Bahagian Farmasi dan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sepanjang tahun 2022 yang penuh dengan informasi berguna dan bermanfaat.

Dalam memastikan perkhidmatan terbaik diberikan secara berterusan kepada pihak-pihak berkepentingan dan pelanggan, JKNNS tidak terlepas daripada pelbagai cabaran. Sehubungan itu, pelbagai usaha dan inisaitif proaktif diambil bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan di JKNNS. Walau sebesar mana cabaran yang dihadapi, warga JKNNS telah membuktikan komitmen tidak berbelah bahagi dengan tetap berdiri teguh dan tidak mengalah dalam mengharunginya tanpa rasa getir.

Saya amat berbangga dengan komitmen dan budaya kerja yang ditunjukkan oleh warga JKNNS dalam menerajui agenda merealisasikan kecekapan dan pengurusan perkhidmatan kesihatan di Negeri Sembilan. Dengan semangat kebersamaan, JKNNS akan terus mengorak langkah maju ke hadapan bagi merealisasikan agenda utama negara dan menjayakan visi dan misi JKNNS.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada barisan sidang redaksi dan semua warga JKNNS yang menjayakan penerbitan Laporan Tahunan JKNNS 2022, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Tahniah dan Syabas juga diucapkan kepada semua warga kerja JKNNS yang berusaha keras memastikan kejayaan pelaksanaan program dan aktiviti yang dirangka pada tahun 2022, demi mengekalkan kecemerlangan JKNNS.

Akhir kata marilah kita bersama-sama menggembleng kekuatan dan kecekalan untuk melangkah ke tahun mendatang dengan semangat yang kental. Saya berharap semoga kejayaan yang dicapai dapat diteruskan dengan gandingan tenaga semua warga kerja JKNNS supaya perkhidmatan kepada pesakit dan pelanggan dilaksanakan secara berhemah mengikut tatacara, garis panduan, visi dan misi yang ditetapkan dan seiring dalam usaha merealisasikan objektif jabatan ini. Semoga tugas yang dilaksanakan dipermudahkan dan diberkati Allah. Wassalam.

Sekian.

Dato' Dr. Harlina Binti Abdul Rashid

Pengurusan Tertinggi



Sidang Redaksi

Penasihat	**Dato' Dr. Harlina binti Abdul Rashid** Pengarah Kesihatan Negeri Negeri Sembilan Darul Khusus
Pengerusi	**Dr. Mohd. Ferous bin Alias** Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
Ahli-ahli Jawatankuasa:	
Bahagian Pengurusan	**En. Amiruddin bin Ahmad Kamal** Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
Unit Sumber Manusia	Pn. Noraini binti Mohd. Awal
Unit Pentadbiran	Pn. Norzarimah binti Mohamed Hussain Al-Bakri
Unit Perolehan Dan Aset	Pn. Mastura binti Maarop
Unit Kewangan	En. Mohd. Hedzuwan bin Abu Bakar
Unit Pembangunan	Pn. Nurazira binti Mohamad Rawi
Unit Latihan Dan Kualiti	Pn. Lau Yin Theng
Unit ICT	Pn. Nor Fazlinda binti Mohd Puad
Unit Kejururawatan	Pn. Suria binti Aziz
Unit Pen. Pegawai Perubatan	Tn. Hj Sulaiman bin Dalimi
Unit Psikologi Dan Kaunseling	En. Mohd Mustaza bin Mohamad Zin
Bahagian Kesihatan Awam	**Dr. Hjh Suriyati binti Abd Aziz**
Unit Perkembangan Kesihatan Awam	Dr. Rosmala binti Mohamad
Unit Kesihatan Keluarga	Dr. Noor Azimah binti Hasan
Unit Kesihatan Primer	Dr. Netty Darwina binti Mohd. Dawam
Unit Kawalan Penyakit Berjangkit	Dr. Muhamad bin Ismail
Unit Tibi Dan Kusta	Dr. Norliza binti Ahmad
Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit	Dr. Sivarajan a/l Ramasamy
Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar	Dr. Zuraida binti Mohamed.
Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor	Dr. Muhamad Hazizi bin Muhamad Hasani
Unit HIV/ STI/ HEP	Dr. Sharifah Nor binti Ahmad

Sidang Redaksi

Unit Pemakanan	Pn. Norliza binti Zainal Abidin
Unit Promosi	En. Kamarul Ismail bin Udin
Unit Inspektorat dan Perundangan Negeri	En. Muhamad Ali bin Sharif Abdul Malik
Unit Entomologi dan Pest	Pn. Yusnida binti Mohd Yusof
Unit Survelans	Dr. Massitah binti Mihat
Unit Kawal Selia Radiasi Perubatan	Pn. Nurul Faiezin binti Mohd Yusof
Unit Kejuruteraan	Pn. Khairilinda binti Shamsul Khairil
Unit Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekitar (BAKAS)	Pn. Norhanis binti Johar
Unit Program Kawalan Mutu Air Kebangsaan (KMAM)	Pn. Annur Faizi binti Muhamad Yatim
Operasi Hospital	Pn. Norlyana binti Zulkifli
Operasi Klinik	En. Mohd Tarmizi Syazwan bin Ab. Aziz
Bahagian Perubatan	**Dr. Bhawani Thangaratnam**
Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta	Dr. Noraziah binti Abd. Rahman
Unit Perkembangan Amalan Perubatan	Dr. Nur Ain binti Rahim
Unit Kualiti Perubatan	Dr. Siti Hanisah binti Zainal
Unit Rekod Perubatan	Pn. Ilmey Joriana binti Idris
Bahagian Pergigian	**Dr. Nurul Ain binti Azmi**
Bahagian Perkhidmatan Farmasi	**Pn. Adibah Husna binti Ahmad Maher**
	Pn. Suhaila binti Ayob
	Pn. Nur Hasanah binti Ahmad
Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan	**Pn. Nor Azura binti Ja'afar**
Urusetia / Suntingan	**Cik Nor Linda binti Mokhtar**
	Pn. Maznah binti Mahat
	Pn. Rosni binti Ahmad

BAHAGIAN PENGURUSAN

Program Pengurusan diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) dan dibantu oleh 120 pegawai dan kakitangan. Program Pengurusan terdiri daripada 9 Seksyen/ Unit iaitu:

1. Seksyen Sumber Manusia, Latihan dan Kualiti
2. Seksyen Kewangan
3. Seksyen Pembangunan
4. Seksyen Perolehan dan Pengurusan Aset
5. Seksyen Pentadbiran
6. Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi
7. Seksyen Psikologi dan Kaunseling
8. Unit Kejururawatan
9. Unit Penolong Pegawai Perubatan

Objektif utama program adalah untuk memudahcara dan menyokong pencapaian dasar kementerian dan jabatan serta objektif di bawah program-program lain melalui sistem penyampaian, pengurusan sumber manusia, pengurusan teknologi maklumat, pembangunan kompetensi dan Latihan serta pengurusan kewangan yang efisien dan efektif. Bahgian Pengurusan turut berperanan sebagai urus setia dalam pelbagai aktiviti jabatan seperti Perhimpunan Bulanan Jabatan, Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Inovasi, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Pengurusan Hari Kebangsaan, Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ) serta menyumbang pelbagai aktiviti yang berkaitan di peringkat Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

1.1 UNIT SUMBER MANUSIA

PENGENALAN

Unit Sumber Manusia adalah salah satu unit di bawah Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Unit Sumber Manusia bertanggungjawab memastikan segala urusan dilaksanakan berdasarkan dasar-dasar pengurusan perjawatan dan perkhidmatan personel berlandaskan peraturan-peraturan, pekeliling-pekeliling yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

VISI

Memastikan Unit Sumber Manusia menjadi organisasi terbaik dalam pembangunan sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti dalam meningkatkan mutu perkhidmatan yang cemerlang demi kepuasan pelanggan.

MISI

Memastikan Unit Sumber Manusia mempunyai anggota yang cekap, bertanggungjawab, berpengetahuan dan berkemahiran berasaskan budaya kerja yang cemerlang.

Memastikan perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dilaksanakan dengan berkesan bagi menentukan organisasi mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi mencapai objektif Bahagian Pengurusan.

OBJEKTIF

Untuk memastikan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) khasnya dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amnya mempunyai sumber dan struktur organisasi yang sempurna dalam menyediakan perkhidmatan berkualiti dan cemerlang kepada semua anggota.

FUNGSI

Melaksanakan dasar-dasar pengurusan perjawatan dan perkhidmatan personel berlandaskan peraturan-peraturan, pekeliling-pekeliling yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

Jadual 1 : Kedudukan Perjawatan dan Pengisian Kakitangan JKNNS Mengikut Program, 2022

Bil.	Program	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
1.	Pengurusan	122	119	3
2.	Kesihatan Awam	4,328	3,886	442
3.	Perubatan	6,667	6,317	350
4.	Pergigian	962	888	74
5.	Farmasi	43	41	2
6.	Keselamatan dan Kualiti Makanan	75	74	1
	Jumlah	**12,197**	**11,325**	**872**


Jadual 2 : Ringkasan Kedudukan Perjawatan Mengikut Kumpulan di JKNNS, 2022

Bil.	Kumpulan	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
1.	JUSA	49	37	12
2.	Pengurusan dan Profesional	2,562	2,250	312
3.	Sokongan 1	7,090	6,755	335
4.	Sokongan 2	2,493	2,285	208
	Jumlah	**12,197**	**11,325**	**872**

Jadual 3 : Kedudukan Perjawatan Mengikut Kumpulan dan Program di JKNNS, 2022

Bil.	Kumpulan	Program					
		Pengurusan	Kesihatan Awam	Perubatan	Pergigian	Farmasi	BKKM
1.	JUSA	1	9	37	5	0	0
2.	Pengurusan dan Profesional	19	936	1,300	263	30	14
3.	Paramedik dan Auksiliari	0	2,290	3,320	434	0	52
4.	Sokongan 1	82	198	663	43	4	4
5.	Sokongan 2	20	895	1,347	217	9	5
	Jumlah	**122**	**4,328**	**6,667**	**962**	**43**	**75**

Rajah 1 : Kedudukan Perjawatan dan Pengisian di JKNNS, 2022



	Pengurusan	Kesihatan Awam	Perubatan	Pergigian	Farmasi	BKKM
JUSA	1	9	37	5	0	0
Pengurusan & Profesional	19	936	1,300	263	30	14
Paramedik	0	2,290	3,320	434	0	52
Sokongan 1	82	198	663	43	4	4
Sokongan 2	20	895	1,347	217	9	5

Jadual 4 : Latihan Unit Sumber Manusia, 2022

Bil.	Kursus	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Jumlah Anggota
1.	Bengkel Pemantapan Perkhidmatan Pelaksana Gred 11 -16	15.11.2022	Pengurus Sumber Manusia di PTJ	45
2.	Kursus Pengurusan Tatatertib bagi Urus Setia Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.2)	1 - 2.11.2022	Urus Setia Lembaga Tatatertib	50
3.	Taklimat Pengurusan Prestasi kepada Ketua-Ketua PTJ, Pengurus Sumber Manusia dan Penyelia di Pusat Tanggungjawab	Oktober - November 2022	Ketua-Ketua PTJ, Pengurus Sumber Manusia dan Penyelia di Pusat Tanggungjawab	2,000
4.	Hari Semakan Buku Rekod Perkhidmatan Peringkat JKNNS	12 - 14.7.2022	Pegawai dan anggota yang bertugas di Ibu Pejabat JKNNS	248

Jadual 5: Pencapaian Aktiviti Unit Sumber Manusia, 2022

Bil.	Kursus	Tarikh
1.	Bilangan Pengesahan Pelantikan Diproses	4
2.	Bilangan Pengesahan Perkhidmatan Diproses	7
3.	Bilangan Urusan Naik Pangkat Diproses	756
4.	Bilangan Permohonan Ke Luar Negeri Diproses	48
5.	Bilangan Permohonan Pertukaran Diproses	988
6.	Bilangan Permohonan Tanggung Kerja Diproses	318
7.	Bilangan Permohonan Persaraan Diproses	59
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) JKNNS	3 kali
9.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS KKM	1 kali
10.	Mesyuarat Pertukaran / Penempatan Sumber Manusia	12 kali
11.	Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	2 kali
12.	Laporan Perjawatan ke KKM	4 kali
13.	Laporan Tatatertib Dihantar ke KKM	4 kali
14.	Naziran Perkhidmatan dan Perjawatan ke PTJ	3 kali

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Unit Sumber Manusia telah Berjaya melaksanakan sasaran yang ditetapkan sebagaimana dirancang pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, usaha penambahbaikan dari masa ke semasa tetap diteruskan bagi memantapkan lagi pengurusan sumber manusia dan juga meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada anggota di Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan.

1.2 UNIT PENTADBIRAN

PENGENALAN

Seksyen Pentadbiran antara komponen utama yang menyokong kepada penyampaian perkhidmatan di Bahagian Pengurusan khasnya dan Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan di bawah Bahagian Pengurusan. Seksyen Pentadbiran bertanggungjawab mengurus perjalanan pentadbiran am termasuk merancang, menyelaras dan melaksanakan urusan mengemaskini seperti pengurusan maklum balas/ aduan urusan surat-menyurat dan pengeposan, sistem kawalan rekod kehadiran dan pas keselamatan, pengurusan kenderaan dan pengurusan kontrak perkhidmatan seperti pembersihan, keselamatan, penghawa dingin, kafeteria, urusan makan dan minum untuk mesyuarat, mesin fotostat, mesin air minuman, peralatan *hygiene*, penyelenggaraan lif dan rawatan sistem penghawa dingin.

Bagi memberikan perkhidmatan sokongan kepada semua, Seksyen Pentadbiran juga bertanggungjawab terhadap pengurusan keselamatan bangunan, kerosakan kecil bangunan, pengurusan rekod dan fail, pengurusan penyewaan premis, penyelenggaraan bangunan termasuk keperluan utiliti seperti telefon, bekalan elektrik dan air. Di samping itu, Seksyen Pentadbiran bertanggungjawab sebagai urusetia majlis-majlis rasmi Jabatan, Perhimpunan Bulanan JKNNS dan mesyuarat-mesyuarat utama Pengurusan.

Sebagai Penyelaras Aduan dan Korporat JKN Negeri Sembilan pula, Seksyen Pentadbiran turut berfungsi sebagai *frontliner* dalam menyelesaikan aduan dan maklum balas yang diterima dari pelbagai sumber sama ada akhbar, media sosial, emel, surat, panggilan telefon atau hadir sendiri bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada *stakeholders* di samping mengekalkan imej jabatan melalui pelbagai petunjuk.

VISI

Mewujudkan perkhidmatan pentadbiran yang dinamik, profesional dan mesra pelanggan.

MISI

Menyediakan perkhidmatan yang cekap berkesan dan selari dengan keperluan pelanggan.

OBJEKTIF

Menyokong pelaksanaan aktiviti Jabatan Kesihatan Negeri dengan menggunakan segala sumber yang ada berdasarkan pekeliling, peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa.

PELAKSANAAN AKTIVITI TAHUN 2022

Sepanjang tahun 2022, aktiviti utama dilaksanakan Seksyen Pentadbiran mengikut sasaran yang ditetapkan.

Jadual 1 : Ringkasan Aktiviti Pentadbiran, 2022

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1.	Pengurusan Surat-menyurat	- 7,355 surat diterima melalui sistem eSurat, diasing dan diagihkan. - Surat-surat yang dihantar melalui perkhidmatan pos: • Pos biasa : 4,007 • Pos berdaftar : 1,516 • Pos laju : 121

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
2.	Pengurusan Fail	- Pendaftaran Fail Baru • Peribadi : 1,088 • Am : 433 - Permohonan pelupusan : 1,314
3.	Keselamatan ● Pas Keselamatan / Akses	Pas Keselamatan Staf Baharu : 86 Hilang : 7 Rosak : 15
4.	Naziran Pengurusan Rekod Awam dan Naziran Pengurusan Kenderaan Kerajaan	Dilaksanakan pada 1 Disember 2022 di Pejabat Kesihatan Daerah Seremban dan Klinik Kesihatan Nilai.
	Pemeriksaan Mengejut Kenderaan	Dilaksanakan 1 kali melibatkan 1 buah kenderaan iaitu pada 23 September 2022.
	Pemeriksaan Mengejut Daftar Pos dan *Franking*	Dilaksanakan 2 kali setahun pada 2 Jun 2022 dan 13 Disember 2022.
	Naziran Pengurusan Dokumen Aduan Awam	Dilaksanakan pada 1 Disember 2022 di Pejabat Kesihatan Daerah Seremban dan Klinik Kesihatan Nilai.
5.	Pelaksanaan *Mystery Shopping*	Diadakan pada 16 Mac 2022 di Klinik Kesihatan Simpang Pertang, Hospital Jelebu, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuala Pilah dan Klinik Kesihatan Kuala Pilah.
6.	Bengkel Pengurusan Rekod	Bengkel Pengurusan Pengurusan Rekod pada 28 - 30 September 2022 di Pusat Latihan Pusat Latihan Guru Dalam Perkhidmatan Bagan Datuk, Perak
7.	Mesyuarat yang diadakan pada tahun 2022	i. Mesyuarat Pagi Pengarah Bersama Ketua-Ketua Program - 6 kali pada 7 Februari 2022, 13 April 2022, 8 Jun 2022, 26 Ogos 2022, 25 Oktober 2022 dan 9 Disember 2022
		ii. Mesyuarat Pengurusan Ketua-ketua Jabatan - 3 kali pada 11 Mac 2022, 2 September 2022 dan 25 Disember 2022
		iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan Awam - 3 kali pada 11 Mac 2022, 2 September 2022 dan 25 Disember 2022
		iv. Mesyuarat TPKN Pengurusan Bersama Pengurusan Pusat Tanggungjawab - 3 kali
		v. Mesyuarat Pemilihan Pencalonan Pingat dan Darjah Kebesaran - 1 kali pada 25 Februari 2022
		vi. Mesyuarat Pemilihan Petugas Haji - 1 kali pada 25 Oktober 2022
		vii. Mesyuarat Bahagian Pengurusan - 9 kali pada 4 Januari 2022, 4 April 2022, 19 Mei 2022, 8 Jun 2022, 6 Julai 2022, 9 Ogos 2022, 9 September 2022, 17 Oktober 2022, 17 November 2022, 21 Disember 2022.

PRESTASI PENGURUSAN ADUAN

Seksyen Pentadbiran turut melaksanakan tugasan sebagai penyelaras maklum balas iaitu aduan dan bukan aduan di peringkat JKNNS. Semua maklum balas dipantau dan diselaraskan melalui Sistem Pemantauan Aduan Awam Bersepadu (SiSPAA) oleh Seksyen Pentabdiran dengan bekerjasama bersama penyelaras di PTJ dan penyelaras setiap program di JKNNS. Pada tahun 2022, Seksyen Pentadbiran menyelaras sebanyak 853 maklum balas, iaitu 450 kes aduan dan 403 kes bukan aduan yang terdiri daripada cadangan, pertanyaan dan penghargaan. Daripada jumlah 450 kes aduan tersebut, sebanyak 86.8% (390) kes aduan diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja. Manakala, maklum balas jenis penghargaan yang diterima pada tahun 2022 adalah sebanyak 261.

PENGURUSAN MAJLIS RASMI JABATAN

Sepanjang tahun 2022, Seksyen Pentadbiran diberi tanggungjawab dalam pengurusan Majlis Rasmi Jabatan. Senarai majlis yang berjaya dijalankan sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut:

Jadual 2 : Senarai Majlis Rasmi Jabatan, 2022

Bil.	Program	Tarikh
1.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021 dan Majlis Jasamu Dikenang 2022, Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan	24 Jun 2022
2.	Perhimpunan Bulanan Jabatan sebanyak 2 kali	26 Januari 2022 dan 1 Julai 2022

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Seksyen Pentadbiran berjaya melaksanakan sasaran yang ditetapkan sebagaimana dirancang pada tahun 2022. Dedikasi pegawai-pegawai Seksyen Pentadbiran merupakan aset yang amat berharga dalam menjayakan sasaran tersebut.

1.3 UNIT PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET

PENGENALAN

Seksyen Perolehan dan Pengurusan Aset berada di bawah Bahagian Pengurusan bertanggungjawab dalam melaksanakan dan memantau semua urusan yang berkaitan dengan tatacara perolehan, pengurusan aset dan stor. Seksyen ini mempunyai kekuatan seramai 12 orang pegawai yang terbahagi kepada dua unit utama iaitu Unit Perolehan dan Unit Pengurusan Aset dan Stor.

a. Unit Perolehan

Unit Perolehan berperanan menguruskan perolehan seperti rundingan terus, sebutharga dan tender bagi Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan (JKNNS) serta Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan JKNNS. Unit ini turut berperanan menjadi urusetia dalam Mesyuarat Barangan Import, Mesyuarat Sebut Harga dan juga Mesyuarat Petugas ePerolehan yang dilaksanakan secara berkala dan mengikut keperluan Jabatan.

b. Unit Pengurusan Aset dan Stor

Unit Pengurusan Aset dan Stor pula berperanan sebagai urusetia dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) yang diadakan sebanyak empat kali setahun di samping melaksanakan proses pendaftaran, pemantauan dan pelupusan bagi aset-aset di JKNNS. Unit ini turut menguruskan permohonan penerimaan hadiah dan kehilangan aset bagi JKNNS dan PTJ-PTJ di bawah seliaan. Selain itu, pengurusan stor alat tulis juga dipantau di bawah Unit ini termasuk urusan perolehan alat tulis dan bekalan pejabat yang lain.

VISI

Memperkasakan program/ aktiviti Perolehan dan Pengurusan Aset yang sistematik, berkualiti, cekap dan penuh integriti dalam memenuhi keperluan Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan.

MISI

Mencapai piawaian kualiti yang tinggi dalam pengurusan Perolehan, Aset dan Stor.

OBJEKTIF

Merancang, mengurus dan melaksana aktiviti perolehan, pengurusan aset dan stor bagi memenuhi keperluan jabatan selaras dengan dasar-dasar sedia ada. Memantau dan menilai aktiviti perolehan, pengurusan aset dan stor bagi memastikan kecekapan dalam mematuhi jangka masa dan piawaian.

PENCAPAIAN UNIT PEROLEHAN

Pada tahun 2022, unit ini tiada lagi menerima permohonan di bawah perbelanjaan darurat untuk diuruskan dan semua permohonan perolehan kerajaan diuruskan dengan kaedah perolehan biasa seperti yang tertakluk di bawah Pekeling Perbendaharaan Perolehan Kerajaan. Walau bagaimanapun, pada 29 November 2022 terdapat pindaan terhadap Pekeliling Perolehan Kerajaan disebabkan oleh Perjanjian Perdagangan Bebas: Comphrehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) yang ditandatangani oleh Malaysia dengan beberapa negara anggota yang lain dan menyebabkan perolehan kerajaan yang tertakluk serta melepasi nilai ambang yang ditetapkan juga boleh dipelawa kepada negara-negara tersebut.

Di samping itu, semua permohonan perolehan bagi program dan aktiviti di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan turut diproses sewajarnya sebagaimana perancangan perolehan tahunan. Mesyuarat Sebut Harga yang dilaksanakan bagi Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan (sebut harga) dan Mesyuarat Lembaga Perolehan (tender) memperakukan perolehan seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Bilangan Tender Dan Sebut Harga Yang Diuruskan Oleh Unit Perolehan

Perkara	Bilangan Perolehan	Jumlah Nilai Perolehan (RM)
Sebutharga	13	1,558,926.11
Tender	15	116,609,571.43
Rundingan Terus	12	8,793,884.50
Jumlah	**40**	**126,962,382.04**

Butiran terperinci mengenai aktiviti Unit Perolehan sepanjang tahun 2022 adalah seperti di **Jadual 2:**

Bil.	Ringkasan Aktiviti	Petunjuk Prestasi
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga	Bilangan diadakan : 20 kali
2.	Mesyuarat Petugas ePerolehan	2 kali setahun: a. 14 April 2022 b. 31 Oktober 2022
3.	Laporan *"Integrity Pack"*	12 kali setahun
4.	Naziran ke PTJ	a. PKD Port Dickson: 22 Februari 2022 b. PKD Rembau: 8-10 November 2022
5.	Kursus Anjuran Unit Perolehan	a. Kursus Pengurusan Kontrak: 21 Jun 2022 b. Kursus ePerolehan: 9-1 Ogos 2022

UNIT PENGURUSAN ASET DAN STOR

Pelupusan

Pada tahun 2022, jumlah pelupusan yang diluluskan di peringkat Kuasa Melulus Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bagi aset alih yang nilai perolehan asalnya setiap satu tidak melebihi RM50,000.00 dan jumlah keseluruhannya tidak melebihi RM500,000.00 adalah sebanyak 220 harta modal yang bernilai RM845,336.41 dan 357 aset bernilai rendah yang bernilai RM208,677.15 seperti di **Jadual 3.**

Manakala jumlah pelupusan bagi setiap satu aset yang nilai perolehan asalnya tidak melebihi RM400,000.00 dan jumlah keseluruhan tidak melebihi RM4,000,000.00 yang diluluskan di peringkat KKM adalah sebanyak 17 harta modal yang bernilai RM1,687,372.78 adalah seperti di **Jadual 4.**

Jadual 3 : Kelulusan Pelupusan di Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

Harta Modal		Aset Bernilai Rendah (ABR)	
Bilangan Aset	Jumlah Nilai Perolehan (RM)	Bilangan Aset	Jumlah Nilai Perolehan (RM)
220	845,336.41	357	208,677.15

Jadual 4 : Kelulusan Pelupusan di Peringkat KKM

Harta Modal	
Bilangan Aset	Jumlah Nilai Perolehan (RM)
17	1,687,372.78

Gambar 1 : Aktiviti Pelupusan Yang Dilaksanakan di JKNNS





Butiran terperinci mengenai aktiviti Unit Pengurusan Aset dan Stor tahun 2022 adalah seperti di **Jadual 5:**

Bil.	Ringkasan Aktiviti	Petunjuk Prestasi
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK)	Bilangan diadakan: 4 kali setahun 1. 24 Januari 2022 2. 22 April 2022 3. 26 Julai 2022 4. 25 Oktober 2022
2.	Naziran ke PTJ	1. PKD Port Dickson: 22 Februari 2022 2. PKD Rembau: 8-10 November 2022
3.	Kursus Anjuran Unit Pengurusan Aset dan Stor	1. Bengkel Penyediaan Penyata Penyesuaian Aset Alih dan Tindakan Penemuan pada 11-13 Oktober 2022. 2. Kursus Sistem Pengurusan Stor pada 1-3 November 2022.

KESIMPULAN

Semua program yang dirancang pada tahun 2022 dilaksanakan dengan baik. Pencapaian akan dikekalkan dan ditambah baik pada masa akan datang.

1.4 UNIT KEWANGAN

PENGENALAN

Seksyen Kewangan adalah satu seksyen di bawah Bahagian Pengurusan, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Seksyen Kewangan bertanggungjawab memastikan segala urusan berkaitan hal-hal kewangan berjalan dengan sempurna dan mengikut peraturan dan prosedur kewangan yang berkuatkuasa dengan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dalaman dan luaran.

VISI

Peneraju Pengurusan Kewangan yang cemerlang ke arah pencapaian visi Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

MISI

- Merancang semua aktiviti di bawah pengurusan kewangan dengan teratur dan efisien.
- Menggunakan sumber manusia dan lain-lain sumber secara berkesan untuk melaksanakan pengurusan kewangan yang berkesan.
- Membuat kawalan dan pemantauan prestasi perbelanjaan dan kutipan hasil.
- Menguatkuasakan semua peraturan kewangan.

OBJEKTIF

Bertanggungjawab memberikan khidmat sokongan pengurusan kewangan Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk membolehkan semua aktiviti dalam program pengurusan berjalan lancar, sempurna dan berkesan ke arah pencapaian objektif Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan selaras dengan peraturan-peraturan Kewangan yang masih berkuatkuasa.

FUNGSI UTAMA

Fungsi utama Seksyen Kewangan Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan:

- Agihan Peruntukan
- Pengurusan Perbelanjaan
- Pengurusan Perolehan
- Pinjaman Komputer
- Pinjaman Kenderaan
- Pengurusan Gaji dan Elaun-elaun
- Pengurusan Hasil
- Naziran Pengurusan Kewangan
- Pemeriksaan Mengejut Terimaan ke Pemungut Kecil

KURSUS ANJURAN SEKSYEN KEWANGAN

Seksyen Kewangan telah menganjurkan Kursus Pengurusan Hasil Perintah Fi Perubatan bersama Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada 28 Jun 2022.

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT PROGRAM, 2022

Bagi tahun 2022, Seksyen Kewangan menguruskan **RM1,181,081,418** peruntukan **Bajet Mengurus** yang diagihkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti berikut:

Bil.	Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (%)
1.	Pengurusan	13,533,537	14,603,065	107.90
2.	Perubatan	498,022,336	525,252,457	105.47
3.	Kesihatan Awam	267,709,225	288,541,827	107.78
4.	Kesihatan Pergigian	59,805,843	61,229,870	102.38
5.	Farmasi	4,703,603	4,859,555	103.32
6.	Penyelidikan dan Sokongan Teknikal	4,231,824	4,231,824	100.00
7.	Keselamatan dan Kualiti Makanan	2,765,905	2,976,710	107.62
8.	Emolumen Kakitangan Kontrak	104,407,850	152,810,281	146.36
9.	Rawatan Perubatan Pesara Awam	11,156,295	11,156,295	100.00
10.	Perkhidmatan Sokongan Hospital	4,349,646	4,349,646	100.00
11.	Bekalan Perubatan Fasiliti Kesihatan	134,935,658	134,935,658	100.00
12.	Harta Modal dan Aset Bernilai Rendah	1,124,082	1,124,082	100.00
13.	Konsesi Penswastaan Makmal Ubat dan Stor	74,335,614	74,335,614	100.00
	Jumlah	**1,181,081,418**	**1,280,406,884**	**108.41**

PRESTASI PEMBAYARAN BIL, 2022

Bagi tahun 2022, sebanyak 74,035 bil dibayar. Prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari adalah 99.99%, iaitu sebanyak 74,028 bil dibayar dalam tempoh 14 hari, manakala 7 bil dibayar melebihi 14 hari. Perincian pembayaran bil mengikut bulan adalah seperti berikut:

Bulan	Bilangan Keseluruhan		1 - 14 HARI		> 14 HARI	
	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM
Januari	2,689	13,523,185	2,689	13,523,185		
Februari	5,945	41,742,570	5,945	41,742,570		
Mac	7,017	46,480,783	7,016	46,418,726	1	62,057
April	7,971	57,300,679	7,970	57,299,250	1	1,429
Mei	4,709	29,146,969	4,709	29,146,969		
Jun	6,057	39,276,199	6,056	39,094,080	1	182,119
Julai	6,310	39,748,171	6,309	39,741,836	1	6,335
Ogos	6,485	40,142,459	6,483	40,133,352	2	9,107
September	6,279	38,976,474	6,279	38,976,474		
Oktober	6,527	41,459,496	6,527	41,459,496		
November	9,052	65,774,336	9,051	65,764,951	1	9,385
Disember	4,994	38,580,659	4,994	38,580,659		
Jumlah	**74,035**	**492,151,978**	**74,028**	**491,881,546**	**7**	**270,432**
			99.99%		**0.01%**	

KUTIPAN HASIL, 2022

Jumlah kutipan hasil bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM17,046,295. Perincian jumlah kutipan hasil mengikut penjenisan hasil seperti berikut:

Bil.	Penjenisan Hasil	Jumlah Kutipan (RM)
1.	Lesen bayaran pendaftaran dan permit	100,793
2.	Kutipan fi perubatan	13,504,770
3.	Kutipan fi bukan perubatan	640,029
4.	Perolehan daripada jualan barang	88,374
5.	Sewaan	911,139
6.	Faedah dan perolehan dari pelaburan	563
7.	Denda dan hukuman	951,631
8.	Terimaan bukan hasil	848,996
	Jumlah	**17,046,295**

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Seksyen Kewangan berjaya mencapai objektif dalam melaksanakan aktiviti pengurusan kewangan dan khidmat nasihat berkaitan tadbir urus kewangan tahun kewangan 2022.

1.5 UNIT LATIHAN DAN KUALITI

PENGENALAN

Unit Latihan dan Kualiti merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Pengurusan yang bertanggungjawab mengendali dan menyelaras program peningkatan kompetensi dan latihan dalam perkhidmatan bagi anggota Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) serta bertanggungjawab dalam pengurusan dan penyelarasan program-program peningkatan kualiti dan inovasi bagi JKNNS.

Bidang tugas utama Unit Latihan dan Kualiti adalah :

i. Merancang dan mengendalikan Program Transformasi Minda (PTM), menyelaras dan melaksanakan Pelan Operasi Latihan (POL) Bahagian Pengurusan.
ii. Memantau prestasi perbelanjaan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP).
iii. Menguruskan permohonan Kursus Pengkhususan/ Diploma Lanjutan (Pos Basik).
iv. Menyelaraskan permohonan latihan klinikal, elektif, sangkutan, industri di fasiliti kesihatan JKNNS.
v. Menyelaras program-program kualiti dan inovasi JKNNS (EKSA, KIK).
vi. Menyelaras MyPortfolio anggota JKNNS.

VISI

Melaksanakan dasar latihan yang berkualiti bagi melahirkan anggota sumber manusia yang berkompetensi dan berteraskan pembangunan insaniah.

MISI

Menghasilkan pegawai dan anggota yang berkemahiran dan cekap serta berkualiti.

OBJEKTIF

Membangunkan modal insan yang cemerlang melalui Pelan Latihan yang strategik serta peningkatan kualiti Jabatan secara keseluruhan.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Pelaksanaan aktiviti dan pencapaian keseluruhan Unit Latihan dan Kualiti bagi tahun 2022 seperti di **Jadual 1**.

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1.	**Program Transformasi Minda (PTM)** a. Merancang, mengendali dan menyelaras PTM bagi memastikan syarat anggota Jabatan untuk disahkan dalam perkhidmatan.	Melaksanakan PTM bagi Pegawai Perubatan Siswazah Gred UD41 (kontrak), Pegawai Pelaksana, Pegawai Pengurusan dan Profesional yang baru dilantik sebanyak 4 kali dan seramai 237 pegawai.
	b. Memproses permohonan pengecualian PTM.	Sebanyak 95 permohonan dikemukakan ke BPL, KKM.
2.	**Program Lanjutan Peringkat Diploma Lanjutan Dan Sijil Pos Basik** Menyelaras permohonan Diploma Lanjutan dan Sijil Pos Basik semua anggota JKNNS.	• Tawaran Mengikuti Program Lanjutan Sesi September 2022: 127 permohonan. • Tawaran Mengikuti Program Lanjutan Sesi Mac 2023: 128 permohonan.

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
3.	**Perancangan, Pelaksanaan dan Penilaian Latihan Bahagian Pengurusan** a. Menyelaras dan memantau perbelanjaan peruntukan LDP. b. Menyelaras program latihan generik dan functional bawah peruntukan LDP bagi Bahagian Pengurusan. c. Menyediakan Analisa Keberkesanan kursus bagi anjuran Bahagian Pengurusan. d. Menguruskan pencalonan penceramah atau peserta, bagi kursus anjuran agensi luar atau dalaman. e. Memproses permohonan tuntutan elaun penceramah bagi kursus yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan.	 Laporan LDP dikemukakan ke BPL, KKM pada bulan Mei, Julai, September dan Oktober. Perancangan Kursus dan POL latihan ditambah baik secara berkala dan 19 kursus dijalankan. Penyediaan Analisa Keberkesanan kursus bagi 19 kursus yang dijalankan di Bahagian Pengurusan. Menguruskan 50 permohonan yang diterima dari agensi luar atau dalaman. Menguruskan 67 permohonan elaun penceramah yang lengkap ke Seksyen Kewangan.
4.	**Pengurusan dan Penyelarasan Penempatan Latih Amal** a. Menyelaras dan menguruskan permohonan latihan klinikal, elektif, sangkutan, industri di fasiliti kesihatan JKNNS. b. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Joint Management Committee (JMC) Bersama IPTA/ IPTS.	 Sebanyak 2,714 penempatan latihan klinikal. Mesyuarat JMC diadakan pada 14 Oktober 2022.
5.	**Penyelarasan MyPortfolio Anggota JKNNS** a. Memantau dan memastikan MyPortfolio anggota JKNNS dikemaskini dan dimuat naik dalam HRMIS.	100% MyPortfolio dalam HRMIS.
6.	**Penyelarasan Program Peningkatan Kualiti dan Inovasi Jabatan** a. Menguruskan Konvensyen KIK dan Anugerah Inovasi Peringkat Negeri.	 Konvesyen KIK dan Anugerah Inovasi Peringkat Negeri 2022 diadakan pada 14-15 Julai 2022.
	b. Menyelaskan penyertaan projek KIK ke peringkat KKM dan agensi luar.	Sebanyak 3 penyertaan projek KIK dikemukakan kepada peringkat KKM yang diadakan pada 11 Oktober 2022. Sebanyak 5 penyertaan projek KIK dikemukakan kepada pertandingan peringkat Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan yang diadakan pada 23-25 Ogos 2022.

Jadual 2 : Pencapaian Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan, 2022

Bil.	Program	Jumlah Peruntukan (RM) A	Perbelanjaan (RM) B	Perbelanjaan (%)	Baki Peruntukan (RM) (A - B) = D
1.	Pengurusan	75,178.00	75,178.00	100%	0.00

Kesimpulan

Secara keseluruhan, semua aktiviti yang dirancang oleh Unit Latihan dan Kualiti dilaksanakan dengan jayanya bagi tahun 2022. Unit Latihan dan Kualiti akan sentiasa memberi penekanan terhadap penyediaan latihan dan kursus yang menjurus kepada aspek pembangunan tersebut tanpa mengabaikan kualiti dalam perlaksanaannya dengan amalan norma-norma baharu selaras dengan situasi semasa yang sedang melanda negara. Selain itu, unit ini turut menitik berat dalam aktiviti kualiti sebagai usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan agensi Kerajaan dengan matlamat agar perkhidmatan yang disampaikan sentiasa memenuhi kehendak dan harapan pelanggan.

1.6 UNIT PEMBANGUNAN

PENGENALAN

Unit Pembangunan bertanggungjawab memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian *outcome* semua projek-projek pembangunan Jabatan termasuk projek-projek di bawah peruntukan Kerja-Kerja Naiktaraf dan Pembaikan berjalan dengan lancar serta mengikut prosedur yang ditetapkan.

VISI

Untuk menjadikan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan sebuah negeri yang mempunyai individu, keluarga dan masyarakat yang sihat dan sejahtera melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk program-program kesihatan, perubatan dan pergigian secara profesional, efisien, saksama dan mesra.

MISI

Seksyen Pembangunan akan memberikan komitmen sepenuhnya ke atas pelaksanaan program perkhidmatan kesihatan, perubatan dan pergigian yang merangkumi bidang promosi, pencegahan, perawatan dan pemulihan ke arah peningkatan taraf hidup berkualiti.

OBJEKTIF

Mengurus prestasi fizikal dan kewangan bagi projek-projek pembangunan kesihatan di Negeri Sembilan.

LATAR BELAKANG

Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12, Rolling Plan Ke-2 (RMK12, RP2) diluluskan peruntukan sebanyak RM704,516,000.00; daripada jumlah tersebut, RM703,066,000.00 adalah projek sambungan, manakala RM1,450,000.00 adalah projek baru.

Siling perbelanjaan peruntukan pelaksanaan projek-projek tersebut pada tahun 2022 adalah sebanyak RM48,950,602.00.

Berdasarkan bilangan jumlah projek, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan diluluskan adalah sebanyak 11 projek iaitu 9 projek sambungan dan 2 projek baru.

Kedudukan peruntukan dan bilangan projek seperti di **Jadual 1** dan **Jadual 2**:

Jadual 1 : Bilangan Projek RMK12 (RP2)

Butir-butir Projek		Projek RMK-12 (Rolling Plan Ke-1)	
		Projek Sambungan	Baru
BP 00100	Latihan		
00101	Pembinaan Baru		
00102	Naik Taraf		
BP 00200	Kesihatan Awam		
00201	Kesihatan Luar Bandar	3	
00203	Kesihatan Bandar	3	
BP 00300	Kemudahan Hospital	3	
BP 00400	Hospital Baru		1

Butir-butir Projek	Projek RMK-12 (Rolling Plan Ke-1)	
	Projek Sambungan	Baru
BP 00900 Kemudahan Anggota		
00901 Kuarters Luar Bandar		
00904 Pejabat		
00110 Peralatan		1
Jumlah	**9**	**2**

Jadual 2 : Siling Peruntukan RMK12 (RP 2) Mengikut Butiran Projek

Butir-butir Projek	Projek Sambungan (RM)	Projek Baru (RM)	Jumlah (RM)
BP 00100 Latihan	-	-	-
00101 Pembinaan Baru	-	-	-
00102 N/Taraf	-	-	-
BP 00200 Kesihatan Awam Dan Pergigian	-	-	-
00201 Kesihatan Luar Bandar	75,789,000.00	-	75,789,000.00
00203 Kesihatan Bandar	124,139,000.00	-	124,139,000.00
BP 00300 Kemudahan Hospital	503,138,000.00	-	503,138,000.00
BP 00400 Hospital Baru	-	1,000,000.00	1,000,000.00
BP 00900 Kemudahan Anggota	-	-	-
00901 Kuarters Luar Bandar	-	-	-
00904 Pejabat	-	-	-
00110 Peralatan	-	450,000.00	450,000.00
Jumlah	**703,006,000.00**	**1,450,000.00**	**704,516,000.00**

a. Latihan (00100)
Tiada Peruntukan yang diluluskan bagi RMK12 (RP2) bagi butiran ini.

b. Kesihatan Awam Dan Pergigian (00200)
Peruntukan sebanyak RM199,928,000.00 di bawah Kesihatan Awam dan Pergigian adalah 6 projek sambungan seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3 : Butiran Projek Kesihatan Awam dan Pergigian

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK12 (RM)	Penjadualan Perlaksanaan
1.	KK 3 Palong 7 & 8	Sambungan	35,000,000.00	Dalam Perlaksanaan Jadual : 75% Sebenar : 75%
2.	KK 5 Lenggeng	Sambungan	10,789,000.00	Selesai Tarikh penyerahan: 1.10.2022
3.	KK 4 Rompin	Sambungan	30,000,000.00	Dalam Perlaksanaan Jadual : 90% Sebenar : 90%
4.	Pusat Pakar Pergigian Seremban	Sambungan	30,000,000.00	Dalam Perlaksanaan Jadual : 42% Sebenar : 27%
5.	KK 2 Tampin	Sambungan	45,000,000.00	Dalam Perlaksanaan Jadual : 28% Sebenar : 17%
6.	KK 2 Bandar Baru Sri Sendayan	Sambungan	49,139,000.00	Dalam Perlaksanaan Jadual : 28% Sebenar : 17%
		Jumlah	**196,789,000.00**	

c. Kemudahan Hospital (00300)

Jumlah projek yang diluluskan adalah 3 projek yang merupakan projek sambungan dengan peruntukan sebanyak RM503,138,000.00 seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4 : Butiran Projek Kemudahan Hospital

Bil.	Nama Projek	Status Projek (Sambungan / Baru)	Peruntukan RMK12 (RM)	Penjadualan Perlaksanaan
1.	Blok Pakar Hospital Port Dickson	Sambungan	157,838,000.00	Mei 2022: Iklan Pra-Kelayakan Julai 2022 - Pelawaan Oktober 2022 - Jangkaan SST Oktober 2023 - Jangka Siap (Tempoh 3 tahun)
2.	Naik Taraf Sistem Bekalan Gas Perubatan, Sistem Pendingin Hawa Berpusat, Sistem Pencegahan Kebakaran, Sistem Pendawaian Elektrik Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan Utama, Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	Sambungan	158,300,000.00	Dalam Pelaksanaan Jadual: 31% Sebenar : 28%
3.	Blok Tambahan Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	Sambungan	187,000,000.00	Dalam Pelaksanaan Jadual: 23.69% Sebenar: 12.45%
		Jumlah	**503,138,000.00**	

d. Hospital Baru (00400)

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan/ Baru)	Peruntukan RMK12 (RM)	Penjadualan Perlaksanaan
1.	Institut Penyakit Berjangkit Malaysia (Malaysia Institute Of Infectious Disease), Bandar Enstek, Nilai	Baru	1,000,000.00	Perancangan projek: Jangka mula: Julai 2022 Jangka siap: Februari 2023 Laporan Kerja Awalan: Jangka mula: Mac 2023 Jangka siap: April 2023
		Jumlah	**1,000,000.00**	

e. Kemudahan Anggota (00900)

Tiada Peruntukan yang diluluskan bagi RMK12 (RP2) bagi butiran ini.

f. Peralatan (00110)

Jumlah peruntukan peralatan yang diluluskan adalah sebanyak 1 projek yang merupakan projek baru sebanyak RM450,000.00 seperti di **Jadual 6.**

Jadual 6 : Butiran Projek Peralatan

Bil.	Tajuk Projek	Status Projek (Sambungan / Baru)	Peruntukan RMK12 (RM)	Penjadualan Perlaksanaan
1.	Perolehan Peralatan Pasukan Pergigian Bergerak Negeri Sembilan	Baru	450,000.00	Selesai
		Jumlah	**450,000.00**	

Jadual 7 : Prestasi Kemajuan Fizikal Projek RMK12, RP2, Januari - Disember 2022

Butir-butir Projek	Siap	Dalam Perancangan	Dalam Pelaksanaan			Jumlah
			IJ	LJ	BM	
BP 00100 Latihan	0	-	-	-	-	0
BP 00200 Kesihatan Awam	1	-	2	3	-	6
BP 00300 Kemudahan Hospital	0	1	-	2	-	3
BP 00400 Hospital Baru	0	1	-	-	-	1
BP 00900 Kemudahan Anggota	0	-	-	-	-	0
BP 00110 Peralatan	0	-	1	-	-	1
Jumlah	**1**	**2**	**3**	**5**	**0**	**11**

Jadual 8 : Prestasi Kemajuan Kewangan RMK12, RP2, Januari Sehingga 31 Disember 2022

Butir-Butir Projek	Bil. Projek	Peruntukan RMK12, RP2	Peruntukan Tahun Semasa Kemaskini (2022)	Perbelanjaan Semasa (Januari sehingga 31 Disember 2022)	% Perbelanjaan (Pindaan)
BP 00100 Latihan	0	0	0	0	0%
BP 00200 Kesihatan Awam dan Pergigian	6	199,928,000.00	17,950,602.00	17,918,321.65	99.82%
BP 00300 Kemudahan Hospital	3	503,138,000.00	30,550,000.00	44,216,590.34	144.74%
BP 00400 Hospital Baru	1	1,000,000.00	400,000.00	0.00	0%
BP 01100 Peralatan	1	450,000.00	450,000.00	449,796.50	99.95%
Jumlah	**11**	**704,516,000.00**	**48,950,602.00**	**62,584,708.49**	**127.85%**

* Prestasi Kemajuan Kewangan RMK12, RP2 adalah mengikut MyProjek

KESIMPULAN

Prestasi perbelanjaan bagi Projek RMK12 Rolling Plan 2 adalah sebanyak 11 projek. Satu projek telah siap pembinaan, 8 projek sedang dalam pembinaan dan 2 projek di dalam perancangan dan dokumentasi. Secara keseluruhan, jumlah siling peruntukan sebanyak RM704,516,000.00. Peruntukan tahun semasa 2022 sebanyak RM48,950,602.00 dan prestasi perbelanjaan Januari sehingga 31 Disember 2022 adalah RM62,584,708.49 (127.85%).

Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan di Bawah RMK12, 2018 - 2022

BUTIR PROJEK	PERUNTUKAN (2018)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2019)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2020)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2021)	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (2022)	PERBELANJAAN
BP 00100 LATIHAN	593,882.10	573,160.96	1,572,761.42	1,571,333.35	443,084.29	442,650.69	188,298.20	188,297.18	533,563.68	533,563.68
BP 00200 KESIHATAN AWAM	14,000,000.00	9,118,764.00	952,612.00	918,734.20	1,056,002.00	877,534.00	12,534,972.04	12,534,972.04	9,378,295.70	9,378,265.70
BP 00300 KEMUDAHAN HOSPITAL	9,569,278.00	8,007,584.00	6,236,290.00	6,239,290.00	1,194,000.00	1,194,000.00	84,700,506.54	84,140,357.07	66,568,085.43	66,568,085.43
BP 00400 HOSPITAL BARU	35,000,000.00	30,827,489.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
BP 00500 PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	32,100.00	31,577.36	18,800.00	18,799.50	113,537.00	71,351.38	0.00	0.00	40,056.00	40,056.00
BP 00600 UBAHSUAI, NAIKTARAF DAN PEMBAIKAN FASILITI KESIHATAN	5,026,686.03	5,009,470.56	2,815,556.00	2,844,156.70	2,857,041.00	2,742,636.85	732,493.00	732,493.00	3,760,313.96	3,760,313.96
BP 00900 KEMUDAHAN ANGGOTA	0.00	0.00	420,000.00	419,466.06	1,150,000.00	769.528.70	799,960.70	799,960.70	0.00	0.00
BP 01100 PERALATAN & KENDERAAN	15,000,000.00	13,268,027.36	22,506,296.20	22,380,438.09	23,115,350.22	14,980,297.90	199,625,504.09	199,614,608.73	18,194,976.80	18,194,967.80
008000420117 PERBELANJAAN BERKAITAN COVID-19	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	**-**	35,295,572.86	35,277,302.94	13,539,636.40	13,458,467.65
Jumlah	**79,221,946.13**	**66,836,073.24**	**34,522,315.62**	**34,392,217.90**	**29,929,014.51**	**20,308,470.82**	**333,877,307.43**	**333,287,991.66**	**112,017,927.97**	**111,933,720.22**

* Prestasi Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan adalah mengikut IGFMAS.

PROJEK RMK12 JABATAN KESIHATAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

KK5 LENGGENG





KK3 PALONG 7, 8





KK4 ROMPIN





KK2 TAMPIN





BLOK TAMBAHAN HTAN





PUSAT PAKAR PERGIGIAN SEREMBAN





NAIK TARAF SISTEM BEKALAN GAS PERUBATAN, SISTEM PENDINGIN HAWA BERPUSAT, SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN, SISTEM PENDAWAIAN ELEKTRIK DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI BANGUNAN UTAMA, HOSPITAL TUANKU JA'AFAR





KK2 BANDAR BARU SRI SENDAYAN





1.7 UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

PENGENALAN

Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (STMK), Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) diwujudkan pada tahun 2003 dengan perjawatan berikut:

Tahun	Jawatan
2003	Juruteknik FT17
2004	Pegawai Teknologi Maklumat F41 Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32 Pembantu Tadbir (P/O) N17
2008	Pegawai Teknologi Maklumat F44
2010	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29 (2)

Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi bertanggungjawab merancang, menyelaras dan melaksanakan tugas-tugas perkhidmatan teknologi maklumat yang cekap dan berkesan kepada Jabatan Kesihatan Negeri mengikut Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (DKICT), Pelan Strategik Sektor Awam, arahan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya dan Kerajaan Malaysia secara amnya. Ini bagi memastikan keupayaan Jabatan setaraf dengan kemajuan dan perkembangan teknologi semasa, iaitu penekanan diberikan kepada kecekapan, produktiviti dan inovasi ICT. Di samping itu, sokongan perlu diberikan kepada pelbagai aplikasi dan sistem yang digunakan serta yang akan dibangunkan dalam KKM dari semasa ke semasa.

Justeru itu, kewujudan Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi adalah berperanan sebagai institusi pentadbiran pusat yang dikenali sebagai Pusat Tanggungjawab Peringkat 1 (PTJ 1) bagi merangka, melaksana, mengawal dan menyelia perkhidmatan kesihatan di seluruh Negeri Sembilan meliputi 3 peringkat penyeliaan:

Peringkat Negeri : Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Peringkat Hospital : Hospital-hospital di Negeri Sembilan
Peringkat Daerah : Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Pejabat Pergigian Daerah (PPD)

Sehubungan dengan itu, satu organisasi sistematik diwujudkan dari aspek pentadbiran bagi memastikan setiap usaha yang dijalankan mendapat perhatian dan kawal selia yang sepatutnya bersama seksyen-seksyen lain di JKNNS.

VISI

- Memaksimakan fungsi, peranan dan penggunaan teknologi maklumat serta komunikasi di JKNNS.
- Meningkatkan kualiti dan keselamatan data sistem maklumat serta meningkatkan taraf dan kecekapan perkhidmatan pelanggan dengan penggunaan ICT.

MISI

Memberikan perkhidmatan dan kemudahan ICT untuk memenuhi keperluan jabatan dan mewujudkan serta menyelenggara sistem maklumat berkualiti dan automasi pejabat bagi meningkatkan mutu, produktiviti, kecekapan pengurusan dan pentadbiran kakitangan. Memberi pendedahan dan meningkatkan tahap kesedaran terhadap penggunaan ICT dan memberikan perkhidmatan sokongan kepada kakitangan.

OBJEKTIF

Untuk memberikan sokongan teknikal ICT dan aplikasi kepada JKNNS untuk memastikan kemudahan dan perkhidmatan ICT dapat digunakan dalam membantu jabatan menjalankan fungsi-fungsinya dengan cekap dan berkesan.

PENCAPAIAN SEKSYEN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, 2022

UNIT PEMBANGUNAN APLIKASI

PENGURUSAN EMEL MyGovUC
Jumlah akaun emel sedia ada sehingga 31 Disember 2022 = 9,228

PENGURUSAN LAMAN WEB RASMI
Laman web baharu telah dilancarkan pada 19 Jun 2020 dan dikemaskini sebanyak 52 kali sepanjang tahun 2022

PENGURUSAN SISTEM *IN-HOUSE*
Semua sistem seperti senarai di bawah diselenggara dari masa ke masa bagi memantapkan kestabilan sistem mengikut permohonan pemilik.

Bil.	Sistem	Keterangan	Status Terkini	Pencapaian
1.	ePrestasi.jkn.ns Sistem Maklumat Kakitangan (ePrestasi - 2007)	Mempercepatkan pengurusan persidangan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan penilaian APC.	Status : Aktif	Digunakan pada persidangan PPSM tahun 2022.
2.	eSurat.jkn.ns (Sistem eSurat - 2009)	Meningkatkan kecekapan dalam pengendalian surat.	Status : Aktif	Masih digunakan di Hospital Port Dickson, Hospital Tuanku Ampuan Najihah dan Hospital Jelebu.
3.	ePelatih.jkn.ns Sistem Penempatan dan Pemantauan Pelatih IPT (ePelatih - 2010)	Memudahkan urusan penempatan pelatih-pelatih IPT dengan mengurangkan masalah kebanjiran pengambilan pelatih-pelatih IPT.	Status : Aktif	Sebanyak 16,034 transaksi penempatan pelajar dilakukan sepanjang tahun 2022.
4.	eKenderaan.jkn.ns (Sistem eKenderaan - 2010)	Pemantauan rekod dan penyelenggaran serta pengendalian tempahan kenderaan.	Status : Aktif	Sebanyak 1,373 transaksi tempahan kenderaan dilakukan sepanjang tahun 2022.

Bil.	Sistem	Keterangan	Status Terkini	Pencapaian
5.	eMaintenance.jkn.ns Sistem Maklumat Penyelenggaraan Peralatan & Perkakasan ICT (eMaintenance - 2010)	Membantu pengendalian rekod pembaikan peralatan ICT dengan penjanaan laporan dan pengiraan kos pembaikan yang terlibat	Status : Aktif	Sebanyak 255 transaksi aduan pengguna sepanjang tahun 2022.
6.	eKnowledge.jkn.ns Sistem e-Knowledge (eKnowledge - 2011)	Memudahkan capaian maklumat yang dimuatnaik seperti dokumen dan perisian.	Status : Aktif	Sistem dipindah milik kepada Hospital Tuanku Jaafar Seremban pada bulan Ogos 2022 di atas keperluan di sana.
7.	eTempahan.jkn.ns Sistem Tempahan Fasiliti (eTempahan - 2011)	Memudahkan pengendalian permohonan tempahan makmal ICT, dewan dan bilik seminar.	Status : Aktif	Sebanyak 624 transaksi tempahan makmal dan bilik mesyuarat JKNNS dan Klinik Kesihatan Rasah sepanjang tahun 2022.
8.	latihanv1.jkn.ns Sistem Latihan (eLatihan - 2013)	Meningkatkan kaedah pemantauan 7 hari berkursus dan membantu penyediaan laporan kursus bagi semua jawatan.	Status : Aktif	Sebanyak 10,807 transaksi log latihan pendaftaran Maklumat kursus sepanjang tahun 2022.
9.	apc.jkn.ns Sistem Penerima Anugerah Perkidmatan Cemerlang (eAPC - 2013)	Sistem persiapan Majlis APC - pengeluaran surat jemputan, susunan nombor kerusi, sijil, kehadiran semasa majlis APC dan paparan biodata serta gambar penerima.	Status : Aktif	Sistem ditambahbaik dengan penggunaan kod QR semasa pendaftaran penerima APC pada tahun 2022. Penambahbaikan ini dapat meningkatkan kelancaran pengurusan majlis APC pada masa tersebut.
10.	iJejak.jkn.ns Sistem iJejak (iJejak - 2014)	Merekodkan maklumat ibu semasa mengandung, maklumat kelahiran anak dan suntikan measles 9 dan 12 bulan bagi tujuan mengurangkan kadar kematian ibu dan *home visit* selepas bersalin serta menjana pelbagai laporan termasuk laporan remaja hamil.	Status : Aktif	Sebanyak 13,236 transaksi merekodkan kelahiran dan maklumat ibu semasa mengandung dilakukan sepanjang tahun 2022.
11.	eborangv2.jkn.ns Sistem Borang MaklumBalas (eMaklumbalas - 2015)	Pengguna sistem *in-house* merekod aduan dan maklumbalas. Mempercepatkan proses memberi maklumbalas penyelesaian kepada sebarang permasalahan pengguna sistem.	Status : Aktif	Sistem ini dihentikan penggunaan pada tahun 2022 kerana menggunapakai satu medium untuk aduan sahaja iaitu Sistem eMaintenance.
12.	eThalassemia.jkn.ns Sistem Elektronik Kesihatan *Thalassemia (eThalassemia - 2015)*	Memudahkan untuk membuat analisis bilangan pesakit Thalassemia di Negeri Sembilan.	Status : Aktif	Sebanyak 615 pendaftaran sepanjang tahun 2022.

UNIT OPERASI TEKNIKAL DAN PUSAT DATA

Bil.	Tugas	Penerangan	Pengguna	Pencapaian
1.	Pembaikan Komputer Berpusat	Membuat pembaikan peralatan ICT yang rosak.	255 pembaikan peralatan komputer.	Semua pembaikan dan penyelengaraan peralatan ICT yang melibatkan kos penyelenggaraan.
2.	Rangkaian MyGovNet	Menyelia dan memantau rangkaian dan talian internet rasmi kerajaan untuk penggunaan internet dan akses kepada sistem-sistem rasmi kerajaan.	Semua pengguna dari 173 fasiliti kesihatan yang menggunakan perkhidmatan MyGovNet.	100% capaian Internet ke semua fasiliti yang disambung pada MyGovNet.
3.	Projek KKM	Penyelia projek peringkat negeri untuk semua projek rasmi JKNNS yang berkaitan peralatan, rangkaian dan sistem ICT.	• Perpindahan KK Lenggeng ke bangunan baru • Pengubahsuaian KK Palong 4,5,6 • Menyelenggara rangkaian di PKD Tampin • Pemasangan rangkaian tambahan bagi 3 *Fever Centre*	Sistem telah digunakan sepenuhnya di fasiliti-fasiliti kesihatan.

TADBIR URUS ICT

Bil.	Tugas	Penerangan	Pencapaian	Output
1.	Latihan	Menganjurkan latihan untuk pegawai ICT bagi pemantapan kemahiran *programming* pegawai.	• Pelaksanaan Bengkel Pembangunan Laporan, Statistik dan Deployment Server bagi system-sistem Aplikasi di JKNNS menggunakan Laravel 8 pada 27 Jun - 1 Julai 2022 di Bilik Mesyuarat ICT, JKNNS.	Membantu pegawai dalam membangunkan pelbagai sistem *in-house*
2.	Elektronic Medical Record (EMR)	EMR terdiri daripada Sistem Health Information Record (HIE), Teleprimary Care and Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS), Virtual Clinic (VC) dan Hospital Information System (HIS) yang menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri perintis. Pada tahun 2022, KKM telah melaksanakan Sistem Health Information Exchange (HIE) untuk hospital dan klinik kesihatan bagi kluster Kuala Pilah di Negeri Sembilan, Kementerian Kesihatan Malaysia.	• **Pelaksanaan HIE bagi kluster Kuala Pilah iaitu:** **Hospital** Hospital Kuala Pilah Hospital Jempol Hospital Tampin **Klinik Kesihatan** Klinik Kesihatan Seri Menanti Klinik Terachi Klinik Kesihatan Palong 9,10,11 Klinik Kesihatan Air Kuning Klinik Kesihatan Jelai **Klinik Pergigian** Klinik Pergigian Kuala Pilah Klinik Pergigian Bandar Seri Jempol Klinik Pergigian Tampin	Kemudahan akses kepada maklumat kesihatan oleh pesakit dan pengamal perubatan yang berada di kluster Kuala Pilah.



Bengkel Pembangunan Laporan, Statistik dan Deployment Server bagi sistem-sistem Aplikasi di JKNNS menggunakan Laravel 8



Sijil Penghargaan untuk Peserta yang Mengikuti Bengkel



Lawatan kerja Datuk Muhammad Radzi Abu Hassan, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) ke Klinik Kesihatan Terachi melihat pelaksanaan HIE di fasiliti tersebut



Delegasi Lawatan Kerja HIE KKM ke Hospital Kuala Pilah

KESIMPULAN

Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi, JKNNS berfungsi bagi memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan di jabatan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat. ICT sebagai *'enabler'* yang membantu jabatan meningkatkan mutu perkhidmatan agar segala urusan dijalankan dengan efektif dan efisien dengan adanya infrastruktur, sistem dan rangkaian yang sistematik. Seksyen Teknologi Maklumat dan Komunikasi, JKNNS juga menyediakan kemudahan dan membantu pihak pengurusan memahami sesuatu aspek pengetahuan berkaitan teknologi/sistem yang dapat digunakan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan sesebuah organisasi.

1.8 UNIT PSIKOLOGI

PENGENALAN

Seksyen Psikologi Kaunseling Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan bertanggungjawab memberi perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada semua pegawai yang berkhidmat di ibu pejabat Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan dan seluruh Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawahnya. Fokus perkhidmatan Seksyen adalah dalam skop pembangunan, intervensi, penilaian psikologi dan tinjauan perkhidmatan iaitu akan memfokus kepada proses pencegahan, rawatan dan pemulihan. Perkhidmatan yang diberikan ini bertujuan untuk membantu memberi celik akal dan perkembangan positif kepada warga kesihatan disamping meningkatkan kualiti kesihatan mental yang sihat melalui modul-modul Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam.

VISI

Mewujudkan Perkhidmatan psikologi yang terapeutik dan berintegriti kepada semua individu tanpa prejudis.

MISI

Merancang, mengurus, menyelaras dan menilai perkhidmatan psikologi kaunseling selaras dengan keperluan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam.

OBJEKTIF

i. Membantu organisasi untuk mengekalkan suasana kerja yang harmoni dan produktif.
ii. Membantu penjawat awam untuk mencapai tahap kesihatan fizikal dan psikologi yang optimum.


KAEDAH MENDAPATKAN PERKHIDMATAN KAUNSELING

Sesi kaunseling boleh dijalankan dengan membuat temujanji melalui muat turun borang rujukan di laman sesawang Jabatan, e-mel, telefon, surat atau secara *walk-in* ke Seksyen Psikologi Kaunseling, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Perkhidmatan psikologi kaunseling juga boleh diakses di fasiliti KKM terpilih dan klien boleh mambuat temujanji di Unit Psikologi Kaunseling di fasiliti kesihatan tersebut di seluruh Negeri Sembilan.

PELUASAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DI PERINGKAT PRIMER

Bermula pada Oktober 2020, perkhidmatan kaunseling di Negeri Sembilan diperluaskan ke peringkat komuniti iaitu di peringkat primer selaras dengan peluasan perkhidmatan ini di peringkat nasional melalui pengambilan 200 orang Pegawai Psikologi Kaunseling Lantikan Kontrak *(Contract for Service-CFS).* Seramai sembilan orang Pegawai Psikologi Kaunseling Lantikan Kontrak (CFS) ditempatkan di Negeri Sembilan, iaitu lapan orang di tujuh daerah di Negeri Sembilan dan seorang lagi di Unit Penyakit Tidak Berjangkit (NCD), Bahagian Kesihatan Awam.


Rajah : Kedudukan Penempatan Pegawai Psikologi Kaunseling Lantikan Kontrak di Negeri Sembilan




PENCAPAIAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DI KOMUNITI

Bebanan kerja Pegawai Psikologi di peringkat Primer atau komuniti memang tidak dapat dinafikan agak tinggi terutamanya dalam fasa pandemik Covid-19. Bebanan tersebut dapat dilihat pada statistik di bawah.

Rajah : Statistik Kes Yang Dikendalikan Di Peringkat Primer, 2022



Rajah : Statistik Sesi Yang Dikendalikan Kepada Warga JKNNS, 2022



AKTIVITI PERKHIDMATAN KAUNSELIING, 2022

Penganjuran aktiviti sepanjang tahun 2022 dilaksanakan berdasarkan kepada perancangan melalui Pelan Operasi Latihan (POL) dan juga jangkaan keperluan semasa secara bersasar bagi memastikan impak yang maksima.



Program Makenik Minda (IIAP) JKNNS
Tarikh: 12 April 2022
Medium: Pertemuan Bersemuka



Kempen Derma Darah Anjuran SPsK dan AKRAB JKNNS
Tarikh: Ogos 2021
Medium: Virtual
Penyertaan: 55 orang



Program Hari Bersama Pelanggan
Tarikh: 16 Jun 2022
Medium: Bersemuka
Penyertaan: 80 orang



Program Kesedaran "Bijak Wang" JKNNS
Tarikh: 26 Oktober 2023
Penyertaan: 100 orang

KESIMPULAN

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Seksyen Psikologi Kaunseling Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan merupakan pelengkap kepada sistem sokongan dalam pembangunan manusia sama ada di kalangan warga JKNNS mahupun komuniti di segenap Negeri Sembilan ini. Kepentingan perkhidmatan dalam kesihatan mental seperti ini perlulah diberikan kepentingan dalam memastikan masyarakat berada dalam kualiti kehidupan (kualiti kesihatan mental) yang terbaik dan optima. Implikasi besar yang membimbangkan memaparkan bahawa lonjakan isu-isu kesihatan mental dalam kalangan masyarakat merupakan satu perihal membimbangkan. Oleh itu, Seksyen Psikologi Kaunseling yang menerajui perkhidmatan psikologi dan kaunseling yang ditawarkan oleh Pegawai-Pegawai Psikologi atau kaunselor yang profesional sentiasa komited menawarkan perkhidmatan pencegahan, interensi dan pemulian secara efisien dan optima meskipun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran. Diharapkan masyarakat dan warga kerja JKNNS menggunakan sepenuhnya kemudahan sokongan yang disediakan ini dengan sebaiknya.

1.9 UNIT KEJURURAWATAN

PENGENALAN

Bahagian Kejururawatan adalah bahagian yang bertanggungjawab dalam perkhidmatan kejururawatan merangkumi perkhidmatan pesakit dalam dan luar di Hospital dan Kesihatan Awam di Negeri Sembilan. Berperanan dalam merancang, menyelaras aktiviti, mengawal selia, menilai mutu serta memberi pengukuhan berkaitan keberkesanan penjagaan dan perkhidmatan yang diberi. Menjalankan penilaian dari masa ke semasa untuk mengekalkan mutu serta memastikan kepatuhan kepada piawaian seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan.

VISI

Bersama-sama menggembeleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik melalui kecemerlangan profesionalisma kejururawatan.

MISI

Meningkatkan pengetahuan dan inovasi serta mendidik mentaliti kelas pertama. Memajukan profesion kejururawatan ke tahap optimum. Mengurus isu kejururawatan secara konstruktif dan produktif. Menambahbaik dan mengekal piawaian kualiti perkhidmatan kejururawatan. Meningkat serta mengukuhkan mekanisma implementasi dan pemantauan perkhidmatan kejururawatan.

OBJEKTIF

Menyediakan Jururawat yang proaktif dan kompeten dalam perawatan pesakit. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kejururawatan yang menjurus kepada kepuasan pelanggan dan *Customer's Delight*. Memperkasakan penyeliaan dan pemantauan berkesan ke atas kualiti perkhidmatan kejururawatan.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT KEJURURAWATAN, 2022

1. PERJAWATAN KEJURURAWATAN

Keperluan sumber manusia memainkan peranan yang amat penting dalam mencapai tujuan dan matlamat organisasi. Pengurusan sumber manusia yang cekap dan berkesan akan menghasilkan individu yang berkualiti dan produktif. Pengisian sumber manusia juga akan turut menyumbang ke arah membentuk organisasi yang berjalan lancar dan berdaya saing.

Sejak 1 April 2022, negara ini telah berada dalam fasa peralihan ke endemik, susulan keberkesanan tindakan pencegahan dan kawalan Kesihatan Awam. Peralihan fasa ini dapat kita nikmati berikutan kejayaan program vaksinasi Covid-19 di seluruh negara. Peranan jururawat sangat penting iaitu mereka turut bertungkus-lumus dan bergiat aktif dalam program vaksinasi semasa negara berperang dengan pandemik Covid-19 tersebut. Bagi tahun 2022 status pengisian perjawatan jururawat di Negeri Sembilan menghampiri 98%. Namun begitu isu kekurangan jururawat masih berlaku dan tidak dapat dielakkan, berikutan kemajuan perkembangan dalam teknologi kesihatan dalam negara kita yang sangat memerlukan khidmat serta kepakaran kejururawatan. Program lantikan Jururawat kontrak adalah sangat membantu mengatasi kekurangan ini. Seramai 102 orang jururawat kontrak dilantik untuk berkhidmat di Negeri Sembilan dan agihan mengikut keperluan di seluruh negeri ini termasuk di Kesihatan Awam.


Jadual 1.1 : Penyata Perjawatan dan Jumlah Pengisian Kejururawatan sehingga Oktober 2022

Jawatan / Gred	Jumlah Jawatan 2022	Jumlah Pengisian 2022
Gred U44	3	3
Gred U41 / U42 / U44	44	41
Gred U36	65	64
Gred U32	292	273
Gred U29 / KUP U32	2,439	2,420
Gred JM U26	16	16
Gred JM U24	151	145
Gred JM U19	737	628
Jururawat Kontrak Gred U29		102

Jadual 1.2 : Peratusan Perbandingan Pengisian Jururawat, 2021 sehingga Oktober 2022

Jawatan / Gred	2021	2022
U44	100%	100%
Flexi U41 / 42 / 44	89%	93 %
U36	82%	98%
U32	96%	93%
U29	99%	99%
U26	100%	100%
U24	87%	90%
U19	86%	85%

Graf 1.3 : Perbandingan Pengisian Sumber Manusia Mengikut Gred, 2021 - 2022



Graf di atas menunjukkan perbandingan pengisian sumber manusia bagi perjawatan anggota kejururawatan bagi tahun 2021 dan 2022. Secara keseluruhan peratusan pengisian menunjukkan peningkatan dan sedikit penurunan pada gred U32. Penurunan ini adalah berikutan kesan daripada beberapa anggota yang telah bersara serta pertambahan perjawatan yang masih belum diisi sepenuhnya. Bagi gred U19, masih menunjukkan penurunan disebabkan berlakunya kenaikan pangkat ke gred U24, jururawat berpindah keluar serta tiada lagi pengambilan bagi jawatan Jururawat Masyarakat buat masa sekarang.

2. LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Unit kejururawatan telah menilai dan mengenalpasti keperluan kursus untuk semua kategori jururawat dan merancang serta melaksanakan mengikut peruntukan yang dimohon seperti yang disenaraikan. Pelbagai latihan dilaksanakan sama ada di peringkat hospital/daerah dan juga peringkat Jabatan Kesihatan Negeri.

Pada tahun 2022, sebanyak 50% sahaja kursus dan latihan dijalankan di peringkat JKNNS mengikut jadual ditetapkan daripada empat kursus yang dirancang. Ini berikutan kekangan kewangan di peringkat jabatan. Unit Kejururawatan akan terus berusaha mengadakan kursus-kursus yang dirancang mengikut garis panduan ditetapkan untuk tahun hadapan.


3. PROGRAM PEMENTORAN

Program pementoran diperkenalkan pada tahun 2006. Pementoran adalah satu pendekatan dalam memberi bimbingan, sokongan dan bantuan secara professional bagi meningkatkan pembangunan dan kompetensi anggota yang baru dilantik. Program ini membantu jururawat lantikan baru yang ditempatkan di hospital dan pusat kesihatan serta menyediakan jururawat dari *novice* ke *advance beginner.*

Program ini bermula dengan orientasi kepada anggota baru di Jabatan Kesihatan Negeri, di peringkat Hospital / PKD dan juga di peringkat unit. Sepanjang tahun 2022, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan menerima seramai 41 orang Jururawat U29 lantikan tetap, lantikan kontrak dan lantikan PSL iaitu antara bulan Januari hingga Oktober 2022, yang menamatkan latihan daripada Institusi KKM dan juga swasta. Keseluruhan 100% berjaya menamatkan program pementoran yang dilaksanakan.

Graf 3.1 menunjukkan bilangan mentee yang berjaya menamatkan program pementoran dari Hospital dan Kesihatan Awam di Negeri Sembilan pada tahun 2022.

Graf 3.1 : **Bilangan Mentee Berjaya Menamatkan Program Pementoran, 2022**




	Lantikan Tetap	Lantikan Kontrak	Lantikan PSL
Hospital	26	4	1
Kesihatan Awam	8	2	0


4. PENGURUSAN ADUAN KEJURURAWATAN JKNNS

Kepuasan pelanggan selain melaksanakan kajian turut melaksanakan penganalisaan aduan yang diterima sepanjang tahun. Seperti yang ditunjukkan dalam graf di bawah sepanjang tahun 2017-2022 menunjukkan penurunan jumlah aduan di hospital dan di Kesihatan Awam. Unit ini akan memperkasakan lagi usaha-usaha ke arah penambahbaikan lebih berkesan. Graf di bawah menunjukkan trend pengurangan pada prestasi kes aduan sepanjang tahun 2017 sehingga 2022 di fasiliti hospital dan di fasiliti kesihatan.

Graf 4.1 : Jumlah Aduan Kejururawatan Di Fasiliti Hospital, 2017 - 2022



Graf 4.2 : Jumlah Aduan Dari Unit Kejururawatan Di Fasiliti Kesihatan Awam, 2017 - 2022



KESIMPULAN

Secara keseluruhannya tahun 2022 walau masih di dalam fasa peralihan endemik namun kita telah dapat menunjukan pencapaian yang positif dan sangat membanggakan pada kebanyakan sistem penyampaian dari sudut perkhidmatan kejururawatan. Slogan budaya korporat iaitu kerja berpasukan, profesionalisma dan sikap penyayang yang diamalkan oleh setiap jururawat akan sentiasa menjadi amalan di samping meningkatkan ilmu pengetahuan yang pelbagai, sentiasa kompeten, bersikap positif, kreatif dan inovatif merupakan elemen utama peningkatan perkhidmatan kejururawatan. Kami akan berusaha kuat dan sentiasa bersemangat untuk meningkatkan lagi kualiti dalam perkhidmatan kita. Perawatan dan perkhidmatan kesihatan oleh jururawat srikandi terbilang di Negeri Sembilan akan kami teruskan dengan penuh komited dan penuh kasih sayang agar prestasi perkhidmatan kejururawatan dapat dirasai oleh *stake holder* dan juga masyarakat di Negeri Sembilan keseluruhannya.

1.10 UNIT PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Penolong Pegawai Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan ditubuhkan pada bulan Oktober 2014, selaras dengan kehendak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui surat KKM-87/A5/1/5/0(14) Jld. 2 bertarikh 23 Januari 2014. Unit PPP adalah bertanggungjawab pada Pengurusan dan Perkhidmatan profesion Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan di Negeri Sembilan.

Unit Penolong Pegawai Perubatan ini terdiri dari Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (Pengurusan) dan Timbalan Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri (Kesihatan Awam). Asas di dalam pengoperasian unit ini dibantu oleh Bahagian Perubatan dan Bahagian Kesihatan Awam.

OBJEKTIF

- Menguruskan sumber manusia di bawah kawalan dengan cekap, efektif dan mengoptimakan bilangan anggota di sebuah hospital/pejabat daerah mengikut kepentingan perkhidmatan.

- Menyediakan Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan yang kompeten di dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pesakit/pelanggan sepanjang masa.

- Meningkatkan kualiti perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan di dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti sepanjang masa.

MISI

Melestarikan perkhidmatan profesion Penolong Pegawai Perubatan yang berkualiti untuk merealisasikan aspirasi Kementerian Kesihatan Malaysia.

1. Meningkatkan peluang pendidikan bertaraf ijazah serta latihan pengkhususan.
2. Memantapkan fungsi dalam bidang Perkhidmatan Penjagaan Pra Hospital dan Ambulans, Kecemasan, bidang-bidang pengkhususan serta Kesihatan Primer.
3. Meningkatkan imej profesion dengan penerapan konsep 3D *(Discipline, Documentation, Development)*.

VISI

Menjadikan pasukan sokongan perubatan yang kompeten, komited dan berdedikasi dengan sentiasa mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit dan keluarga pesakit secara berterusan.


PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT, 2022

1. PERJAWATAN


1.1 Perjawatan Penolong Pegawai Perubatan (PPP)

Jumlah perjawatan Penolong Pegawai Perubatan di Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan adalah seramai 906 orang. Daripada jumlah perjawatan tersebut, sebanyak 869 perjawatan telah diisi iaitu 93.4% **(Graf 1)**. Daripada jumlah ini, sebanyak 46% adalah di Kesihatan Awam dan 54% di hospital **(Graf 2)**.

Graf 1 : Pengisian Perjawatan Penolong Pegawai Perubatan (PPP)




Graf 2 : Pembahagian Perjawatan



1.2. PENCAPAIAN POSBASIK PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Jumlah Penolong Pegawai Perubatan yang mempunyai posbasik di Negeri Sembilan adalah sebanyak 41.4% di pelbagai disiplin. Daripada jumlah ini, sebanyak 38% di Kesihatan Awam dan 62% di Perubatan.

Rajah 2 : Pencapaian Posbasik Penolong Pegawai Perubatan



2. PROGRAM PENEMPATAN WAJIB

Program Penempatan Wajib ini dilaksanakan bagi semua Penolong Pegawai Perubatan lantikan baharu Kementerian Kesihatan Malaysia selama 6 bulan di Jabatan Kecemasan dan Trauma di hospital berpakar yang dikenalpasti. Aktiviti Program Penempatan ini dilaksanakan secara berstruktur seperti garis panduan ditetapkan. Arahan pelaksanaan Program Penempatan Wajib adalah selaras dengan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.10/2007 bertarikh 27 Disember 2007. Program ini diletakkan di bawah Ketua Penolong Pegawai Perubatan Negeri sebagai Penyelaras Negeri dibantu oleh Ketua Penyelia Jabatan Kecemasan dan jawatankuasa program yang dilantik.

Objektif program adalah seperti berikut :

1. Memberi pendedahan awal dalam aspek komunikasi yang lebih berkesan supaya dapat menyesuaikan diri sebelum bertugas secara bersendirian.
2. Memantapkan kemahiran klinikal bagi menghadapi situasi kritikal dan membuat keputusan dengan bijaksana.
3. Memberi pendedahan latihan praktikal yang lebih sistematik mengikut *'standard operating procedure'* yang ditetapkan.

Di akhir penempatan, peserta-peserta Program Penempatan Wajib akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian yang ditubuhkan untuk memastikan tahap kompetensi dan layak untuk penempatan kedua di fasiliti-fasiliti kesihatan yang akan ditetapkan.

Di Negeri Sembilan, Program Penempatan Wajib Penolong Pegawai Perubatan dijalankan di Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah dan Hospital Port Dickson. Tiga buah hospital berpakar ini menjadi nadi penggerak kepada Program Penempatan Wajib yang dijalankan. Sepanjang tahun 2022, program penempatan wajib disambung semula setelah ditangguhkan pada tahun 2021 disebabkan peningkatan kes-kes Covid-19, iaitu PPP yang mengikuti PPW telah dimobilisasikan untuk memenuhi keperluan menangani kes-kes Covid-19 di dalam dan luar Negeri Sembilan. Pada tahun 2022, dua kumpulan tamat menjalani Program Penempatan Wajib.

3. Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)

3.1 Bermula tahun 2015, Profesion Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) di Kementerian Kesihatan Malaysia diletak di bawah tanggungjawab Unit Penolong Pegawai Perubatan.

3.2 Pengisian Perjawatan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK)
Jumlah perjawatan Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) di Negeri Sembilan adalah seramai 1,467 orang. Daripada jumlah perjawatan tersebut, sebanyak 1,401 perjawatan diisi iaitu 95.5%. Daripada jumlah ini, sebanyak 94.7% adalah di Hospital dan 97.5% di Kesihatan Awam serta 97.6% di Pergigian.

Bil.	Bahagian	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	Peratusan Pengisian
1.	Perubatan (Hospital)	1,066	1,010	56	94.7%
2.	Kesihatan Awam	279	272	7	97.5%
3.	Pergigian	123	120	3	97.6%
	Jumlah	**1,467**	**1,401**	**66**	**95.5%**

3.3 Latihan Peningkatan Pembantu Perawatan Kesihatan (LPPPK) Tahap I, 2022

Bil.	Bahagian	Tahap II	Tahap II
1.	Perubatan (Hospital)	766	660
2.	Kesihatan Awam	229	222
3.	Pergigian	97	56

4. KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Unit Penolong Pegawai Perubatan menjalankan pemantauan pencapaian ke atas KPI yang ditetapkan untuk Penolong Pegawai Perubatan iaitu:

4.1 Respon panggilan ambulan kurang 5 minit untuk semua hospital.
4.2 *Inappropriate Triaging (Under Triaging)* - Peratusan Jumlah kes Kritikal (Merah) di triage ke Zon Tidak Kritikal (Hijau).
4.3 *Peak Expiratory Flow Rate* (PEFR) implementation for Asthma Patients in Asthma Bay by AMO.
4.4 Peratusan Penolong Pegawai Perubatan Dengan Kelayakan *Post Basic* atau Latihan Lanjutan Ditempatkan Mengikut Bidang Pengkhususan. KPI peratusan Penolong Pegawai Perubatan dengan kelayakan *post basic* atau latihan lanjutan ditempatkan mengikut bidang pengkhususan ditetapkan pada 28 Disember 2021. Pencapaian peratusan Penolong Pegawai Perubatan dengan kelayakan *post basic* atau latihan lanjutan ditempatkan mengikut bidang pengkhususan adalah 77.33%.

Keseluruhan Tahun 2022

PTJ	KPI 1 : Undertriage		Peratus	KPI 2 : Ambulance Prep		Peratus	KPI 3 : PEFR Asthma		Peratus %
	Nume.	Denom.		Nume.	Denom.		Nume.	Denom.	
HTJ	0	0	0.00	10,563	11,265	93.77	0	0	0.00
HTAN	11	20,278	0.05	932	947	98.42	0	0	0.00
Hospital Port Dickson	0	48,384	0.00	1,999	2,100	95.19	0	0	0.00
Hospital Tampin	0	22,822	0.00	794	801	99.13	214	262	81.68
Hospital Jempol	0	12,357	0.00	542	571	94.92	1,018	1,084	93.91
Hospital Jelebu	4	11,682	0.03	419	419	100.00	187	187	100.00
Hospital Rembau	10	19,865	0.05	612	618	99.03	677	752	90.03
Jumlah	**25**	**135,388**	**0.02**	**15,861**	**16,721**	**97.21**	**2,096**	**2,285**	**52.23**

KESIMPULAN

Pada tahun 2022, fokus Unit Penolong Pegawai Perubatan Negeri adalah memberikan penumpuan kepada peningkatan peranan penyeliaan klinikal di kalangan Penolong Pegawai Perubatan. Pengurusan sumber manusia dan penyelarasan menjadi agenda utama ke arah memperkemaskan fungsi dan peranan setiap Penolong Pegawai Perubatan dan juga Pembantu Perawatan Kesihatan di Negeri Sembilan.

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

2.1 UNIT PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM

PENGENALAN

Unit Perkembangan Kesihatan Awam merupakan salah satu unit di bawah Bahagian Kesihatan Awam yang bertanggungjawab dalam merancang, melaksana dan memantau keseluruhan aktiviti di bawah Program Kesihatan Awam. Unit Perkembangan Kesihatan Awam juga merupakan aktiviti penyokong kepada semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam Program Kesihatan Awam iaitu Perkembangan Kesihatan Awam, Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kawalan Penyakit, Promosi Kesihatan, Pemakanan dan Kejuruteraan.

OBJEKTIF UNIT

Objektif unit untuk menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti Bahagian Kesihatan Awam dalam meningkatkan tahap kesihatan yang optima bagi individu, keluarga dan masyarakat.

Merancang, Melaksana dan Memantau:

1. Pengurusan kewangan program Kesihatan Awam.
2. Pengurusan sumber manusia bagi program Kesihatan Awam.
3. Pengurusan keperluan latihan bagi program Kesihatan Awam.
4. Menggalakkan dan memantau inisiatif kualiti dan inovasi dalam program Kesihatan Awam.
5. Menggalakkan dan memantau inisiatif penyelidikan saintifik, teknikal dan pembangunan (R&D) di dalam program Kesihatan Awam.
6. Merancang pembangunan dan perkembangan kepakaran/ subkepakaran kesihatan awam dan kemahiran semua profesion di bawah program Kesihatan Awam.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT

Peruntukan Mengurus

Sebanyak RM28,369,296.29 peruntukan mengurus pada tahun 2022 dan sebanyak RM30,131,490.29 dibelanjakan.

Jadual 1 : Peruntukan Program Kesihatan Awam Negeri Sembilan

Objek Am	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan (%)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus Baki (%)
20000 (Perkhidmatan dan Bekalan)	RM 27,721,961.00	RM 29,566,828.00	106.65%		
30000 (Aset)	RM647,335.29	RM564,662.29	87.2	RM82,673.00	12.8

Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Pada tahun 2022, sebanyak 154 kursus dijalankan dengan menggunakan peruntukan LDP berjumlah RM148,735.00.

Jadual 2 : Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

BAHAGIAN / JABATAN / JKN / HOSPITAL / INSTITUSI	PRESTASI LDP								
	Jumlah Peruntukan Pembangunan RMK-12 (Tahun 2022)	Bilangan Kursus Yang Dirancang	Bilangan Kursus Yang Dianjurkan	Bilangan Pegawai Kumpulan Sokongan Yang Menghadiri Kursus	Bilangan Pegawai Kumpulan P & P Yang Menghadiri Kursus	Jumlah Pegawai Yang Menghadiri Kursus (Keseluruhan)	Perbelanjaan (RM)	Baki Peruntukan (RM)	Peratus %
JABATAN KESIHATAN NEGERI (DALAM NEGARA)									
IBU PEJABAT	RM77,058.00	48	33	926	777	1,703	RM60,646.00	RM16,412.00	78.7
PTJ	RM89,712.00	143	121	3,243	1,152	4,395	RM88.089.00	RM1,623.00	98.2
JUMLAH KESELURUHAN	**RM166,770.00**	**191**	**154**	**4,169**	**1,929**	**6,098**	**RM148,835.00**	**RM18,035.00**	**89.2**

Kedudukan Perjawatan, 2022

Perjawatan Kepakaran

Jadual 3.1 : Perjawatan Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Bil.	PTJ	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bil.	%
1.	JKN Negeri Sembilan (Ibu Pejabat)	10	10	0	0
2.	PKD Seremban	3	3	0	0
3.	PKD Kuala Pilah	1	1	0	0
4.	PKD Port Dickson	2	2	0	0
5.	PKD Jempol	2	2	0	0
6.	PKD Rembau	1	1	0	0
7.	PKD Tampin	2	2	0	0
8.	PKD Jelebu	1	1	0	0
	Jumlah	**22**	**22**	**0**	**0**

Jadual 3.2 : Perjawatan Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga

Bil.	PTJ	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bil.	%
1.	PKD Seremban	11	18	-7	-63.64
2.	PKD Kuala Pilah	1	1	0	0
3.	PKD Port Dickson	1	1	0	0
4.	PKD Jempol	3	2	1	33.33
5.	PKD Rembau	1	1	0	0
6.	PKD Tampin	3	3	0	0
7.	PKD Jelebu	1	1	0	0
	Jumlah	**21**	**27**	**-8**	**-38.10**

Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas)

Jadual 4 : Perjawatan Pengurusan dan Profesional

Bil.	PTJ	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bil.	%
1.	JKN N.Sembilan	43	41	2	4.65
2.	PKD Seremban	378	353	25	6.61
3.	PKD Kuala Pilah	77	73	4	5.19
4.	PKD Port Dickson	99	98	1	1.01
5.	PKD Jempol	102	63	39	38.24
6.	PKD Rembau	49	46	3	6.12
7.	PKD Tampin	106	69	37	55.66
8.	PKD Jelebu	36	24	12	33.33
	Jumlah	**890**	**767**	**123**	**13.82**

Sokongan I (Gred 17 hingga 40)

Bil.	PTJ	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bil.	%
1.	JKN N.Sembilan	71	67	4	5.63
2.	PKD Seremban	805	771	34	4.22
3.	PKD Kuala Pilah	309	276	33	10.68
4.	PKD Port Dickson	298	290	8	2.68
5.	PKD Jempol	373	325	48	12.87
6.	PKD Rembau	172	161	11	6.40
7.	PKD Tampin	281	258	23	8.19
8.	PKD Jelebu	231	209	22	9.52
	Jumlah	**2,540**	**2,357**	**183**	**7.20**

Sokongan II (Gred 1 hingga 16)

Bil.	PTJ	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	
				Bil.	%
1.	JKN N.Sembilan	11	10	1	9.09
2.	PKD Seremban	259	237	22	8.49
3.	PKD Kuala Pilah	129	120	9	6.98
4.	PKD Port Dickson	116	110	6	5.17
5.	PKD Jempol	129	109	20	15.50
6.	PKD Rembau	79	74	5	6.33
7.	PKD Tampin	115	102	13	11.30
8.	PKD Jelebu	80	75	5	6.25
	Jumlah	**918**	**837**	**81**	**8.82**

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, Bahagian Kesihatan Awam membelanjakan peruntukan Belanja Mengurus dan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang diberikan dengan baik. Pada tahun 2022, sebanyak 10.8% dari peruntukan LDP tidak dapat dibelanjakan dan telah dikembalikan. Bagi pengurusan data perjawatan, Bahagian Kesihatan Awam dilaksanakan secara berkala. Data perjawatan dikemaskini mengikut perubahan semasa.

2.2 UNIT KESIHATAN KELUARGA

PENGENALAN

Program Kesihatan Ibu dan Anak bermula sejak tahun 1956 serta mengalami perubahan dan berkembang menjadi Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga pada tahun 1995. Bagi Cawangan Kesihatan Keluarga, perkhidmatan yang diberi adalah komprehensif meliputi semua peringkat umur iaitu mulai lahir hingga ke akhir hayat (*from womb to tomb*).

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia adalah nadi perkhidmatan kesihatan di peringkat kesihatan primer bagi negara ini. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga bertanggungjawab menjalankan dan membangunkan strategi dari pelbagai polisi yang diluluskan untuk dilaksanakan sebagai aktiviti di peringkat individu dan keluarga serta masyarakat.

Bagi Cawangan Kesihatan Keluarga, perkhidmatan yang diberi meliputi skop perkhidmatan terdiri dari Kesihatan Ibu, Kesihatan Bayi dan Kanak-kanak, Kesihatan Remaja dan Sekolah, Kesihatan Dewasa (Wanita) dan Warga Emas, Kesihatan Orang Kurang Upaya (OKU), Program Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 dan terbaru adalah Perkhidmatan Penjagaan Domisiliari dan Paliatif.

VISI

Untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri yang mempunyai individu, keluarga dan masyarakat yang sihat sejahtera serta menikmati kehidupan berkualiti sepanjang hayat melalui pelaksanaan program kesihatan yang profesional, efisien, saksama dan mesra.

MISI

Unit Kesihatan Keluarga di bawah Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan akan melaksanakan program perkhidmatan kesihatan yang merangkumi bidang promosi, pencegahan, perawatan dan pemulihan ke arah peningkatan taraf hidup berkualiti bagi menghasilkan institusi keluarga yang sihat sejahtera bermula dari lahir hingga ke akhir hayat.

OBJEKTIF

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Ibu

Memastikan tahap optima kesihatan ibu melalui:

- Perkhidmatan pra kehamilan kepada kehamilan yang dirancang serta penilaian risiko bagi pelbagai keadaan semasa pra kehamilan.
- Perkhidmatan antenatal kepada ibu hamil sama ada bagi kandungan biasa ataupun kandungan berisiko dalam memastikan kelahiran selamat dalam mengurangkan morbiditi dan mortaliti.
- Perkhidmatan post natal serta mengenalpasti masalah selepas bersalin.

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Bayi dan Kanak-Kanak

Memastikan tahap optima kesihatan kanak-kanak melalui Perkhidmatan Kanak-Kanak 0 - 6 tahun melalui:

- Saringan neonatal seperti G6PD dan serum thyroxine dalam mengesan awal keadaan G6PD dan congenital hypothyroidism dalam kalangan bayi.
- Penilaian perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak serta pengesanan kanak-kanak berkeperluan khas bagi tujuan rujukan dan intervensi awal.
- Perkhidmatan imunisasi di bawah Program Imunisasi Kebangsaan.

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Remaja dan Kesihatan Sekolah

Menggalakkan cara hidup sihat melalui promosi kesihatan dan perkhidmatan kesihatan yang bersesuaian melalui:

- Perkhidmatan kesihatan remaja di klinik dan pemeriksaan kesihatan di sekolah oleh anggota kejururawatan dan Pegawai Perubatan bagi mengesan morbiditi dan masalah penglihatan dalam kalangan murid sekolah.
- Perkhidmatan imunisasi di peringkat sekolah rendah dan menengah.
- Pemberian imunisasi HPV dalam kalangan murid perempuan Tingkatan 1.
- Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 di sekolah.

Objektif Perkhidmatan Kesihatan Wanita

Menyediakan penjagaan kesihatan terhadap wanita dalam mencapai kehidupan berkualiti melalui:

- Perkhidmatan saringan pap smear dan pemeriksaan sendiri / klinikal payudara bagi pengesanan awal kanser serviks dan kanser payudara.
- Perkhidmatan perancang keluarga.
- Aktiviti promosi kesihatan berkaitan wanita dengan penglibatan pelbagai sektor sama ada agensi kerajaan, swasta atau sukarela.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT

i. KESIHATAN IBU

PERKHIDMATAN ANTENATAL

Perkhidmatan pemeriksaan kes antenatal menunjukkan peningkatan kedatangan baru antenatal bagi tahun 2022 berbanding 2021 seperti di **Jadual 1**. Peningkatan jumlah kedatangan kes antenatal dipengaruhi oleh berakhirnya Perintah Kawalan Pergerakan dan wabak Covid-19 yang semakin berkurangan pada tahun 2022.

Jadual 1 : Jumlah Kedatangan Antenatal Baru Mengikut Daerah, 2018 - 2022

Daerah	2018		2019		2020		2021		2022	
	Bil.	% Liputan	Bil.	% Liputan	Bil.	% Liputan	Bil.	% Liputan	Bil.	% Liputan
Jelebu	581	99.8	538	92.4	543	90.7	512	68.6	499	70.5
Jempol	1,769	91.3	1,611	83.1	1,747	87.3	1502	70.4	1529	73.2
Kuala Pilah	1,024	74.7	1,034	75.4	987	69.1	941	72.8	978	76.1
P.Dickson	1,874	83.3	1,871	83.2	1,840	81.9	1767	88.0	1838	92.3
Rembau	749	108.7	750	108.9	724	102.1	693	82.3	700	86.7
Seremban	10,613	84.6	10,194	81.3	10,118	80.8	9425	92.7	9862	99.2
Tampin	1,193	86.6	1,240	90.0	1,204	87.0	1086	72.4	1062	71.8
N.Sembilan	**17,803**	**85.8**	**17,238**	**83.1**	**17,163**	**82.2**	**15,926**	**85.2**	**16,468**	**90.0**

Sumber Data: KIB 201A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

KELAHIRAN SELAMAT

Peratus kelahiran tidak selamat adalah salah satu indikator yang dipantau di bawah pencapaian indikator BPKK. Sasaran kelahiran tidak selamat (%) adalah pada <5%. Untuk tempoh 2018-2022, pencapaian adalah <5% seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2 : Kelahiran Tidak Selamat (%) Mengikut Daerah, 2018 - 2022 (Sasaran ≤5%)

Daerah	2018			2019			2020			2021			2022		
	Kelahiran Berdaftar	Jumlah Kelahiran Tidak Selamat	%	Kelahiran Berdaftar	Jumlah Kelahiran Tidak Selamat	%	Kelahiran Berdaftar	Jumlah Kelahiran Tidak Selamat	%	Kelahiran Berdaftar	Jumlah Kelahiran Tidak Selamat	%	Kelahiran Berdaftar	Jumlah Kelahiran Tidak Selamat	%
Jelebu	566	1	0.2	550	1	0.2	534	1	0.2	511	0	-	503	0	0.0
Jempol	1,673	2	0.1	1,514	3	0.2	1,571	3	0.2	1,484	0	-	1,339	4	0.3
K.Pilah	960	1	0.1	848	1	0.1	918	1	0.1	836	3	0.3	814	1	0.1
P.Dickson	1,834	2	0.1	1,793	0	-	1,842	0	-	1,742	3	0.2	1,788	2	0.1
Rembau	737	0	-	660	2	0.3	663	2	0.3	687	0	-	648	0	0.0
Seremban	9,963	6	0.1	9,388	5	0.1	9,556	5	0.1	9,255	3	0.0	8,846	3	0.0
Tampin	1,247	0	-	1,195	2	0.2	1,157	0	-	1,123	2	0.2	993	1	0.1
N.Sembilan	**16,980**	**12**	**0.1**	**15,948**	**14**	**0.1**	**16,241**	**12**	**0.1**	**15,638**	**11**	**0.1**	**14,931**	**11**	**0.1**

Sumber Data : KIB 202A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PENJAGAAN LEPAS BERSALIN (POSTNATAL)

Jumlah lawatan ke rumah selepas bersalin (postnatal) menunjukkan penurunan bagi tahun 2022. Walau bagaimanapun purata lawatan bagi tahun 2018-2022 adalah pada jumlah lawatan optima seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3 : Bilangan dan Purata Lawatan Postnatal

Lawatan Postnatal	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah Lawatan Postnatal	174,091	164,959	159,545	145,530	128,471
Purata Lawatan Ke Rumah	9.3	9.3	9.1	9.4	8.3

Sumber Data : KIB 206A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Keperluan bilangan lawatan optima kes sepanjang tempoh postnatal adalah sebanyak sembilan kali. Penjagaan postnatal berdasarkan konsep *Personalised Care* sentiasa diperkukuhkan bagi memastikan liputan perkhidmatan kepada semua ibu postnatal.

Purata perbandingan 2021 dan 2022 mengikut daerah menunjukkan pencapaian lawatan optima kecuali Daerah Seremban iaitu sebanyak tujuh kali berbanding lapan kali lawatan dalam **Jadual 4**.

Jadual 4 : Bilangan Dan Purata Lawatan Postnatal Mengikut Daerah

Daerah	Jumlah Lawatan					Purata Lawatan				
	2018	2019	2020	2021	2022	2018	2019	2020	2021	2022
Jelebu	7,775	7,023	6,954	6,154	5,419	11.5	11.4	12.1	10.6	9.3
Jempol	27,743	26,487	24,441	22,113	18,658	10.2	10.2	9.8	10.9	10.0
Kuala Pilah	14,056	13,807	13,322	12,026	10,644	10.9	11.7	10.5	10.8	10.8
Port Dickson	18,125	16,009	17,721	17,981	14,238	9.3	9.3	10.0	10.9	9.1
Rembau	9,342	9,120	9,010	8,396	7,975	11.0	11.7	13.6	12.1	11.0
Seremban	80,670	76,512	74,782	65,970	60,233	8.4	8.3	8.1	8.2	7.0
Tampin	16,380	16,001	13,315	12,890	11,304	9.3	10.0	8.4	9.0	8.9
N.Sembilan	**174,091**	**164,959**	**159,545**	**145,530**	**128,471**	**9.3**	**9.3**	**9.1**	**9.4**	**8.3**

Sumber Data: KIB 206A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

II. KESIHATAN KANAK-KANAK

SARINGAN ENZIM G6PD

Pada tahun 2022, bilangan kes G6PD yang dikesan adalah 139 kes dari 13,584 jumlah bayi yang disaring G6PD berbanding 156 kes pada tahun 2021. Peratus (%) G6PD dikesan dari kelahiran hidup bagi tahun 2022 adalah 1.0% berbanding 1.1% pada tahun 2021 pada **Jadual 5**. Maklumat bilangan disaring G6PD di bawah Sistem HMIS adalah bagi fasiliti kerajaan dan tidak termasuk bilangan yang disaring di bawah fasiliti swasta. Bagi tempoh 2018 hingga 2022, peratus bayi dikesan G6PD di Negeri Sembilan adalah pada <2%.

Jadual 5 : Bilangan, Peratus (%) Disaring dan Dikesan G6PD, 2017 - 2021

Tahun	Kelahiran*	Bil. Kelahiran Hidup Fasiliti Kerajaan	Bil. Disaring G6PD**	% Disaring G6PD	Bil. Dikesan G6PD	% G6PD Dikesan
2018	16,980	15,643	15,642	99.9	161	1.0
2019	15,948	14,583	14,525	99.6	139	0.9
2020	16,241	14,675	14,771	100.7	141	1.0
2021	15,638	13,951	13,950	99.9	156	1.1
2022	14,931	13,582	13,584	100.0	139	1.0

Sumber Data: KIB 202A KIB 203A KIB 205A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
*Kelahiran di semua fasiliti kerajaan dan swasta **Maklumat bilangan saringan di fasiliti kerajaan sahaja.

SARINGAN CONGENITAL HYPOTHYROIDISM

Saringan *Congenital Hypothyroidism* merupakan Program Saringan Neonatal Kebangsaan yang memerlukan saringan dan rawatan dalam tempoh 14 hari apabila bayi baru lahir dikesan dengan abnormal paras TSH. Objektif rawatan awal untuk mengurangkan kesan *mental disability* perkembangan kanak-kanak. Sasaran rawatan adalah 100% dirawat dalam tempoh 14 hari setelah dikesan Congenital Hypothyroidism (CH).

Jadual 6 : Bilangan Congenital Hypothyroidism Dikesan dan Dirawat, 2018 - 2022

Bilangan Kes	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. kes dikesan CH	10	5	6	1	5
Bil. kes dirawat dalam tempoh 14 hari	10	5	6	1	5

Sumber Data: Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PEMERIKSAAN KANAK-KANAK 0 - 6 TAHUN

Pemeriksaan kanak-kanak bagi semua kategori umur tidak mencapai bilangan pemeriksaan optima bagi tahun 2022. Liputan peratus (%) pemeriksaan kanak-kanak mengikut kategori umur kategori 0-1 tahun, 1-4 tahun dan 5-6 tahun masing-masing adalah 72.7%, 51.8% dan 18.7% seperti di **Jadual 7**. Trend kedatangan kanak-kanak berumur 0 - <1 tahun menunjukkan trend menurun dari tahun 2018-2022 agak membimbangkan kerana berkait dengan liputan imunisasi kanak-kanak. Trend ini bukan sahaja berlaku di Negeri Sembilan malah di peringkat kebangsaan.

Purata dan bilangan kedatangan ini boleh ditingkatkan lagi melalui pemeriksaan mengikut kumpulan umur bagi tujuan keperluan imunisasi, penilaian pertumbuhan dan perkembangan serta pengesanan ketidakupayaan seperti masalah penglihatan dan autism (pemeriksaan M-CHAT).

Pendekatan *Personalised Care* bagi setiap Klinik Kesihatan dan Klinik Desa di semua daerah sentiasa dipertingkatkan dalam memastikan liputan pemeriksaan dan bilangan lawatan bayi/kanak-kanak mengikut kategori umur dapat dicapai.

Jadual 7 : Bilangan, Purata Pemeriksaan dan Liputan (%) Kedatangan Mengikut Kategori Umur

Tahun	Jenis Kedatangan	Kumpulan Umur					
		0 - <1 tahun	Liputan (%) Sasaran : 75%	1 - 4 tahun	Liputan (%) Sasaran : 52%	5 - 6 tahun	Liputan (%) Sasaran : 20%
2018	Baru	22,590	95.4 (22,590/23,683)	39,661	56.8 (39,661/69,800)	7,563	22.8 (7,563/33,200)
	Ulangan	140,571		99,647		6,724	
	Jumlah	163,161		132,941		12,621	
	Purata	7.2		4.0		2.1	
2019	Baru	21,461	90.6 (21,461/23,683)	40,921	58.6 (40,921/69,800)	7,245	21.8 (7,245/33,200)
	Ulangan	147,770		116,045		7,997	
	Jumlah	169,231		156,966		15,242	
	Purata	7.9		3.8		2.1	
2020	Baru	0,653	87.0 (20,653/23,733)	35,214	51.0 (35,214/69,000)	5,909	17.7 (5,909/33,300)
	Ulangan	119,703		79,909		5,497	
	Jumlah	140,356		115,123		11,406	
	Purata	6.8		3.3		2.0	
2021	Baru	17,514	73.8 (17,514/23,733)	31,377	47.4 (31,377/66,200)	5,217	15.6 (5,217/33,400)
	Ulangan	122,207		74,804		3,456	
	Jumlah	139,721		106,181		8,673	
	Purata	8.0		3.4		1.7	
2022	Baru	16,419		36,187	51.8	6,688	18.7
	Ulangan	113,291		76,168		6,158	
	Jumlah	129,710		112,355		12,846	
	Purata	8		3		2	

Sumber Data: KKK 201A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Nota: Jumlah pemeriksaan 0 - <1 tahun - 9 kali; 1 - 4 tahun - 6 kali; 5 - 6 tahun - 3 kali

LIPUTAN IMMUNISASI

Pencapaian liputan imunisasi di bawah Program Imunisasi Kebangsaan agak menurun dan tidak mencapai sasaran >95% bagi beberapa jenis vaksin seperti vaksin DPT/Hib dos 3, Polio, Hep B dos 3 dan Hep B dos 3 seperti di **Jadual 8**. Namun pencapaian bagi vaksin MMR dos 1 yang merupakan KPI PKN dan TPKN (Kesihatan Awam) adalah mencapai sasarannya. Peratus liputan ini diharap dapat dipertingkatkan pada tahun 2023.

Jadual 8 : Liputan Imunisasi

Imunisasi	2018	2019	2020	2021	2022
BCG*	98.2% (18,072/18,398)	95.9% (16,776/17,495)	99.2% (17,247/17,381)	97.0% (16,343/16,850)	99.1% (15,791/15,928)
DPT/ Hib dos 3	103.4% (18,655/18,036)	100.1% (18,096/18,078)	100.5% (18,275/18,177)	95.4% (16,601/17,402)	93.1 % (15,919/17,094)
Polio	103.4% (18,655/18,036)	100.1% (18,096/18,078)	100.5% (18,275/18,177)	95.4% (16,601/17,402)	93.1 % (15,919/17,094)
Hep. B dos 3	101.6% (18,321/18,036)	98.4% (17,783/18,078)	101.9% (18,530/18,177)	97.8% (17,018/17,402)	93.1 % (15,919/17,094)
MMR dos 1	101.7% (18,346/18,036)	99.8% (18,035/18,078)	97.1% (17,642/18,177)	99.5% (17,323/17,402)	98.8% (16,885/17,094)
MMR dos 2	100.1% (17,723/17,700)	106.0% (17,909/16,900)	107.8% (17,350/16,100)	98.1% (17,169/17,500)	94.7% (16,296/17,200)

Sumber Data: KKK 202A & 203A Unit Kesihatan Keluarga dan *Unit Tibi/Kusta Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Denominator : Anggaran Kelahiran Hidup dan Anggaran Kanak-kanak 1 - 2 tahun, PIK, KKM

Pencapaian liputan peratus (%) imunisasi MMR dos 1 dan dos 2 mengikut daerah bagi tahun 2022 seperti di **Jadual 9**. Daerah yang tidak mencapai 95% bagi dos 1 dan dos 2 adalah daerah Jelebu, Jempol dan Kuala Pilah. Antara sebab pencapaian rendah adalah denominator yang tinggi bagi daerah tersebut.

Pengendalian kes keciciran vaksin dan penolakan vaksin ditekan ke semua daerah untuk diperkukuhkan. Aktiviti pengesanan *defaulter* dan kes tercicir imunisasi MMR sentiasa dipertingkatkan di peringkat Klinik Kesihatan/ Klinik Desa dalam memastikan semua kanak-kanak yang layak mendapat imunisasi.

Jadual 9 : Liputan Imunisasi MMR Mengikut Daerah

MMR	Jelebu	Jempol	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin
Dos 1*	83.3	71.7	93.2	111.1	106.2	102.0	115.2
Dos 2**	77.0	79.0	67.8	109.2	84.1	104.3	80.7

Sumber Data: KKK 203A Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
*Denominator: anggaran kelahiran hidup; **Denominator: anggaran kanak-kanak berumur 1 tahun

KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS

Pengesanan awal ketidakupayaan dalam kalangan kanak-kanak 0-1 tahun merupakan indikator yang dipantau di bawah KPI Pegawai Kesihatan Daerah dan pencapaian indikator Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. Ini merupakan pelaksanaan pengesanan awal (*Early Intervention Program / EIP*) di kalangan kanak-kanak berisiko.

- % Pengesanan Awal Ketidakupayaan dalam Kalangan Kanak-kanak 0-1 Tahun
  Sasaran: 0.12% (Denominator - anggaran lahir hidup)

Bilangan kes baru ketidakupayaan bagi kategori umur 0-1 tahun yang disahkan pada 2022 adalah 29 kes (26.1%) dari keseluruhan 111 kes (0-18 tahun). Pencapaian peratus pengesanan pada 0.2% berbanding anggaran kelahiran hidup (29/17,094).

Bagi semua kategori umur untuk tahun 2022, bilangan kes baru yang menjalani rehabilitasi lebih tinggi di hospital berbanding klinik kesihatan, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti/ Pusat Jagaan Harian dan lain-lain di bawah lain-lain kategori (**Jadual 10**).

Jadual 10 : Bilangan Bayi / Kanak-Kanak Berkeperluan Khas Dikesan

Tahun	Kategori Umur (tahun)	Jumlah Kanak-kanak Berkeperluan Khas Dikesan dan Didaftar	Bilangan Kes Baru Mengikuti Program Rehabilitasi Mengikut Fasiliti			
			Hospital	Klinik Kesihatan	Rumah	*Lain-lain
2018	0 - <1	37	25	5	2	5
	1 - 18	69	21	47	0	1
2019	0 - <1	23	19	3	0	3
	1 - 18	46	20	21	0	1
2020	0 - <1	35	24	5	0	6
	1 - 18	31	25	5	0	1
2021	0 - <1	36	27	5	0	0
	1 - 18	63	47	11	0	1
2022	0 - <1	29	17	8	0	3
	1 - 18	82	23	37	0	0

Sumber Data: KKK 206 Unit Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Setiap kes boleh mempunyai >1 tempat Program Rehabilitasi.
Nota: *Lain-lain termasuk PDK, Sekolah Khas/Kelas Khas, Pusat Jagaan Harian, NGO/Swasta/Tiada rehabilitasi

III. KESIHATAN WANITA

AMALAN PERANCANG KELUARGA

Pengambilan perancang keluarga merupakan salah satu indikator yang dipantau di bawah pencapaian indikator Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. Jumlah penerima baru perancang keluarga bagi tahun 2022 (4,055) menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2021 (3,779) seperti di **Jadual 11**. Mulai tahun 2020, pengumpulan bilangan penerima perancang keluarga hanyalah data dari fasiliti KKM dan swasta sahaja (tidak termasuk data LPPKN dan fasiliti tentera).

Jadual 11 : Bilangan Penerima Baru, Ulangan dan Jumlah Perancang Keluarga Mengikut Daerah

Tahun	Jenis Kedatangan	Daerah							
		Jelebu	Jempol	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jumlah
2018	Baru	151	682	341	594	179	1,842	294	4,083
	Ulangan	5,558	13,124	8,048	6,712	3,304	17,096	7,887	61,729
	Jumlah	**5,709**	**13,806**	**8,389**	**7,306**	**3,483**	**18,938**	**8,181**	**65,812**
2019	Baru	115	662	277	591	183	2,122	319	4,269
	Ulangan	5,313	13,317	7,780	6,811	3,137	17,045	8,310	61,713
	Jumlah	**5,428**	**13,979**	**8,057**	**7,402**	**3,320**	**19,167**	**8,629**	**65,982**
2020	Baru	119	589	346	509	164	2,022	306	4,055
	Ulangan	5,025	12,432	7,321	6,382	3,145	16,800	7,230	58,335

Tahun	Jenis Kedatangan	Daerah							
		Jelebu	Jempol	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jumlah
	Jumlah	**5,144**	**13,021**	**7,667**	**6,891**	**3,309**	**18,822**	**7,536**	**62,390**
2021	Baru	110	531	281	533	146	1,883	295	3,779
	Ulangan	4,923	12,357	6,548	6,024	3,005	17,192	6,796	56,845
	Jumlah	**5,033**	**12,888**	**6,829**	**6,557**	**3,151**	**19,075**	**7,091**	**60,624**
2022	Baru	119	589	346	509	164	2022	306	4,055
	Ulangan	4,909	11,949	7,032	6,116	3,030	16,194	6,956	56,186
	Jumlah	**6,401**	**16,742**	**16,082**	**7,731**	**5,547**	**26,356**	**11,688**	**90,547**

Sumber Data: PKW 201A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PEMERIKSAAN SARINGAN KANSER SERVIKS

Pengambilan saringan kanser serviks di Negeri Sembilan bagi tahun 2022 adalah berdasarkan kaedah pap smear (sitologi) dan saringan melalui kaedah HPV DNA. Kaedah HPV DNA baru diperkenalkan sebagai kaedah saringan pada tahun 2020.

Pada tahun 2022, sebanyak 19,432 saringan secara pap smear (sitologi) dijalankan di kalangan wanita yang mana menunjukkan peningkatan dari tahun 2021 (16,397 saringan). Perincian saringan bagi tahun 2018-2022 adalah seperti **Jadual 12**. Manakala pencapaian bagi saringan secara HPV DNA adalah sebanyak 2,150 pada tahun 2022, berbanding 644 pada tahun 2021 di kalangan wanita berumur 30-65 tahun.

Jadual 12 : Bilangan Pengambilan dan Keputusan Slaid Pap Smear

Slaid Pap Smear	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Slaid Diambil	19,587	22,763	16,669	16,397	19,432
Bil. Slaid Dilapor	19,375	22,438	17,870	16,509	17,138
Bil. Slaid 'Unsatisfactory'	206 (1.0%)	128 (0.6%)	371 (2.1%)	317 (1.9%)	71 (0.4%)
Bil. Normal Smear	18,960 (97.9%)	22,025 (98.1%)	17,232 (96.4%)	15,910 (96.4%)	16,865 (98.4%)
Bil. Abnormal Smear	209 (1.1%)	285 (1.3%)	267 (1.5%)	282 (1.7%)	202 (1.2%)

Sumber Data: PKW 203A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PEMERIKSAAN KLINIKAL PAYUDARA (PKP)

Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) dijalankan sebagai salah satu aktiviti pengesanan awal kanser payudara dalam kalangan wanita. Jumlah PKP yang dijalankan bagi tahun 2022 adalah sebanyak 48,642 berbanding 48,453 pada tahun 2021 (**Jadual 13**). Bagi tahun 2022, data mengikut daerah menunjukkan PKP normal sebanyak 48,491 (99.7%) dengan 151 kes (0.3%) adalah abnormal seperti di **Jadual 14**.

Jadual 13 : Bilangan Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) Mengikut Daerah

Daerah	2018	2019	2020	2021	2022
Jelebu	4,506	3,609	2,759	2,550	2834
Jempol	8,098	8,735	6,025	6,586	6494
Kuala Pilah	10,451	10,795	10,263	8,245	7515
Port Dickson	6,132	5,719	5,152	4,742	4849
Rembau	3,345	4,465	2,310	2,097	2190
Seremban	34,977	28,930	23,182	19,089	19,777
Tampin	6,683	6,363	5,587	5,144	4983
Negeri Sembilan	**74,192**	**68,616**	**55,278**	**48,453**	**48,642**

Sumber Data: PKW 206 1/2010 Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

Jadual 14 : Bilangan Pemeriksaan Klinikal Payudara (PKP) dan Keputusan Mengikut Daerah

Daerah	Pemeriksaan PKP (n = 48,642)			Keputusan PKP	
	<20 thn	20 - 49 thn	≥ 50 thn	Normal	Abnormal
Jelebu	45	1808	981	2833	1
Jempol	84	5113	1297	6474	20
Kuala Pilah	123	6521	871	7494	21
Port Dickson	94	4036	719	4835	14
Rembau	21	1837	332	2174	16
Seremban	183	17,338	2256	19,738	39
Tampin	35	3234	1714	4943	40
Negeri Sembilan	**585**	**39,887**	**8,170**	**48,491**	**151**

Sumber Data: PKW 206 1/2010 Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

IV. PERKHIDMATAN KESIHATAN SEKOLAH

PEMERIKSAAN KESIHATAN MURID SEKOLAH

Peratus pemeriksaan murid–murid (berbanding enrolmen) bagi tahun 2022 oleh Jururawat melebihi 95% kecuali murid Tingkatan 3. Pemeriksaan oleh Pegawai Perubatan menunjukkan peningkatan dalam kalangan murid Tahun 1 dan penurunan bagi murid Pra-Sekolah, Tahun 6 dan Tingkatan 3 (**Jadual 15**).

Jadual 15 : Peratus Liputan Pemeriksaan di Sekolah Mengikut Tahun oleh Jururawat dan Pegawai Perubatan

Tahun	Pemeriksaan oleh Jururawat (%)					Pemeriksaan oleh Doktor (%)				
	2018	2019	2020	2021	2022	2018	2019	2020	2021	2022
Pra-Sekolah	97.2	98.6	94.9	99.0	96.7	17.2	17.9	42.1	79.3	51.3
Tahun 1	99.7	99.7	99.4	89.5	95.6	88.6	90.4	90.9	81.3	87.5
Tahun 6	99.3	99.4	98.7	96.4	97.0	78.5	81.8	68.8	81.1	74.9
Tingkatan 3	99.7	99.7	97.4	89.1	94.7	75.9	85.8	83.5	60.5	72.6

Sumber Data: KSK 201A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

LIPUTAN IMUNISASI MURID SEKOLAH

Pencapaian liputan Program Imunisasi Sekolah bagi tahun 2018-2022 adalah ≥95.0%. Pencapaian 2021 imunisasi MMR/ DT untuk murid Tahun 1 adalah 89.5%, manakala liputan bagi Tetanus Toxoid murid Tingkatan 3 adalah 89.1% (**Jadual 16**), berikutan perintah kawalan pergerakan dan penutupan sekolah pada tahun tersebut.

Jadual 16 : Liputan Imunisasi (%) MMR, Double Antigen (DT) dan Tetanus Toxoid Murid Sekolah

Imunisasi	2018	2019	2020	2021	2022
MMR	99.5% (18,042/18,127)	99.6% (18,574/18,645)	97.7 % (17,986/18,403)	89.5 % (19,056/21,298)	95.8% (21391/22,325)
DT	99.5% (18,042/18,127)	99.6% (18,574/18,645)	97.7% (17,986/18,403)	89.5 % (19,056/21,298)	95.9% (21,419/22,325)
Tetanus Toxoid	99.6% (17,311/17,379)	99.6% (17,439/17,505)	96.9% (16,895/17,431)	89.1 % (11,084/12,435)	97.3% (19,022/19,747)

Sumber Data: KSK 202A Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan

PROGRAM PELALIAN HPV DI SEKOLAH

Di Negeri Sembilan suntikan Pelalian HPV dimulakan pada 20 September 2010. Bermula 2015, dos HPV diberikan sebanyak 2 dos berbanding 3 dos pada tahun 2010-2014.

Bagi tahun 2021, tiada bekalan vaksin HPV diperuntukan oleh KKM, berikutan kekurangan stok vaksin HPV di seluruh dunia. Pemberian vaksin bagi kohot pelajar Tngkatan 1 tahun 2021 menggunakan stok vaksin HPV yang masih berbaki dari tahun 2020. Pada tahun 2022, bekalan stok vaksin yang diperuntukan juga terhad untuk menampung pelajar Tingkatan 1 kohort 2021 yang tercicir suntikan.

PROGRAM SARINGAN TALASEMIA MURID TINGKATAN 4 DI SEKOLAH

Program Saringan Talasemia Murid Tingkatan 4 bermula pada tahun 2016, dijalankan secara sukarela dan di bawah Pasukan Kesihatan Sekolah peringkat daerah. Perbandingan saringan Talasemia mengikut daerah bagi tahun 2021 hingga 2022 seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17 : Perbandingan Saringan Talasemia Mengikut Daerah

Daerah	2021						2022					
	% Kebenaran Jalani Ujian			% Saringan Ujian			% Kebenaran Jalani Ujian			% Saringan Ujian		
	Bil. Kebenaran	Enrolmen	% Kebenaran	Bil. Disaring	Bil. dengan kebenaran	%	Bil. Kebenaran	Enrolmen	% Kebenaran	Bil. Disaring	Bil. dengan Kebenaran	%
Jelebu	568	741	76.7	567	568	99.8	103	758	87.3	103	103	100
Jempol	984	1,784	55.2	965	984	98.1	1,242	1,770	90.6	1,206	1,242	97.1
Kuala Pilah	1,210	1,271	95.2	1,127	1,210	93.1	575	1,191	95.7	515	575	89.6
Port Dickson	1,641	1,944	84.4	1,614	1,641	98.4	1,011	1,865	90.4	1,008	1,011	99.7
Rembau	1,207	1,219	99.0	1,195	1,207	99.0	911	943	99.5	903	911	99.1
Seremban	296	9,332	3.2	288	296	97.3	4,546	8,994	89.9	4,442	4,546	97.7
Tampin	1,210	1,292	93.7	1,205	1,210	99.6	1,268	1,362	93.1	1,249	1,268	98.5
N.Sembilan	**7,116**	**17,583**	**40.5**	**6,961**	**7, 116**	**97.8**	**9,656**	**16,883**	**91.6**	**9,426**	**9,656**	**97.6**

Sumber Data: KSK/ST/101/2016 Unit Kesihatan Keluarga Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan
Pencapaian saringan 2022 berbanding enrolmen bagi Daerah Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Port Dickson, Rembau, Seremban dan Tampin masing-masing adalah pada 100%, 97.1%, 89.6%, 99.7% ,99.1%, 97.7% dan 98.5 %.

V. PERKHIDMATAN KESIHATAN REMAJA

Objektif umum perkhidmatan kesihatan remaja adalah merancang dan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada semua remaja yang merangkumi aspek fizikal, mental, sosial dan spiritual untuk memperkasakan remaja ke arah pengamalan tingkah laku yang sihat. Kategori umur remaja merujuk kepada definisi WHO adalah individu yang berumur 10-19 tahun.

Perkhidmatan kesihatan remaja dilaksanakan di semua klinik kesihatan, namun bagi mengukuhkan perkhidmatan, konsep Perkhidmatan Kesihatan Mesra Remaja (PKMR) mula dilaksanakan pada tahun 2019 di klinik kesihatan terpilih. Klinik kesihatan yang terpilih akan diaudit dan dipantau dengan kriteria tertentu, seterusnya akan dianugerahkan dengan Best Practice PKMR. Di Negeri Sembilan sehingga tahun terkini, 16 klinik terpilih untuk melaksanakan PKMR. Liputan keseluruhan kedatangan kes baru remaja ke klinik kesihatan mengikut daerah 2020-2022 (**Jadual 18**), menunjukkan sedikit peningkatan. Aktiviti promosi dan *outreach* untuk golongan remaja perlu diperkukuhkan memandangkan secara amnya hanya mereka yang mempunyai masalah kesihatan sahaja akan datang ke fasliti kesihatan. Pendekatan secara holistik bagi golongan ini diperlukan.

Jadual 18 : Peratus Liputan Kedatangan Kes Baru Remaja (10 - 19 tahun) Ke Klinik Kesihatan Mengikut Daerah

Daerah	Jumlah Kedatangan Baru Remaja			Anggaran Populasi Remaja		% Pencapaian		
	2020	2021	2022	2020	2021 - 2022	2020	2021	2022
Jelebu	431	497	562	7,100	6,900	6.1	7.2	8.1
Jempol	734	1,038	1,000	21,500	20,900	3.4	5.0	4.8
K.Pilah	914	874	906	12,400	11,900	7.4	7.3	7.6
P.Dickson	917	869	1,086	20,800	20,100	4.4	4.3	5.4
Rembau	739	80	92	8,300	8,000	8.9	1.0	1.2
Seremban	2,844	1,956	6,342	98,500	95,700	2.9	2.0	6.6
Tampin	779	639	656	15,600	14,900	5.0	4.3	4.4
N. Sembilan	**7,358**	**5,953**	**10,644**	**184,200**	**178,400**	**4.0**	**3.3**	**6.0**

VI. KESIHATAN WARGA EMAS DAN ORANG KURANG UPAYA

Malaysia dijangka menjadi negara tua pada 2030, kerana peningkatan jangka hayat penduduk dan penurunan drastik kadar kesuburan. Status negara tua merujuk kepada negara yang mencapai 15% atau lebih daripada jumlah populasi penduduk berumur 60 tahun dan ke atas. Aktiviti Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas sedang diperkukuhkan dengan kerjasama pelbagai agensi di semua peringkat. Pelan Tindakan Kesihatan Warga Emas 2023-2030 dalam proses dimuktamadkan dan dikeluarkan. Perkhidmatan kesihatan warga emas merangkumi perkhidmatan saringan dan pemeriksaan yang disediakan di klinik kesihatan, perkhidmatan jagaan dalam komuniti dan aktiviti promosi kesihatan.

Untuk perkhidmatan kesihatan Orang Kurang Upaya (OKU), Dasar OKU Kebangsaan menjadi asas dalam penyediaan kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU bagi penyertaan penuh dalam masyarakat. Dasar ini mengutamakan nilai hak kemanusian seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi membolehkan mereka hidup berdikari. Tiga strategi yang berkait langsung dengan kesihatan adalah aksesibiliti, saringan awal kanak-kanak, perkhidmatan kesihatan dan pemulihan/rehabilitasi.

Saringan awal di kanak-kanak bagi pengesanan awal masalah ketidakupayaan adalah penting, pengesanan awal *Autism* dan ketidakupayaan lain dijadikan indikator pemantauan di peringkat fasiliti kesihatan primer.

Jadual 19 : Saringan Kanak-Kanak Berumur 18 Bulan Disyaki Autism Mengikut Format M-Chat Mengikut Daerah

Daerah	Bil. Kanak-kanak 18 bulan hadir ke klinik		Bil. Disaring (90% disaring)		Peratus kanak-kanak disyaki Autisme melalui saringan M-CHAT (≥0.16% dari yang disaring)		Bil. Dirujuk	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Jelebu	489	556	489 (100%)	556 (100%)	3 (0.61%)	3 (0.54%)	3	3
Jempol	1,670	1,616	1,670 (100%)	1,616 (100%)	3 (0.18%)	16 (0.99%)	3	16
Kuala Pilah	987	901	987 (100%)	901 (100%)	3 (0.30%)	8 (0.89%)	3	8
Port Dickson	1,820	1751	1,820 (100%)	1,751 (100%)	7 (0.38%)	3 (0.17%)	7	3
Rembau	753	723	753 (100%)	723 (100%)	1 (0.13%)	4 (0.55%)	1	4
Seremban	7,764	7,868	7,764 (100%)	7,868 (100%)	12 (0.15%)	19 (0.24%)	12	19
Tampin	1,110	1,095	1,110 (100%)	1,095 (100%)	9 (0.81%)	10 (0.91%)	9	10
N.Sembilan	**14,593**	**14,510**	**14,593 (100%)**	**14,510 (100%)**	**38 (0.26%)**	**63 (0.43%)**	**38**	**63**

VII. PERKHIDMATAN PERAWATAN DOMISILIARI (PPD) DAN PALIATIF

Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) adalah satu perkhidmatan perawatan holistik yang diberikan kepada kes terlantar yang stabil dan memerlukan kesinambungan penjagaan serta perawatan selepas discaj dari hospital atau rujukan dari klinik kesihatan. Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) di Negeri Sembilan dilaksanakan pada tahun 2015 dengan 10 klinik kesihatan yang mempunyai Pasukan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari. Sehingga tahun 2023, semua daerah mula menyediakan Perkhidmatan Perawatan Domisiliari. Skop Perkhidmatan Perawatan Domisiliari di kesihatan primer diperluaskan dengan elemen Perubatan Paliatif dan dilaksanakan di Negeri Sembilan bermula tahun 2023.

Perkhidmatan PPD bertujuan:

i. Membantu pesakit meneruskan rawatan dan penjagaan di rumah sebagai kesinambungan rawatan selepas discaj dari hospital.
ii. Memberi tunjuk ajar kepada pesakit dan keluarga bagi meningkatkan penjagaan kendiri.
iii. Menggalakkan penyertaan keluarga dan masyarakat dalam pengendalian pesakit terlantar bagi mengurangkan kemasukan semula ke hospital.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan Unit Kesihatan Keluarga merancang dan memantau perkhidmatan kesihatan spesifik dari peringkat sebelum kehamilan sehingga ke peringkat usia warga emas. Pendekatan yang holistik ini sebaiknya dilaksanakan di peringkat fasiliti kesihatan primer secara *Personalised Care* bagi memastikan kesinambungan status kesihatan seseorang individu. Kekuatan sumber, kesediaan infrastuktur dan program kesihatan yang berstruktur adalah elemen penting dalam memberi perkhidmatan kesihatan keluarga yang efektif dan efisien.

2.3 UNIT PRIMER

PENGENALAN

Unit Kesihatan Primer adalah salah satu unit di bawah Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Di peringkat KKM, Cawangan Kesihatan Primer adalah merupakan salah satu dari dua cawangan di bawah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga.

Unit Kesihatan Primer menyediakan perkhidmatan yang komprehensif meliputi semua golongan masyarakat melalui pelbagai fasiliti kesihatan awam statik dan perkhidmatan kesihatan bergerak. Skop perkhidmatan terdiri daripada:

a. Pelaksanaan Polisi Kesihatan Primer
    i. Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Primer
    ii. Perkhidmatan kesihatan di Peringkat Komuniti/ Institusi
    iii. Memperkukuhkan Perkhidmatan pada *Underserved Population*
b. Kualiti Perkhidmatan Primer
c. Perkhidmatan Pra Hospital dan Kecemasan Primer
d. Penjagaan Perubatan Primer
e. Kemudahan Infrastruktur Fasiliti Kesihatan
f. Sokongan Klinikal dan Teknikal
g. Sistem Informatik Primer

Semua jenis perkhidmatan diberi melalui pelbagai fasiliti kesihatan statik yang berjumlah 158 buah fasiliti (KK, KD dan KKOM) atau melalui perkhidmatan bergerak yang berjumlah lapan (8) unit yang diberikan oleh pasukan yang dikenalpasti dari Klinik Kesihatan di kawasan operasi. Sehingga kini purata jumlah kedatangan yang dilihat oleh fasiliti-fasiliti tersebut menjangkau lebih 3 juta setahun (sehingga tahun 2022).

VISI

Ke Arah Individu, Keluarga dan Masyarakat Sihat.

MISI

Menerajui perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Primer di Negeri Sembilan yang dinamik dengan memberi penekanan kepada penyediaan perkhidmatan kesihatan yang bertahap tinggi, professionalisme dan kecemerlangan sejajar dengan isu dan masalah kesihatan semasa.

Objektif Umum

Untuk menyampaikan perkhidmatan primer di peringkat temu pertama ke arah pembentukan komuniti sihat dan kehidupan berkualiti dengan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti-aktivitinya bertujuan memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif.

- Memberi perkhidmatan pesakit luar, promosi kesihatan, rawatan dan rehabilitasi kepada semua lapisan masyarakat pada *first point of contact* melalui pelaksanaan Polisi Penjagaan Kesihatan Primer.
- Menyediakan perkhidmatan sokongan klinikal yang komprehensif.
- Memberi respons kepada kes-kes kecemasan dengan cekap dan efisien.
- Memastikan peningkatan kualiti penjagaan Kesihatan Primer.
- Memastikan infrastruktur fasiliti kesihatan yang memenuhi keperluan perkhidmatan.

- Untuk meningkatkan dan mengukuhkan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem perkhidmatan selaras dengan teknologi digital semasa.

PERANCANGAN INFRASTRUKTUR KLINIK KESIHATAN DI NEGERI SEMBILAN

Untuk perancangan infrastruktur Klinik Kesihatan di Negeri Sembilan, di bawah Rancangan Malaysia ke-11, 4 projek Klinik Kesihatan dalam proses pembangunan iaitu Klinik Kesihatan Palong 7,8 (Jenis 3) bersama kuarters, Klinik Kesihatan Rompin (Jenis 4) dan KK Tampin (Jenis 2). Klinik Kesihatan Lenggeng (Jenis 5) yang mula beroperasi di bangunan baru pada Oktober 2022. Manakala pada RMK12 satu projek klinik baru diluluskan iaitu Klinik Kesihatan Bandar Baru Sri Sendayan (Jenis 2) berserta kuarters.

Jadual 1 : Fasiliti Kesihatan di Negeri Sembilan

Bil.	Daerah	Klinik Kesihatan	Klinik Desa	Klinik Komuniti	Klinik Bergerak
1.	Seremban	14	14	5	1
2.	Kuala Pilah	8	20	1	1
3.	Jempol	7	21	1	2
4.	Tampin	6	11	1	1
5.	Rembau	4	12	1	1
6.	Port Dickson	6	5	1	1
7.	Jelebu	6	12	1	1
Jumlah		**51**	**95**	**11**	**8**

PENCAPAIAN UTAMA PERKHIDMATAN KESIHATAN PRIMER

PEMANTAUAN PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

Perkhidmatan pesakit luar merupakan aktiviti utama dalam penjagaan Kesihatan Primer yang dikendalikan di 51 buah Klinik Kesihatan sehingga 2022.

Jumlah kedatangan pesakit luar di klinik kesihatan di Negeri Sembilan meningkat dari tahun ke tahun. Pada dasarnya, pemantauan beban kedatangan dilakukan setiap bulan iaitu proses ini amat penting dalam menentukan kapasiti keanggotaan dan keperluan sumber untuk menjalankan perkhidmatan tersebut.

Pada tahun 2022, terdapat peningkatan sebanyak 266,133 daripada tahun sebelumnya. Jumlah kedatangan pesakit luar seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2 : Kedatangan Pesakit Luar di Klinik Kesihatan

Klinik Kesihatan	2018	2019	2020	2021	2022
KK Jelebu	36,282	53,004	33,358	33,078	39,113
KK Pasoh 1	9,193	11,936	8,506	7,074	9,932
KK Pertang	24,518	28,035	17,831	22,892	19,248
KK Simpang Durian	21,156	22,311	16,121	19,574	16,722
KK Titi	14,413	25,235	15,549	14,402	15,553
KK Chennah	2,705	4,320	3,330	4,876	2,526
KK Bahau	58,205	77,672	40,586	41,664	50,505
KK Bandar Seri Jempol	31,952	32,434	24,195	22,916	31,731
KK Lui Muda	17,497	20,487	14,741	13,790	15,481
KK Palong 4,5,6	31,784	39,564	27,175	23,097	10,136
KK Palong 7 & 8	17,029	21,223	17,316	16,487	21,654
KK Palong 9,10,11	12,810	17,192	14,367	13,156	16,285
KK Serting Hilir	22,183	28,689	15,135	16,750	19,951
KK Gunung Pasir	5,005	6,042	4,698	5,289	3,615
KK Johol	26,414	32,531	23,117	20,559	21,657
KK Juasseh	47,704	50,895	25,354	24,615	37844
KK Kuala Pilah	89,368	104,341	61,322	67,265	71,208
KK Padang Lebar	7,978	10,906	8,803	8,480	8,761
KK Senaling	12,899	17,895	10,788	11,371	14,682
KK Seri Menanti	7,252	10,094	9,749	9,108	11,443
KK Terachi	9,234	11,729	7,119	8,487	8,594
KK Bukit Pelanduk	13,857	14,876	11,319	13,437	16,429
KK Linggi	26,597	33,166	23,949	17,788	20,493
KK Lukut	56,373	58,318	43,911	48,489	54,091
KK Pasir Panjang	29,827	41,107	25,715	28,389	38,919
KK Port Dickson	129,661	136,790	105,761	114,335	102,257
KK Bagan Pinang	42,51	16,258	16,022	17,924	32,839
KK Astana Raja	14,406	22,144	16,573	12,134	14,672
KK Kota	9,335	9,631	8,602	8,287	9,446
KK Pedas	22,400	30,995	21,854	21,732	25,708
KK Rembau	47,496	62,269	38,133	41,690	42,285
KK Ampangan	100,334	117,496	77,126	72,359	80,017
KK Desa Rhu	27,662	41,448	27,784	29,452	34,277
KK Quarter KLIA	28,888	35,184	23925	26,861	29,844
KK Lenggeng	15,771	21,256	15,310	19,020	27,439
KK Mantin	47,456	72,255	44504	42,080	54,295
KK Nilai	64,711	83,506	71,043	56,960	72,024
KK Rantau	35,173	46,562	33,846	35,410	44,811
KK Senawang	116,608	169,731	119,909	119,038	135,915
KK Sendayan	24,169	32,114	19,877	20,270	27,719
KK Seremban	322,030	306,337	212,938	200,822	227,351
KK Seremban 2	112,576	151,374	109,396	106,040	125,826
KK Sikamat	52,197	68,260	48,212	45,223	65,527
KK UTC Seremban	47,433	32,621	14,545	5,966	17,699
KK Felda LBJ	-	-	1,275	1,801	9,986
KK Air Kuning Selatan	19,203	21,518	16,499	12,043	16,911
KK Bukit Rokan	5,980	6,995	5,559	4,205	5,511
KK Gemas	59,468	73,287	68,184	80,281	96,141
KK Gemencheh	61,459	74,012	56,092	58,199	67,114

Klinik Kesihatan	2018	2019	2020	2021	2022
KK Jelai	20,180	22,084	21,110	20,856	20,350
KK Tampin	112,548	148,479	119,019	107,318	96,935
Jumlah	**2,130,925**	**2,572,288**	**1,813,822**	**1,793,339**	**2,059,472**

Jadual 3 : Kedatangan Pesakit Luar Orang Asli Ke Klinik Kesihatan

Bil.	Daerah	2018	2019	2020	2021	2022
1.	Jelebu	6,215	4,411	4,035	7,204	4,690
2.	Seremban	1,063	1,380	940	724	514
3.	Kuala Pilah	4,094	3,996	3,125	3,054	2,824
4.	Port Dickson	808	905	839	1,338	941
5.	Rembau	347	283	272	300	432
6.	Jempol	1,098	1,182	1,225	985	1,144
7.	Tampin	3	26	29	29	71
Jumlah		**15,646**	**12,183**	**10,465**	**13,634**	**10,616**

Jadual 4 : Kedatangan Pesakit Luar Ke Klinik Desa

Bil.	Klinik Desa	2018	2019	2020	2021	2022
1.	Klinik Desa Felda Titi	59	123	134	121	28
2.	Klinik Desa Jambatan Serong	57	119	130	198	163
3.	Klinik Desa Jerang	73	15	61	130	57
4.	Klinik Desa Lakai	102	59	71	90	39
5.	Klinik Desa Pasoh 4	5	3	0	0	0
6.	Klinik Desa Peradong	62	101	90	101	110
7.	Klinik Desa Petaseh	180	147	141	92	66
8.	Klinik Desa Rangoi	70	50	41	9	7
9.	Klinik Desa Simpang Pertang	1,663	303	177	129	100
10.	Klinik Desa Ulu Jelebu	164	164	107	148	235
11.	Klinik Desa Ulu Klawang	44	107	59	62	43
12.	Klinik Desa Ulu Triang	42	49	54	63	27
13.	Klinik Desa Bengkahulu	519	444	331	197	197
14.	Klinik Desa Bukit Jalor	191	213	185	148	73
15.	Klinik Desa Bukit Rokan	115	209	99	83	68
16.	Klinik Desa Gedok	120	161	208	228	129
17.	Klinik Desa Gemencheh	135	115	147	154	104
18.	Klinik Desa Keru	161	102	157	5	36
19.	Klinik Desa Pasir Besar	811	408	437	376	418
20.	Klinik Desa Sungai Jernih	129	242	308	185	207
21.	Klinik Desa Sungai Kelamah	302	205	269	105	130
22.	Klinik Desa Tebong	146	89	73	66	25
23.	Klinik Desa Ulu Rokan	0	92	143	147	103
24.	Klinik Desa Kuala Jempol	100	125	161	128	132
25.	Klinik Desa Air Hitam	645	496	460	368	573
26.	Klinik Desa Batu Kikir	1,482	1,556	785	528	288
27.	Klinik Desa Bukit Rokan Barat	442	404	344	412	356
28.	Klinik Desa Ladang Gaddes	1,209	945	506	346	297

Bil.	Klinik Desa	2018	2019	2020	2021	2022
29.	Klinik Desa Lui Barat	460	302	312	210	204
30.	Klinik Desa Lui Selatan	1,690	1,477	562	228	200
31.	Klinik Desa Lui Timur	358	423	434	226	152
32.	Klinik Desa Palong 1	151	51	230	210	289
33.	Klinik Desa Palong 12,13	235	234	351	319	173
34.	Klinik Desa Palong 14,15,16	939	826	342	225	185
35.	Klinik Desa Palong 2	117	73	488	253	762
36.	Klinik Desa Palong 3	142	63	334	231	221
37.	Klinik Desa Pasoh 2	389	317	312	166	175
38.	Klinik Desa Pasoh 3	360	405	402	280	419
39.	Klinik Desa Pulapah	2,995	1,067	1,046	1,587	2,925
40.	Klinik Desa Rompin	66	51	30	53	7
41.	Klinik Desa Serting Hilir	262	273	245	156	145
42.	Klinik Desa Serting Tengah	464	361	290	280	233
43.	Klinik Desa Serting Ulu	444	640	503	377	291
44.	Klinik Desa Sg. Lui	70	55	40	26	13
45.	Klinik Desa Ampang Tinggi	218	143	119	108	75
46.	Klinik Desa Ayer Mawang	111	230	386	344	254
47.	Klinik Desa Beting	431	417	257	166	226
48.	Klinik Desa Betong	142	79	110	112	122
49.	Klinik Desa Dangi	407	394	308	301	203
50.	Klinik Desa Felda Kepis	715	612	523	508	340
51.	Klinik Desa Gachong	293	255	98	84	53
52.	Klinik Desa Inas	186	98	123	139	98
53.	Klinik Desa Jelai	83	93	87	25	67
54.	Klinik Desa Kampong Tengah	340	309	254	175	147
55.	Klinik Desa Kampung Kepis	420	302	206	184	145
56.	Klinik Desa Melang Tengah	267	250	324	175	171
57.	Klinik Desa Pelangi	458	423	455	232	235
58.	Klinik Desa Rembang Panas	543	458	415	154	278
59.	Klinik Desa Sg.Dua	376	238	202	162	124
60.	Klinik Desa Talang	364	506	403	288	212
61.	Klinik Desa Tanjong Ipoh	405	309	228	180	207
62.	Klinik Desa Tengkek	40	209	284	286	241
63.	Klinik Desa Ulu Juasseh	191	149	145	46	112
64.	Klinik Desa Ulu Pilah	383	594	222	86	53
65.	Klinik Desa Chuah	0	37	0	0	0
66.	Klinik Desa Pengkalan Kempas	0	37	50	50	12
67.	Klinik Desa Sungai Raya	15	47	0	0	0
68.	Klinik Desa Tampin Linggi	5	2	14	50	0
69.	Klinik Desa Teluk Kemang	0	30	0	0	0
70.	Klinik Desa Chembong Halt	19	59	33	25	30
71.	Klinik Desa Gadong	3	0	0	0	0
72.	Klinik Desa Kampung Bongek	77	144	77	77	73
73.	Klinik Desa Kundor	59	96	76	89	58
74.	Klinik Desa Lubok China	3	24	14	7	6
75.	Klinik Desa Pedas Hilir	182	183	135	127	84
76.	Klinik Desa Pilin	137	184	63	39	8
77.	Klinik Desa Pulau Mampat	53	146	144	136	91

Bil.	Klinik Desa	2018	2019	2020	2021	2022
78.	Klinik Desa Sawah Raja	21	97	66	44	16
79.	Klinik Desa Selamak	72	107	117	84	67
80.	Klinik Desa Semerbok	11	0	0	0	4
81.	Klinik Desa Sepri	180	146	34	32	38
82.	Klinik Desa Batu 9 Labu	57	101	109	113	62
83.	Klinik Desa Dacing	147	173	129	118	17
84.	Klinik Desa Felda LBJ			Naik taraf ke Klinik Kesihatan		
85.	Klinik Desa Gadong Jaya	6	20	5	7	2
86.	Klinik Desa Jimah Lama	31	76	45	41	20
87.	Klinik Desa Kampung Jijan	41	38	31	35	44
88.	Klinik Desa Kg.Pulau	887	80	80	68	24
89.	Klinik Desa Kuala Sawah	186	179	311	237	45
90.	Klinik Desa Mambau	65	123	87	74	48
91.	Klinik Desa Mantin Dalam	55	173	301	111	48
92.	Klinik Desa Pajam	346	639	710	445	80
93.	Klinik Desa Pantai	333	415	381	379	232
94.	Klinik Desa Siliau	155	193	142	184	81
95.	Klinik Desa Sungai Machang	131	121	58	23	4
96.	Klinik Desa Ulu Beranang	247	319	137	84	35
	Jumlah	**33,021**	**31,447**	**20,097**	**15,880**	**14,997**

PERHIDMATAN KLINIK KOMUNITI (KKOM)

Perkhidmatan Klinik Komuniti adalah penjenamaan semula perkhidmatan K1Malaysia bermula pada tahun 2018. Terdapat 11 KKOM masih lagi beroperasi memberi perkhidmatan rawatan ringan pada komuniti setempat. Jumlah kedatangan yang menurun semasa wabak pandemik Covid-19 (2020-2021) mula menunjukkan kenaikan bermula tahun ini.

Jadual 5 : Kedatangan Ke Klinik Komuniti

Bil.	Klinik Komuniti	2018	2019	2020	2021	2022	Status
1.	KKOM Taman Seremban Jaya	34,189	31,701	18,436	4,993	8,429	Operasi
2.	KKOM Rasah Jaya	26,920	23,607	16,328	8,176	14,524	Operasi
3.	KKOM Taman Semarak, Nilai	19,720	17,273	8,539	5,325	11,114	Operasi
4.	KKOM Jalan Pantai	20,722	17,930	10,231	4,215	7,393	Operasi
5.	KKOM Taman Intan Perdana	11,983	8,090	6,880	3,410	4,193	Operasi
6.	KKOM Taman Cempaka	18,822	10,851	7,264	2,287	0	Ditutup 19/6/2021
7.	KKOM Taman Desa Melang	13,287	12,817	8,381	5,408	8,663	Operasi
8.	KKOM Kota, Rembau	15,453	12,104	6,355	3,242	3,487	Operasi
9.	KKOM Gemas Tampin	12,136	15,873	8,776	5,835	6,393	Operasi
10.	KKOM Titi, Jelebu	8,603	9,895	6,215	5,160	7,403	Operasi
11.	KKOM Taman Melor, Rompin	10,630	11,840	6,816	3,318	2,924	Operasi
12.	KKOM Kuala Sawah	12,773	2,204	9,126	2,933	5,014	Operasi
	Jumlah	**263,827**	**227,066**	**117,615**	**54,302**	**79,537**	

PERKHIDMATAN KLINIK BERGERAK NEGERI SEMBILAN

Perkhidmatan Pasukan Klinik Bergerak di Negeri Sembilan berjaya diwujudkan di seluruh tujuh (7) daerah di Negeri Sembilan. Setiap daerah mempunyai sebuah pasukan Klinik Bergerak kecuali daerah Jempol yang mempunyai dua (2) pasukan Klinik Bergerak.

Perkhidmatan Klinik Bergerak berjaya mencapai objektif perkhidmatannya, walaupun pandemik Covid-19 melanda iaitu menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada *Underserved Population.* Perkhidmatan klinik bergerak ini masih diteruskan dan diberikan mengikut SOP. Ini dapat dilihat dari jumlah kedatangan pesakit ke perkhidmatan ini seperti di **Jadual 6**.

Perkhidmatan Klinik Bergerak di Negeri Sembilan menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Orang Asli dan masyarakat di kawasan pedalaman. Sehingga Disember 2022, 60 dari 68 perkampungan Orang Asli di Negeri Sembilan diliputi oleh perkhidmatan Klinik Bergerak seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6 : Kedatangan Pelanggan Ke Perkhidmatan Klinik Bergerak Mengikut Daerah

Bil.	Pasukan PKD	Tahun / Jumlah				
		2018	2019	2020	2021	2022
1.	PKD Seremban	7,355	6,996	3,790	34,552	3,477
2.	PKD Kuala Pilah	4,631	6,331	4,174	6,059	4,850
3.	PKD Jempol	8,904	8,928	4,890	57,372	5,970
4.	PKD Tampin	3,139	3,123	2,269	13,212	4,406
5.	PKD Rembau	6,238	5,391	2,008	2,361	2,105
6.	PKD Port Dickson	3,392	3,933	2,467	3,566	5,551
7.	PKD Jelebu	8,478	8,273	7,543	4,314	3,992
	Jumlah	**42,286**	**42,137**	**42,975**	**27,141**	**30,355**

Jadual 6.1 : Penyampaian Perkhidmatan Pasukan Bergerak Orang Asli Di Kawasan Luar Bandar dan Pedalaman, 2022

Daerah	Klinik Bergerak	Perkampungan Orang Asli	Cadangan Kekerapan Lawatan Sebulan	Pencapaian Sebenar Bulanan	Peratus
Jempol	BSJ	Kampung Orang Asli Sungai Lui	24	16	67%
		Kampung Orang Asli Sungai Sampo	24	16	67%
		Kampung Orang Asli Sungai Sot	24	18	75%
Jempol	Bahau	Kampung Sg Kelebang	12	8	67%
		Kampung Lubok Lawang	12	11	92%
		Kampung Jeram Padang	24	11	46%
		Kampung Sg. Raya	24	10	42%
		Kampung Temerom	24	7	29%
		Kampung Batu Peti	24	17	71%
		Kampung Sg Kelai	24	12	50%
		Kampung Lubuk Temenggalan	24	12	50%
		Kampung Panchor	24	20	83%
		Kampung Ayer Persom	12	10	83%
		Kampung Air Kuning	12	9	75%
Jelebu	Jelebu	Kampung Tohor	24	22	75%
		Kampung Bertam	24	23	96%

Daerah	Klinik Bergerak	Perkampungan Orang Asli	Cadangan Kekerapan Lawatan Sebulan	Pencapaian Sebenar Bulanan	Peratus
		Kampung Jeram Lesung	24	21	88%
		Kampung Banner Batinkoh	24	19	79%
		Kampung Putra	24	20	83%
		Kampung Sawah	24	20	83%
		Kampung Parit Gong	24	19	79%
		Kampung Ulu Lakai	24	16	67%
		Kampung Ranggoi	24	20	83%
		Kampung Ulu Kelaka	24	19	79%
		Kampung Batu Ibong	12	9	75%
Kuala Pilah	Kuala Pilah	Kampung Guntur	12	12	100%
		Kampung Chergun	12	12	100%
		Kampung Bari	12	12	100%
		Kampung Charik	12	12	100%
		Kampung Kelapi	12	12	100%
		Kampung Tering	12	12	100%
		Kampung Simpang Tering	12	12	100%
		Kampung Air Rengas	12	12	100%
		Kampung Air Runtuh	12	12	100%
		Kampung Air Lerek	12	12	100%
		Kampung Air Pulasan	12	12	100%
		Kampung Senibai	12	12	100%
		Kampung Ulu Mampas	12	12	100%
Rembau	Rembau	Miku Pabai	12	12	100%
		Chuai Bukit	12	12	100%
		Air Mampan	12	9	75%
		Dusun Kendong	12	12	100%
		Air Siput	12	9	75%
		Ulu Chembong	12	9	75%
		Dusun Paya	12	9	75%
Port Dickson	Port Dickson	Bukit Kepong	24	15	63%
		Sunggala	24	16	67%
		Palebar	24	14	58%
Seremban	Seremban	Kampung OA Sebir	12	7	58%
		Kampung OA Tekir	12	13	108%
		Kampung OA Belihoi	12	5	42%
		Kampung OA Gebuk	12	10	83%
		Kampung OA Kedat	12	8	67%
		Kampung OA Kolam Air	12	4	33%
		Kampung OA Ngoi Ngoi	12	2	17%
		Kampung OA Jeram Kedah	12	9	75%
		Kampung OA Lumut	12	10	83%
Tampin	Tampin	Kampung OA Ulu Pondoi	12	6	50%
		Kampung OA Tebong Pasir	12	3	25%
		Kampung OA Sg.Lerek	12	9	75%
		Jumlah	**996**	**744**	**75%**

Sumbangan Kerajaan Jepun Melalui United Nation Children's Fund (Unicef) Kepada Kementerian Kesihatan Malaysia

KKM telah bersetuju untuk menerima sumbangan daripada Kerajaan Jepun Melalui United Nation Children's Fund (UNICEF) pada September 2022 untuk menyokong program dan respon KKM dalam menangani COVID-19 meliputi perlaksanaan program vaksinasi kebangsaaan, program *outreach*. JKN Negeri Sembilan turut menerima beberapa peralatan perubatan dan kenderaan untuk diagihkan kepada pasukan Klinik Bergerak seperti di bawah**:**

Bil.	Item	Kuantiti	Penerima Klinik Bergerak
1.	Kenderaan 4x4 Hilux	1	Bahau
2.	Medical System RCW8 for vaccine	4	Seremban, Bahau, Jelebu, Port Dickson
3.	Defibrillator AED semi Automatic	3	Seremban, Bahau, Kuala Pilah
4.	R-Aid Pro with M series pouches	3	Seremban, Jelebu,Tampin
5.	EMS Protector EMS case	3	Seremban, Bandar Seri Jempol, Rembau

KLINIK BERHENTI MEROKOK (KBM)

Klinik Berhenti Merokok merupakan salah satu pengukuhan aktiviti pencegahan di Klinik Kesihatan dijalankan di Negeri Sembilan. Pencapaian Kadar Berhenti Merokok mengikut daerah bagi tahun 2022 adalah seperti di **Jadual 8**, ianya melebihi sasaran kebangsaan yang ditetapkan iaitu 35% kecuali PKD Tampin yang tidak mencapai sasaran pada kohort ke 2 tahun 2022.

Jadual 7 : Pencapaian Kadar Berhenti Merokok di Klinik Kesihatan, Kohort Jan-Jun 2022

Bil.	Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)	Pencapaian 2022 (Kohort Jan - Jun)	
1.	Seremban	45/70	64.3%
2.	Port Dickson	16/23	61.5%
3.	Kuala Pilah	13/27	48.2%
4.	Jempol	2/3	66.7%
5.	Jelebu	7/11	63.6%
6.	Tampin	11/16	68.8%
7.	Rembau	11/15	73.3%
	Negeri Sembilan	**105/168**	**62.5%**

Kohort Julai - Disember 2022

Bil.	PKD	Pencapaian 2022 (Kohort Julai-Dis)	
1.	Seremban	39/79	49.4%
2.	Port Dickson	6/7	85.7%
3.	Kuala Pilah	16/29	55.2%
4.	Jempol	5/10	50 %
5.	Jelebu	9/10	90 %
6.	Tampin	1/5	20 %
7.	Rembau	12/15	80 %
	Negeri Sembilan	**88/155**	**56.8 %**

AKTIVITI PENGUKUHAN KAWALAN INFEKSI

Aktiviti kawalan infeksi telah dapat dilaksanakan di semua fasiliti kesihatan primer. Terdapat dua aktiviti utama yang digariskan di bawah aktiviti kawalan infeksi di iaitu:

i. Audit Kawalan Infeksi

Pada tahun 2022, bilangan fasiliti yang telah diaudit mengikut kategori fasiliti seperti berikut:

Jenis Fasiliti	Bilangan Yang Diaudit (%)
Klinik Kesihatan	36/51 (70.6%)
Klinik Desa	45/95 (47.4%)
Klinik Komuniti	5/11 (45.4%)
Klinik Bergerak	1/8 (12.5%)

Daripada 87 fasiliti yang diaudit terdapat 77 fasiliti melebihi sasaran yang telah ditetapkan oleh KKM (markah >95%). Manakala, 10 fasiliti mencapai markah <95%.

ii. Hand Hygine Compliance Survey (HHC)

Sebanyak 10 buah Klinik dipilih untuk *menjalankan* Survey HHC antara bulan Julai hingga November 2022. Terdapat peningkatan markah audit bagi kategori Pegawai Perubatan iaitu 92.7%, Jururawat 95.5% dan Jururawat Masyarakat 95%. Manakala bagi kategori Penolong Pegawai Perubatan kepada 91.3% dan Pembantu Perawatan Kesihatan kepada 91.8%. Markah yang ditetapkan KKM ialah >75%. Semua kategori anggota berjaya mendapat markah >90%.

SARINGAN PEKA B40

Program Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (Peka B40) bermula sejak 15 April 2019. Program ini meliputi 4 skop iaitu:

a. Saringan kesihatan
b. Kategori alat bantuan perubatan
c. Insentif melengkapkan rawatan kanser
d. Insentif tambang pengagkutan

Bahagian kesihatan awam terlibat secara langsung dengan skop saringan kesihatan di 51 buah klinik kesihatan di seluruh Negeri Sembilan. Manakala tiga lagi skop dilaksanakan di peringkat hospital. Sehingga Disember 2022, terdapat 40,043 ribu golongan B40 yang layak disaring di klinik-klinik kesihatan dan klinik swasta di Negeri Sembilan.

PERKHIDMATAN DIGITAL DI KESIHATAN PRIMER

A. Sistem Janji Temu melalui Aplikasi MySejahtera

Bermula 1 Januari 2022, semua perkhidmatan klinik kesihatan di bawah KKM boleh ditempah sebagai janji temu melalui aplikasi MySejahtera. Sistem janji temu melalui Aplikasi MySejahtera diwujudkan di semua fasiliti kesihatan sebagai langkah mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan dan akses klien di fasiliti kesihatan primer. Sistem janji temu MySejahtera merangkumi skop perkhidmatan:

1. Rawatan Pesakit Luar
2. Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI)
3. Saringan Kesihatan PeKa B40
4. Pemeriksaan Kesihatan Pra-Pekerjaan/ Pra-Pengajian
5. Saringan Pra-Perkahwinan
6. Khidmat Berhenti Merokok (KBM)
7. Perkhidmatan Perancang Keluarga
8. Prosedur (rawatan luka, penukaran tiub, dan lain-lain)

Pengunaan sistem temujanji MySejahtera untuk lapan skop perkhidmatan tersebut diwajibkan kepada semua klinik kesihatan pada 5 Disember 2022 dengan pemantauan oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM. Sehingga 31 Disember 2022, 51 buah klinik kesihatan (100%) di seluruh Negeri Sembilan berjaya menggunakan Sistem MySejahtera.

Jadual 8 : Pencapaian Klinik Kesihatan dengan Pengunaan Sistem MySejahtera

Daerah	Bilangan Klinik	Bilangan Klinik Menggunakan MySejahtera	Pencapaian
Seremban	14	14	100%
Port Dickson	6	6	100%
Rembau	4	4	100%
Jempol	7	7	100%
Jelebu	6	6	100%
Tampin	6	6	100%
Kuala Pilah	8	8	100%
Negeri Sembilan	51	51	100%


PELAKSANAAN PROJEK RINTIS ELEKTRONIK MEDICAL RECORD (EMR) DI JABATAN KESIHATAN NEGERI NEGERI SEMBILAN

Pelaksanaan EMR dirancang secara perintis di Negeri Sembilan melibatkan hospital, klinik kesihatan dan klinik pergigian. Inisiatif ini bermula pada tahun 2021 dan dijangka selesai pada tahun 2025. Objektif EMR adalah memastikan penyampaian sistem penjagaan kesihatan bersepadu ke arah kesejahteraan rakyat. Melalui EMR, rekod maklumat kesihatan elektronik individu dapat dihasilkan secara elektronik yang boleh dicipta, diurus dan dirujuk oleh pengamal kesihatan yang diberi kuasa, Selain daripada itu, akses rekod elektronik ini merentasi lebih dari satu organisasi penjagaan kesihatan dan mematuhi piawaian kebolehoperasian. Matlamat EMR seperti berikut:

- Perkongsian rekod pesakit di antara fasiliti kesihatan sama ada hospital atau klinik kesihatan bagi memastikan kelangsungan rawatan sekaligus dapat menjimatkan masa.
- Memudahkan koordinasi penjagaan rawatan pesakit oleh pengamal kesihatan di antara fasiliti kesihatan.
- Pesakit secara langsung dapat mengetahui status kesihatan mereka melalui portal rekod kesihatan sepanjang hayat.
- Kementerian Kesihatan Malaysia dapat menjana data dan melakukan analisis kesihatan menambahbaik polisi kesihatan dan kesihatan rakyat.

Skop pelaksanaan EMR seperti berikut:
a. Peluasan sistem HIS (Hospital Information System) @KKM dan Teleprimary-Oral Health Clinical Information Systeam (TPC-OHCIS) dengan peningkatan fungsi sistem.
b. Pembangunan platform Health Information Excharged (HIE) dengan perluasan integrasi ke semua fasiliti KKM di Negeri Sembilan.
c. Pembangunan Virtual Clinic (VC).
d. Perkhidmatan MyGovCloud@PDSA.

Gambarajah 1 : Elektronic Medical Record (EMR)



Sehingga 31 Disember 2022, projek rintis salah satu komponen EMR iaitu Health Information Exchange (HIE) Fasa 1 melalui Kluster Hospital Tuanku Ampuan Najihah melibatkan tiga buah hospital (Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Hospital Tampin dan Hospital Jempol), lima buah klinik kesihatan (Klinik Kesihatan Jelai, Klinik Kesihatan Air Kuning Selatan, Klinik Kesihatan Terachi, Klinik Kesihatan Seri Menanti dan Klinik Kesihatan Palong 9,10 & 11) dan tiga buah klinik pergigian (Klinik Pergigian Tampin, Klinik Pergigian Bandar Seri Jempol dan Klinik Pergigian Kuala Pilah). Skop pelaksanaan Fasa 1 HIE di fasiliti kesihatan merangkumi pendigitalan maklumat pesakit melalui portal rekod pesakit dan mempromosikan portal rekod saya kepada pesakit. Pihak KKM melalui Bahagian Perancang akan melaksanakan fasa pertama komponen seterusnya iaitu Klinik Maya (*virtual clinic*) di beberapa klinik kesihatan di bawah Kluster HTAN pada 2023.

PERKHIDMATAN KONSULTASI SECARA MAYA (VIRTUAL CLINIC)

Konsultasi secara maya adalah satu kaedah penyampaian perkhidmatan kesihatan secara maya *(virtual)*, langsung *(live)* dan interaktif yang merangkumi konsultasi klinikal dan pelan rawatan pelanggan di antara anggota kesihatan dan pelanggan. Perkhidmatan konsultasi secara maya bermula secara rintis di lima buah klinik kesihatan di lima buah negeri iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Objektif perkhidmatan konsultasi secara maya adalah seperti berikut:

a. Mengurangkan kesesakan di klinik kesihatan.
b. Meningkatkan kecapaian pelanggan kepada perkhidmatan kesihatan primer.
c. Mengamalkan norma baru bagi mengelakkan penularan penyakit berjangkit seperti COVID-19.
d. Mengurangkan bilangan sesi lawatan secara fizikal ke klinik bagi memutuskan rantai jangkitan penyakit berjangkit.
e. Merealisasikan inisiatif KKM ke arah pendigitalan kesihatan negara.

Skop perkhidmatan yang ditawarkan adalah:
a. Jabatan Pesakit Luar
b. Kesihatan Ibu dan Anak
c. Perkhidmatan Farmasi
d. Perkhidmatan Terapi Cara Kerja
e. Perkhidmatan Dietetik
f. Perkhidmatan Fisioterapi

Perkhidmatan ini dilaksanakan di Negeri Sembilan bermula pada 2022 dengan penglibatan 15 buah klinik kesihatan (**Jadual 9**).

Jadual 9 : Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya

Daerah	Bilangan Klinik	Nama Klinik
Seremban	7	Ampangan Mantin Nilai Senawang Seremban Seremban 2 Sikamat
Port Dickson	2	Lukut Port Dickson
Rembau	1	Rembau
Jempol	1	Bandar Seri Jempol
Jelebu	1	Jelebu
Tampin	1	Tampin
Kuala Pilah	2	Kuala Pilah Juasseh
Negeri Sembilan	**15**	

Sehingga 31 Disember 2022, seramai 1,877 pelanggan didaftarkan di 15 buah klinik yang melaksanakan perkhidamatan konsultasi secara maya.

PERKHIDMATAN PENJAGAAN LUKA *(MODERN WOUND DRESSING)*

Pada tahun 2018, perkhidmatan penjagaan luka di fasiliti kesihatan primer diperkukuhkan dengan pelaksanaan perkhidmatan penjagaan luka (*modern wound dressing*) yang lebih berkesan. Arahan Pelaksanaan Penubuhan Pasukan Luka di Klinik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia dikeluarkan pada 23 Oktober 2017 sebagai tambahan kepada pekeliling berkaitan sedia ada.

Pada tahun 2022 sebanyak 63 buah Klinik Kesihatan dan Klinik Komuniti (KKOM) menjalankan program ini. Sejumlah 123,909 luka dirawat sepanjang tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, seramai 119,307 (96.1%) dirawat menggunakan *modern wound dressing* seperti di **Jadual 8.**

Pada tahun 2020, diwujudkan sebuah Excellent Wound Care Centre (EWCC) yang terletak di Klinik Kesihatan Senawang. Selain memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, EWCC menjadi tempat menjalani latihan sangkutan bagi pegawai-pegawai dari klinik kesihatan lain yang berminat. Latihan dijalankan selama 2 minggu dan peserta dilatih menggunakan 10 modul yang ditetapkan. Selain dari itu, EWCC juga sering dikunjungi oleh pegawai dari negeri-negeri lain sama ada lawatan sambil belajar atau menjalani latihan sangkutan di EWCC ini.

Jadual 10 : Bilangan Kes Rawatan *Modern Dressing* di Fasiliti Kesihatan Negeri Sembilan, 2019 - 2022

Tahun	Bilangan Kes				Jenis Luka Dirawat								
	Bilangan Kes			Kes Ulangan	Traumatic	Diabetic Ulcer	Surgical	Pressure Ulcer	Burn	Venous Ulcer	Cancer Wound	Others	Jumlah Bilangan Luka
	(i) Hospital	(ii) Klinik Kesihatan Lain	(iii) Lain-Lain										
2019 (Jul - Dis)	4,371	2,244	3,460	45,772	11,613	18,657	21,642	1,800	785	4,295	414	784	59,990
2020	7,743	4,879	5,824	86,171	20,522	35,878	41,918	3,118	1,536	8,181	872	2,483	11,4508

Tahun	Bilangan Kes				Jenis Luka Dirawat								
	Bilangan Kes			Kes Ulangan	Traumatic	Diabetic Ulcer	Surgical	Pressure Ulcer	Burn	Venous Ulcer	Cancer Wound	Others	Jumlah Bilangan Luka
	(i) Hospital	(ii) Klinik Kesihatan Lain	(iii) Lain-Lain										
2021	7,738	5,773	5,747	76,487	17,664	33,766	37,202	3,305	1,402	8,272	791	4,762	10,7164
2022	8,503	6,072	6,948	78,798	24,538	38,539	41,204	2,958	2,057	6,333	2,727	5,553	123,909

PROGRAM BEBAS KESAKITAN (*PAIN FREE PROGRAM*) DI KESIHATAN PRIMER

Program Bebas Kesakitan *(Pain Free Program*) di Klinik Kesihatan Negeri Sembilan bermula Julai 2018, dengan skop *Pain As 5th Vital Sign*. Bagi mengukuhkan dan memperluaskan program ini di klinik kesihatan, disasarkan semua klinik kesihatan dengan perkhidmatan pakar perubatan keluarga menjalankan skop *Pain As 5th Vital Sign* mulai tahun 2019. Klinik kesihatan yang menjalankan skop *Pain As 5th Vital Sign* pada tahun 2022 seperti berikut:

Daerah	Klinik Kesihatan Terlibat
Seremban	1. KK Seremban
	2. KK Seremban 2
	3. KK Nilai
	4. KK Ampangan
	5. KK Sikamat
	6. KK Senawang
	7. KK Rantau
	8. KK Mantin
	9. KK Kuarters KLIA
	10. KK Desa Rhu
	11. KK Sendayan
Kuala Pilah	12. KK Juasseh
	13. KK Kuala Pilah
Jempol	14. KK Bahau
	15. KK BSJ
Tampin	16. KK Gemas
	17. KK Tampin
Port Dickson	18. KK Port Dickson
	19. KK Lukut
	20. KK Bukit Pelandok
Rembau	21. KK Rembau
	22. KK Pedas
Jelebu	23. KK Jelebu

Bilangan Klinik Kesihatan yang menjalankan perkhidmatan Program Bebas Kesakitan (Pain Free Program) dengan skop Pain As 5th Vital Sign sehingga 2022 adalah 23 Klinik Kesihatan.

COVID ASSESMENT CENTRE (CAC), JKN NEGERI SEMBILAN

Pada tahun 2022, perkhidmatan CAC di Negeri Sembilan diberikan di fasiliti Klinik Kesihatan sebanyak 13 CAC. Berikut adalah senarai CAC di Negeri Sembilan:

Negeri	Nama CAC	Status
Negeri Sembilan	KK Sikamat	Aktif
	KK Nilai	Aktif
	KK Seremban 2	Aktif (Buka pada Jun 2022)
	KK Juaseh	Aktif
	KK Rembau	Aktif
	KK Bahau (Kuaters lama KK Bahau)	Aktif
	KK Palong 9,10,11	Aktif (Buka pada Ogos 2022)
	KK Tampin	Aktif
	KK Gemas	Aktif
	KK Gemencheh	Aktif (Buka pada Jun 2022)
	KK Port Dickson (Dewan Kriss)	Aktif
	KK Jelebu	Aktif
	KK Pertang	Aktif (Buka pada Ogos 2022)

CAC akan menilai tahap pesakit COVID-19 bagi menentukan pengurusan pesakit yang seterusnya, termasuk kelulusan rawatan di rumah. Secara amnya, satu daerah mempunyai satu CAC namun ada daerah mempunyai lebih CAC bergantung kepada lokasi dan jumlah pesakit.

CAC berperanan mengenal pasti pesakit yang sesuai untuk dipantau di rumah menggunakan Home Assessment Tool (HAT). Pasukan CAC juga menilai pesakit yang berkemungkinan menjadi lebih teruk dan memerlukan rujukan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC). Setiap CAC di peringkat daerah diketuai oleh seorang koordinator daripada Pakar Kesihatan Keluarga (FMS). Orang ramai yang mempunyai keperluan boleh menghubungi CAC melalui talian telefon khas untuk CAC melalui Pejabat Kesihatan Kesihatan Daerah (PKD) masing-masing.

Justeru dengan langkah-langkah tersebut, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan menyeru bersama-sama memerangi penularan COVID-19, secara bersepadu.

Jadual 11 : Kumulatif Kes CAC, Januari - Disember 2022

CAC	Bil. Kes Yang Dirujuk PKD / MySejahtera / Lain-lain	Bil. Kes Menjalani Pemantauan Dirumah	Bil. Kes Dirujuk ke PKRC / Hospital dari CAC	Bil. Kes Sedang Dalam Pemantauan Di Rumah	Bil. Kes Discaj Dari CAC
KK Sikamat	10,610	9,399	1,200	27	9,592
KK Nilai	3,958	3,633	332	1	3,749
KK Seremban 2	1,547	1,495	57	4	1,427
KK Juasseh	2,552	1,902	644	**3**	1,912
KK Rembau	1,729	1,694	35	7	1,735
KK Bahau (Kuarters lama KK Bahau)	3,002	2,534	443	0	2,650
KK Palong 9,10,11	13	12	3	0	17
KK Tampin	1,732	1,715	18	2	1,746
KK Gemas	1,449	1,420	27	2	1,428
KK Gemencheh	133	133	0	0	142

CAC	Bil. Kes Yang Dirujuk PKD / MySejahtera / Lain-lain	Bil. Kes Menjalani Pemantauan Dirumah	Bil. Kes Dirujuk ke PKRC / Hospital dari CAC	Bil. Kes Sedang Dalam Pemantauan Di Rumah	Bil. Kes Discaj Dari CAC
KK Port Dickson (Dewan Kriss)	4,890	4,250	582	17	4,260
KK Jelebu	1,329	1,277	45	8	1,346
KK Pertang	10	10	0	0	11
Jumlah	**29,061**	**26,243**	**2,725**	**70**	**26,959**

KESIMPULAN

Perkhidmatan Kesihatan Primer telah melalui fasa pengukuhan pada tahun 2022, fokus utama mengoptimisasikan sumber sedia ada untuk memastikan perkhidmatan diberikan dengan kualiti yang lebih baik selepas fasa pandemik Covid-19. Pada tahun 2022, perkhidmatan dan kapasiti Kesihatan Primer sebahagian besar tertumpu kepada pengurusan selepas fasa pandemik Covid-19.

2.4 UNIT PENYAKIT BERJANGKIT

PENDAHULUAN

Unit Kawalan Penyakit Berjangkit (Communicable Disease Control atau CDC) merupakan salah satu unit di bawah Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan yang menjalankan pemantauan kejadian kes penyakit berjangkit. Unit ini bertanggungjawab memantau semua jenis penyakit yang tersenarai dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) melainkan penyakit bawaan vektor, HIV/STI dan TB/kusta dipantau oleh unit yang dikhaskan bagi penyakit tersebut. Pemantauan penyakit berjangkit dijalankan secara harian menerusi sistem e-notifikasi. Pemantauan wabak penyakit berjangkit pula dipantau melalui sistem e-wabak. Unit ini juga bertanggungjawab memastikan semua pelan kesiapsagaan menghadapi penyakit berjangkit berada dalam keadaan baik, tersusun dan diuji dari semasa ke semasa. Unit CDC juga berperanan menjalankan latihan berkaitan kawalan penyakit berjangkit kepada anggota di peringkat daerah.

VISI

Ke arah melahirkan individu, keluarga dan masyarakat di Negeri Sembilan yang sihat dan sejahtera serta dapat menikmati kehidupan yang bebas dari kejadian penyakit berjangkit.

MISI

Menjalankan program-program kawalan dan pencegahan dengan menyeluruh, bersepadu dan efisien bersama semua agensi kerajaan dan masyarakat dalam mengekang penularan wabak penyakit berjangkit.

OBJEKTIF

Untuk mengurangkan kadar kematian (mortaliti) dan kejadian kes (morbiditi) yang disebabkan oleh penyakit berjangkit.

PENCAPAIAN PROGRAM PENYAKIT CEGAHAN VAKSIN

Program Eradikasi Polio Kebangsaan

Bermula Mac 2022, Polio IHR Emergency Committee tidak lagi menyenaraikan Malaysia sebagai salah satu negara berisiko tinggi untuk dijangkiti Polio. Walau bagaimanapun, terdapat risiko penularan wabak cVDPV2 yang kini berlaku di wilayah Acheh, Sumatera, Indonesia ke Malaysia. Usaha perlu diteruskan untuk meningkatkan liputan imunisasi pencegahan penularan jangkitan dan mengukuhkan kualiti survelan polio agar cukup sensitif untuk mengesan polio dan virus polio.

Jadual 1 : Indikator Program Eradikasi Polio Kebangsaan

Bil.	Indikator	Sasaran	Pencapaian 2022
1.	Kes AFP bukan polio bagi setiap 100,000 penduduk berumur bawah 15 tahun	1 kes per 100,000 (5 kes)	4/100,000 penduduk (8 kes)
2.	Peratusan kes AFP disiasat dalam tempoh 48 jam dari tarikh notifikasi	Lebih daripada 80%	87.5% (7 kes)
3.	Peratusan kes AFP dengan 2 sampel najis yang *adequate* yang diambil selang 24 jam	Lebih daripada 80%	50% (4 sampel)

Bil.	Indikator	Sasaran	Pencapaian 2022
4.	Peratusan kes AFP lawatan susulan dibuat pada 60 daripada tarikh *onset paralysis*	Lebih daripada 80%	100% (8 kes)
5.	Peratusan kes AFP yang telah diklasifikasikan selepas 90 hari daripada tarikh *onset paralysis*	Lebih daripada 80%	100% (8 kes)

Jumlah penduduk bawah 15 tahun: 251,800 orang

Program Eliminasi Measles Kebangsaan

Pada tahun 2022, sebanyak 242 kes disyaki Measles dilaporkan iaitu sebanyak 14 kes disahkan positif ujian makmal berbanding 2021 sebanyak 73 kes disyaki Measles dilaporkan dengan satu kes disahkan positif ujian makmal.

Jadual 2 : Pencapaian Indikator Program Eliminasi Measles

Bil.	Indikator	Sasaran	Pencapaian
1.	Kes yang disahkan measles	<1/1 juta penduduk	12/1 juta penduduk (14 kes)
2.	Kes bukan measles yang disyaki measles dilaporkan	≥ 2/100,000	21/100,000 penduduk (242 kes)
3.	Kes dinotifikasi dalam tempoh 24 jam	≥ 80%	98% (236 kes)
4.	Siasatan kes dilakukan dalam tempoh 48 jam	≥ 80%	99.6% (241 kes)
5.	Penghantaran sampel darah untuk ujian serologi dalam tempoh 28 hari daripada tarikh ruam	≥ 80%	100 % (242 sampel)

* Analisa menggunakan database daripada eMeasles (SM2)

Jumlah Penduduk: 1,172,700 orang

Lain-lain Penyakit Cegahan Vaksin

Penyakit cegahan vaksin yang dilaporkan pada tahun 2022 ialah kes Hepatitis B sebanyak 212 kes.

PENYAKIT BERJANGKIT MELALUI AIR DAN MAKANAN

Episod Keracunan Makanan

Sepanjang tahun 2022, sebanyak sembilan episod keracunan makanan dilaporkan berbanding lima episod pada tahun 2021. Sebanyak dua episod kejadian keracunan makanan berulang di Depoh Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan. Semua episod dikawal tanpa sebarang kematian.

Penyakit Penyakit Bawaan Air dan Makanan yang Lain

Penyakit lain yang dilaporkan adalah tiga kes Hepatitis A, satu kes Thyphoid dan 14 kes Dysentry didaftarkan pada tahun 2022. Tiada kes Kolera dilaporkan.

SURVELANS PENYAKIT BERJANGKIT

Jadual 3 : Penyakit Kaki, Tangan dan Mulut (HFMD)


Daerah	Kumulatif hingga Minggu 52 / 2022	Kumulatif hingga Minggu 52 / 2021	% Penurunan / Peningkatan Kes
Seremban	3,870	98	3,849.0%
Port Dickson	864	10	8,540.0%
Jempol	808	10	7,980.0%
Tampin	343	15	2,186.7%
Kuala Pilah	317	3	10,466.7%
Rembau	541	2	26,950.0%
Jelebu	222	4	5,450.0%
Negeri Sembilan	**6,965**	**142**	**4,804.9%**

Sepanjang tahun 2022, berlaku peningkatan kes HFMD di Negeri Sembilan iaitu sebanyak 6,965 kes didaftarkan pada tahun 2022, berbanding 142 kes pada tahun 2021. Peningkatan kes sebanyak 4,804.9%. Peningkatan kes ketara di seluruh negara kerana institusi pendidikan dibuka sepenuhnya dan pelajar hadir ke sekolah untuk pembelajaran secara bersemuka. Tindakan kawalan dan promosi kesihatan giat dijalankan untuk mencegah penularan kes ini.

SURVELANS PENYAKIT BERJANGKIT

Survelans ILI

Graf 1 : Trend Kadar Konsultasi ILI, 2022



Sepanjang tahun 2022, berlaku penurunan kes ILI di Negeri Sembilan. Penurunan kes yang ketara berlaku di seluruh negara disebabkan Pandemik Covid-19. Selain daripada itu, mulai tahun 2022, data diambil dari 50 Klinik Kesihatan berbanding pada 2021 hanya lapan Klinik Kesihatan data diambil.

KESIMPULAN

Peningkatan kes-kes penyakit berjangkit berlaku susulan pembukaan semula semua sektor sosial setelah tamat pandemik COVID-19. Namun begitu, semua kes dan wabak dapat dikawal dan aktiviti pencegahan terus dijalankan.

AKTIVITI UNIT KAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT






"Tabletop Pengurusan Penyakit Berjangkit Peringkat Negeri Sembilan" yang diadakan di Bilik Ixora pada 17 Oktober 2022.






Aktiviti **"Persampelan Persekitaran dan Penilaian Risiko Persekitaran"** yang diadakan di Lubok Petai, Rembau bersama staf PKD Rembau pada 23 September 2022.





“Lawatan ke Jeti Penumpang Port Dickson” bersama PKD Port Dickson pada 22 Jun 2022.





Lawatan penyeliaan ke pejabat kesihatan daerah, hospital daerah dan klinik-klinik kesihatan yang diadakan sepanjang tahun.





“Lawatan Penyeliaan ke Pejabat Kesihatan Daerah, Hospital Daerah dan Klinik-klinik Kesihatan” yang diadakan sepanjang tahun.

2.5. UNIT KAWALAN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

PENGENALAN

Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor di Negeri Sembilan bermula 1973 sebagai Rancangan Pembasmian Malaria (RPM). Ia kemudian merangkumi kawalan penyakit-penyakit lain seperti denggi, filariasis, *Japanese Encephalitis*, hawar, taifus, demam kuning, Chikungunya, Kala-Azar *dan* Zika. Unit ini bertanggungjawab menyelaras di semua daerah dalam Negeri Sembilan agar perkhidmatan pencegahan dan kawalan yang baik dapat diberikan setiap masa kepada masyarakat.

VISI

Untuk menjadikan Negeri Sembilan Darul Khusus sebuah negeri dengan individu, keluarga dan masyarakat yang sihat dan sejahtera melalui pelaksanaan Program-Program Kawalan Penyakit Bawaan Vektor yang profesional, efisien, saksama dan mesra.

MISI

Unit Penyakit Bawaan Vektor akan melaksanakan program-program Kawalan Penyakit Bawaan Vektor yang merangkumi bidang pencegahan dan kawalan dengan anggota yang mahir dan terlatih dengan bantuan peralatan yang lengkap dan berteknologi tinggi.

OBJEKTIF

Objektif Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor seperti berikut:

i. Mengurangkan morbiditi (kejadian) dan mortaliti (kematian) Penyakit-Penyakit Bawaan Vektor supaya tidak menjadi masalah kesihatan awam di Semenanjung Malaysia.
ii. Mencegah kejadian Penyakit-Penyakit Bawaan Vektor di kawasan yang sedia bebas daripada penyakit-penyakit bawaan vektor.

* Penyakit-Penyakit Bawaan Vektor yang utama adalah Malaria, Demam Denggi, Penyakit Filariasis, Penyakit Scrub Typhus, Penyakit Japanese Encephalitis (JE), Penyakit Chikungunya, Penyakit Hawar, Penyakit Zika dan Penyakit Demam Kuning.

SITUASI PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

Jadual 1 : Situasi Penyakit Bawaan Vektor di Negeri Sembilan

Penyakit	Tahun / Bilangan Kes (Kematian)				
	2018	2019	2020	2021	2022
Denggi	1,864 (6)	2,305 (11)	2,896 (10)	649 (1)	2,054 (5)
Malaria	41 (1)	37 (1)	12	14	35
Japanese Encephalitis	0	3	0	1	0
Filariasis	33	25	27	7	13
Taifus	0	0	0	0	1
Hawar	0	0	0	0	0
Demam Kuning	0	0	0	0	0

Penyakit	Tahun / Bilangan Kes (Kematian)				
	2018	2019	2020	2021	2022
Chikungunya	0	8	0	33	80
Zika	0	0	0	0	0

* ( ) kematian

PROGRAM KAWALAN DENGGI

Sebanyak 2,054 kes denggi dilaporkan pada tahun 2022, berbanding 649 kes denggi pada tahun 2021 dengan peningkatan kes sebanyak 316%. Kes Denggi pada tahun 2021 dipengaruhi kesan penularan Covid-19 dan batasan pergerakan orang awam dan mencatatkan rekod kes yang rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Kadar insiden denggi pada tahun 2022, adalah 175 per 100,000 penduduk berbanding 55.3 per 100,000 penduduk pada tahun 2021. Bilangan kematian denggi yang dilaporkan pada tahun 2022 sebanyak lima kematian dengan kadar kematian kes 0.24%.

Jadual 2 : Kadar Insiden Denggi di Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Tahun	Bilangan Kes Denggi	Kadar insiden
2018	1,863	163.0
2019	2,305	198.9
2020	2,891	246.2
2021	649	55.3
2022	2,054	175.0

Jadual 3 : Perbandingan Kes Denggi, 2022 - 2021

Daerah	Bilangan Kes				Peratus % Kenaikan / Penurunan (+/-)
	2022		2021		
	Kes Denggi	Kematian Denggi	Kes Denggi	Kematian Denggi	
Seremban	1,558	5	524	1	+297.3 %
Port Dickson	113	0	29	0	+390 %
Jempol	122	0	28	0	+436 %
Tampin	54	0	24	0	+225 %
Kuala Pilah	34	0	8	0	+425 %
Rembau	123	0	17	0	+724 %
Jelebu	50	0	19	0	+263 %
Jumlah	**2,054**	**5**	**649**	**1**	+316 %

Taburan kes Mengikut Etnik
Berdasarkan 2,054 kes denggi dilaporkan, 1,404 (68.3%) kes adalah etnik Melayu, 281 (13.7%) kes etnik Cina, 266 (13%) etnik India, 23 (1.1%) dari lain-lain kumpulan etnik serta 80 (3.9%) kes meliputi warga asing bukan penduduk tetap.

Taburan Kes Mengikut Jantina
Kes denggi di kalangan kaum lelaki adalah tinggi iaitu 1,156 kes (56.3%) berbanding 898 (43.7%) kes di kalangan kaum wanita dengan nisbah jangkitan lelaki dan wanita ialah 1:0.78.

Taburan kes Mengikut Umur

Kumpulan umur yang terbanyak dijangkiti penyakit demam denggi di antara 20 - 54 tahun (1,270 kes). Ini diikuti oleh kumpulan umur 6 - 19 tahun (376 kes), umur lebih 55 tahun (343 kes), dan di bawah umur lima tahun (65 kes). Kes demam denggi melibatkan kumpulan umur di alam persekolahan adalah sebanyak 312 kes (15.2%).

Taburan Kes Denggi Mengikut Kawasan

Berdasarkan taburan kes mengikut kawasan, bilangan kes denggi yang dicatatkan di kawasan bandar adalah lebih tinggi berbanding di kawasan luar bandar iaitu 1,672 kes (81.4%) berbanding 382 kes (18.6%). Demam Denggi masih lagi menjadi masalah di kawasan bandar kerana eko-sistem yang sesuai untuk pembiakan nyamuk Aedes serta kitaran virus di kawasan yang lebih padat penduduknya.

Keputusan Serologi

Berdasarkan 2,054 kes yang dilaporkan, sebanyak 2,022 (98.4%) kes didapati mempunyai keputusan serologi yang positif. Selebihnya adalah diagnosa berasaskan gejala penyakit disebabkan kehabisan stok kit ujian serologi.

Aktiviti Pencegahan dan Kawalan Denggi

Aktiviti pencegahan dan kawalan denggi dijalankan secara berterusan bagi membendung penularan penyakit ini. Pencapaian aktiviti pada tahun 2022 adalah sebagaimana **Jadual 4**.


Jadual 4 : Pencapaian Aktiviti Kawalan Denggi, 2022

Daerah	Bil. Rumah Diperiksa	Bil. Premis Positif Aedes	Bil. Premis Disembur Kabus	Bil Notis / (Sek. 8a)	Bil. Kompaun	Bil. Tindakan Mahkamah	Bil. Gotong Royong
Seremban	138,113	3,662	234,835	33	517	0	0
P.Dickson	18,967	68	260,494	9	229	0	9
Jempol	18,450	210	29,764	92	181	0	0
Tampin	20,239	184	17,330	49	55	1	6
Kuala Pilah	28,83	386	27802	2	115	2	5
Rembau	10,879	718	12,488	15	56	0	7
Jelebu	10,929	20	8,578	5	20	0	0
Negeri Sembilan	**245,960**	**5,248**	**591,291**	**205**	**1,173**	**3**	**27**

PROGRAM KAWALAN MALARIA

Pada tahun 2022, sebanyak 35 kes Malaria dilaporkan di Negeri Sembilan berbanding 14 kes pada tahun 2021. Kadar insiden malaria pada tahun 2022 adalah 0.35 per 10,000 penduduk dan tiada kematian dilaporkan.

Rajah 1 : Kadar Insiden Malaria Per 10,000 Penduduk, 2017 - 2022



Taburan Kes Mengikut Daerah

Taburan kes Malaria pada tahun 2022 adalah 16 kes di daerah Seremban, 11 kes di Kuala Pilah, Tampin tiga kes, masing-masing dua kes di Jempol dan Jelebu, satu kes di Rembau. Manakala, tiada kes didaftarkan di Port Dickson.

Jadual 5 : Taburan Kes Malaria, 2021 - 2022

Daerah	2021			2022			% Peningkatan / Penurunan
	Malaria Manusia	Zoonotik	Jumlah	Malaria Manusia	Zoonotik	Jumlah	
Seremban	0	8	**8**	1	15	**16**	**+50%**
Port Dickson	0	0	**0**	0	0	**0**	**-**
Jempol	0	0	**0**	1	1	**2**	**+100%**
Kuala Pilah	0	4	**4**	2	9	**11**	**+175%**
Tampin	0	1	**1**	0	3	**3**	**+200%**
Rembau	0	1	**1**	0	1	**1**	**0%**
Jelebu	0	0	**0**	0	2	**2**	**+200%**
N. Sembilan	**0**	**14**	**14**	**4**	**31**	**35**	**+150%**

Klasifikasi Kes Mengikut Jenis Jangkitan

Berdasarkan klasifikasi bagi empat kes *Human Malaria* jangkitan *Plasmodium vivax* pada tahun 2022, satu (2.9%) kes diklasifikasi sebagai kes Introduced, tiga (8.6%) kes Import A, manakala tiada kes diklasifikasikan sebagai kes Tempatan dan *Induced*. Selebihnya, 31 (88.6%) kes Zoonosis melibatkan jangkitan *Plasmodium Knowlesi*.


Taburan Kes Mengikut Kumpulan Risiko

Berdasarkan kumpulan risiko pula sebanyak 7 (20.0%) kes pertanian, 6 (17.1%) kes orang asli pinggiran, 3 (7.1%) kes tentera dan 19 (54.3%) kes lain-lain kumpulan.

Taburan Kes Mengikut Umur

Kebanyakan kes malaria yang dilaporkan di Negeri Sembilan pada tahun 2022, tergolong dalam kumpulan umur 31 hingga 40 tahun.

Rajah 2 : Kes Malaria Mengikut Kumpulan Umur



Kejadian Kes Mengikut Jantina dan Etnik

Berdasarkan 35 kes dilaporkan, 26 (74.3%) kes terdiri daripada golongan lelaki dan 9 (25.7%) kes daripada golongan perempuan. Taburan kes Malaria mengikut kumpulan etnik adalah 14 (40.0%) iaitu kes melibatkan etnik Melayu, 7 (20.0%) kes etnik Cina, 6 (17.1%) kes Orang Asli, 7 (20.0%) kes warga asing dan satu kes Bumiputera Sabah (2.7%).

Kejadian Kes Mengikut Spesis

Kes yang dilaporkan di Negeri Sembilan daripada spesis Plasmodium knowlesi iaitu 31 (88.6%) kes dan spesis Plasmodium vivax sebanyak empat kes. Tiada kes dilaporkan dari spesis Plasmodium falciparum, Plasmodium malariae dan Plasmodium ovale pada tahun semasa.

Taburan Kes Mengikut Sumber Kes

Sebanyak enam kes dilaporkan pada tahun 2022 dikesan melalui *Active Case Detection,* manakala 29 kes yang lain dikesan melalui *Passive Case Detection* (PCD).

Jadual 6 : Klasifikasi FOCI Mengikut Daerah di Negeri Sembilan, 2022

Daerah	Klasifikasi FOCI	Tahap Risiko Re-introduction Malaria (RV)			Jumlah FOCI
		RV Rendah	RV Sederhana	RV Tinggi	
Seremban	Active FOCI	0	0	0	101
	RNA FOCI	0	0	0	
	Cleared FOCI	95	6	0	
Port Dickson	Active FOCI	0	0	0	47
	RNA FOCI	0	0	0	
	Cleared FOCI	46	1	0	
Jempol	Active FOCI	0	0	0	175
	RNA FOCI	0	0	0	
	Cleared FOCI	155	20	0	
Tampin	Active FOCI	0	0	0	160
	RNA FOCI	0	0	0	
	Cleared FOCI	139	21	0	
Kuala Pilah	Active FOCI	1	0	0	291
	RNA FOCI	0	0	0	
	Cleared FOCI	242	46	1	
Rembau	Active FOCI	0	0	0	169
	RNA FOCI	0	0	0	
	Cleared FOCI	153	16	0	
Jelebu	Active FOCI	0	0	0	112
	RNA FOCI	0	0	0	
	Cleared FOCI	88	22	2	
N. Sembilan		**920**	**132**	**3**	**1,055**

RV = indeks receptivity / vulnerability

Stratifikasi FOCI Malaria

FOCI adalah pengkelasan lokaliti berdasarkan sejarah kejadian kes malaria, kejadian kes malaria tahun semasa, kategori kes dan keberkesanan aktiviti kawalan vektor. Pengkelasan ini adalah untuk menentukan kaedah intervensi kawalan yang perlu dilaksanakan di peringkat daerah.

Berdasarkan **Jadual 6**, jumlah FOCI Malaria di Negeri Sembilan adalah sebanyak 1,055 kawasan. Terdapat hanya satu (1) *Active FOCI* yang dilaporkan di Kg. Dioh Besar, Kuala Pilah yang melibatkan kes *Introduced*. Lain-lain

kawasan FOCI yang terdapat di Negeri Sembilan diklasifikasi *Cleared Foci* sahaja. Daripada jumlah klasifikasi FOCI bagi *Cleared FOCI*, tiga daripadanya berisiko tinggi, 132 lokaliti berisiko sederhana dan 919 adalah berisiko rendah manakala satu lokaliti *Active FOCI* adalah berisiko rendah.

AKTIVITI KAWALAN MALARIA

Aktiviti *Indoor Residual Spraying* (IRS) menggunakan bahan kimia dilaksanakan di 16 lokaliti dalam Negeri Sembilan pada tahun 2022. Aktiviti IRS dijalankan berdasarkan skala risiko Malaria R*e-introduction* (RV) meliputi 435 premis dan 1,113 penduduk.

Jadual 7 : Liputan Indoor Residual Spray (IRS), 2022

Daerah	Bil. Liputan Lokaliti	Bil. Liputan Premis	Bil. Liputan Penduduk Dilindungi
Seremban	3	77	327
Jempol	5	84	176
Tampin	2	63	177
Kuala Pilah	2	75	177
Jelebu	4	136	256
Negeri Sembilan	**16**	**435**	**1,113**

Aktiviti agihan kelambu berubat di seluruh Negeri Sembilan pada tahun 2022, melibatkan 43 lokaliti dan dilaksanakan berdasarkan skala risiko Malaria R*e-introduction* (RV) meliputi 7,734 orang penduduk.

Jadual 8 : Liputan Kelambu Berubat, 2022

Daerah	Bil. Liputan Lokaliti	Bil. Liputan Penduduk Dilindungi
Seremban	1	56
Jempol	9	2,406
Kuala Pilah	9	1,170
Jelebu	13	2,546
Negeri Sembilan	**32**	**6,184**

LAIN-LAIN PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

Pada tahun 2022, terdapat sebanyak 13 kes Filariasis dilaporkan di Negeri Sembilan melibatkan sembilan kes daerah Jempol, dua kes daerah Tampin, satu kes daerah Rembau dan satu kes daerah Port Dickson. Sebanyak 80 kes Chikungunya dilaporkan di Negeri Sembilan melibatkan 67 kes daerah Seremban dan 13 kes daerah Port Dickson. Terdapat satu kes Tifus dilaporkan di Negeri Sembilan iaitu di daerah Kuala Pilah. Tiada kes dilaporkan bagi penyakit Japanese Encephalitis, Demam Kuning, Zika dan Hawar di Negeri Sembilan pada tahun 2022.

PROGRAM KEPASTIAN KUALITI (QUALITY ASSURANCE)

Terdapat 1 indikator yang diwujudkan di bawah Program Kepastian Kualiti atau Quality Assurance Program.

1. **Peratus Kes Malaria Manusia Jangkitan Tempatan *(Introduced / Indigenous)* dibuat Ujian PCR**
   Tiada kes Malaria Manusia jangkitan tempatan dilaporkan pada tahun semasa namun satu kes *Introduced* dilaporkan dan dibuat PCR pada tahun semasa dalam Negeri Sembilan.

KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) KESIHATAN AWAM BAGI AKTIVITI KAWALAN VEKTOR

Terdapat satu indikator yang diwujudkan di bawah KPI Kesihatan Awam bagi aktiviti kawalan vektor iaitu:

1. Sifar kes Malaria jangkitan tempatan *(indigenous)*. Tiada kes malaria jangkitan tempatan dilaporkan di Negeri Sembilan pada tahun 2022.

PERKHIDMATAN UNIT MAKMAL VEKTOR NEGERI

Makmal Vektor Negeri di setiap negeri di Malaysia adalah perkhidmatan di bawah Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor yang berperanan penting dalam pemeriksaan slaid untuk diagnosis penyakit Malaria dan Filariasis. Objektif utama unit ini ialah mengeluarkan satu keputusan pemeriksaan slaid darah yang tepat dan berkualiti serta mengikut masa yang ditetapkan.

Aktiviti utama Makmal Vektor Negeri selain daripada mengesahkan kes Malaria dan Filariasis melalui pemeriksaan slaid, ianya berfungsi sebagai:

i. Pengumpulan data pemeriksaan slaid darah untuk Malaria dan Filariasis yang diterima dari daerah-daerah dalam Negeri Sembilan serta menyediakan laporan makmal.
ii. Melakukan analisis terhadap kawalan mutu pemeriksaan slaid yang dijalankan di makmal-makmal setiap klinik kesihatan dan hospital setiap daerah dan menyediakan laporan mengenainya.
iii. Tempat yang bertanggungjawab kepada semua aktiviti dari segi perlaksanaan dan pengawasan perkhidmatan makmal khususnya berkaitan dengan diagnosis kes Malaria dan Filariasis di semua klinik kesihatan dan klinik desa.
iv. Pusat rujukan kepada semua Juruteknologi Makmal, Pegawai Sains, Penolong Pegawai Sains dan mikroskopis dalam pengenalan spesies Malaria.
v. Tempat latihan kepada Pelatih-pelatih Separa Perubatan seperti Penolong Pegawai Perubatan, Penguat kuasa Kesihatan Awam, Jururawat dan Pembantu Kesihatan Awam serta Pegawai Perubatan yang terlibat dalam prosedur untuk mendiagnosis kes Malaria dan Filariasis.
vi. Pusat maklumat diagnosis makmal bagi kes Malaria dan Filariasis di Negeri Sembilan.
vii. Pusat penyelidikan *Drug Resistance Study* dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Universiti tempatan untuk kes Malaria di Negeri Sembilan.

Program Malaria


Pada tahun 2022 sebanyak 24,140 slaid darah diterima dan diperiksa iaitu 13,785 slaid daripada aktiviti ACD, 547 slaid daripada aktiviti PCD di klinik kesihatan, 2,824 slaid daripada aktiviti PCD di hospital dan 6,984 slaid daripada aktiviti INV. Daripada 35 kes yang didaftarkan di Negeri Sembilan, 29 kes dikesan di makmal vektor negeri dan enam (6) kes positif dikesan di fasiliti luar Negeri Sembilan.

Jadual 9 : Pecahan Slaid Malaria ACD, PCD dan Lain-lain (INV) yang Diperiksa, 2022

Daerah	ACD	PCD (KK)	PCD (Hosp)	INV	Jumlah	Kes Positif
Jelebu	3,371	265	197	2	3,835	2
Kuala Pilah	2,651	98	1,074	241	4,064	11
Tampin	267	56	166	4,201	4,690	1
Seremban	37	38	823	1,003	1,901	9
Rembau	1,300	13	114	2	1,429	2
P.Dickson	1,741	30	227	3	2,001	1
Jempol	4,418	47	223	1,532	6,220	3
N.Sembilan	**13,785**	**547**	**2,824**	**6,984**	**24,140**	**29**

ACD=active case detection, PCD=passive case detection, INV=investigation

Rajah 3 : Bilangan Pemeriksaan Slaid BFMP Diterima Mengikut Daerah, 2022




Berdasarkan **Jadual 9** dan **Rajah 3**, penerimaan slaid BFMP yang tertinggi adalah daerah Jempol, sebanyak 6,220 slaid berbanding daerah-daerah lain.

Peratus positif pengesanan kes Malaria adalah 0.12% daripada keseluruhan jumlah slaid yang diterima di makmal vektor negeri.

Jadual 10 : Pecahan Kes Malaria Mengikut Spesis Plasmodium Yang Dikesan Oleh Makmal Vektor Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Bil.	Spesis Plasmodium	Bil. Kes Positif				
		2018	2019	2020	2021	2022
1.	P.Falciparum	7	13	2	0	0
2.	P.Vivax	6	3	0	0	3
3.	P.Malariae	0	1	0	0	0
4.	P.Ovale	1	0	0	0	0
5.	P.Knowlesi	29	20	7	11	26
6.	Mix infection	1	0	0	0	0
	Jumlah	**44**	**37**	**9**	**11**	**29**


Rajah 4 : Pecahan Kes Malaria Mengikut Spesis Plasmodium Yang Dikesan Oleh Makmal Vektor Negeri Sembilan, 2018 - 2021



Jadual 11 : Taburan Kes Malaria Mengikut Daerah, 2018 - 2022

Bil.	Daerah	Bilangan Kes Malaria				
		2018	2019	2020	2021	2022
1.	Jelebu (J1)	2	4	0	0	2
2.	Kuala Pilah (J2)	9	3	1	2	11
3.	Tampin (J3)	4	3	0	1	1
4.	Seremban (J4)	24	23	7	8	9
5.	Rembau (J5)	0	0	0	0	2
6.	Port Dickson (J6)	3	1	1	0	1
7.	Jempol (J7)	2	3	0	0	3
	Jumlah	**44**	**37**	**9**	**11**	**29**

Rajah 5 : **Taburan Kes Malaria Mengikut Daerah, 2018 - 2022**



Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak Makmal Vektor Negeri untuk memastikan pengurusan slaid BFMP di seluruh Makmal Malaria di Negeri Sembilan cekap dan baik. Makmal Vektor Negeri mempergiatkan usaha bagi meningkatkan dan memastikan kompetensi semua JTMP yang bertugas di Makmal Malaria pada tahap optimum seperti:

1. Memastikan semua Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) yang baru bertugas menjalani kursus Malaria selama tiga hari di Makmal Vektor Negeri.
2. Menjalankan audit setiap bulan di Makmal Hospital dan Klinik Kesihatan bagi memastikan kompetensi JTMP bertugas, peralatan yang terbaik, *reagen* pencelupan dan dokumentasi yang terkini.
3. Menjalankan program sangkutan sebulan sekali selama tiga hari di Makmal Vektor Negeri untuk sesi latihan lanjutan.
4. Membuat lawatan ke semua Klinik Desa untuk mengajar dan memberikan teknik terbaik dalam penyediaan slaid malaria.
5. Menjalankan Kursus Penyediaan slaid *Blood Film Malaria Parasite* (BFMP) bagi staf JTMP, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat Kesihatan dan Pembantu Kesihatan Awam.


Program Filariasis

Pada tahun 2022, sebanyak 11,385 slaid darah Filarisis diterima untuk pemeriksaan berbanding tahun 2021 adalah sebanyak 10,106 slaid. Terdapat peningkatan pungutan slaid sebanyak 1,279 slaid. Berdasarkan **Jadual 11**, semua slaid darah filariasis yang diterima adalah dari program saringan golongan berisiko oleh Pejabat Kesihatan Daerah dan tiada slaid diterima dari fasili kesihatan atau hospital.

Jadual 12 : Bilangan Slaid Filaria Yang Diterima dari Daerah, 2022

Daerah	K.Kesihatan	Hospital	Pej. Kesihatan	Jumlah	Bil. Slide Positif
Jelebu	0	0	475	475	0
Kuala Pilah	0	0	1,123	1,123	1
Tampin	0	0	4,070	4,070	2
Seremban	0	0	690	690	1
Rembau	0	0	1,168	1,168	1
Port Dickson	0	0	1,571	1,571	0
Jempol	0	0	2,288	2,288	9
Jumlah	**0**	**0**	**11,385**	**11,385**	**14**

Rajah 6 : Bilangan Slaid Filariasis Diterima oleh Makmal Vektor Negeri, 2022




Jadual 13 : Bilangan Kes Filariasis Mengikut Spesis, 2022

Bil.	Spesis	Bilangan Kes	Peratusan
1.	Brugia Malayi	0	0%
2.	Wuchereria Bancrofti	14	100%

Jadual 14 : Perbandingan Kes Filariasis Di Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Tahun	Jumlah Slaid Diperiksa	Bilangan Slaid Positif		
		Kes Baru	Ulangan	Bil Positif
2018	10,883	46	48	94
2019	15,027	21	6	27
2020	11,674	28	3	31
2021	10,106	7	1	8
2022	11,385	12	2	14

Rajah 7 : Perbandingan Kes Filariasis di Negeri Sembilan, 2018 - 2022



Berdasarkan **Jadual 12**, Filariasis dikesan di daerah Jempol (9), Tampin (2), manakala (1) slaid Filariasis yang diterima dari Kuala Pilah, Seremban dan Rembau masing-masing dikesan positif. Semua slaid positif yang diperiksa adalah daripada spesis Wuchereria Brancrofti dan tiada spesis Brugia Malayi.

2.6 UNIT KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

Pengenalan

Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (PTB) mula dilaksanakan di seluruh Negeri Sembilan pada tahun 1988. Di peringkat negeri, program ini dirancang, dipantau dan diselia oleh Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (PTB), Jabatan Kesihatan Negeri. Manakala di peringkat daerah, program ini adalah di bawah pengurusan dan penyeliaan Pegawai Kesihatan Daerah dan Pengarah Hospital. Unit ini terbahagi kepada 3 Sub Unit utama seperti berikut:

1. Sub Unit Kawalan Penyakit Diabetes, Hipertensi dan Kardiovaskular.
2. Sub Unit Kesihatan Mental, Penyalahgunaan Substans, Keganasan dan Kecederaan (MeSVIPP) dan Kanser.
3. Sub Unit Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dan Kawalan Hasil Tembakau.

Objektif Umum

Untuk mengurangkan kadar penyakit (*morbidity*) dan kematian (*mortality*) yang disebabkan oleh faktor risiko atau penyakit tidak berjangkit yang disebabkan oleh persekitaran dan cara hidup yang tidak sihat, dan mewujudkan masyarakat yang sihat di Negeri Sembilan.

Objektif Khusus

1. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran anggota kesihatan dan masyarakat umum mengenai faktor-faktor risiko PTB akibat keadaan dan cara hidup yang tidak sihat.
2. Untuk menyediakan perkhidmatan saringan PTB (seperti saringan kardiovaskular, saringan diabetes) untuk mengesan PTB di peringkat awal.
3. Untuk menjalankan perkhidmatan intervensi ke atas kumpulan berisiko tinggi/*premorbid*.
4. Untuk mempromosi dan menanam tabiat sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat di kalangan masyarakat.
5. Untuk menggalakkan kerjasama dan penglibatan agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam mengawal PTB.

Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit

Program-program Pencegahan dan Kawalan PTB yang telah dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, dan dilaksanakan di Negeri Sembilan ialah:

1. Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Diabetes dan Kebutaan
2. Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Kardiovaskular
3. Program Pencegahan dan Kawalan Hipertensi dan Strok
4. Program Pencegahan dan Kawalan Kesihatan Mental
5. Program Pencegahan dan Kawalan Kanser
6. Program Pencegahan dan Kawalan Penyalahgunaan Substan
7. Program Pencegahan dan Kawalan Keganasan dan Kecederaan
8. Program Pencegahan dan Kawalan Hasil Tembakau
9. Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)

Pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan PTB di Negeri Sembilan dijalankan secara integrasi antara beberapa bahagian dan unit di Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan iaitu:

1. Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit (penggubal dasar dan pemantau)
2. Unit Penjagaan Kesihatan Primer (pelaksana Bahagian Kesihatan Awam)
3. Hospital (pelaksana Bahagian Perubatan)
4. Unit Promosi Kesihatan (pelaksana aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan)
5. Unit Pemakanan (pelaksana aktiviti pemakanan)
6. Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan (pelaksana aktiviti penguatkuasaan)

Strategi

Berdasarkan Pelan Strategi Penyakit Tidak Berjangkit Kebangsaan *(National Strategic Plan for Non-Communicable Diseases NSPNCD)*, pencegahan dan kawalan PTB dilaksanakan melalui pendekatan berikut:

i. Pencegahan dan Promosi Kesihatan
ii. Rawatan Klinikal
iii. Pemerkasaan pesakit
iv. Kolaborasi bersama NGO, badan-badan profesional dan lain-lain pihak yang berkaitan
v. Pemantauan, penyelidikan dan survelan
vi. Bina insan (*capacity building*)
vii. Intervensi polisi dan peraturan-peraturan

Aktiviti promosi, pendidikan kesihatan, pemakanan dan penguatkuasaan PTB dijalankan di semua peringkat fasiliti KKM dan di dalam komuniti oleh pelbagai bahagian, unit dan pusat tanggungjawab. Promosi dan pendidikan kesihatan PTB dijalankan di Pusat Sumber NCD, manakala dalam komuniti dijalankan dalam bentuk sambutan hari-hari khas Kesihatan (Hari Tanpa Tembakau Sedunia, Hari Kesihatan Mental Sedunia, Hari Jantung Sedunia dan Hari Diabetes Sedunia), kem kesihatan, pameran kesihatan, dapur sihat masyarakat dan aktiviti kecergasan.

Aktiviti pembangunan modal insan berkaitan pencegahan dan kawalan PTB juga dijalankan di semua peringkat fasiliti KKM. Antara aktiviti latihan yang dijalankan sepanjang tahun 2022 di peringkat negeri adalah:

1. Bengkel *"Cognitive Behavioural Therapy"* dalam Pengurusan Pesakit Diabetes Peringkat Negeri Sembilan.
2. Kursus Kesedaran Garam Peringkat Negeri Sembilan.
3. Bengkel Ringan Badan Kurang Beban Peringkat Negeri Sembilan.
4. Bengkel Mewujudkan Dokumen Tugasan Diabetes Educator Peringkat Negeri Sembilan.
5. Taklimat Audit Klinikal Hipertensi Peringkat Negeri Sembilan.
6. Bengkel NCD Awareness: Perubahan tingkah laku ke arah gaya hidup sihat Peringkat Negeri Sembilan.
7. Kursus "*Psychological First Aid"* Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.
8. Kursus Pengukuhan Perkhidmatan Mental Di Primer Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan 2022.
9. Kursus pengukuhan program "*One Stop Centre for Addiction* (OSCA)" Peringkat Negeri Sembilan 2022.
10. Kursus Pencegahan Keganasan dan Penderaan Seksual Dan Pengendalian Kes-Kes Disyaki Didera Kanak-Kanak Dan Remaja Kepada Anggota Kesihatan Primer Peringkat Negeri Sembilan 2022.
11. Bengkel Garis Panduan Notifikasi Penyakit Berkaitan Penggunaan Rokok Elektronik Peringkat Negeri Sembilan 2022

A. PROGRAM KAWALAN PENYAKIT DIABETES, HIPERTENSI DAN KARDIOVASKULAR

Bagi mengurangkan *prevalens undiagnosed* diabetes, perkhidmatan saringan diabetes dilakukan di semua fasiliti Kementerian Kesihatan di Negeri Sembilan dan juga saringan dalam komuniti semasa kem kesihatan. Berikut adalah pencapaian saringan diabetes bagi tahun 2018 sehingga 2022 :

Jadual 1 : Pencapaian Aktiviti Saringan Diabetes Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Tahun	Bilangan Fasiliti KKM	Bilangan Disaring	Normal <5.6 mmol/L	Risiko Tinggi ≥ 5.6 mmol/L
2018	168	105,647	81,995 (78.0%)	23,652 (22.0%)
2019	168	123,416	96,343 (78.0%)	27,073 (22.0%)
2020	168	100,752	76,765 (76.2%)	23,987 (23.8%)
2021	168	108,435	82,422(76.0%)	26,013 (24.8%)
2022	168	124,883	103,148 (82.6%)	21,735 (17.4%)

Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan klien menjalani saringan Diabetes dari tahun 2018-2022. Pada tahun 2022, sebanyak 17.4**%** klien disaring didapati mempunyai risiko tinggi **≥ 5.6 mmol/L**. Dirujuk untuk ujian pengesahan Diabetes dan dicadangkan untuk menyertai intervensi secara *non-pharmacological* dan *pharmacological*.

Penjagaan klinikal pesakit diabetes bermula dengan pendaftaran pesakit untuk menentukan beban diabetes di Negeri Sembilan. Taburan pesakit Diabetes berdaftar di fasiliti kerajaan (klinik kesihatan) di Negeri Sembilan sehingga Disember 2022 seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2 : Bilangan Diabetes Baru, Berdaftar dan Aktif Mengikut Daerah, 2022

Daerah	Bilangan Kes Diabetes Baru (Fasiliti Kesihatan)	Jumlah Diabetes Kumulatif*	Jumlah Diabetes Aktif (Peratus)*
Seremban	4,464	56,131	26,756 (47.7 %)
Kuala Pilah	2,571	13,047	5,368 (41.0 %)
Jempol	1,482	15,161	6,851 (45.2 %)
Rembau	1,085	6058	2,870 (47.4 %)
Tampin	1,357	15,247	6,419 (42.1 %)
Port Dickson	1,959	17,365	6,879 (39.7 %)
Jelebu	1,102	7846	3361 (42.9 %)
Negeri Sembilan	**14,020**	**130,855**	**58,504 (44.7 %)**

* Data dari National Diabetes Registry (NDR) sehingga 31 Disember 2022

Seramai 14,020 kes baru diabetes dikesan di Klinik Kesihatan di Negeri Sembilan pada tahun 2022. Berdasarkan jumlah diabetes kumulatif, sebanyak 44.7 % pesakit aktif menjalani rawatan di Klinik Kesihatan. Pesakit diabetes aktif bermaksud pesakit hadir sekurang-kurangnya sekali di klinik kesihatan sepanjang setahun yang sebelumnya. Setiap pesakit diabetes akan menjalani ujian HbA1C sekurang-kurangnya dua kali setahun sebagai pemantauan kualiti penjagaan diabetes. Purata HbA1C pesakit diabetes 2022 bagi daerah di Negeri Sembilan adalah di antara 7.8% hingga 8.0% seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3 : Purata Peratus HbA1c Mengikut Daerah Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Daerah	2018	2019	2020	2021	2022
Seremban	7.9%	8.0%	7.8%	7.6%	7.8%
Kuala Pilah	7.8%	7.7%	7.6%	7.8%	7.8%
Jempol	8.1%	8.1%	7.8%	7.8%	8.0%
Rembau	7.7%	7.8%	7.7%	7.8%	7.9%
Tampin	7.8%	7.6%	7.4%	7.3%	7.8%
Port Dickson	7.7%	7.6%	7.4%	7.5%	7.4%
Jelebu	7.5%	8.0%	7.4%	7.3%	7.6%
Negeri Sembilan	**7.9%**	**7.9%**	**7.6%**	**7.6%**	**7.8%**

* Sumber Laporan Audit Klinikal Diabetes, NDR


Audit Klinikal Diabetes 2022 dijalankan untuk menilai kualiti penjagaan Diabetes serta menentukan pencapaian indikator *Quality Assurance Diabetes* di Klinik Kesihatan. Pada tahun 2022, audit dijalankan di semua Klinik Kesihatan kecuali KK Sikamat, KK Seremban 2 dan KK Palong 4,5,6. **Jadual 4** menunjukkan pencapaian audit klinikal Diabetes mengikut daerah. Negeri Sembilan berjaya melepasi sasaran kebangsaan dengan pencapaian enam (6) dari (tujuh) 7 daerah mencapai sasaran HbA1c ≥ 30% iaitu Rembau, Kuala Pilah, Jempol, Tampin, Port Dickson dan Jelebu.

Jadual 4 : Pencapaian Audit Klinikal Diabetes Mengikut Daerah Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Daerah	2018	2019	2020	2021	2022
Seremban	26.92%	26.52%	30.06%	33.89%	28.16%
Kuala Pilah	36.35%	36.36%	37.58%	35.64%	35.63%
Jempol	29.38%	34.09%	36.41%	35.37%	32.06%
Rembau	38.63%	33.44%	33.38%	29.66%	33.25%
Tampin	31.96%	36.14%	38.41%	37.02%	33.45%
Port Dickson	30.94%	28.80%	37.27%	34.65%	38.46%
Jelebu	38.00%	28.11%	40.08%	42.05%	35.67%
Negeri Sembilan	**30.93%**	**31.38%**	**36.08%**	**35.49%**	**33.45%**

* Sumber Laporan Audit Klinikal Diabetes, NDR
* Sasaran QA/NIA Diabetes: Peratus sampel diabetes dengan HbA1c ≤ 6.5% ≥ 30%

Rajah 1 : Pencapaian Audit Klinikal Diabetes Negeri Sembilan, 2018 - 2022




Jadual 5 : Pencapaian QA Diabetes di Klinik Kesihatan Negeri Sembilan, 2022

Daerah / Negeri Sembilan	Klinik Kesihatan	Peratus HbA1c ≤ 6.5 %, Sasaran ≥ 30% (Capai)	Peratus HbA1c ≤ 6.5 %, Sasaran ≤ 30% (Tidak Capai)
Seremban	KK Mantin		19.18%
	KK Ampangan		25.00%
	KK Seremban	33.55%	
	KK Lenggeng		29.41%
	KK Desa Rhu		20.0%
	KK Senawang		29.33%
	KK Nilai	30.77%	
	KK Kuarters KLIA		29.55%
	KK Rantau		22.89%
	KK Sendayan		29.73%
PKD Seremban			**28.16%**
Kuala Pilah	KK Terachi	37.31%	
	KK Gunung Pasir	41.67%	
	KK Padang Lebar	35.00%	
	KK Johol	48.61%	
	KK Kuala Pilah	33.79%	
	KK Juasseh	32.28%	
	KK Senaling	33.33%	
	KK Sri Menanti	40.74%	
PKD Kuala Pilah		**35.63%**	
Jempol	KK Palong 9,10 & 11	33.33%	
	KK Serting Hilir	30.26%	
	KK Bandar Sri Jempol	32.68%	
	KK Palong 78	33.80%	
	KK Bahau	31.96%	
	KK Lui Muda	30.12%	
PKD Jempol		**32.06%**	
Tampin	KK Jelai	36.59%	
	KK Gemas	31.33%	
	KK Tampin	35.07%	
	KK Gemenchih	32.52%	
	KK Air Kuning	30.00%	
	KK Bukit Rokan Utara	36.67%	
PKD Tampin		**33.52%**	
Rembau	KK Astana Raja	33.75%	
	KK Pedas	32.68%	
	KK Rembau	33.88%	
	KK Kota	30.77%	
PKD Rembau		**33.25%**	
Port Dickson	KK Pasir Panjang	30.70%	
	KK Lukut	35.66%	
	KK Bukit Pelanduk	48.15%	
	KK Linggi	39.24%	

Daerah / Negeri Sembilan	Klinik Kesihatan	Peratus HbA1c ≤ 6.5 %, Sasaran ≥ 30% (Capai)	Peratus HbA1c ≤ 6.5 %, Sasaran ≤ 30% (Tidak Capai)
	KK Port Dickson	42.73%	
	KK Bagan Pinang	33.64%	
PKD Port Dickson		**38.46%**	
Jelebu	KK Titi	41.13%	
	KK Simpang Durian	36.89%	
	KK Jelebu	37.80%	
	KK Pasoh 1	30.19%	
	KK Pertang		22.73%
PKD Jelebu		**35.67%**	
Negeri Sembilan		**33.45%**	

Pemantauan komplikasi diabetes dilaksanakan dalam penjagaan pesakit diabetes. Peratus komplikasi diabetes tertinggi adalah nefropati diikuti oleh retinopati dari tahun 2018 - 2022.

Rajah 2 : Trend Peratus Pesakit Diabetes Aktif Yang Mempunyai Komplikasi, 2018 – 2022



* Berasaskan jumlah pesakit aktif pada tahun semasa
** Sumber data: National Diabetes Registri

Selain daripada itu, sebanyak 3 ko-morbiditi yang dipantau bagi pesakit diabetes iaitu hipertensi, dislipidemia dan status merokok. Data dikemaskini 2018-2022 di dalam NDR seperti di **Jadual 6**. Hipertensi dan dislipidaemia merupakan ko-morbiditi yang tinggi, iaitu 74.82% dan 67.31% pesakit diabetes mempunyai ko-morboditi ini.

Jadual 6 : Peratus Pesakit Diabetes Yang Mempunyai Ko-Morbid, 2018 - 2022

Ko-Morbiditi	2018	2019	2020	2021	2022
Hipertensi	73.65%	74.32%	75.22%	75.06%	74.82%
Dislipidemia	63.27%	64.42%	67.08%	66.46%	67.31%
Status merokok	5.41%	5.43%	5.97%	6.09%	5.24%

*Sumber Data dari Audit Klinikal Diabetes dan Data Registri Report (Co-morbid)

Pendaftaran pesakit hipertensi di Negeri Sembilan adalah melalui sistem Registri Hipertensi. Taburan pesakit Hipertensi berdaftar di fasiliti kerajaan (Klinik Kesihatan) seperti di **Jadual 7** di bawah. Seramai 3,671 pesakit dikenal pasti mengidap hipertensi (kes baru) sepanjang tahun 2022, manakala secara keseluruhannya **83,433** pesakit hipertensi berdaftar secara kumulatif aktif di Negeri Sembilan sehingga 31 Disember 2022.

Jadual 7 : Bilangan Hipertensi Berdaftar Aktif Mengikut Daerah, 2022

Daerah	Bilangan Hipertensi Baru	Jumlah Kumulatif Hipertensi Berdaftar
Seremban	940	24,036
Kuala Pilah	492	6,567
Jempol	341	6,040
Rembau	212	2,268
Tampin	373	5,265
Port Dickson	328	3,997
Jelebu	311	2,945
Negeri Sembilan	**2,997**	**51,118**

* Data daripada klinik kesihatan (Reten Registri Hipertensi NCD JKNNS) sehingga 31 Disember 2022.

B. PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN KESIHATAN MENTAL

Program Pencegahan dan Kawalan Kesihatan Mental dijalankan melalui perkhidmatan berikut:

i. Perkhidmatan Saringan dan Intervensi Minda Sihat di Klinik Kesihatan
ii. Penambahbaikan Saringan Minda Sihat di Kesihatan Primer
iii. Perkhidmatan Rawatan Pesakit Mental Stabil di Klinik Kesihatan
iv. Aktiviti Perkhidmatan Pegawai Psikologi Kaunseling di Kesihatan Primer

Program Pencegahan dan Kawalan Kesihatan Mental di Negeri Sembilan merangkumi pelbagai aspek dan melibatkan anggota kesihatan dan orang awam. Antara objektif utama Program Kesedaran Kesihatan Mental. adalah untuk mengurangkan stigma isu dan penyakit kesihatan mental di semua peringkat masyarakat. Pelbagai pendekatan diambil sepanjang tahun 2022, untuk menjalankan program-program termasuk secara fizikal dan media elektronik seperti Program Televisyen, Bual Bicara Radio, Facebook Live, serta Kursus dan Ceramah Atas Talian. Secara keseluruhan, sebanyak 85 program dijalankan sepanjang tahun 2022, melibatkan 9,229 anggota kesihatan dan orang awam seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8 : Aktiviti / Program Kesedaran Kesihatan Mental, 2022


Bil.	Daerah	Bilangan Aktiviti
1.	Unit NCD JKNNS	9
2.	Seremban	12
3.	Jempol	5
4.	Kuala Pilah	13
5.	Port Dickson	5
6.	Tampin	16
7.	Rembau	17
8.	Jelebu	8
	Jumlah	**85**

Perkhidmatan Saringan dan Intervensi Minda Sihat di Klinik Kesihatan

Perkhidmatan Saringan Minda Sihat dilakukan menggunakan Borang Soal Selidik DASS 21. Klien yang mempunyai tanda-tanda stres, *anxiety* dan kemurungan akan diberi intervensi minda sihat atau dirujuk kepada Pegawai Perubatan, Pakar Perubatan Keluarga atau Pakar Psikiatri untuk rawatan. Jika perlu, kepada Pegawai

Pemulihan Perubatan Carakerja. Secara keseluruhan, peratus klien mendapat skor DASS normal bagi setiap kategori stres, *anxiety* dan kemurungan adalah 92.0%, 90.3% dan 91.8% pada **Rajah 3**.

Rajah 3 : Keputusan Saringan Minda Sihat di Klinik Kesihatan, 2022



Penambahbaikan Saringan Minda Sihat di Kesihatan Primer


Penambahbaikan Saringan Minda Sihat di Kesihatan Primer adalah susulan daripada persetujuaan mesyuarat teknikal di antara Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Pakar Psikiatri, Pakar Kesihatan Keluarga berserta wakil dan pegawai yang menjalankan aktiviti saringan kesihatan mental di lapangan pada 5 November 2019.

Saringan Whooley, PHQ-9 dan GAD-7 dipilih untuk menggantikan DASS-21 mengikut kajian *literature review* didapati penggunaan saringan Whooley, GAD-2, PHQ-9 dan GAD-7 lebih spesifik untuk mengesan masalah kemurungan dan kebimbangan individu. Projek rintis menggunakan Whooley, PHQ-9 dan GAD-7 telah dijalankan pada tahun 2021 melibatkan satu klinik dari setiap daerah dan diteruskan pada tahun 2022. Hasil saringan seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9 : Data Penambahbaikan Saringan Minda Sihat Whooley di Kesihatan Primer, 2022

Daerah	Klinik Kesihatan	Sasaran / Bulan	Bil. Saringan (Jan - Dis 2022)	Peratus Pencapaian (%)
Seremban	KK. Seremban	360	549	152.5%
Jempol	KK. Palong 7, 8	360	364	101.1%
Kuala Pilah	KK. Juasseh	360	360	100.0%
Port Dickson	KK. Port Dickson	360	504	140.0%
Tampin	KK. Tampin	360	347	96.4%
Rembau	KK. Rembau	360	360	100.0%
Jelebu	KK. Pertang	360	360	100.0%
Negeri Sembilan		**2,160**	**2,844**	**131.7%**


Rajah 4 : Peratus Penambahbaikan Saringan Minda Sihat Whooley, 2022



Perkhidmatan Rawatan Pesakit Mental Stabil di Klinik Kesihatan


Perkhidmatan ini untuk pesakit yang sesuai dirawat sebagai pesakit luar di klinik-klinik kesihatan bagi memudahkan rawatan dan pemulihan serta membantu mengurangkan stigma komuniti terhadap pesakit mental.

Rajah 5 : Bilangan Kes Mental Stabil Baru Diagnosa di Klinik Kesihatan dan Hospital, 2022



Rajah 5 menunjukkan terdapat 92 kes mental baru menerima rawatan pada tahun 2022. Sebanyak 52 (57%) daripada jumlah ini merupakan kes yang telah didiagnosa di klinik kesihatan, Manakala, selebihnya 40 (43%) didiagnosa di hospital. pada tahun 2022. Pecahan jenis kes dapat dilihat pada **Rajah 6** dan majoriti adalah kes *Depression.* Jumlah kes semasa bagi rawatan mental stabil di Klinik Kesihatan Negeri Sembilan pada tahun 2022 adalah 880 pesakit.

Rajah 6 : Pecahan Jenis Kes Yang Di Diagnosa



Aktiviti Perkhidmatan Pegawai Psikologi Kaunseling

Pegawai Psikologi Kaunseling di kesihatan Primer di Negeri Sembilan adalah seramai 11 orang. Dua orang lantikan tetap dan sembilan orang lantikan secara kontrak. Perkhidmatan bermula pada Oktober 2020. Pelbagai aktiviti dijalankan di sepanjang tahun 2022 oleh Pegawai Psikologi Kaunseling ini sama ada di peringkat klinik dan juga komuniti. Pegawai Psikologi Kaunseling ini juga merupakan salah satu anggota kesihatan yang terlibat dalam menjalankan *Psychological First Aids* (PFA) semasa berlaku bencana seperti banjir yang melanda di beberapa daerah di Negeri Sembilan.

Jadual 10: Bilangan Pesakit Yang Mendapatkan Perkhidmatan Pegawai Psikologi Kaunseling Mengikut Kategori, 2022

Daerah	Individu	Kelompok	Perkahwinan / Keluarga	Tele-Kaunseling	Jumlah
Seremban	2,319	146	129	402	**2,995**
Jempol	280	0	0	138	**357**
Kuala Pilah	385	0	20	128	**531**
Port Dickson	483	1	5	111	**640**
Tampin	260	5	10	130	**405**
Rembau	367	144	0	132	**674**
Jelebu	210	39	3	113	**365**
Jumlah	**4,304**	**335**	**167**	**1,154**	**5,967**

C. PROGRAM KAWALAN DAN PENCEGAHAN KEMUDARATAN ALKOHOL


Saringan dan pendidikan kemudaratan alkohol dijalankan di semua klinik kesihatan serta komuniti yang berisiko tinggi di Negeri Sembilan. Saringan dilakukan sebanyak dua kali, saringan kedua ketagihan alkohol dilakukan enam bulan selepas program pendidikan intervensi. Sepanjang 2022, sebanyak 387 kes baru disaring di klinik kesihatan.

D. PROGRAM KAWALAN DAN PENCEGAHAN KECEDERAAN DAN KEGANASAN


Pemantauan kes kecederaan dan keganasan adalah melalui Khidmat One Stop Crisis Centre (OSCC) dan kes Suspected Child Abuse and Neglect (SCAN) di hospital kerajaan.

Khidmat OSCC terdapat di semua hospital kerajaan di Negeri Sembilan untuk membantu mangsa-mangsa penderaan seksual (rogol, cabul, liwat), penderaan fizikal, domestik, psikologi dan sebagainya dalam memberi pemeriksaan dan rawatan kesihatan, kaunseling, perlindungan serta bantuan undang- undang. Pada tahun 2022, terdapat 113 kes penderaan melibatkan mangsa dewasa, manakala 198 kes penderaan kanak-kanak dan remaja dilaporkan oleh hospital kerajaan di Negeri Sembilan (**Rajah 7 dan Rajah 8**). Definisi kes kanak- kanak dan remaja adalah mangsa berumur bawah 19 tahun.

Rajah 7 : Kes OSCC Yang Dilaporkan di Hospital Kerajaan di Negeri Sembilan, 2022




Rajah 8 : Jenis Deraan Yang Melibatkan Kanak-Kanak dan Remaja di Negeri Sembilan, 2022



	Deraan Kanak-kanak (0-9 tahun)	Deraan Kanak-kanak (10-17 tahun)	Deraan Remaja (18-19 tahun)	Deraan Dewasa
Fizikal	55	34	2	92
Seksual	29	89	8	20
Psikologi	1	0	0	1

Bagi kes SCAN pula, 64 (35.6%) daripada 180 kes disyaki penderaan dan pengabaian kanak-kanak melibatkan kecederaan tisu lembut, 63 (35.0%) melibatkan kes rogol, 36 (20.0%) kes cabul, 11 (6.1%) kes liwat, manakala 6 (3.3%) kecederaan fizikal yang lain (**Rajah 9**).

Rajah 9 : Jenis Kes Disyaki Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak di Negeri Sembilan, 2022



E. PROGRAM PENCEGAHAN DAN KANSER REGISTRI KANSER

Program Pencegahan dan Registri Kanser dijalankan melalui perkhidmatan berikut:
1. Perkhidmatan Saringan Kanser Kolorektal
2. Registri Kanser

Perkhidmatan Saringan Kanser Kolorektal

Perkhidmatan saringan kanser kolorektal bermula di Negeri Sembilan sejak Ogos 2010 dan kemudian diperluaskan ke semua klinik kesihatan pada tahun 2012 sehingga kini. Kit iFOBT (*Immunofluorescent Faecal Occult Blood Test*) dibekalkan oleh KKM sebagai alat untuk saringan. Saringan ini dikhaskan untuk klien yang berumur 50-75 tahun yang tidak mempunyai sebarang gejala. Klien yang positif iFOBT akan dirujuk ke Jabatan Pembedahan, Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah untuk pengesahan kanser melalui kolonoskopi.

Jadual 9 : Saringan Kanser Kolorektal di Klinik Kesihatan di Negeri Sembilan, 2022

Saringan	Positif iFOBT	Kes yang menjalani Kolonoskopi	Keputusan Kolonoskopi			
			Normal	Colonic polyps	Lain-lain Diagnosa	Kanser
3,239	477 (14.7%)	143 (34.2%)	86 (60.1%)	9 (1.9%)	9 (3.7%	6 (4.2%)

Pada tahun 2022 (sehingga Disember 2022), 477 (14.7%) daripada 3,239 klien yang menjalani saringan didapati positif iFOBT. Seramai 143 kes menjalani kolonoskopi. Terdapat 6 (4.2%) kes dikesan kanser kolorektal. Terdapat 9 (1.9%) kes dikesan *Colonic Polyps* dan 9 (3.7%) kes dikesan sebagai lain-lain diagnosis, manakala 86 (60.1%) kes adalah normal selepas melakukan ujian pengesahan kolonoskopi.

Registri Kanser Negeri Sembilan

Pada tahun 2019, satu sistem mula digunakan bagi pendaftaran kes kanser iaitu sistem MyHDW (Malaysian Health Data Warehouse). MyHDW merupakan satu pusat pengumpulan data kesihatan yang mengumpul data berkenaan kesihatan dari fasiliti kesihatan di seluruh Malaysia melalui Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) dan Patient Registry Information System (PRIS). Data kanser didaftarkan oleh anggota kesihatan yang mendiagnos atau sebahagian daripada pasukan pesakit yang menghidapi kanser di hospital.

Jadual 10 : Bilangan Kes Kanser Didaftarkan Ke Dalam Sistem MyHDW Oleh Hospital, 2022

Hospital	Bilangan Kes Kanser Didaftar
Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	157
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	10
Jumlah	**167**

Program Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan

Program ini bermula pada Oktober 2017 di seluruh Malaysia. Tujuan utama sistem dilaksanakan adalah untuk menambah baik statistik penyebab dan pengesah kematian di Malaysia yang melibatkan kematian-kematian berlaku di luar hospital. Pelaksanaan sistem dengan menjalankan temuramah kepada waris terdekat kepada si mati berpandukan soal selidik. Waris terdekat akan ditemuramah bagi mendapatkan maklumat berkaitan penyakit

dan keadaan kesihatan si mati sebelum meninggal dunia. Kes kematian pada tahun 2021 dijalankan siasatan pada tahun 2022 dan selesai pada Julai 2022. Kes kematian diterima 6 bulan daripada tarikh sebenar kematian. Jumlah kes kematian di Negeri Sembilan adalah sebanyak 3,066. Sebanyak 1,484 (48.4%) kes berjaya ditemuramah manakala 1,582 (51.6%) kes tidak berjaya ditemuramah.

Jadual 11 : Bilangan dan Peratus Pencapaian Siasatan Kes Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan Bagi Kematian, 2021

Daerah	Seremban	Jempol	Port Dickson	Tampin	K.Pilah	Rembau	Jelebu	N.Sembilan
Jumlah Kematian	1,570	483	429	385	370	226	210	3,673
Kes Telah Diselesaikan	1559 (99.3%)	477 (98.8%)	429 (100%)	382 (99.2%)	364 (98.4%)	226 (100%)	204 (97.1%)	3,641 (99.1%)
Kes Berjaya Ditemuramah	570 (36.6%)	388 (81.3%)	285 (66.4%)	182 (47.6%)	278 (76.4%)	206 (91.2%)	148 (72.5%)	2,057 (56.5%)
Kes Tidak Berjaya Ditemuramah	989 (63.4%)	89 (18.7%)	144 (33.6%)	200 (52.4%)	86 (23.6%)	20 (8.8%)	56 (27.5%)	1,584 (43.5%)
Kes Masih Dalam Siasatan	11	6	0	3	6	0	6	32

Rajah 10 : Menunjukkan Status Kes Program Verifikasi Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan Yang Tidak Berjaya di Temuramah Bagi Tahun 2021 di Negeri Sembilan



F. PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN TEMBAKAU

Program Kawalan Tembakau di Negeri Sembilan pada tahun 2022 berteraskan program di bawah dasar *Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)*. Di bawah strategi ini, program kawalan tembakau melibatkan pelbagai aktiviti yang berpandukan strategi **MPOWER** iaitu:

- ***M****onitor Tobacco use and prevention policies* (Memantau prevalen, trend merokok dan penggunaan tembakau)
- ***P****rotect people from tobacco smoke (*Pelindungan daripada asap rokok)
- ***O****ffer help to quit tobacco use* (Perkhidmatan berhenti merokok)
- ***W****arn about dangers of tobacco* (Amaran kemudaratan dan bahaya rokok)
- ***E****nforce bans on tobacco advertising, promotion and sponsorship* (Penguatkuasaan ke atas iklan, promosi dan tajaan berkaitan rokok dan syarikat rokok)
- ***R****aise taxes on tobacco* (Cukai rokok ditingkatkan).

Bagi pelaksanaan strategi perkhidmatan berhenti merokok, satu kerjasama di antara perkhidmatan awam dan swasta dilaksanakan pada tahun 2021. Program Berhenti Merokok mQuit adalah program kerjasama di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi lain seperti Akademi Farmasi Malaysia, Johnson and Johnson Sdn. Bhd., Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaya. Terdapat tiga jenis perkhidmatan berhenti merokok ditawarkan di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta di seluruh Negeri Sembilan termasuk:

1. Program berhenti merokok di klinik kesihatan kerajaan di bawah seliaan Unit Kesihatan Primer, Bahagian Kesihatan Awam.
2. Program berhenti merokok di hospital kerajaan di bawah seliaan Unit Kualiti, Bahagian Perubatan.
3. Program berhenti merokok di fasiliti swasta di bawah seliaan Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit, Bahagian Kesihatan Awam.

Bagi program berhenti merokok di fasiliti swasta yang merupakan program di bawah seliaan Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit, terdapat 11 farmasi swasta pada tahun 2022 yang diakreditasi untuk menawarkan perkhidmatan mQuit. Senarai farmasi persendirian yang terlibat adalah berikut:

1. Caring Pharmacy (Palm Mall, Seremban)
2. Alpro Pharmacy (Taipan Senawang)
3. Alpro Pharmacy (Ampangan)
4. Alpro Pharmacy (Jalan Dato' Sheikh Ahmad, Seremban)
5. Alpro Pharmacy Seremban Flagship
6. Alpro Pharmacy (Regina Mall, Port Dickson)
7. Alpro Pharmacy (Kuala Pilah)
8. Guardian Pharmacy Nilai
9. Guardian Pharmacy Seremban 2
10. Guardian Pharmacy Seremban
11. KPJ Seremban Specialist Hospital

Secara keseluruhannya, pencapaian Program Berhenti Merokok di Negeri Sembilan pada tahun 2022 adalah 56.8%, melepasi sasaran ditetapkan pada kadar melebihi 35%. Namun demikian, pemantauan secara berterusan akan dijalankan bagi menambah baik perkhidmatan berhenti merokok di semua fasiliti yang terlibat dari masa ke semasa. Aktivti pemantauan pelaksanaan perkhidmatan berhenti merokok di ketiga-tiga fasiliti dijalankan pada tahun 2022. Pencapaian perkhidmatan berhenti merokok di ketiga-tiga fasiliti disenaraikan seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Pencapaian Program Berhenti Merokok Di Negeri Sembilan, 2022

Daerah	Indikator Pencapaian Januari - Disember 2022		
	Peratus klien berhenti merokok dalam tempoh 6 bulan di klinik kesihatan	Peratus klien berhenti merokok dalam tempoh 6 bulan di hospital	Peratus klien berhenti merokok dalam tempoh 6 bulan di fasiliti swasta
Seremban	39/79 = 49.37%	29/50 = 58%	NA
Kuala Pilah	16/29 = 55.17%	0/0=0%	NA
Tampin	1/5 = 20%	4/19 = 21.05%	NA
Port Dickson	6/7 = 85.71%	5/11 = 45.45%	NA
Jempol	5/10 = 50%	NA	NA
Jelebu	9/10 = 90%	NA	NA
Rembau	12/15 = 80%	NA	NA
Negeri Sembilan	**88/155 = 56.77%**	**38/80 = 47.5%**	**NA**

Selain dari program berhenti merokok, aktiviti penguatkuasaan kawasan larangan merokok juga diteruskan di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004**. Berdasarkan peraturan ini, aktiviti penguatkuasaan dijalankan di bawah Peraturan (11), (PPKHT) 2004. Selain itu, penguatkuasaan juga dijalankan di bawah Peraturan 12(1) (a) dan 12(1) (b) PPKHT 2004, semua pemilik premis hendaklah memastikan tempat

makan bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok dengan tidak menyediakan peralatan seperti bekas abu rokok serta lain-lain kemudahan merokok. Penguatkuasaan adalah selari dengan Perjanjian World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) bagi memastikan kesihatan dan keselesaan segenap lapisan masyarakat di tempat awam. Aktiviti penguatkuasaan ini dijalankan secara berterusan dengan kerjasama Unit Inspektorat dan Penguatkuasaan (UIP), untuk aktiviti Operasi Bersepadu dan Penguatkuasaan di semua daerah di Negeri Sembilan.

Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) juga menyumbang kepada aktiviti kawalan tembakau melalui program seperti Rumahku Bebas Asap Rokok (RBAR), pemasangan tanda larangan merokok di premis-premis PPKHT, dan majlis rasmi bebas asap rokok di dalam lokaliti KOSPEN. Pada tahun 2022, sebanyak 196 kawasan atau premis yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok di bawah lokaliti KOSPEN memasang papan tanda larangan merokok. Di samping itu, sebanyak 790 rumah di bawah lokaliti KOSPEN mendapat pengiktirafan “Rumahku Bebas Asap Rokok” yang mana menyumbang kepada pencapaian melebihi target yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 10 buah rumah mendapat pengiktirafan "Rumahku Bebas Asap Rokok" di dalam lokaliti KOSPEN. Aktiviti kawalan tembakau akan dijalankan secara berterusan dengan kerjasama pelbagai pihak di semua peringkat untuk mencapai matlamat The End Game menjelang tahun 2045.

G. PROGRAM KOMUNITI SIHAT PEMBINA NEGARA (KOSPEN)

Program "Komuniti Sihat Pembina Negara" (KOSPEN) diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2013, sebagai usaha menangani masalah peningkatan bebanan Penyakit Tidak Berjangkit di negara ini. Program berkonsepkan dari masyarakat untuk masyarakat, iaitu kumpulan sukarelawan yang dilatih merupakan tunjang pelaksanaan aktiviti di lokaliti yang mengambil bahagian dengan objektif menggalakkan penglibatan ahli masyarakat dalam aktiviti kesihatan.

Pelaksanaan inisiatif adalah melalui pendekatan agresif dengan penubuhan pasukan sukarelawan GSiM daripada kalangan masyarakat di seluruh negara yang akan bertindak sebagai agen penggerak kesihatan. Objektif utama program KOSPEN adalah menurunkan atau mengekang peningkatan prevalen penyakit tidak berjangkit melalui usaha yang agresif dan komprehensif ke arah peningkatan pemerkasaan dan penglibatan masyarakat dan individu dalam aktiviti pencegahan dan pengendalian kendiri faktor risiko penyakit tidak berjangkit. Antara modul pelaksanaan program KOSPEN termasuk:

1. Saringan kesihatan kendiri
2. Gaya hidup sihat
3. Amalan pemakanan sihat
4. Pengurusan berat badan
5. Amalan tidak merokok
6. Saringan minda sihat
7. Saringan kemudaratan alkohol di kalangan komuniti

Jadual 2 : Bilangan Lokaliti KOSPEN Di Negeri Sembilan Mengikut Agensi, 2013 - 2022

Tahun / Agensi	KOSPEN KEMAS	KOSPEN JPNIN	Lain-Lain	Jumlah
2013	23	-	-	23
2014	100	20	-	120
2015	100	20	-	120
2016	67	21	6	94
2017 - 2018	Tiada perubahan lokaliti			94
2019	25	53	1	79
2020	25	46	5	76
2021	31	45	5	81
2022	31	47	1	79

Jadual 3 : Senarai Lokaliti KOSPEN Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan

Daerah	KOSPEN KPLB	KOSPEN JPNIN	Lain-Lain	Jumlah
Seremban	7	22	-	29
Jempol	4	5	-	9
Port Dickson	3	4	1 (KOSPEN OA)	8
Kuala Pilah	11	4	-	15
Tampin	3	3	-	6
Rembau	3	5	-	8
Jelebu	0	4	-	4
Negeri Sembilan	**31**	**47**	**1**	**79**


Sehingga 31 Disember 2022, seramai 30,470 penduduk berumur 18 tahun dan ke atas di Negeri Sembilan disaring berdasarkan modul saringan kesihatan KOSPEN. Daripada jumlah penduduk yang disaring, seramai 519 (1.7%) dikesan mempunyai faktor risiko bacaan tekanan darah >140/90 mmHg, 495 (1.63%) dikesan mempunyai paras gula dalam darah >6.8mmol/l, 210 (0.69%) mempunyai BMI >35 kg/m^2 dan 604 (1.98%) adalah di kalangan perokok **(Jadual 4).**

Jadual 4 : Pencapaian Saringan Faktor Risiko Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) Program KOSPEN Negeri Sembilan, 2022

Daerah	Bil. Penduduk >18 Tahun Disaring	Bil. Penduduk >18 Tahun Mempunyai Faktor Risiko BMI (>35KG/M)	Bil.Penduduk >18 Tahun Mempunyai Faktor Risiko Tekanan Darah Tinggi (>140/90mmHg)	Bil. Penduduk >18 Tahun Mempunyai Faktor Risiko Paras Gula >6.8mmol/L	Bil. Penduduk >18 Tahun Disaring Merokok
Seremban	1,4305	61 (0.42%)	122 (0.85%)	98 (0.69%)	356 (2.49%)
Kuala Pilah	2,435	24 (0.99%)	71 (2.92%)	64 (2.63%)	5 (0.21%)
Port Dickson	2,855	39 (1.37%)	59 (2.07%)	28 (0.98%)	61 (2.14%)
Jempol	3,764	41 (1.09%)	118 (3.13%)	87 (2.31%)	90 (2.39%)
Jelebu	1,612	4 (0.25%)	4 (0.25%)	11 (0.68%)	5 (0.31%)
Rembau	1,600	7 (0.43%)	20 (1.25%)	25 (1.56%)	27 (1.69%)
Tampin	3,899	34 (0.87%)	125 (3.21%)	163 (4.18%)	60 (1.54%)
Negeri Sembilan	**30,470**	**210 (0.69%)**	**519 (1.70%)**	**476 (1.56%)**	**604 (1.98%)**

Mereka yang dikesan mempunyai faktor risiko dirujuk ke Klinik Kesihatan oleh sukarelawan GSiM sendiri untuk tindakan lanjut. Seramai 135 (64.29%) dikesan mempunyai BMI >35kg/m^2, 397 (76.50%) mempunyai tekanan darah >140/90 mmHg, 323 (67.86%) dengan paras gula >6.8 mmol/L dan 94 (15.56%) perokok dikesan melalui saringan kesihatan telah dirujuk ke klinik kesihatan **(Rajah 1)**. Usaha pasukan sukarelawan GSiM adalah terpuji kerana diharapkan pengesanan awal dapat mengelakkan komplikasi penyakit tidak berjangkit daripada berlaku dan sekaligus mengurangkan beban penyakit tersebut di Malaysia.

Rajah 1: Bilangan Rujukan Ke Klinik Kesihatan Melalui Saringan Kesihatan



Pembudayaan amalan hidup sihat melalui pemakanan sihat, gaya hidup aktif dan persekitaran sihat bebas asap rokok mula meresap ke dalam budaya sesebuah lokaliti KOSPEN. Hampir semua lokaliti KOSPEN yang terlibat mencapai sasaran indikator budaya hidup sihat yang ditetapkan. Ini termasuk amalan pemakanan sihat dengan menyediakan buah-buahan dan sayur-sayuran di majlis rasmi, mengasingkan gula daripada minuman panas dan menyediakan air kosong. Pembangunan prasarana seperti papan tanda trek 10,000 langkah di lokaliti KOSPEN dijalankan bagi menggalakkan gaya hidup aktif di kalangan masyarakat setempat. Bagi memastikan persekitaran sihat bebas asap rokok, semua kawasan awam diwartakan sebagai kawasan larangan merokok diletakkan papan tanda larangan merokok di samping penganugerahan Rumah Bebas Asap Rokok (RBAR) di kalangan lokaliti KOSPEN yang terlibat seperti di **Jadual 5.**

Jadual 5 : Pencapaian Budaya Hidup Sihat Program KOSPEN Negeri Sembilan, 2022

Sasaran Indikator Proses	KOSPEN KEMAS	KOSPEN JPNIN
50% majlis rasmi menyediakan buah-buahan	13 (100%)	40 (100%)
50% majlis rasmi mengasingkan gula daripada minuman panas	42 (100%)	95 (100%)
50% majlis rasmi menyediakan air kosong	50 (100%)	109 (100%)
50% majlis rasmi menyediakan sayur-sayuran (sekiranya ada hidangan berat)	13 (100%)	40 (100%)
Sekurang-kurang satu (1) trek 10,000 langkah	28 (100%)	38 (100%)
100% kawasan awam yang diwartakan di bawah PPKHT meletakkan papan tanda larangan merokok	92 (100%)	104 (100%)
Mencapai sasaran 10 rumah RBAR / lokaliti	24 (77.42%)	32 (68.09%)

Pada tahun 2022, program KOSPEN dilaksanakan berlandaskan garis panduan norma baharu program selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan berikutan penularan wabak COVID-19. Sehubungan dengan itu, projek pemerkasaan komuniti iaitu sukarelawan KOSPEN bertindak sebagai agen penggerak kesihatan dijalankan dalam usaha mengekang penularan jangkitan COVID-19 di kalangan masyarakat setempat di Negeri Sembilan. Selaras dengan objektif utama program ini, peranan sukarelawan KOSPEN diangkat sebagai agen penggerak kesihatan di lokaliti KOSPEN masing-masing.

Selain aktiviti saringan faktor risiko penyakit tidak berjangkit yang dijalankan berdasarkan modul pelaksanaan program KOSPEN, sukarelawan KOSPEN terlibat dalam membantu penularan jangkitan COVID-19 melalui aktiviti pemantauan dan pematuhan *SOP* di kalangan lokaliti KOSPEN masing-masing. Sukarelawan KOSPEN yang terlatih dilihat dapat membantu petugas kesihatan memantau adaptasi komuniti terhadap garis panduan norma baharu sebagai langkah pencegahan jangkitan COVID-19 di kalangan masyarakat setempat.

Perjalanan program KOSPEN di Negeri Sembilan kini memasuki tahun kesembilan penubuhan. Program KOSPEN yang dijalankan secara berterusan berjaya mengenalpasti dan merujuk penduduk yang mempunyai faktor risiko penyakit tidak berjangkit ke fasiliti yang berdekatan agar ujian diagnostik dan rawatan awal dapat diberi. Program ini juga giat mengubah amalan budaya hidup sihat penduduk dari segi pemakanan sihat dan mewujudkan kawasan persekitaran yang menyokong gaya hidup aktif. Pelaksanaan program dan kesan jangka pendeknya dapat direliasasikan di semua peringkat. Skop pelaksanaan program KOSPEN di Negeri Sembilan dijangka akan terus dimantapkan dan diperluaskan pada tahun seterusnya.

2.7 UNIT KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR

PENGENALAN

Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar menjalankan dua Program utama iaitu Program Kesihatan Pekerjaan dan Program Kesihatan Alam Sekitar.

Di bawah Program Kesihatan Pekerjaan, fungsi utama unit ini adalah bertanggungjawab di dalam hal-hal berkaitan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja khasnya kakitangan-kakitangan kesihatan melalui aktiviti-aktiviti seperti pengesanan serta notifikasi penyakit pekerjaan, kecederaan dan keracunan, latihan-latihan dan promosi berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta menjalankan pengawasan perubatan ke atas pekerja yang berisiko tinggi di klinik kesihatan pekerjaan. Unit ini bekerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan lain terutamanya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) serta Jabatan Pertanian di dalam menentukan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja-pekerja di industri berkaitan adalah terjamin.

Di bawah Program Kesihatan Alam Sekitar pula, fungsi utama unit untuk membantu dalam hal-hal berkaitan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan persekitaran. Unit ini bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam memastikan kesejahteraan alam sekitar.

VISI

Ke arah negeri yang sihat dan produktif melalui promosi kesihatan pekerja untuk mencapai kesihatan yang mampan bagi setiap individu.

MISI

Untuk mempromosikan taraf kesihatan yang berkualiti melalui pencegahan dan kawalan penyakit, kecederaan dan ketidakupayaan yang disebabkan oleh interaksi di antara manusia dan pekerjaan.

OBJEKTIF AM

i. Untuk memberi perkhidmatan kesihatan komprehensif kepada golongan pekerja dengan penekanan kepada aspek promosi, pencegahan dan penjagaan kesihatan.
ii. Mewujudkan persekitaran yang sihat dan kondusif untuk kesihatan fizikal dan mental masyarakat.

OBJEKTIF KHUSUS

Program Kesihatan Pekerjaan

i. Mempromosi kesihatan pekerjaan kepada anggota kesihatan dan masyarakat.
ii. Menjalankan survelan kemalangan, keracunan dan penyakit pekerjaan.
iii. Memberi perkhidmatan kesihatan pekerjaan melalui aktiviti-aktiviti dari peringkat pencegahan hingga ke peringkat penjagaan kesihatan.
iv. Menyediakan langkah-langkah pencegahan yang berkesan terhadap persekitaran tempat kerja yang berisiko.

Program Kesihatan Alam Sekitar

i. Mempromosi persekitaran yang selamat dan sihat kepada masyarakat.
ii. Menjalankan survelan hazad persekitaran dan menjalankan intervensi yang bersesuaian.

PENCAPAIAN AKTIVITI-AKTIVITI

PROGRAM KESIHATAN PEKERJAAN

Program Survelan Penyakit Pekerjaan


Di bawah program ini, tumpuan utama unit ini adalah mengumpul data penyakit-penyakit pekerjaan. Aktiviti ini sebagai memenuhi kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) dan Akta Pestisid 1974.

Kemalangan yang paling kerap berlaku di fasiliti kesihatan KKM adalah kecederaan tercucuk alatan tajam terutamanya jarum. Manakala, di antara penyakit-penyakit pekerjaan yang diberi tumpuan adalah penyakit respiratori pekerjaan, penyakit kulit pekerjaan, keracunan kimia/penyakit lain-lain, kekerasan anggota KKM dan juga kecederaan di kalangan anggota kesihatan. Borang notifikasi yang digunakan adalah seperti yang disediakan oleh Unit Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jadual 1 : Bilangan Kes-kes Penyakit Pekerjaan, Kecederaan Termasuk Keracuna Kimia/Pestisid Di Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Penyakit Pekerjaan	2018	2019	2020	2021	2022
Penyakit Kulit Bil. Kes	0	2	3	6	2
Penyakit Paru-paru Bil. Kes	4	6	80	704 (COVID - 694, PTB -10)	388 (COVID - 384, PTB - 4)
Keracunan Kimia / Penyakit Lain Bil. Kes	3	7	8	10	5
Kecederaan di Fasiliti Kesihatan KKM Bil. Kes	161	180	125	146	151
Bil. Kekerasan Anggota KKM	39	13	13	11	21
NIHL Bil. Kes	0	0	0	0	0
Ergonomik	0	0	0	0	0
Jumlah	**207**	**208**	**229**	**877**	**567**

Graf 1 : Insiden dan Bilangan Kecederaan Alatan Tajam Di Fasiliti Kesihatan KKM, 2018 - 2022



Jadual 2 : Jenis Kecederaan Pekerjaan di Fasiliti Kesihatan KKM Negeri Sembilan di Kalangan Anggota Kesihatan, 2018 - 2022

	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Tercucuk Jarum *'Hollow bore dan suture needle'*	67	55	50	70	50
Bil Tercucuk Alatan Tajam Lain (selain *'Hollow bore dan suture needle'*)	12	18	17	6	19
Bil. Kecederaan Lain	74	94	58	62	74
Jumlah	**153**	**167**	**125**	**138**	**143**

Jadual 3: Jenis Kecederaan Pekerjaan di Fasiliti Kesihatan KKM Negeri Sembilan di Kalangan Lain-lain Anggota, 2022

Jenis Kecederaan	Operator Sinar Jernih	Pelatih Pen. Peg. Perubatan / Pelatih Peg. Farmasi / Pelatih Jururawat	Pengawal Keselamatan	Jumlah
Bil. Tercucuk Jarum 'Hollow bore dan suture needle'	6	2	0	8
Bil. Tercucuk Alatan Tajam Lain (selain ' Hollow bore dan suture needle')	0	0	0	0
Bil. Kecederaan Lain	0	0	0	0
Jumlah	**6**	**2**	**0**	**8**

Jadual 4 : Bilangan Kes-Kes Kecederaan Pekerjaan Di Kalangan Anggota Kesihatan Yang Dilaporkan Mengikut Hospital, Kesihatan dan Pergigian Di Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Fasiliti	2018		2019		2020		2021		2022	
	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	78	46.9	57	46.0	78	46.9	57	46.0	48	31.8
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	16	9.6	10	8.1	16	9.6	10	8.1	15	9.9
Hospital Port Dickson	10	6.0	8	6.5	10	6.0	8	6.5	11	7.3
Hospital Tampin	0	0	0	0	0	0	0	0	3	2.0
Hospital Jelebu	0	0	2	1.6	0	0	2	1.6	0	0
Hospital Jempol	0	0	1	0.8	0	0	1	0.8	2	1.3
Hospital Rembau	-	-	-	-	-	-	-	-	5	3.3
PKD Seremban	42	25.3	21	17.0	42	25.3	21	17.0	33	21.9
PKD Kuala Pilah	1	0.6	0	0	1	0.6	0	0	1	0.7
PKD Port Dickson	3	1.8	3	2.4	3	1.8	3	2.4	2	1.3
PKD Tampin	2	1.2	4	3.2	2	1.2	4	3.2	13	8.6
PKD Jelebu	3	1.8	4	3.2	3	1.8	4	3.2	1	0.7
PKD Jempol	0	0	1	0.8	0	0	1	0.8	1	0.7
PKD Rembau	2	1.2	1	0.8	4	3.2	1	0.7	6	4.0
Pergigian Seremban	5	3.0	7	5.6	5	4.0	7	4.8	3	2.0

Fasiliti	2018		2019		2020		2021		2022	
	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)	Bil.	(%)
Pergigian Kuala Pilah	1	0.6	1	0.8	2	1.6	1	0.7	1	0.7
Pergigian Port Dickson	0	0	0	0	2	1.6	3	2.0	2	1.3
Pergigian Tampin	0	0	0	0	1	0.8	1	0.7	1	0.7
Pergigian Jelebu	0	0	3	2.4	0	0	5	3.4	2	1.3
Pergigian Jempol	1	0.6	0	0	0	0	0	0	1	0.7
Pergigian Rembau	0	0	1	0.6	0	0	2	1.4	0	0
Jumlah	**161**	**100**	**180**	**100**	**125**	**100**	**146**	**100**	**151**	**100**

Jadual 5 : Bilangan Kes Kecederaan Lain (Bukan Alatan Tajam) Di Kalangan Anggota Kesihatan Di Negeri Sembilan Mengikut Mekanisma, 2022

Mekanisma Kecederaan	Kecederaan	
	Bil.	%
Percikan darah / cecair badan	4	5.4
Kemalangan kenderaan bermotor	51	68.9
Jatuh dari tempat tinggi	0	0
Jatuh / tergelincir di paras (*level*) yang sama	6	8.1
Cedera semasa mengendali / mengangkat / membawa	3	4.1
Lain-lain	10	13.5
Jumlah	**74**	**100**

Jadual 6 : Bilangan Kes-Kes Keracunan Yang Dilaporkan Mengikut Situasi Kejadian Di Negeri Sembilan, 2022

Situasi Kejadian	Bilangan Kes Keracunan Pestisid / Kimia	Peratus (%)
Occupational	1	100
Suicide	0	0
Accidental (Non-Occupational)	0	0
Homicide	0	0
Jumlah	**1**	**100**

PROGRAM PROMOSI KESIHATAN TEMPAT KERJA

Audit Keselamatan dan Kesihatan

Audit Keselamatan dan Kesihatan dimulakan pada tahun 2000. Di antara fasiliti-fasiliti kesihatan yang menjalankan audit pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

Jadual 7 : Bilangan Lokasi Audit Keselamatan Dan Kesihatan Yang Telah Dijalankan Mengikut Fasiliti Di Negeri Sembilan, 2022

Fasiliti	Bilangan Lokasi Audit Keselamatan Dijalankan
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	14
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah	8
Pejabat Kesihatan Daerah Jempol	7

Fasiliti	Bilangan Lokasi Audit Keselamatan Dijalankan
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	6
Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	6
Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu	5
Pejabat Kesihatan Daerah Rembau	4
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	4
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	14
Hospital Jempol	11
Hospital Tampin	10
Hospital Port Dickson	8
Hospital Jelebu	14
Hospital Rembau	6
Pergigian Seremban	17
Pergigian Kuala Pilah	9
Pergigian Jempol	9
Pergigian Tampin	8
Pergigian Port Dickson	8
Pergigian Jelebu	4
Pergigian Rembau	4
Jumlah	**176**

PROGRAM PENJAGAAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Sebanyak 65 Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) ditubuhkan di Pejabat-pejabat Kesihatan Daerah, Pergigian, Hospital-hospital, Klinik Kesihatan dan di Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan.

Jadual 8 : Bilangan Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Mengikut Fasiliti Di Negeri Sembilan, 2022

Fasiliti	Bilangan JKKP
Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan	1
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	14
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah	8
Pejabat Kesihatan Daerah Jempol	7
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	6
Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	6
Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu	5
Pejabat Kesihatan Daerah Rembau	4
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	1
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	1
Hospital Jempol	1
Hospital Tampin	1
Hospital Port Dickson	1
Hospital Jelebu	1
Hospital Rembau	1

Fasiliti	Bilangan JKKP
Pergigian Seremban	1
Pergigian Kuala Pilah	1
Pergigian Jempol	1
Pergigian Tampin	1
Pergigian Port Dickson	1
Pergigian Jelebu	1
Pergigian Rembau	1
Jumlah	**65**

Program Kepastian Kualiti *(Quality Assuarance Indicator)*

Satu indikator kebangsaan di bawah Program Kepastian Kualiti *(Quality Assurance Program)* dibentuk iaitu indikator bagi tercucuk jarum (needle stick injury) di kalangan kakitangan kesihatan KKM. Jarum yang terlibat adalah dari jenis '*hollow bore'* dan '*suture needle'* sahaja. Indikator ini digunapakai oleh KKM sejak Disember 1998. Berikut adalah Pencapaian Program Kepastian Kualiti bagi Negeri Sembilan pada tahun 2022 :

Jadual 9 : Pencapaian Indikator Program Kepastian Kualiti (Kadar Kejadian Tercucuk Jarum Di Kalangan Anggota Kesihatan KKM) Bagi Kitaran 1 (Januari - Jun 2022)

Bil.	Nama Fasiliti	Jumlah kes NSI	Jumlah Kakitangan Yang Terdedah Kepada Jarum (HCWS at Risk)	Kadar Insiden Bagi Setiap 1000 Mengikut Kategori "Incidence Rate (Occupation Specific)"
1.	Hospital Tuanku Jaafar	10	2,722	10/2,722 X 1,000 = 3.7
2.	Hospital Tuanku Ampuan Najihah	1	1172	1/1,172 X 1,000 = 6.0
3.	Hospital Port Dickson	2	471	2/471 X 1,000 = 4.2
4.	Hospital Tampin	1	367	1/367 X 1,000 = 2.7
5.	PKD Seremban	1	1/1,256	1/1256 X 1,000 = 0.8
6.	Pejabat Pergigian Port Dickson	1	116	1/116 X 1,000 = 8.6
7.	Pejabat Pergigian Kuala Pilah	1	147	1/147 X 1,000 = 6.8
	Negeri Sembilan	**17**	**** 9,554**	**17/9,554 x 1,000 = 1.8**

** merupakan jumlah keseluruhan kakitangan KKM di Negeri Sembilan yang berisiko terdedah kepada jarum pada kitaran berkaitan

Jadual 10 : Pencapaian Indikator Program Kepastian Kualiti (Kadar Kejadian Tercucuk Jarum Di Kalangan Anggota Kesihatan KKM) Bagi Kitaran 2 (Julai-Disember 2022)

Bil.	Nama Fasiliti	Jumlah kes NSI	Jumlah Kakitangan Yang Terdedah Kepada Jarum (HCWs at risk)	Kadar Insiden Bagi Setiap 1000 Mengikut Kategori "Incidence Rate (Occupation Specific)"
1.	Hospital Tuanku Jaafar	18	2,749	18/2,749 x 1,000 = 6.5
2.	Hospital Tuanku Ampuan Najihah	7	950	7/950 x 1,000 = 7.4
3.	Hospital Port Dickson	2	444	2/444 x 1,000 = 4.5
4.	Hospital Tampin	2	350	2/350 x 1,000 = 5.7
5.	PKD Seremban	3	1,253	3/1,253 x 1,000 = 2.4
6.	Pejabat Pergigian Seremban	1	409	1/409 x 1,000 = 2.4
	Negeri Sembilan	**33**	****9,393**	**33/9,393 x 1,000 = 3.5**

Program KOSPEN WOW (Komuniti Sihat Pembina Negara Di Tempat Kerja)

Program KOSPEN WOW merupakan program intervensi faktor risiko Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) untuk membentuk amalan budaya hidup secara sihat dalam kalangan majikan dan pekerja. Majikan berperanan dalam memberi komitmen, sokongan padu dan memastikan kelangsungan program. Secara umumnya, objektif Program KOSPEN WOW dilaksanakan untuk membina pekerja yang sihat dan produktif dengan persekitaran kerja kondusif ke arah pembentukan budaya kerja yang sihat.

Jadual 11 : Bilangan Lokaliti KOSPEN WOW (Agensi Luar) Ditubuhkan, 2022

Fasiliti	Bilangan Lokasi KOSPEN WOW (Agensi Luar) Ditubuhkan
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	1
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah	1
Pejabat Kesihatan Daerah Jempol	2
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	1
Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	1
Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu	1
Pejabat Kesihatan Daerah Rembau	2
Jumlah	**9**

Jadual 12 : Peratus Pekerja Di Lokaliti Program KOSPEN WOW (Agensi Luar) Disaring Untuk Faktor Risiko NCD, 2022

PTJ	Bilangan Pekerja Yang Telah Disaring	Bilangan Pekerja Yang Layak Disaring	% Pekerja Yang Telah Disaring
Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	39	39	100
Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah	102	102	100
Pejabat Kesihatan Daerah Jempol	10	12	83.3
Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	26	26	100
Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	23	23	100
Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu	42	42	100
Pejabat Kesihatan Daerah Rembau	21	21	100
Negeri Sembilan	**263**	**265**	**99.2**

Jadual 13 : Peratus Pekerja Di Lokaliti Program KOSPEN WOW (Fasiliti KKM) Disaring Untuk Faktor Risiko NCD, 2022

PTJ	Bilangan Pekerja Yang Telah Disaring	Bilangan Pekerja Yang Layak Disaring	% Pekerja Yang Telah Disaring
HTJ Seremban	2,225	3,510	63.4
HTAN Kuala Pilah	1,158	1,158	100
Hospital Port Dickson	503	535	94.0
Hospital Tampin	303	323	93.8
Hospital Jelebu	162	225	72
Hospital Jempol	195	195	100
Hospital Rembau	277	277	100
PKD Seremban	1,221	1,239	98.5
PKD Kuala Pilah	445	445	100

PTJ	Bilangan Pekerja Yang Telah Disaring	Bilangan Pekerja Yang Layak Disaring	% Pekerja Yang Telah Disaring
PKD Port Dickson	448	448	100
PKD Tampin	363	367	98.9
PKD Jelebu	285	285	100
PKD Jempol	405	476	85.1
PKD Rembau	215	228	94.3
PPD Seremban	219	237	92
PPD Kuala Pilah	138	138	100
PPD Port Dickson	84	108	78
PPD Tampin	107	107	100
PPD Jelebu	57	57	100
PPD Jempol	80	83	96
PPD Rembau	57	57	100
IP JKNNS	201	328	61.3
Negeri Sembilan	**9,148**	**10,826**	**85**

Program Pengukuhan Imunisasi Hepatitis B Bagi Anggota KKM

Program Imunisasi Hepatitis B bagi anggota KKM bermula tahun 1989. Walau bagaimanapun, pada November 2006 pengukuhan program ini dilaksanakan di bawah tanggungjawab Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar untuk meningkatkan liputan imunisasi dan memastikan semua anggota di dalam kategori berisiko tinggi dilindungi. Pada tahun 2022, 81% anggota layak menerima imunisasi Hepatitis B lengkap menerima 3 dos imunisasi tersebut.

Jadual 14 : Pencapaian Program Pengukuhan Imunisasi Hepatitis B Bagi Anggota KKM Di Negeri Sembilan, 2021

PTJ	Bilangan Anggota Yang Layak Menerima Vaksin	Bilangan Anggota Lengkap Dos Ke-3/ Dos 1 (Booster)	% Anggota Lengkap Dos
HTJ Seremban	91	78	85.7
HTAN Kuala Pilah	14	14	100
Hospital Port Dickson	15	15	100
Hospital Tampin	8	8	100
Hospital Jelebu	0	0	0
Hospital Jempol	5	5	100
Hospital Rembau	23	22	95.6
PKD Seremban	8	8	100
PKD Kuala Pilah	6	6	100
PKD Port Dickson	4	4	100
PKD Tampin	7	7	100
PKD Jelebu	4	4	100
PKD Jempol	14	14	100
PKD Rembau	10	10	100
PPD Seremban	0	0	0
PPD Kuala Pilah	14	14	100
PPD Port Dickson	1	1	100

PTJ	Bilangan Anggota Yang Layak Menerima Vaksin	Bilangan Anggota Lengkap Dos Ke-3/ Dos 1 (Booster)	% Anggota Lengkap Dos
PPD Tampin	0	0	0
PPD Jelebu	0	0	0
PPD Jempol	2	0	0
PPD Rembau	3	3	100
Negeri Sembilan	**230**	**215**	**93.5%**

Program Saringan Tibi Bagi Anggota Kementerian Kesihatan

Anggota kesihatan berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan Tibi di tempat kerja. Bagi mematuhi Peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994, iaitu majikan perlu menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja, maka program saringan Tibi bagi anggota Kementerian Kesihatan dimulakan pada Mac 2012.

Keseluruhannya, seramai 971 anggota disaring Tibi dengan menjalani ujian Mantoux dan 3,737 anggota disaring dengan menjalani x-ray dada. Semua x-ray dada adalah negatif dan terdapat 71 anggota positif ujian Mantoux, seterusnya dirujuk menjalani penyiasatan lanjut. Tiada anggota yang dikesan mengidap Tibi melalui saringan ini.

Jadual 15 : Pencapaian Program Saringan Tibi Bagi Anggota KKM Di Negeri Sembilan, 2022

PTJ	Jumlah Anggota Yang Telah Disaring Ujian Mantoux	Jumlah Mantoux Positif	Jumlah Anggota Yang Telah Disaring X-Ray Dada	Jumlah X-Ray Dada Positif
HTJ Seremban	312	54	597	0
HTAN Kuala Pilah	140	4	362	0
Hospital Port Dickson	7	0	98	0
Hospital Tampin	50	0	136	0
Hospital Jelebu	29	0	*TB	0
Hospital Jempol	40	0	60	0
Hospital Rembau	61	1	*TB	0
PKD Seremban	138	2	791	0
PKD Kuala Pilah	54	9	275	0
PKD Port Dickson	17	0	256	0
PKD Tampin	22	0	185	0
PKD Jelebu	26	1	161	0
PKD Jempol	30	0	533	0
PKD Rembau	3	0	91	0
PPD Seremban	0	0	2	0
PPD Kuala Pilah	6	0	35	0
PPD Port Dickson	5	0	46	0
PPD Tampin	10	0	21	0
PPD Jelebu	3	0	26	0
PPD Jempol	8	0	2	0
PPD Rembau	10	0	60	0
Negeri Sembilan	**971**	**71**	**3,737**	**0**

*TB - Tidak Berkenaan (Anggota berisiko jangkitan Tibi menjalani saringan pada tahun 2021)

Program Imunisasi Covid-19 di kalangan anggota Kementerian Kesihatan

Untuk mengekang pandemik Covid-19, Program imunisasi Covid-19 bagi anggota kesihatan dimulakan pada Mac 2021. Secara keseluruhannya, pada tahun 2021, 13,857 anggota kesihatan KKM Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan menerima 2 dos vaksin lengkap. Pada tahun 2022, seramai 12,900 anggota menerima vaksin *booster* pertama dan 1,350 menerima vaksin *booster* kedua.

Jadual 16 : Pencapaian Program Imunisasi Covid-19 Anggota KKM Di Negeri Sembilan, 2022

PTJ	Bilangan Anggota Yang Layak Menerima Vaksin	Bilangan Anggota Lengkap Dos Ke 1 / Dos 2	% Anggota Lengkap Dos	Bilangan Anggota Lengkap Dos Booster	Bilangan Anggota Lengkap Dos Ke-2 Booster
HTJ Seremban	4,226	4,219	99.8%	3,945	504
HTAN Kuala Pilah	1,406	1,399	99.5%	1,259	176
Hospital Port Dickson	705	705	100%	644	94
Hospital Tampin	433	433	100%	484	132
Hospital Jelebu	279	277	99.3%	203	24
Hospital Jempol	336	336	100%	262	0
Hospital Rembau	259	259	100%	256	5
PKD Seremban	1,944	1,944	100%	1,922	115
PKD Kuala Pilah	521	521	100%	522	50
PKD Port Dickson	554	553	99.8%	500	61
PKD Tampin	479	478	99.8%	452	50
PKD Jelebu	358	357	99.7%	318	6
PKD Jempol	539	537	99.6%	471	33
PKD Rembau	325	324	99.7%	324	47
PPD Seremban	451	451	100%	402	1
PPD Kuala Pilah	156	155	99.4%	138	7
PPD Port Dickson	116	115	99.2%	79	8
PPD Tampin	131	131	100%	126	0
PPD Jelebu	72	72	100%	71	1
PPD Jempol	106	106	96%	98	0
PPD Rembau	64	64	100%	58	0
JKNNS	421	421	100%	366	36
Negeri Sembilan	**13,881**	**13,857**	**99.8%**	**12,900**	**1,350**

Klinik Kesihatan Pekerjaan

Klinik Kesihatan Pekerjaan (KKP) dimulakan pada tahun 2002. Klinik tersebut terletak di Aras 2, Klinik Kesihatan Seremban yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan diperlukan termasuk spirometri dan audiometri. Beberapa orang Pakar dan Pegawai Perubatan telah dilatih di dalam bidang Kesihatan Pekerjaan dan seorang Jururawat mengendalikan klinik tersebut.

Terdapat empat (4) tambahan Klinik Kesihatan Pekerjaan iaitu di daerah Port Dickson, Tampin, Kuala Pilah dan Rembau. KKP daerah Tampin dan Port Dickson mula beroperasi pada tahun 2020, manakala KKP Daerah Kuala Pilah dan Rembau beroperasi pada tahun 2022. KKP tersebut dikendalikan oleh Pegawai Perubatan yang dilatih dalam bidang Kesihatan Pekerjaan.

Jadual 17 : Bilangan Kes-Kes Yang Dikendalikan Oleh Klinik Kesihatan Pekerjaan, 2022

Bil.	Jenis Kes		Jumlah
1.	Pesakit kes penyakit pekerjaan	Penyakit kulit pekerjaan = 2 Penyakit Paru-paru pekerjaan = 1204 Penyakit hilang pendengaran akibat pendedahan bunyi bising di tempat kerja = 0 Penyakit lain = 5 Kes rujukan disyaki penyakit pekerjaan = 0	1,211
2.	Pemeriksaan KOSPEN WOW, Saringan Tibi dan Immunisasi Hepatitis B anggota KKM	Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	631
		Pejabat Kesihatan Daerah Tampin	327
		Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson	128
		Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah	236
		Pejabat Kesihatan Daerah Rembau	70
3.	Pengawasan Perubatan Bagi Anggota Kesihatan	Program Surveilan Perubatan bagi Anggota Vektor dan BAKAS PKD Seremban	140
		Program Surveilan Perubatan bagi Anggota Vektor dan BAKAS PKD Tampin	26
		Program Surveilan Perubatan bagi Anggota Vektor dan BAKAS PKD Port Dickson	35
		Program Surveilan Perubatan bagi Anggota Vektor dan BAKAS PKD Kuala Pilah	38
		Program Surveilan Perubatan bagi Anggota Vektor dan BAKAS PKD Rembau	30
Jumlah			**2,872**

PROGRAM KESIHATAN ALAM SEKITAR

SANITASI ALAM SEKITAR

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

a. Penilaian Kesihatan Persekitaran Institusi Berisiko Tinggi:
   - Depot Tahanan Imigresen Lenggeng
   - Penjara
   - Pemeriksaan sekolah
   - Pusat jagaan

b. Perumahan / Ladang / Estet

c. Penyiasatan Aduan Alam Sekitar

Jadual 18 : Pencapaian Aktiviti-Aktiviti Kesihatan Alam Sekitar Di Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Aktiviti	2018	2019	2020	2021	2022
1. Penilaian Kesihatan Persekitaran di Depot Tahanan Imigresen					
Jumlah depot tahanan	1	1	1	1	1
Jumlah depot diperiksa	1 (100%)	1 (100%)	1 (100%)	1 (100%)	1 (100%)
2. Penilaian Kesihatan Persekitaran di Penjara					
Jumlah penjara	2	2	2	2	2

Aktiviti	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah penjara diperiksa	2 (100%)	2 (100%)	2 (100%)	1 (50%)	2 (100%)
3. Pemeriksaan Sekolah					
Jumlah Sasaran	479	421	435	435	486
Bil. sekolah diperiksa	259 (54.1%)	234 (55.6%)	186 (42.8%)	53 (12.1%)	314 (64.6%)
4. Pemeriksaan Sanitasi Perumahan Ladang					
Sasaran	56	61	60	57	52
Ladang diperiksa	20 (35.7%)	28 (45.9%)	51 (85%)	19 (33.3%)	44 (84.6%)
5. Aduan Pencemaran Alam Sekitar					
Bil. aduan diterima	24	17	20	12	6
Bil. aduan disiasat	24 (100%)	17 (100%)	20 (100%)	12 (100%)	6 (100%)

PEMANTAUAN PENYAKIT-PENYAKIT BERKAITAN PENCEMARAN UDARA (KONJUNTIVITIS, URTI DAN ASTHMA) DI KLINIK SENTINEL

Penyakit-penyakit berkaitan pencemaran udara yang dipantau adalah Asma, Konjuntivitis dan URTI. Di Negeri Sembilan, terdapat 6 buah fasiliti kesihatan yang menjalankan survelan penyakit-penyakit berkaitan pencemaran udara.

- Klinik Kesihatan Seremban
- Klinik Kesihatan Ampangan
- Klinik Kesihatan Nilai
- Klinik Kesihatan Port Dickson
- Hospital Tuanku Jaafar Seremban
- Hospital Port Dickson

Pada tahun 2022, tiada kejadian jerebu teruk sehingga memberi impak kepada kesihatan berlaku di Negeri Sembilan.

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BENCANA BANJIR

Bagi kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir, sebanyak 8 Jawatankuasa Bencana Alam ditubuhkan iaitu satu (1) di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri dan tujuh (7) di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah.

Dalam tahun 2022, bilangan pasukan Kesihatan dan Perubatan yang ditubuhkan bagi kesiapsiagaan menghadapi banjir adalah seperti berikut:

Jadual 19 : Bilangan Pasukan Kesihatan dan Perubatan Bagi Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana Banjir, 2022

Pasukan Kesihatan		Pasukan Perubatan		Jumlah	
Bilangan	Ahli	Bilangan	Ahli	Bilangan	Ahli
32	273	64	331	96	604

LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Bagi meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan pekerjaan dan alam sekitar di kalangan anggota kesihatan, sebanyak 6 latihan/kursus dianjurkan oleh Unit KPAS sepanjang tahun 2022.

Jadual 20 : Senarai Kursus Yang Dianjurkan, 2022

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh
1.	Taklimat Pengurusan Kontak Rapat Kes Covid-19 Bagi Anggota Ibu Pejabat JKNNS	23 Februari 2022
2.	Latihan Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Serta Penilaian Risiko Di Tempat Kerja Peringkat JKNNS	21 - 22 Jun 2022
3.	Kursus Kriteria Diagnostik Penyakit Pekerjaan Peringkat Negeri Sembilan	6 - 7 September 2022
4.	Kursus Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Negeri Sembilan	4 - 5 Oktober 2022
5.	Bengkel Pengurusan Reten Banjir Peringkat Negeri Sembilan	3 November 2022
6.	Kursus Pengendalian Bahan Kimia Peringkat Negeri Sembilan	15 November 2022

KESIMPULAN

Golongan pekerja terdedah kepada hazad yang ada di tempat kerja dan persekitaran. Ini akan menjejaskan kesihatan dan keselamatan mereka seterusnya menjejaskan produktiviti dan perkhidmatan yang diberikan *"service delivery".* Jumlah anggota kesihatan di Negeri Sembilan pada tahun 2022 adalah dianggarkan seramai 12,655 orang yang terdiri daripada anggota di Ibu Pejabat JKNNS, Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah dan Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah dari pelbagai jawatan. Seperti pekerja-pekerja lain yang turut terdedah kepada pelbagai *hazard* terdapat di semua fasiliti-fasiliti KKM. Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan dan Alam Sekitar memerlukan penglibatan dan komitmen semua pihak sama ada intra atau inter agensi. Justeru itu, Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan bekerja keras dalam memberikan kesedaran kepada semua pihak mengenai kepentingan Kesihatan, Keselamatan Pekerjaan dan Persekitaran, seterusnya mencegah kejadian kemalangan dan penyakit akibat pekerjaan.

2.8 UNIT PENCEGAHAN DAN KAWALAN HIV / STI DAN HEPATITIS C

PENGENALAN

Unit HIV/ STI/ Hep C ditubuhkan di bawah Program Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan sebagai salah satu unit bertanggungjawab merancang, melaksana, memantau dan membuat evaluasi terhadap program pencegahan dan kawalan Penyakit HIV, Penyakit Tularan Seks (STI) dan Hepatitis C di peringkat negeri.

VISI UNIT

Untuk membentuk satu masyarakat yang progresif dan bebas daripada wabak HIV dan STI berlandaskan kepada prinsip kesihatan awam dan nilai moral yang tinggi.

MISI UNIT

Untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang dengan semangat profesionalisme dan berkualiti melalui komitmen, dedikasi dan semangat kerja berpasukan.

OBJEKTIF UNIT

Objektif Unit HIV/ STI/ Hep C Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan adalah selari dengan objektif program pencegahan dan kawalan Cawangan HIV/ STI/ Hep C, Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia juga adalah selaras dengan saranan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan program UNAIDS. Objektif program seperti berikut:

1. Untuk mengurangkan risiko penularan jangkitan HIV, STI dan Hep C.
2. Untuk mengurangkan morbiditi dan mortaliti berkaitan dengan HIV, STI dan Hep C.
3. Untuk menggunakan sumber yang ada dalam mencegah dan mengawal penularan HIV, STI dan Hep C.
4. Untuk mempromosi dan meningkatkan kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan di semua peringkat.

STRATEGI PELAKSANAAN

1. Pengesanan awal jangkitan HIV dan STI melalui program-program saringan.
2. Mengawasi situasi epidemiologi penyakit HIV, STI dan Hepatitis C melalui aktiviti survelan.
3. Memastikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang disediakan kepada komuniti adalah mencukupi.
4. Menyebarkan maklumat berkenaan HIV dan STI melalui promosi dan pendidikan kesihatan.
5. Menggalakkan perubahan tingkahlaku kepada gaya hidup sihat.

PENCAPAIAN PROGRAM UNIT PENYAKIT HIV/ STI/ HEP C DI NEGERI SEMBILAN, 2022


Kadar Insiden Kes HIV Yang Dilaporkan Di Negeri Sembilan

Senario epidemik HIV/AIDS di Negeri Sembilan hampir sama dengan senario epidemik HIV/AIDS di Malaysia. Secara keseluruhannya, terdapat penurunan sebanyak 62% bilangan kes jangkitan HIV berbanding bilangan dilaporkan pada tahun 2002, tetapi trend penurunan ini kekal mendatar semenjak tahun 2010 hingga 2013. Trend epidemik mula menunjukkan peningkatan semula kepada 160 kes pada tahun 2015, meningkat sebanyak 52% berbanding 105 kes pada tahun 2014. Pada tahun 2020, bilangan kes HIV dikesan adalah 156 kes, manakala bilangan kes HIV tahun 2021 iaitu 130 kes. Pada tahun 2022, sebanyak 133 kes dikesan. Negeri Sembilan

mencatatkan kadar insiden kes HIV baru yang mendatar pada 2022 berbanding tahun sebelumnya, iaitu kekal pada 8 per 100,000 populasi. Kadar insiden kes HIV baru mencapai kadar yang ditetapkan kementerian iaitu kurang 10.5 per 100 000 populasi.


Jumlah kes AIDS yang didaftarkan mendatar pada tahun 2022 berbanding 2021, iaitu kekal pada 51 kes. Bagi kes kematian AIDS mencatatkan sedikit penurunan kepada 33 kes berbanding tahun 2021 iaitu 34 kes. Tiada kematian HIV dilaporkan pada tahun 2022.

Rajah 1 : Bilangan kes HIV, AIDS dan kematian di Negeri Sembilan, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
HIV	158	163	156	130	133
AIDS	35	47	43	51	51
KAIDS	39	37	31	34	33

Rajah 2 : Kadar Insiden Kes HIV Baru Bagi Setiap 100 000 Penduduk Di Negeri Sembilan



Rajah 3 menunjukkan taburan kes HIV mengikut daerah dari tahun 2018 hingga 2022. Seperti tahun-tahun kebelakangan, daerah Seremban kekal mencatat kes HIV tertinggi diikuti Port Dickson, Jempol, Tampin, Kuala Pilah, Jelebu dan Rembau.

Rajah 3 : Bilangan Kes HIV Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan, 2018 - 2022




	JELEBU	JEMPOL	KUALA PILAH	PORT DICKSON	REMBAU	SEREMBAN	TAMPIN
2018	7	21	7	13	3	99	8
2019	2	16	5	10	6	116	8
2020	1	16	5	18	3	103	10
2021	0	14	12	13	7	75	9
2022	6	12	8	15	2	80	10

Kes Jangkitan HIV Mengikut Jantina

Rajah 4 menunjukkan taburan kes HIV mengikut jantina dari tahun 2018 hingga 2022. Majoriti kes HIV dilaporkan setiap tahun adalah lelaki. Dalam tahun 2022, 113 kes (85%) lelaki dan 20 kes (15%) wanita.


Rajah 4 : Jangkitan HIV Mengikut Jantina Di Negeri Sembilan, 2018 - 2022



Kes Jangkitan HIV Mengikut Kumpulan Umur

Rajah 5 menunjukkan trend jangkitan HIV mengikut kumpulan umur tahun 2018 sehingga 2022. Jangkitan HIV paling tinggi adalah di kalangan mereka yang berumur di antara 20-29 dan 30-39 tahun.


Rajah 5 : Peratusan Kes HIV Mengikut Kumpulan Umur, 2018 – 2022



Faktor Risiko Jangkitan HIV Di Negeri Sembilan

Bermula dari tahun 2015 hingga 2022, didapati trend transmisi jangkitan melalui perkongsian jarum suntikan (IDU) menunjukkan penurunan, sebaliknya trend transmisi jangkitan melalui hubungan seksual semakin meningkat. Dalam tahun 2022, trend transmisi jangkitan melalui hubungan seks adalah 90% dan 6% melalui IDU.

Rajah 6 : Trend Transmisi Jangkitan HIV Di Negeri Sembilan, 2016 - 2022



Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Tahun 2022 Untuk Jabatan Kesihatan Negeri Di Bawah Seliaan Unit HIV/ STI/ Hep C

Mulai tahun 2020, liputan rawatan *anti-retroviral therapy* merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang dipantau oleh Unit HIV/STI/Hep C. KPI ini adalah petunjuk keberkesanan pengurusan pesakit HIV pada tahun 2020. KPI ini menggantikan kadar notifikasi kes HIV baru yang digunakan pada tahun-tahun lepas. Definisi istilah adalah bilangan kes baru HIV pada tahun semasa yang dimulakan rawatan ART dan dibahagi dengan bilangan kes baru HIV pada tahun semasa dilaporkan dalam bentuk peratus. Selari dengan sasaran SDG, Malaysia komited untuk mengakhiri AIDS pada tahun 2030. Ini merujuk kepada penurunan 90% jangkitan HIV baru berbanding tahun 2010. Selari dengan prinsip *undetectable, untransmissible* dan "rawatan sebagai pencegahan". Rawatan Anti-retroviral (ART) adalah komponen teras dalam program pencegahan dan kawalan jangkitan HIV.

Sasaran yang ditetapkan pada tahun 2020 adalah sekurang-kurangnya 60% pada 2020, manakala untuk tahun 2021 sasaran yang ditetapkan dinaikkan kepada sekurang-kurangnya 70%. Pencapaian bagi Negeri Sembilan

menunjukkan peningkatan pada 2022, apabila menunjukkan peningkatan kepada 87% berbanding 78.7% pada 2021 dan 71% pada 2020.

Jadual 1 : Pencapaian Liputan Rawatan Antiretroviral (ART) di Negeri Sembilan, 2020

Daerah	Pencapaian Januari - Disember 2020							
	Seremban	Kuala Pilah	Tampin	Port Dickson	Jempol	Jelebu	Rembau	Negeri Sembilan
Bilangan Yang Dimulakan Rawatan	52/80	2/2	5/5	8/10	11/13	0/0	2/3	80/113
Pencapaian	**65%**	**100%**	**100%**	**80%**	**85%**	**-**	**66%**	**71%**

Jadual 2: Pencapaian Liputan Rawatan Antiretroviral (ART) di Negeri Sembilan, 2021

Daerah	Pencapaian Januari - Disember 2020							
	Seremban	Kuala Pilah	Tampin	Port Dickson	Jempol	Jelebu	Rembau	Negeri Sembilan
Bilangan Yang Dimulakan Rawatan	45/59	8/8	2/5	6/7	7/9	0/0	6/6	74/94
Pencapaian	**76%**	**100%**	**40%**	**86%**	**78%**	**-**	**100%**	**78.7%**

Jadual 3 : Pencapaian Liputan Rawatan Antiretroviral (ART) di Negeri Sembilan, 2022

Daerah	Pencapaian Januari - Disember 2020							
	Seremban	Kuala Pilah	Tampin	Port Dickson	Jempol	Jelebu	Rembau	Negeri Sembilan
Bilangan Yang Dimulakan Rawatan	50/58	4/5	7/7	13/13	6/9	1/1	1/1	82/94
Pencapaian	**86%**	**80%**	**100%**	**100%**	**66%**	**100%**	**100%**	**87%**

PROGRAM PENGURUSAN PESAKIT HIV PPHIV DI KLINIK KESIHATAN DAN HOSPITAL 2022

Jadual 4 menunjukkan 28 Klinik Kesihatan (FMS/ Visiting FMS) dan 4 klinik pakar yang menjalankan perawatan ARV di Negeri Sembilan. Sebanyak 1,256 pesakit yang aktif dan sedang dalam penjagaan di klinik dan hospital. Sebanyak 1,202 pesakit yang menerima rawatan ARV di keseluruhan fasiliti. Ini mewakili 380 pesakit dirawat di klinik kesihatan, manakala 822 pesakit dirawat di hospital. Secara keseluruhan peratusan pesakit yang menerima ARV di klinik kesihatan adalah 32% dan 68% lagi di klinik pakar (ID) hospital.

Jadual 4 : Fasiliti Kesihatan Yang Menjalankan Perkhidmatan PPHIV, 2022

Bil.	Daerah	Klinik	Hospital
1.	Seremban	KK Nilai KK Senawang KK Seremban KK Sikamat KK Seremban 2 KK Mantin KK Ampangan KK Rantau KK Sendayan KK Desa Rhu	Hospital Tuanku Jaafar • Klinik Penyakit Berjangkit • Klinik Pakar Kanak-Kanak
2.	Kuala Pilah	KK Kuala Pilah KK Johol	Hospital Tuanku Ampuan Najihah
3.	Jempol	KK Bahau KK Palong 4.5.6 KK Palong 9,10 KK Bandar Seri Jempol KK Lui Muda KK Serting Hilir	
4.	PD	KK Linggi KK Port Dickson KK Lukut KK Pasir Panjang	Hospital Port Dickson
5.	Jelebu	KK Jelebu	
6.	Tampin	KK Tampin KK Gemas KK Air Kuning KK Jelai	
7.	Rembau	KK Rembau	
	Jumlah	**29 Klinik Kesihatan**	**4 Klinik Pakar**


KES STI/ HEP C DI NEGERI SEMBILAN

Antara penyakit jangkitan kelamin yang dilaporkan di Negeri Sembilan adalah Gonorrhoea dan Sifilis. **Rajah 7** menunjukkan taburan penyakit STI dan Hepatitis C tahun 2018 hingga 2022. Terdapat peningkatan kes Gonorrhea yang dinotifikasi pada tahun 2022, iaitu sebanyak 40 kes berbanding 29 pada tahun sebelumnya. Untuk kes Acquired Syphillis, terdapat sedikit penurunan daripada 108 kes pada tahun 2021 ke 106 kes pada tahun 2022.

Tiada kes Sifilis Congenital (Congenital Syphilis) dilaporkan tahun 2022. Semua kes yang dikesan mendapat rawatan secara sempurna sama ada di klinik kesihatan atau hospital.

Jumlah kes Hepatitis C yang dinotifikasi pada tahun 2022 adalah mendatar, iaitu 177 kes berbanding tahun sebelumnya.

Rajah 7 : Penyakit STI / Hep C Di Negeri Sembilan, 2018 - 2022



	Acquired Syphilis	Conginetal Syphilis	Gonorrhoea	Hepatitis C
2018	85	0	91	307
2019	87	0	72	349
2020	85	0	47	253
2021	108	0	29	177
2022	106	0	40	177

PROGRAM PENCEGAHAN TRANSMISI HIV DAN SIFILIS DARI IBU KE ANAK (PMTCT) 2022

Jadual 5 menunjukkan seramai 16,257 ibu mengandung yang datang ke klinik kesihatan menjalani saringan HIV adalah 100% disaring. **Jadual 6** menunjukkan dalam tahun 2022, seramai 91 ibu yang hadir di dewan bersalin di Negeri Sembilan yang tidak diketahui status HIV telah disaring. Dari jumlah kedatangan ibu mengandung seramai 16,257 orang tersebut, seramai 4 orang ibu mengandung (0.02%) dikesan positif HIV (**Jadual 7**). Semua ibu mengandung yang dikesan positif HIV menerima rawatan Antiretroviral (ARV) dengan pencapaian 100%. Sehingga Januari 2023, sebanyak 1 kes melahirkan anak. Tiada kes menunjukkan transmisi dari ibu kepada anak dilaporkan iaitu menepati sasaran iaitu tiada *vertical transmission*.

Jadual 5 : Bilangan Ibu Mengandung Yang Disaring Ujian HIV, 2021 - 2022

	Januari - Disember 2021			Januari - Disember 2022		
Daerah	**Bilangan Kedatangan Ibu Mengandung**	**Bilangan Disaring HIV**	**% Disaring HIV**	**Bilangan Kedatangan Ibu Mengandung**	**Bilangan Disaring HIV**	**% Disaring HIV**
Seremban	9,574	9,574	100%	9,662	9,662	100%
K.Pilah	942	942	100%	866	866	100%
Tampin	1,276	1,276	100%	1,196	11,96	100%
Rembau	725	725	100%	717	717	100%
Jempol	1,594	1,594	100%	1,500	1,500	100%
Jelebu	498	498	100%	474	474	100%
Port Dickson	1,795	1,795	100%	1,842	1,842	100%
Jumlah	**16,404**	**16,404**	**100%**	**16,257**	**16,257**	**100%**

Jadual 6 : Bilangan Ibu Yang Tidak Diketahui Status HIV Disaring Di Bilik Bersalin, 2021 – 2022

Daerah	Januari - Disember 2021				Januari - Disember 2022			
	Bil. Ibu Bersalin	Bil. Tidak Ketahui Status HIV	Bil. Disaring	Bil. Disahkan HIV Positif	Bil. Ibu Bersalin	Bil. Tidak Ketahui Status HIV	Bil. Disaring	Bil. Disahkan HIV Positif
HTJ	8,966	90	90	0	9,299	65	65	0
HTAN	3,425	12	12	0	2,862	13	13	0
H.Tampin	8	0	0	0	24	1	1	0
H.Jempol	0	0	0	0	19	0	0	0
H.Jelebu	21	0	0	0	21	0	0	0
H.Port Dickson	1,432	16	16	0	1,380	12	12	0
N.Sembilan	**13,844**	**118**	**118**	**0**	**1,3605**	**91**	**91**	**0**

Jadual 7 : Bilangan Ibu Mengandung Dan Anak Dikesan HIV Positif *Via Vertical Transmission*, 2018 - 2022

	2018	2019	2020	2021	2022
Bilangan ibu mengandung disaring HIV	17,741	17,373	17,340	16,404	16,257
Bil ibu mengandung HIV +ve	4	4	8	14	4
Bil bayi HIV +ve	0	0	0	0	0
% Anak HIV +ve	0%	0%	0%	0%	0%

Jadual 8 di bawah menunjukkan bilangan ibu mengandung dikesan TPHA positif pada tahun 2021 dan 2022. Terdapat peningkatan jumlah kes iaitu dari 20 kes (2021) kepada 22 kes (2022). Daerah Seremban mencatatkan jumlah tertinggi seramai 15 kes pada tahun 2022. Semua ibu mengandung yang dikesan TPHA positif menerima rawatan dan tiada kes 'Congenital Syphilis' dilaporkan.

Jadual 8 : Bilangan Ibu Mengandung Dikesan TPHA Positif dan Peratus Anak Menghidap Congenital Syphilis, 2021 - 2022

Daerah	Januari - Disember 2021				Januari - Disember 2022			
	Ibu TPHA +ve	Ibu TPHA +ve & HIV +ve	Ibu Diberi Rawatan	Anak Congenital Syphilis	Ibu TPHA +ve	Ibu TPHA +ve & HIV +ve	Ibu Diberi Rawatan	Anak Congenital Syphilis
Seremban	11	1	11	0%	15	0	15	0%
Kuala Pilah	0	0	0	0%	1	0	1	0%
Tampin	2	0	2	0%	0	0	0	0%
Rembau	0	0	0	0%	0	0	0	0%
Jempol	0	0	0	0%	4	0	4	0%
Jelebu	1	0	1	0%	0	0	0	0%
Port Dickson	6	0	6	0%	2	0	2	0%
Jumlah	**20**	**1**	**20**	**0%**	**22**	**0**	**22**	**0%**

PROGRAM SARINGAN HIV SECARA SUKARELA (VCT)

Jadual 9 menunjukkan trend saringan HIV sukarela tahun 2018 hingga 2022. Jumlah saringan menunjukkan peningkatan kepada 1,695 ujian berbanding tahun 2021 sebanyak 693 ujian. Daripada jumlah saringan yang dibuat sebanyak 14 kes (0.8%) didapati positif.

Jadual 9 : Bilangan Klien Yang Menjalani Ujian Saringan HIV Secara Sukarela (VCT) Dan Peratus Klien Dikesan HIV Positif, 2018 - 2022

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. VCT	1,068	2,127	848	693	1,695
Bil. HIV +	13	28	16	13	14
% HIV +	**1.2**	**1.3**	**1.9**	**1.9**	**0.8**

PROGRAM TERAPI GANTIAN METHADONE (MMT)

Sehingga tahun 2022, jumlah kumulatif klien IDU yang mengikuti Program Terapi Gantian Methadone di Negeri Sembilan adalah seramai 3678 orang. Walau bagaimanapun, kadar 'retensi' klien' di dalam program ini menunjukkan trend yang tidak sekata sejak 5 tahun kebelakangan ini (**Jadual 10**). Keadaan ini disebabkan oleh peralihan jenis dadah yang digunakan oleh pengguna dadah masa kini iaitu dadah jenis Amphetamine *type stimulant (syabu)*. Walau bagaimanapun, jumlah mereka yang dikesan HIV positif semakin berkurangan. Usaha memperbaiki kualiti perkhidmatan yang sedia ada masih perlu dipertingkatkan kerana sebagaimana sedia maklum sukar membawa penagih dadah IDU tegar untuk menjalani rawatan pemulihan.

Program Saringan Dalam Komuniti (CBT) yang dimulakan pada November 2018 dan terdiri daripada anggota Kelab Sahabat Meta (KSM) Gemas dan Simpang Pertang yang dilatih masih giat melakukan saringan RTK kepada klien yang ditemui semasa aktiviti temuseru (*outreach)* NSEP di kawasan kawasan 'hotspot' terpilih.

Jadual 10 : Bilangan Kumulatif Klien Program Terapi Gantian Methadone Dan Kadar Retensi Di Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Klien aktif (A)	1,534	1,364	1,537	1,197	1,172
Bil. Klien dalam rawatan susulan (B)	2,540	3,537	3,707	3,611	3,678
Kadar retensi (A/B)%	**60.39**	**56.64**	**71.92**	**73.5**	**85.0**

SARINGAN BAKAL PENGANTIN (PRA-PERKAHWINAN)

Jadual 11 menunjukkan trend bilangan saringan pra-perkahwinan dan bilangan yang positif. Pada 2022 seramai 12,446 bakal pengantin disaring. Seramai 7 orang didapati HIV positif.

Jadual 11 : Bilangan Saringan HIV Bakal Pengantin Dan Bilangan Yang Positif, 2018 - 2022

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Saringan	10,499	9,091	10,076	12,920	12,446
Bil. HIV (reaktif)	9	4	4	5	7
Bil. +ve HIV (confirm)	9	4	4	5	7
% HIV	**0.09**	**0.09**	**0.04**	**0.04**	**0.06**

PROGRAM SARINGAN HIV (LAIN-LAIN)

Jadual 12 : Program-program Saringan HIV (Lain-lain), 2021 - 2022

Program-program Saringan	Bil. Disaring 2022	Bil. HIV +ve 2022	% HIV +ve 2022	Bil. Disaring 2021	Bil. HIV +ve 2021	% HIV +ve 2021
Penderma Darah (Saringan oleh Pusat Darah Negara)	21,078	4	0.018%	21,078	8	0.04%
Banduan Penjara (Penjara Seremban dan Jelebu)	8,420	49	0.6	5,363	24	0.4
Pelatih CCRC (CCRC Jelebu)	691	0	0	586	0	0
Program Saringan HIV dan Tuberculosis	549	5	0.9	471	1	0.2

Jadual 12 adalah program-program lain bagi saringan HIV mengikut pelbagai aktiviti yang dirancang dalam tahun 2022. Didapati terdapat peningkatan peratusan saringan positif bagi program saringan penjara dan saringan HIV di kalangan pesakit Tuberculosis. Terdapat penurunan peratusan saringan positif bagi saringan penderma darah iaitu 0.02% berbanding 0.04% pada tahun 2021.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, sebanyak 69,311 saringan dijalankan hasil daripada pelbagai aktiviti dilaksanakan di Negeri Sembilan. Jumlah keseluruhan saringan sepanjang tahun 2022, menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2021 iaitu 63,413. Dari jumlah tersebut, sebanyak 133 kes HIV positif dikesan. Kadar insiden bagi kes HIV baru kekal pada 8.0 per 100,000 penduduk. Rentetan pandemik COVID-19 dalam keadaan terkawal, aktiviti dan program dalam bentuk norma baru dipertingkatkan agar lebih ramai golongan berisiko tinggi dapat menjalani ujian saringan. Pengesanan awal merupakan salah satu strategi Kementerian Kesihatan Malaysia membendung penularan HIV. Di samping itu juga, penularan jangkitan penyakit kelamin (STI) yang lain juga sentiasa dipantau dan yang dikenal pasti mestilah mendapat rawatan berkaitan.

2.9 PROGRAM KAWALAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT TIBI / KUSTA

Program Kawalan Tibi Kebangsaan dilancarkan di seluruh negara sejak tahun 1961 melalui sistem vertikal. Pada tahun 1995, program ini telah diintegrasikan ke Perkhidmatan Kesihatan Awam (Bahagian Kawalan Penyakit), Kementerian Kesihatan Malaysia. Sementara itu, Unit Tibi/Kusta, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan bertanggungjawab dalam melaksana dan memantau aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit Tibi dan Kusta di Negeri Sembilan.

VISI

Menjadikan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri yang bebas dari penyakit Tibi dan Kusta.

MISI

1. Melakukan pengesanan awal penyakit Tibi dan Kusta melalui saringan yang berterusan.
2. Menyediakan perkhidmatan rawatan Tibi dan Kusta yang berkesan serta mesra pelanggan di klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan.
3. Melaksanakan pendekatan baru DOTS dan MDT.
4. Menyediakan perkhidmatan ujian makmal Tibi dan Kusta yang cepat, tepat dan berkualiti.
5. Memastikan setiap rakyat tempatan mendapat imunisasi BCG bermula pada peringkat umur terawal.

OBJEKTIF


1. Membasmi penyakit Tibi dan Kusta di kalangan rakyat tempatan.
2. Sifar ingkar rawatan '*defaulter*'.
3. Mencegah transmisi dan penularan penyakit Tibi dan Kusta.
4. Mengurangkan morbiditi mereka yang dijangkiti.
5. Mengurangkan impak Tibi dan Kusta terhadap individu, keluarga dan masyarakat.
6. Menggerakkan sumber-sumber yang ada dalam membanteras wabak Tibi dan Kusta.
7. Sasaran Indikator Tibi Kebangsaan tercapai.

PENCAPAIAN PROGRAM KAWALAN TIBI


SURVELAN TIBI

Bilangan kes Tibi berdaftar di Negeri Sembilan pada tahun 2022 adalah sebanyak 597 kes, peningkatan sebanyak 7.9% berbanding dengan kes Tibi pada tahun 2021. Kadar Notifikasi Tibi menunjukkan peningkatan daripada 46.9/100,000 penduduk pada tahun 2021 kepada 50.5/100,000 penduduk pada tahun 2022. Kadar Insiden Tibi (Kes Baru dan Berulang) pada tahun 2022 ialah 48.1 per 100,000 penduduk, meningkat berbanding dengan kadar pada tahun 2021 iaitu 46.1 per 100,000 penduduk. Rujuk **Graf 1** dan **Graf 2**.

Graf 1 : Jumlah Kes Tibi dan Kadar Notifikasi Tibi di Negeri Sembilan, 2018 - 2022



Graf 2 : Jumlah Kes Dan Kadar Insiden Tibi Negeri Sembilan, 2018 - 2022



Jika dilihat dari segi kategori kes, 91.5% (549) dari kes Tibi yang dikesan untuk tahun 2022 merupakan kes baru, 5.4% (32) adalah kes Tibi Berulang, 1.5% (9) Kes Tibi Setelah Terhenti Rawatan dan 1.2% (7) Tibi Setelah Gagal Rawatan.

Daerah Seremban mencatatkan bilangan kes Tibi tertinggi di Negeri Sembilan pada tahun 2022 dengan jumlah 329 (55.1%), diikuti oleh Jempol 72 (12.1%), Port Dickson 58 (9.7%), Kuala Pilah 42 (7.0%), Tampin 35 (5.9%), Rembau 31 (5.2%) dan Jelebu 30 (5.0%).

Berdasarkan sub-diagnosa, di Negeri Sembilan terdapat sebanyak 336 kes Pulmonary TB (PTB) Kahak Positif (56.3%), 124 PTB Kahak Negatif (20.8%), 123 Extrapulmonary TB (20.6%) dan 14 Drug Resistant TB (2.3%).

Kes Tibi di Negeri Sembilan didominasi oleh golongan warganegara iaitu 565 (94.6%) kes dan selebihnya oleh bukan warganegara sebanyak 39 (5.4%) kes. Perincian kes Tibi bukan warganegara adalah Indonesia 13 (33.3%), Myanmar 12 (30.8%), Nepal 4 (10.3%), India 3 (7.7%), Bangladesh 3 (7.7%), Cambodia 1 (2.6%), Thailand 1 (2.6%), Filipina 1 (2.6%) dan Vietnam 1 (2.6%).

Terdapat seramai 14 (2.3%) pesakit Drug Resistant Tibi didaftarkan di Negeri Sembilan pada tahun 2022. Daripada 14 kes tersebut, 11(1.8%) kes adalah Isoniazid Resistant (HR-TB), 2 (0.3%) adalah Rifampicin Resistant (RR-TB) dan 1 (0.1%) adalah Multidrug Resistant (MDR-TB).

Kes Tibi Anggota Kementerian Kesihatan Malaysia

Anggota kesihatan adalah antara yang berisiko dijangkiti Tibi di sepanjang perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bilangan kes Tibi di kalangan anggota kesihatan KKM bagi tahun 2022 sebanyak 7 kes (1.2%) melibatkan 2 Pegawai Perubatan, 2 Pembantu Perawatan Kesihatan, 1 Optometrist, 1 Pembantu Tadbir dan 1 Pembantu Awam.

Kes Tibi Kanak-Kanak

Kes Tibi kanak-kanak didefinisikan sebagai kes Tibi di kalangan kanak-kanak berusia dari 0 sehingga 14 tahun. Pada tahun 2022, terdapat 19 kes Tibi kanak-kanak di Negeri Sembilan. Jika dilihat dari segi sub diagnosa, 11 kes Tibi kanak-kanak tersebut merupakan kes Extra Pulmonary Tibi, 6 Tibi Pulmonari Kahak Negatif dan 2 kes Tibi Pulmonari Kahak Positif. Dari segi pecahan umur, sebanyak 5 kes adalah kanak-kanak berumur kurang daripada 5 tahun, manakala 14 kes kanak-kanak berumur 5 hingga 14 tahun.

Kes Tibi Co-Morbid HIV

Terdapat sebanyak 43 Kes Tibi co-morbid HIV pada tahun 2022 yang menyumbang sebanyak 7.2% dari keseluruhan kes Tibi di Negeri Sembilan. Daripada 43 kes, 42 kes merupakan kes diketahui status HIV sebelum didiagnosa Tibi, manakala 1 kes status HIV diketahui selepas didiagnosa Tibi. Dari 43 kes TB co-morbid HIV, 60.5% dari kes TB co-morbid HIV adalah di Seremban, 23.3%, Jempol, 9.3%, Tampin dan 2.3% masing-masing di Port Dickson, Rembau dan Jelebu.

PROGRAM HASIL RAWATAN TIBI

Pesakit Tibi akan dipantau selama 6 sehingga 12 bulan sepanjang menerima rawatan. Bagi tahun 2022, seramai 220 daripada 597 orang kes Tibi yang berdaftar pada tahun 2022 sembuh dan sempurna rawatan. Kadar Sukses Rawatan Tibi (KPI PKN) 2022 bagi warganegara iaitu mengambil kira tempoh rawatan selama setahun bagi satu kohort berdaftar Januari sehingga Disember 2021 adalah sebanyak 91.3%. Bagi kes Tibi bukan warganegara, seramai 16 daripada 19 orang sembuh dan sempurna rawatan. Ini menyumbang kepada Kadar Sukses rawatan Tibi bagi bukan warganegara sebanyak 84.2%.

Terdapat seramai 82 pesakit Tibi meninggal dunia semasa dalam menerima rawatan Tibi pada tahun 2022. Dari jumlah ini, hanya seramai 18 (22.0%) orang disahkan kematian disebabkan Tibi, 44 (53.7%) orang disahkan kematian bukan disebabkan Tibi dan selebihnya 20 (24.4%) orang masih belum disahkan sebab kematian yang perlu dijalankan melalui Mesyuarat Kematian Tibi Daerah.

PROGRAM SARINGAN TIBI DI NEGERI SEMBILAN

Bagi mengukuhkan program Tibi di Negeri Sembilan, saringan penyakit Tibi dijalankan secara menyeluruh di semua klinik kesihatan dan hospital. Terdapat tiga jenis saringan utama dijalankan di Negeri Sembilan iaitu:

1. Saringan Makmal Tibi di klinik kesihatan dan hospital.
    a. Saringan di Jabatan Pesakit Luar menggunakan Direct Smear Sputum Microscopy (DSSM) Acid Fast Bacilli (AFB) semua klinik kesihatan dengan sasaran 5% dari jumlah kedatangan pesakit baru di klinik kesihatan dengan diagnosa Disease of Respiratory Illness berdasarkan reten PL206 pada tahun 2022.
    b. Saringan Tibi di hospital menggunakan Direct Smear Sputum Microscopy (DSSM) Acid Fast Bacilli (AFB) dengan sasaran 10% dari jumlah kemasukan pesakit baru dan kedatangan klinik pakar dengan diagnosa Disease of Respiratory Illness pada tahun 2022.
2. Saringan golongan berisiko tinggi dijangkiti Tibi di klinik dan hospital dengan menggunakan X-Ray Dada.
3. Program Saringan dan Kesedaran Tibi di Komuniti.

Saringan Golongan Berisiko Tinggi Tibi

Terdapat 13 golongan berisiko tinggi dijangkiti Tibi yang perlu disaring di komuniti. Golongan ini adalah seperti senarai di bawah:

i. Kontak pesakti Tibi
ii. Pesakit HIV
iii. Penghuni Penjara
iv. Penghuni CCRC / PUSPEN
v. Pesakit Warga Emas
vi. Penghuni Rumah Warga Emas
vii. Pesakit End Stage Renal Failure yang menjalani Dialysis
viii. Pesakit Diabetes Melitus
ix. Pesakit Chronic Obstructive Pulmonary Disease
x. Pesakit Klinik Methadone
xi. Pesakit Klinik Berhenti Merokok
xii. Pesakit Rheumatoid Arthritis yg menerima rawatan anti TNF
xiii. Anggota KKM

Bagi tahun 2022, seramai 23,920 pesakit berisiko tinggi dijangkiti Tibi disaring di Negeri Sembilan dan 119 (0.5%) darinya dikesan menghidap Tibi. Golongan yang mempunyai *yield* tertinggi semasa saringan adalah Penghuni Penjara, apabila 9 orang dari 51 yang disaring adalah positif Tibi. Ini diikuti oleh pesakit HIV dengan *yield* 12.3% dan pelanggan Klinik Berhenti Merokok dengan *yield* 1.8%.

Saringan Kontak Tibi Mengikut Daerah di Negeri Sembilan

Sebanyak 4,289 kontak kepada pesakit Tibi dikesan pada tahun 2022, menjadikan nisbah indeks kepada kontak dikesan iaitu 1:7 bagi Negeri Sembilan. Terdapat 61.3% kontak diperiksa pada pemeriksaan kali pertama iaitu sebanyak 3,661 orang kontak berbanding sasaran sebenar 5,970 kontak dan 9 kontak dikesan positif Tibi.

Daerah	Bil. Indeks Kes Tibi	Bil. Kontak Dikesan	Nisbah Indeks:Kontak	Bil. Kontak Diperiksa (Kali Pertama)	Pencapaian Pemeriksaan Kontak (Diperiksa / Sasaran Kontak) X 100		
					Diperiksa (Sasaran 90%)	Komen (OT/BT)	Positif Tibi
Jelebu	30	304	1:10	304	101.3%	OT	3
Jempol	72	737	1:10	596	82.8%	BT	0
Kuala Pilah	42	471	1:11	424	101.0%	OT	0
Port Dickson	58	772	1:13	718	123.8%	OT	1
Rembau	31	290	1:9	266	85.8%	BT	0
Seremban	329	1,418	1:4	1,080	32.8%	BT	5
Tampin	35	297	1:8	273	78.0%	BT	0
Negeri Sembilan	**597**	**4,289**	**1:7**	**3,661**	**61.3%**	**BT**	**9**

Program Saringan Tibi di Komuniti

Saringan Tibi di komuniti juga dijalankan di Negeri Sembilan dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat setempat berkaitan penyakit Tibi dan pergi mendapatkan rawatan awal iaitu-mana klinik kesihatan di negeri ini. Sebanyak 19 aktiviti kesedaran dan saringan Tibi dijalankan di Negeri Sembilan sepanjang tahun 2022. Pecahan aktiviti mengikut daerah seperti berikut:

i. Jelebu 8 aktiviti
ii. Jempol 1 aktiviti

iii. Kuala Pilah 4 aktiviti
iv. Port Dickson 3 aktiviti
v. Rembau 1 aktiviti
vi. Seremban 1 aktiviti
vii. Tampin 1 aktiviti

PROGRAM MAKMAL TIBI

Saringan Tibi - Direct Smear Sputum Microscopy (Acid Fast Bacilli)

Program Makmal Tibi memainkan peranan penting di dalam mendiagnosa penyakit Tibi menggunakan kaedah Direct Smear Sputum Microscopy (Acid Fast Bacilli AFB). Di Negeri Sembilan, terdapat sebanyak 48 pusat mikroskopi yang mengendalikan slaid sputum AFB untuk mendiagnos pesakit Tibi.

Pada tahun 2022, seramai 13,512 pesakit bersimptom disaring di klinik kesihatan dan hospital di Negeri Sembilan. Seramai 493 (3.6%) pesakit disahkan menghidap Tibi dari kaedah saringan ini. Perincian saringan seperti berikut:

1. Klinik Kesihatan telah menyaring seramai 10,974 pesakit bersimptomatik, dan 168 (1.5%) pesakit telah disahkan dijangkiti Tibi.
2. Fasiliti hospital kerajaan telah berjaya menyaring seramai 2,718 pesakit bersimptomatik dan 325 (12%) telah disahkan dijangkiti Tibi.

Ujian GeneXpert

Pada tahun 2022, terdapat sebanyak 391 Ujian GeneXpert dijalankan di Negeri Sembilan. Tiga pusat yang menyediakan perkhidmatan ujian ini adalah seperti berikut:
1. Hospital Tuanku Jaafar Seremban bermula Januari 2017.
2. Klinik Kesihatan Seremban bermula Jun 2022.
3. Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah bermula Oktober 2022.

Dari 391 ujian yang dijalankan, sebanyak 111 (28.4%) disahkan dijangkiti oleh kuman Mycobacterium Tuberculosis. Ujian GeneXpert ini berjaya mengesan kerintangan terhadap rawatan menggunakan Rifampicin pada 23 (20.7%) pesakit yang dijangkiti.

PROGRAM PELALIAN BCG

Pencapaian Pelalian BCG

Pada tahun 2022, seramai 15,928 kelahiran yang melibatkan hospital kerajaan, swasta dan klinik kerajaan. Seramai 15,791 diberikan suntikan pelalian BCG mengikut rekod dari TBIS 203 A. Liputan pelalian BCG bagi Negeri Sembilan untuk tahun 2022 adalah 99.1%. Data berkaitan liputan pelalian BCG bayi baru lahir (sehingga umur <3 bulan) 2022 (Januari - Disember) bagi Negeri Sembilan melibatkan semua bayi warganegara dan juga bukan warganegara.

Jumlah bayi yang tidak diberi pelalian BCG adalah seramai 137 orang (45 orang meninggal dunia, 43 orang enggan dan seramai 49 orang yang perlukan tindak susul rawatan seterusnya berikutan kes menerima rawatan lanjut di SCN).


Terdapat seramai 43 (0.3%) orang bayi yang tidak menerima pelalian BCG disebabkan penjaga enggan bayi disuntik vaksin tersebut. Antara alasan yang diberikan di atas keengganan tersebut adalah seperti berikut:

i. Meragui kandungan vaksin seramai 17 orang.
ii. Mengambil rawatan alternatif / homeopathi seramai 12 orang.
iii. Mempunyai alasan peribadi seramai 14 orang.

PENCAPAIAN PROGRAM KAWALAN KUSTA

Pada tahun 2022, sebanyak 4 kes kusta dilaporkan di Negeri Sembilan. Daripada 4 kes yang dilaporkan, 3 kes baru dan 1 kes berulang. Semua kes kusta yang dikesan adalah jenis Multibacillary. 3 kes dirawat di Klinik Dermatologi, Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan 1 kes dirawat di Klinik Kesihatan Pasir Panjang, Port Dickson.

Rajah 3 : Bilangan Kes Kusta Baru dan Kadar Insiden di Negeri Sembilan, 2018 - 2022



Pencapaian Kadar Sempurna Rawatan Kusta bagi Kohort, 2021 - 2022

Jadual 8 : Pencapaian Program Kawalan Kusta, 2022

Bil.	Perkara	Sasaran	Pencapaian
1.	Kadar Sempurna Rawatan Kusta (Kes Baru Sempurna Rx) PB Kohort 2021 = 0 kes MB Kohort 2020 = 0 kes ——————————— (Kes Baru) PB Kohort 2021 = 0 kes MB Kohort 2020 = 2 kes	X 100%	0 % (0 / 2)

LATIHAN DAN KURSUS

KURSUS ANJURAN UNIT TIBI/KUSTA

Sepanjang tahun 2022, satu kursus dijalankan di peringkat negeri yang melibatkan paramedik dari setiap daerah di Negeri Sembilan. Dari bahagian makmal pula terdapat tujuh kursus yang dijalankan dengan penglibatan dari Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Sungai Buloh. Kerjasama ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan sampel seterusnya meningkatkan kualiti pengendalian kes.

Bil.	Kursus	Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
1.	Kursus Kawalan dan Pengurusan Penyakit Tibi untuk Paramedik Peringkat Negeri Sembilan	18 - 19.3.2022	Dewan Sri Merbau, JKN Negeri Sembilan	70
2.	Kursus LaKAR Kusta Kg. Tanjung Agas Pasir Panjang Port Dickson	15 - 16.4.2022	Balai Raya Kg. Tanjung Agas, Pasir Panjang, Port Dickson	85
3.	Kursus Teknikal Program Pelalian BCG	10.8.2022	Dewan Sri Merbau, JKN Negeri Sembilan	110
4.	Kursus Mikroskopi AFB Kaedah FM dan ZN - JKNNS	24 - 25.9.2022	Dewan Sri Merbau, JKN Negeri Sembilan	28

Kursus Dihadiri Oleh Juruteknologi Makmal Klinik Kesihatan Dan Hospital Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan Di Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan, Sungai Buloh

Bil.	Aktiviti / Tempat	Tarikh	Jumlah Peserta
1.	Kursus Mikroskopi AFB Kaedah FM di MKAK, Sg.Buloh	21 - 24.3.2022	10
2.	Kursus Mikroskopi AFB Kaedah ZN di MKAK, Sg.Buloh	28 - 29.3.2022	10
3.	Kursus Mikroskopi Slaid Calitan Torehan Kusta	22 - 23.6.2022	2
4.	Kursus Breqa (Blinded Re-Checking EQA) di MKAK, Sg.Buloh	21 - 23.6.2022	1
5.	Kursus Pengendalian Gene X-Pert di MKAK, Sg.Buloh	15 - 16.6.2022	2
6.	Kursus Pengurusan Kultur di MKAK, Sg.Buloh	28 - 30.6.2022	1

KESIMPULAN

Terdapat peningkatan kes tibi pada tahun 2022 yang melibatkan golongan warganegara dan bukan warganegara. Ini kerana peningkatan saringan simptomatik dan golongan berisiko tinggi di pusat rawatan dan juga saringan di komuniti yang dijalankan secara berterusan serta efektif. Keberkesanan pemantauan dan pencapaian aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bagi tahun 2022 juga berjaya serta memuaskan. Bagi tahun yang mendatang, lebih banyak aktiviti-aktiviti akan dijalankan untuk meningkatkan kualiti dan ketrampilan staf kesihatan terutamanya mereka yang diberi tanggungjawab khas mengendalikan kes tibi/kusta di peringkat daerah dan Negeri Sembilan ini. Ini merangkumi daripada aspek penyeliaan setiap Pusat Rawatan, Pusat Mikroskopi, latihan serta kursus dan mesyuarat di peringkat negeri supaya dapat meningkatkan kemahiran serta ilmu pengetahuan dalam pengendalian kes tibi. Selain itu, program dan kualiti makmal juga dipertingkatkan dan memastikan saringan dan kualiti slaid adalah baik dan menepati tahap standard ditetapkan. Ini dapat direalisasikan dengan adanya latihan berterusan di kalangan kakitangan yang terlibat sama ada di peringkat daerah mahupun negeri. Pemantauan kes-kes tibi dan kusta akan dijalankan secara berkala untuk memastikan hasil rawatan mencapai KPI ditetapkan.

2.10 UNIT PEMAKANAN

PENGENALAN

Unit Pemakanan mempunyai pelbagai aktiviti pemakanan dijalankan sepanjang tahun bertujuan untuk menyampaikan perkhidmatan pemakanan kepada komuniti. Program di bawah Unit Pemakanan merangkumi dua aspek utama iaitu Pemakanan Keluarga dan Pemakanan Komuniti dan Inter Agensi. Pemakanan Keluarga ialah aktiviti-aktiviti pemakanan yang dijalankan merangkumi daripada seorang bayi yang baru lahir sehingga ke usia warga emas. Aktiviti ini meliputi aktiviti merancang, memantau, menilai dan mempromosi pemakanan sihat sehingga mencapai tahap kesihatan optima. Program Komuniti dan Inter agensi dijalankan untuk memperkasakan komuniti, anggota kesihatan dan institusi di peringkat inter dan intra agensi. Di antara aktiviti di bawah program ini ialah Program Pengurusan Berat Badan, Advokasi Penyusuan Susu Ibu dan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan, Pelaksanaan Logo Pilihan Sihat, Program My Choice, Runding Cara Pemakanan dan Perkhidmatan nasihat serta rujukan teknikal pemakanan.

VISI

Menjadikan Negeri Sembilan sebuah negeri yang mempunyai individu, keluarga dan masyarakat yang sihat dan sejahtera melalui program pemakanan secara profesional, efisien, saksama dan mesra.

MISI

Melaksanakan program pemakanan menerusi penglibatan individu, keluarga dan masyarakat ke arah peningkatan taraf hidup yang berkualiti untuk mencapai kesejahteraan rakyat Negeri Sembilan.

OBJEKTIF

Objektif Umum
Objektif perkhidmatan Unit Pemakanan ialah untuk meningkatkan status kesihatan dan status pemakanan masyarakat. Ia melibatkan bayi baru lahir sehingga warga usia emas.


Objektif Khusus
1. Meningkatkan dan mengekalkan tahap kesejahteraan pemakanan penduduk Negeri Sembilan.
2. Memastikan masyarakat menerima perkhidmatan yang berkualiti daripada anggota kesihatan yang terlatih.
3. Memantapkan hubungan inter/intra sektor dan agensi di dalam aktiviti pemakanan.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT

A. Pengawasan Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Bawah 5 Tahun

Menilai saiz komposisi tubuh badan adalah kaedah yang penting dalam penilaian status pemakanan dan menilai pertumbuhan kanak-kanak dan remaja. Melalui pengawasan ini, perkembangan status pemakanan dapat dinilai sama ada mengalami Kurang Berat Badan (KBB), Berat Badan Normal atau Lebih Berat Badan.


Graf 1 : Peratus Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Bawah Umur 5 Tahun dalam Kategori KBB Teruk (<-3SD)



	Negeri Sembilan	Jelebu	Jempol	K.Pilah	P.Dickson	Rembau	Seremban	Tampin
2018	0.3	1.26	0.11	0.54	0.34	0.09	0.27	0.43
2019	0.3	1.34	0.72	0.38	0.31	0.38	0.03	0.37
2020	0.4	1.15	1.57	0.32	0.18	0	0.16	0.8
2021	0.4	1.05	1.14	0.39	0.18	0.12	0.18	0.85
2022	0.3	2.23	0.96	0.53	0	0.4	0.03	0.89

Sumber : KKK 210A


Graf 2 : Peratus Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Bawah Umur 5 Tahun dalam Kategori KBB Sederhana (-3SD-<-2SD)



	Negeri Sembilan	Jelebu	Jempol	K.Pilah	P.Dickson	Rembau	Seremban	Tampin
2018	2.1	1.82	2.53	2.53	1.35	3.4	1.96	1.2
2019	1.4	3.01	3.19	1.44	0.69	0.63	0.93	1.92
2020	2.7	4.93	5.14	1.42	0.97	1.19	2.67	2.74
2021	1.9	4.03	4.76	1.35	0.71	1.09	1.23	3.22
2022	1.7	7.98	4.68	2.67	0.08	0.97	0.62	3.27

Sumber : KKK 210A


Graf 3 : Peratus Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Bawah Umur 5 Tahun Dalam Kategori Berat Badan Normal (-2SD-<+2SD)



	Negeri Sembilan	Jelebu	Jempol	K.Pilah	P.Dickson	Rembau	Seremban	Tampin
2018	97.3	96.22	97.07	96.48	98.06	95.37	97.53	98.11
2019	98.2	94.98	95.87	98.08	98.7	98.86	98.98	97.25
2020	96.5	93.43	92.66	98.26	98.78	98.55	96.85	96.05
2021	97.6	94.22	92.31	97.49	98.76	97.69	98.46	95.42
2022	97.4	89.61	93.21	96.59	99.76	98.55	98.99	94.85

Sumber : KKK 210A

Graf 4 : Peratus Taraf Pemakanan Kanak-Kanak Bawah Umur 5 Tahun Dalam Kategori Lebihan Berat Badan (≥ +2SD)



	Negeri Sembilan	Jelebu	Jempol	K.Pilah	P.Dickson	Rembau	Seremban	Tampin
2018	0.4	0.7	0.29	0.45	0.25	1.13	0.24	0.26
2019	0.2	0.67	0.22	0.1	0.31	0.13	0.06	0.46
2020	0.3	0.49	0.63	0	0.06	0.26	0.32	0.4
2021	0.5	0.7	1.79	0.77	0.36	1.09	0.13	0.51
2022	0.4	0.19	1.14	0.21	0.16	0.08	0.35	0.99

Sumber : KKK 210A

Graf 1 hingga **Graf 4** didapati peratus kanak-kanak yang mempunyai berat badan normal tidak menunjukkan peratus perbezaan yang ketara pada tahun 2018 berbanding 2022, iaitu sebanyak 0.1%. Selain itu, terdapat trend penurunan peratusan kanak-kanak dalam kategori kurang berat badan sederhana pada tahun 2022 iaitu sebanyak 1.7% berbanding tahun 2018 iaitu 2.1%. Manakala peratus kanak-kanak yang mengalami KBB teruk dan lebihan berat badan didapati mempunyai peratusan yang sama pada tahun 2022 berbanding 2018 iaitu 0.3% dan 0.4%.

B. Pengawasan Taraf Pemakanan Pelajar Sekolah

Kekurangan protein dan tenaga dalam bentuk kekurangan berat badan dan kerencatan pertumbuhan masih wujud terutama dalam kalangan kanak-kanak. Diet yang tidak seimbang ditambah dengan gaya hidup yang kurang aktif boleh membawa kepada masalah obesiti dan berlebihan berat badan yang menjadi penyumbang peningkatan faktor risiko kepada penyakit kronik.

Jadual 1 : Status Pemakanan Kanak-Kanak Pra-Sekolah

Status Pemakanan	2018	2019	2020	2021	2022
Kurang Berat Badan	8.1	8.1	8.5	9.0	8.7
Normal	78.5	80.8	80.7	76.5	81.7
Lebih Berat Badan	5.7	5.7	5.4	5.7	4.7
Obes	4.9	4.5	5.4	7.2	4.9

Sumber : KSK201

Jadual 2 : Status Pemakanan Kanak-Kanak Tahun 1

Status Pemakanan	2018	2019	2020	2021	2022
Kurang Berat Badan	8.8	7.6	6.7	7.0	9.0
Normal	76.5	77.3	71.0	77.6	75.8
Lebih Berat Badan	7.4	7.0	6.3	6.7	7.4
Obes	7.0	7.2	6.7	8.8	7.8

Sumber : KSK201

Jadual 3 : Status Pemakanan Kanak-Kanak Tahun 6

Status Pemakanan	2018	2019	2020	2021	2022
Kurang Berat Badan	6.8	6.1	7.4	6.5	5.8
Normal	64.7	67.3	64.6	73.0	68.9
Lebih Berat Badan	15.4	13.3	13.6	7.2	12.5
Obes	12.1	12.7	14.4	12.8	12.8

Sumber : KSK201

Jadual 4 : Status Pemakanan Remaja Tingkatan 3

Status Pemakanan	2018	2019	2020	2021	2022
Kurang Berat Badan	5.7	4.7	4.5	6.9	5.5
Normal	75.9	75.6	70.4	73.2	73.7
Lebih Berat Badan	10.7	10.9	13.1	7.4	10.7
Obes	7.5	8.6	8.4	12.4	10.1

Sumber : KSK201


Jadual 1 hingga **Jadual 4** menunjukkan taraf pemakanan kanak-kanak pra-sekolah, tahun 1, tahun 6 dan tingkatan 3. Secara umumnya, terdapat penurunan peratus kurang berat badan di kalangan kanak-kanak tahun 6 dan remaja tingkatan 3 iaitu sebanyak 5.8% dan 5.5% pada tahun 2022 berbanding 2018. Manakala, terdapat peningkatan status pemakanan kurang berat badan dalam kalangan kanak-kanak pra-sekolah dan kanak-kanak tahun 1 iaitu sebanyak 8.7% dan 9.0% pada tahun 2022 berbanding tahun 2018. Bagi kategori lebihan berat badan, terdapat penurunan di kalangan kanak-kanak pra-sekolah dan kanak-kanak tahun 6 pada tahun 2022 berbanding 2018. Namun begitu, peratus obes dalam kalangan kanak-kanak tahun 1, tahun 6 dan remaja tingkatan 3 didapati meningkat sebanyak 7.8%, 12.1% dan 10.1% pada tahun 2022 berbanding tahun 2018.

C. Pengawasan Status Hemoglobin Ibu Antenatal di Klinik Kesihatan

Anemia adalah di antara komplikasi yang dikenalpasti semasa hamil. Di antara penyebab utama anemia semasa hamil adalah kekurangan zat besi dan asid folik. Dalam kalangan ibu hamil, zat besi dan asid folik tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan yang meningkat. Kuantiti tambahan zat besi dan asid folik yang diperlukan semasa hamil boleh diperolehi melalui pengambilan makanan atau *supplement*.

Pelbagai strategi untuk mengurangkan masalah anemia dalam kalangan ibu hamil dirancang dan dilaksanakan. Status hemoglobin ibu hamil di klinik kesihatan dipantau secara berkala. Aktiviti demonstrasi masakan, runding cara pemakanan, ceramah pemakanan anemia dan pemberian hematinik turut dijalankan sepanjang tahun bagi mengatasi masalah ini.


Graf 5 : Peratus Ibu Antenatal Anemia Dengan Hb <11gm di Klinik Kesihatan



	Negeri Sembilan	Jelebu	Jempol	K.Pilah	P.Dickson	Rembau	Seremban	Tampin
2020	10.9	8	7.9	9.2	13.5	9.5	12	8.6
2021	9.2	7.7	4.7	5.6	9.1	9.3	10.7	8.3
2022	7.7	8	2.2	4.8	7.3	9	9.2	5.4

Sumber : KIB201B

Graf 6 : Peratus Ibu Antenatal Dengan Hb Normal (>11gm) di Klinik Kesihatan



	Negeri Sembilan	Jelebu	Jempol	K.Pilah	P.Dickson	Rembau	Seremban	Tampin
2020	89.1	92	92.1	90.8	86.5	90.5	88	91.4
2021	90.8	92.3	95.3	94.4	90.9	90.7	89.3	91.7
2022	90.8	92	97.8	95.2	92.7	91	90.8	94.6

Sumber : KIB201B

Graf 5 dan **Graf 6** menunjukkan status hemoglobin ibu antenatal yang diambil pada minggu ke-36 kehamilan. Peratus ibu antenatal dengan Hb<11gm% didapati menurun iaitu sebanyak 7.7% pada tahun 2022 berbanding 9.2% pada tahun 2021.

D. Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM)

Program ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan taraf pemakanan kanak-kanak warganegara Malaysia yang berumur di antara 6 bulan hingga 6 tahun yang mengalami masalah kekurangan zat makanan. Keutamaan diberikan kepada mereka yang terdiri dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah iaitu miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Program ini disusun merangkumi beberapa aspek seperti sasaran dan liputan, pengagihan makanan dan perkhidmatan, penggunaan bahan makanan dan pengendalian kes yang dapat memberi lebih manfaat kepada kumpulan sasaran.

Setiap kanak-kanak yang layak akan dibekalkan dengan bakul makanan daripada pilihan 13 Pakej Makanan berpandukan Garis Panduan PPKZM. Di Negeri Sembilan, kanak-kanak yang terlibat dibekalkan dengan susu khas dan multivitamin bagi meningkatkan berat badan mereka. Mereka diberi bantuan tersebut setiap bulan, sekurang-kurangnya selama 6 bulan atau sehingga disahkan pulih.

Jadual 5 : Kanak-Kanak KZM Yang Menerima Bantuan Mengikut Daerah

Daerah	Bilangan Kes 2023	Kes Baru	Kes Berhenti			Bilangan Kes Dis 2022
			Pulih	Sekolah	Lain-lain	
Jelebu	7	5	0	0	3	9
Jempol	13	22	0	0	11	24
Kuala Pilah	6	5	0	0	2	9
P.Dickson	3	4	0	0	3	4
Rembau	3	6	1	0	1	7
Seremban	4	3	0	0	1	6
Tampin	5	11	5	1	3	7
Jumlah	**41**	**56**	**6**	**1**	**24**	**66**

Sumber : KZM 201

Jadual 5 menunjukkan terdapat 56 kes baru penerima bakul makanan sepanjang tahun 2022. Sebanyak 6 kes diberhentikan disebabkan pulih, 1 kes sudah bersekolah dan 24 kes adalah faktor lain-lain. Bilangan kes yang masih berada dalam program sehingga Disember 2022 adalah sebanyak 66 kes.

E. Projek Dapur Sihat Masyarakat

Projek Dapur Sihat Masyarakat (DSM) diwujudkan sebagai satu usaha untuk mempertingkatkan lagi pelaksanaan dan keberkesanan aktiviti promosi pemakanan yang dijalankan oleh anggota kesihatan di klinik-klinik kesihatan. Pelaksanaan projek untuk memperkembangkan skop promosi pemakanan meliputi aspek penyediaan hidangan makanan keluarga dan ekonomi rumahtangga termasuk perancangan menu, pengubahsuaian resipi, kebersihan dan keselamatan makanan dan pengurusan dapur. Ianya juga satu usaha memperluaskan kumpulan sasaran aktiviti promosi pemakanan kepada suri rumah tangga, ahli-ahli keluarga, murid-murid sekolah, golongan remaja, orang dewasa, warga emas dan masyarakat keseluruhannya.

Jadual 6 : Aktiviti dan Bilangan Pengunjung Dapur Sihat Masyarakat, 2022

Jenis Aktiviti	Bilangan Aktiviti Dapur Sihat Masyarakat		
	Bahau	Linggi	Gemencheh
Ceramah	1	0	16
Kelas masakan	0	0	0
Demo masakan	1	1	6
Uji resepi	1	0	1
Saringan kesihatan	0	1	1
Aktiviti kecergasan	8	5	2
Kursus / latihan	0	0	4
Program sekolah	0	0	2
Uji amali	0	0	0
Kraftangan	0	1	0
Lawatan	0	0	0
Pertandingan	0	1	1
Bumi hijau	11	0	0
Kunjungan pelawat	0	0	4
Mesyuarat	3	3	4

Jenis Aktiviti	Bilangan Aktiviti Dapur Sihat Masyarakat		
	Bahau	Linggi	Gemencheh
Gotong royong	0	3	4
Lain-lain	3	4	14
Jumlah	**28**	**19**	**59**
Bilangan peserta	**164**	**222**	**772**

Sumber : Laporan Tahunan Aktiviti Dapur Sihat Masyarakat DSM 2b


Pelbagai aktiviti melalui tunjuk ajar secara interaktif, *participative, hands-on* dan holistik dengan mengutamakan perkongsian bijak (*smart partnership*) di dalam kalangan masyarakat, agensi kerajaan dan pihak swasta diadakan sepanjang tahun 2022.

Jadual 6 menunjukkan sebanyak 106 aktiviti Dapur Sihat Masyarakat di Bahau, Linggi dan Gemencheh yang melibatkan seramai 1,158 peserta dalam aktiviti-aktiviti DSM pada tahun 2022.

F. Program Makanan Tambahan Susu Tepung Penuh Krim

Program ini merupakan program jangka pendek untuk membantu memulihkan masalah pemakanan seperti kurang berat badan di kalangan ibu hamil, ibu menyusukan bayi dan warga emas. Objektif program untuk membantu mencegah dan memulihkan masalah pemakanan seperti kurang berat badan dalam kalangan kumpulan sasaran dengan membekalkan 1 kg susu tepung penuh krim sekurang-kurangnya 3 bulan.

Graf 7 : Bilangan Penerima Bantuan STPK, 2022




Graf 7 menunjukkan bilangan penerima susu tepung penuh krim dalam kalangan komuniti di semua daerah. Pada tahun 2022, sebanyak 541 orang penerima susu tepung penuh krim yang diedarkan melalui program ini.

G. Program Promosi Penyusuan Susu Ibu

Promosi penyusuan susu ibu adalah komponen penting dalam perkhidmatan kesihatan di Malaysia sejak tahun 1970-an. Strategi pelbagai penjuru digunakan dalam mempromosikan penyusuan susu ibu. Ini termasuk pendidikan melalui media massa, Latihan Pengurusan Laktasi (20 jam), pemantauan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan, pelaksanaan Inisiatif Hospital Rakan Bayi, Klinik Rakan Bayi dan pewujudan kumpulan sokongan penyusuan susu ibu.

Polisi Penyusuan Susu Ibu Malaysia menyatakan “Semua ibu digalakkan menyusui anaknya dengan susu ibu sahaja dari lahir sehingga berumur enam bulan dan meneruskannya sehingga mencapai umur dua tahun. Makanan pelengkap perlu diberikan kepada bayi mulai umur enam bulan”. Sebagai usaha memastikan setiap bayi yang lahir diberi susu ibu sahaja dari lahir sehingga umurnya mencapai enam bulan, peratus bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif sehingga umur bayi enam bulan dipantau secara berterusan di klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan ibu dan anak. Data penyusuan susu ibu mula direkodkan pada setiap bulan Mac, Jun dan September berdasarkan bilangan kedatangan bayi yang berumur 6 bulan ke klinik kerajaan.

Graf 8 : Peratus Amalan Penyusuan Susu Ibu Di Kalangan Bayi 6 Bulan



	Negeri Sembilan	Jelebu	Jempol	K.Pilah	P.Dickson	Rembau	Seremban	Tampin
2018	64.7	60.3	69.3	69.2	68	65.4	64.7	48.7
2019	72.6	77.8	76.7	67.3	71.9	74.4	65	54.6
2020	74.1	71.1	71.2	71.5	54.8	62.5	82.5	52.6
2021	71.5	64.5	72.8	87.4	55.4	66.1	75.5	55.6
2022	70	63.9	70	76.3	56.2	51.4	75.9	53.2

Sumber : PSI 201B

Daripada **Graf 8**, peratusan penyusuan susu ibu dalam kalangan bayi berusia 6 bulan menunjukkan peningkatan sebanyak 70% pada tahun 2022 berbanding tahun 2018 iaitu 64.7%. Walau bagaimanapun, peratusan penyusuan susu ibu di kalangan bayi 6 bulan menunjukkan penurunan bagi tahun 2020 sehingga 2022.

Jadual 7 : Amalan Makanan Pelengkap Bayi 6 Bulan

Daerah	Amalan Makanan Pelengkap Pada Umur 6 Bulan (%)				
	2018	2019	2020	2021	2022
Jelebu	99.4	98.1	97.1	97.3	94.3
Jempol	96.6	100.0	99.7	99.6	99.8
Kuala Pilah	100.0	98.6	99.2	98.9	100.0
Port Dickson	98.5	98.1	96.0	98.6	100.0
Rembau	100.0	99.2	99.4	98.7	97.9
Seremban	98.4	100.0	100.0	98.1	92.4
Tampin	96.5	98.7	99.8	99.6	100.0
Jumlah	**98.3**	**99.0**	**99.1**	**98.5**	**95.3**

Sumber : AMP201

Jadual 7 menunjukkan amalan makanan pelengkap bayi berusia 6 bulan. Secara keseluruhan, peratus bayi yang diberi makanan pelengkap pada umur 6 bulan menunjukkan trend penurunan sebanyak 95.3% pada tahun 2022 berbanding 98.3% pada tahun 2018.

H. Program Latihan Katering Sihat

Latihan Katering Sihat adalah satu latihan yang disasarkan kepada pengusaha restoran, kedai makan, kafeteria, katering, pengusaha restoran makanan segera dan pengusaha kantin sekolah dan tempat kerja. Latihan ini bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran pengendali makanan mengenai penyediaan hidangan yang sihat dan selamat. Latihan meliputi komponen seperti Prinsip Makan secara Sihat serta Penyediaan Hidangan Sihat dan Selamat.

Jadual 8 : Latihan Katering Sihat Kepada Pengusaha / Pengendali Makanan, 2022

Daerah	Bilangan pengusaha / pengendali makanan yang telah dilatih							
	Kantin Sekolah (Berasrama/ Harian)	KKM	Tempat Kerja Swasta	IPT (Awam/ Swasta)	Pusat Jagaan	Restoran/ Katering	Kenderaan Jual Makanan	Jumlah
Jelebu	26	0	0	1	0	1	0	28
Jempol	58	0	0	0	0	0	0	58
Kuala Pilah	46	0	0	0	0	1	0	47
Port Dickson	51	0	0	0	0	0	0	51
Rembau	28	0	0	0	0	0	0	28
Seremban	91	0	0	0	0	0	0	91
Tampin	42	1	0	0	0	4	0	47
Jumlah	**342**	**1**	**0**	**1**	**0**	**6**	**0**	**350**

Sumber : Borang Laporan Katering Sihat

Jadual 8 menunjukkan bilangan Latihan Katering Sihat yang diberikan kepada pengusaha/ pengendali makanan. Pada tahun 2022, seramai 350 orang pengendali makanan dilatih di Negeri Sembilan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pencapaian Unit Pemakanan pada tahun 2022 adalah baik. Sebahagian daripada pencapaian tersebut juga merupakan Key Performance Indicator (KPI) utama di peringkat Kementerian.

2.11 UNIT PROMOSI KESIHATAN

PENGENALAN

Unit ini bertanggungjawab untuk meningkatkan pengetahuan dan menanam sikap positif kepada kesihatan bagi membolehkan masyarakat mengamalkan cara hidup sihat dan seterusnya menikmati kesihatan yang optima. Unit ini juga memainkan peranan dalam menjalankan aktiviti promosi kesihatan seperti mengadakan pameran kesihatan, memberi ceramah, mengadakan kem-kem kesihatan, karnival kesihatan dan program bersama komuniti seperti Program Tunas Doktor Muda, IMFree, Kelab Doktor Muda, PROSIS, COMBI dan juga mewujudkan Wellness Hub untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat.

VISI

Melaksanakan program promosi kesihatan yang berkualiti bagi merangsang perubahan sikap dan amalan individu, keluarga dan masyarakat untuk mengamalkan kehidupan yang sihat.

MISI

Memastikan penyebaran maklumat kesihatan, memberikan pendidikan kesihatan yang berkualiti dan perkhidmatan sokongan yang kukuh untuk setiap program kesihatan.

OBJEKTIF

- Meningkatkan kefahaman, kemahiran kesihatan individu dan capaian maklumat kesihatan melalui pelbagai media dalam menyokong usaha mereka untuk mencapai kesihatan yang optima dan melahirkan masyarakat yang celik kesihatan.
- Mewujudkan persekitaran sosial, ekonomi, budaya dan fizikal yang kondusif bagi memudahkan amalan kesihatan yang baik.
- Menggerakkan kumpulan dan pertubuhan masyarakat supaya berperanan aktif dalam mempengaruhi masyarakat membudayakan amalan kesihatan yang baik.
- Menjalin kerjasama antara pelbagai sektor supaya bertindak secara bersepadu dalam mempromosikan kesihatan melalui pelaksanaan program yang komprehensif.

PENCAPAIAN AKTIVITI 2022

HePiLI atau Health Promotion in Learning Institution ini merupakan nama terbaru yang bagi semua program-program atau kelab dari Kementerian Kesihatan yang dijalankan di sekolah ataupun di Pengajian Tinggi Awam. Antaranya Tunas Doktor Muda, Kelab Doktor Muda Program Pendidikan Khas dan Integrasi (PPKI), Kelab Doktor Muda Sekolah Orang Asli, Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah, Kelab Doktor Muda Sekolah Menengah dan Program Siswa Sihat (PROSIS).


PROGRAM TUNAS DOKTOR MUDA

Program ini bermula pada tahun 2015 dengan 4 buah pra sekolah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan 2 buah tabika KEMAS. Bilangan ini terus bertambah sehingga tahun ini sebanyak 188 buah tabika KEMAS dan pra-

sekolah JPN melaksanakan program ini. Pada tahun ini, program Tunas Doktor Muda diperluaskan ke Tabika Perpaduan. Sebanyak 20% tabika perpaduan di Negeri Sembilan melaksanakan program Tunas Doktor Muda.

Melalui program Tunas Doktor Muda, kanak-kanak didedahkan dengan 5 skop utama kesihatan iaitu kebersihan diri, pilihan makanan sihat dan selamat, senaman dan aktiviti fizikal, kebersihan persekitaran dan perkembangan emosi dan sosial. Cadangan aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuk bengkel pemantapan, sesi T*raining of Trainers* (TOT), pertandingan senamrobik, pertandingan inovasi bahan bantu mengajar, sesi pemantauan, pameran dan aktiviti di tabika dan pra-sekolah masing-masing. Pencapaian keseluruhan penguasaan kemahiran asas kanak-kanak tabika dan pra-sekolah JPN di Negeri Sembilan meningkat dari 60.1% (tahun 2016) ke 81.8% (tahun 2022), melebihi daripada pencapaian sasaran 80% yang ditetapkan.

Graf 1 : Pencapaian 5 Tingkah Laku Asas Program Tunas Doktor Muda Peringkat Negeri Sembilan 2016 - 2022




PROGRAM DOKTOR MUDA


Program Doktor Muda di Negeri Sembilan terbahagi kepada 4 kategori iaitu Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah, Kelab Doktor Muda Sekolah Menengah, Kelab Doktor Muda Orang asli dan Kelab Doktor Muda Pendidikan Khas dan Integrasi (PPKI).

Bilangan Kelab Doktor Muda Orang Asli kekal dua (2) buah sekolah sahaja iaitu Sekolah Kebangsaan Senibai di Kuala Pilah dan Sekolah Kebangsaan Putra di Jelebu. **Graf 4** merupakan indikator pencapaian kemahiran amalan kesihatan. Berdasarkan jumlah murid dari kedua-dua buah sekolah ini, seramai 245 orang murid (96.1%) menguasai kemahiran mencuci tangan, 231 orang murid (90.6%) menguasai kemahiran menggosok gigi, 35 orang murid (92.2%) mempunyai kuku yang pendek dan bersih manakala 49 orang murid (19.2%) mempunyai masalah kesihatan pergigian.


Graf 2 : Bilangan Penubuhan Kelab Doktor Muda Bagi Sekolah Rendah, 2016 - 2022



Graf 3 : Bilangan Ahli Kelab Doktor Muda Bagi Sekolah Menengah, 2016 - 2022



Graf 4 : Peratusan Indikator Pencapaian Kemahiran Amalan Kesihatan Sekolah Murid Orang Asli bagi Sekolah SK Putra, Jelebu dan SK Senibai, Kuala Pilah pada 2022



PROGRAM SISWA SIHAT (PROSIS)

Program ini adalah salah satu inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memperkasakan siswa/ institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam mengamalkan cara hidup sihat. Program ini menjadi kelab di IPT dengan mengadakan aktiviti cara hidup sihat seperti makan secara sihat, lakukan aktiviti fizikal, tidak merokok, pupuk minda sihat dan sihat tanpa alkohol.

Program bermula pada tahun 2012 dengan 1 IPT iatu UITM Kuala Pilah dan kini 10 buah IPT melaksanakan meliputi IPTA, IPTS, Kolej Komuniti dan Kolej Matrikulasi:

1. Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Seremban
2. Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Kuala Pilah
3. Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Rembau
4. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
5. Kolej Komuniti Jelebu
6. Kolej Komuniti Tampin
7. Kolej UNITI Tanjung Agas, Port Dickson
8. Politeknik Port Dickson
9. Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
10. Shipping and Aviation College (Nama lama Kolej Sri Ayu Tampin)

KONVENSYEN HEPILI NEGERI SEMBILAN

Konvensyen HePiLI Peringkat Negeri Sembilan dilaksanakan secara hybrid bersempena sambutan Minggu Sihat HePiLI pada 1-7 Julai 2022. Konvensyen ini melibatkan semua program HePiLI iaitu Tunas Doktor Muda, Doktor Muda Sekolah Rendah dan Menengah, Doktor Muda PPKI dan PROSIS.

Sebanyak 5 pertandingan dilaksanakan iaitu Pertandingan Kuiz Doktor Muda secara bersemuka serta Pertandingan Bicara Sihat (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris), Virtual Run, Pertandingan *Tik Tok Speak Out* dan Pertandingan Bento Sihat secara maya. Konvensyen tersebut mendapat sambutan baik dari semua daerah.

PROGRAM COMBI

COMBI merupakan persatuan bukan kerajaan yang sentiasa membantu Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan dalam menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan terutamanya bagi menangani penyakit demam denggi melalui perubahan tingkah laku masyarakat. Program dilaksanakan di seluruh daerah di Negeri Sembilan. COMBI merupakan persatuan dianggotai sukarelawan dalam komuniti yang bertindak sebagai agen penyampai maklumat dalam usaha mendidik masyarakat mengenai kepentingan penjagaan kebersihan rumah untuk mengatasi masalah denggi dan juga lain-lain masalah kesihatan.

Penubuhan COMBI di lokaliti berdasarkan kewujudan kes atau wabak yang pernah berlaku di kawasan tersebut. Pendekatan ini adalah salah satu cara membantu Pejabat Kesihatan Daerah dalam mengawal kes denggi dari terus merebak melalui pengaruh warga penduduk yang akan memberikan nasihat kepada penduduk lain dalam menjaga kebersihan persekitaran rumah.

Jadual 1 : Bilangan COMBI di Negeri Sembilan, 2022

Daerah	Jumlah Keseluruhan COMBI
Seremban	209
Kuala Pilah	68
Jempol	61
Port Dickson	110
Tampin	61
Rembau	40
Jelebu	42
Jumlah	**591**

KONVENSYEN COMBI PERINGKAT NEGERI SEMBILAN, 2022

Konvensyen COMBI Peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 26-27 Mac 2022 di Hotel Corus Paradise Resort, Port Dickson. Dua (2) kategori pertandingan diadakan iaitu pertandingan lisan (inovasi perkhidmatan) dan pertandingan poster (inovasi produk). Kedua-dua kategori dimenangi oleh peserta COMBI dari Seremban.

WELLNESS HUB NEGERI SEMBILAN

Unit Promosi Kesihatan Negeri Sembilan telah menjalankan satu (1) perkhidmatan kesihatan merangkumi aktiviti cara hidup sihat, pemakanan sihat, aktiviti fizikal, rundingan dan nasihat kesihatan serta aktiviti intervensi pengurusan berat badan terus kepada komuniti. Terdapat dua (2) Wellness Hub di Negeri Sembilan iaitu Wellness Hub Kuala Sawah Rantau, Seremban dan Wellness Hub Bagan Pinang, Port Dickson.

Kedua-dua Wellnes Hub perlu mencapai sasaran 50% pelanggan yang datang ke Wellness Hub perlu disaring dengan tiga (3) saringan wajib iaitu saringan tekanan darah, saringan indeks jisim tubuh badan dan ujian

kecergasan. Wellness Hub Kuala Sawah menerima pelanggan sebanyak 884 orang pelanggan, semua pelanggan telah disaring. Manakala Wellness Hub Bagan Pinang, mencatatkan kehadiran pelanggan seramai 822 orang dan semua pelanggan disaring dengan tiga (3) saringan wajib. Secara keseluruhan, Wellness Hub Negeri Sembilan menjalankan saringan sebanyak 1,706 orang pelanggan dan semua pelanggan yang hadir ke Wellness Hub telah disaring.

AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT

Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) @ Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) berlangsung selama 3 hari di Dataran Seri Jempol bermula 7 hingga 9 Oktober 2022. Jelajah AKM mendapat sambutan seramai 97,408 pengunjung. Pengunjung yang melibatkan diri dalam aktiviti ANMS adalah 10,060 pengunjung. Antara aktiviti dipersembahkan oleh Jelajah ANMS termasuklah saringan NHSI, pendaftaran MyChampion, Hospital Futuristik, aktiviti zon aktif, sukan rakyat @ zon interaktif.

LATIHAN

Sepanjang tahun 2022 bengkel serta latihan yang diadakan adalah:

- Kursus KKM Jom Ikrar bertempat di Dewan Merbau, JKNNS pada 16 Jun 2022.
- Kursus Kepimpinan Sukarelawan COMBI bertempat di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson pada 24 - 26 Jun 2022.
- Kursus Teras Promosi Kesihatan bertempat di Hotel Sutera 2 pada 20 September 2022
- Kursus Asas Kecergasan Penggerak Aktiviti Fizikal bertempat di Ancasa Residence, Port Dickson pada 9 - 11 Ogos 2022.

MEDIA

Pada tahun 2021, memberikan perubahan yang besar terhadap cara penyampaian maklumat dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penjagaan kesihatan serta menyebarkan maklumat mengenai penyakit-penyakit terkini yang sedang melanda dalam negara dan negeri. Pada tahun 2022, Unit Promosi kesihatan menggandakan aktiviti melalui media sosial antaranya Facebook, Instagram dan juga TikTok. Segala maklumat diambil dari platform Telegram Bahagian Pendidikan Kesihatan.

Aktiviti ceramah melalui siaran langsung Facebook dan temubual radio NegeriFM merupakan aktiviti yang dijalankan setiap bulan mengikut keadaan penyakit semasa yang diberikan keutamaan. Pada tahun 2022, sebanyak 13 siaran langsung Facebook dilaksanakan melalui platform Facebook Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Manakala, melalui saluran Negeri FM, sebanyak 14 slot radio diadakan dengan pelbagai tajuk kesihatan bersesuaian dengan keadaan isu semasa berkaitan masalah kesihatan.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan di Negeri Sembilan memuaskan dengan pengglembengan pelbagai pihak termasuk komuniti, agensi, pemimpin masyarakat, NGO, swasta serta individu

2.12 UNIT INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN NEGERI

PENGENALAN

Unit Inspektorat dan Perundangan Negeri (UIPN) Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) bertanggungjawab dalam merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan dan pencapaian khususnya aktiviti penguatkuasaan undang-undang Kesihatan Awam supaya selari dengan kehendak dan aspirasi pihak *stakeholder* dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan khususnya orang awam di Negeri Sembilan adalah terjamin serta terpelihara. Di samping itu, UIPN berperanan dalam memberi khidmat sokongan dan input teknikal perundangan khususnya dari aspek siasatan dan pendakwaan sama ada kepada pihak penguatkuasa kesihatan di daerah atau pihak penguatkuasa agensi lain.

Pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan di bawah undang-undang kesihatan awam difokuskan kepada perundangan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (APSPP 1975), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (APPPB 1988) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT 2004). Selain itu, UIPN turut membantu pihak Bahagian Keselamatan dan Keselamatan Makanan (BKKM), JKNNS dalam mengkoordinasi pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu di bawah penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (PPM 1985) dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM 2009).

UIPN diketuai oleh seorang Pegawai Kesihatan Persekitaran U44 yang bertanggungjawab terus kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam). UIPN komited melaksanakan aktiviti penguatkuasaan yang teratur, efisien, efektif dan berintegriti untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam sentiasa berada pada tahap kualiti dan keberkesanan yang tinggi khususnya di Negeri Sembilan.

VISI

Ke arah penguatkuasaan yang efisien dan efektif dalam pelaksanaan undang-undang kesihatan awam.

MISI

Memastikan setiap pelanggan menerima perkhidmatan kesihatan secara professional dan berkualiti dengan:

i. Memantapkan jaringan kerja pegawai penguatkuasa kesihatan awam khususnya di Negeri Sembilan untuk meningkatkan kesedaran dan pematuhan undang-undang kesihatan awam di kalangan masyarakat.
ii. Memberi bantuan khidmat sokongan dan input berhubung perundangan kepada pegawai penguatkuasa kesihatan awam di Negeri Sembilan agar pelaksanaan penguatkuasaan lebih teratur dan berkesan.

OBJEKTIF

i. Menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang melibatkan undang-undang kesihatan awam dengan lebih fokus, teratur dan mantap.
ii. Mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan penguatkuasaan di bawah undang-undang kesihatan awam.

PENCAPAIAN AKTIVITI UIPN SEPANJANG, 2022

Pada keseluruhannya, prestasi UIPN di sepanjang tahun 2022 adalah konsisten dan baik berdasarkan *output* pencapaian sasaran indikator-indikator prestasi yang ditetapkan oleh pihak *stakeholder*. Semua arahan operasi oleh pihak Sektor Inspektorat dan Perundangan (SIP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khususnya operasi bersiri *E-Blast* berjaya dilaksanakan secara konsisten di semua peringkat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan memberi impak yang positif dan berkesan terhadap pencapaian objektif operasi yang disasarkan. Di samping itu, bilangan pendakwaan terhadap kes turut meningkat 81.9 % berbanding tahun 2021, situasi ini memberi kesan kepada bebanan kerja melibatkan penyediaan kertas siasatan dan pengurusan kes di mahkamah

Aktiviti risikan dirancang dengan teliti dan teratur supaya strategi dan modus operandi efektif dan berkesan dapat kenalpasti sebelum pelaksanaan sesuatu operasi bersepadu. Pihak UIPN memberi fokus utama dalam merancang dan melaksanakan operasi terhadap penguatkuasan melibatkan skop perundangan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 dan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975. Bagi Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, pihak UIPN akan membantu pihak BKKM dalam mengkoordinasi operasi dijalankan secara bersepadu. Pengurusan kertas siasatan (IP) bagi semua kesalahan yang melibatkan semua skop perundangan kesihatan awam di atas adalah di bawah tanggungjawab pihak UIPN, dalam memastikan proses pendakwaan ke atas kes-kes tersebut dijalankan secara telus dan adil.

PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU, 2004

Pada tahun 2022, sebanyak 658 operasi penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT 2004) telah dilaksanakan di seluruh Negeri Sembilan dan 5 daripadanya adalah operasi bersepadu yang dirancang dan diselaraskan oleh pihak UIPN dengan tema khusus seperti berikut:

Tarikh	Tema	Arahan Operasi	Daerah
11 - 12/01/2022	Peraturan 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (Kedai Serbaneka / Mini Mart)	SIP, KKM	11/1 - Semua Daerah 12/1 - Bersepadu (Seremban)
20/01/2022	OPS Bersepadu APPPB 1988 & PPKHT 2004 (OPS Khas)	SIP, KKM	Semua Daerah Kecuali Jempol dan Tampin
8 - 9/02/2022	Peraturan 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (Pasar Awam / Pasar Besar)	SIP, KKM	Semua Daerah
17/2/2022	OPS Bersepadu APPPB 1988 Bagi Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan PPKHT 2004 (OPS Khas)	UIP, JKNNS	Seremban & Jelebu
24/2/20222	OPS Bersepadu APPPB 1988 dan PPKHT 2004 (OPS Khas)	SIP, KKM	Tampin, Kuala Pilah, Rembau & Jempol
8 - 9/03/2022	Peraturan 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (Kedai Makan)	SIP, KKM	8/3 - Semua Daerah 9/3 - Bersepadu (Seremban)
12 -13/04/2022	Per 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (Pasar Raya)	SIP, KKM	Semua Daerah
18 - 19/05/2022	Per 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (Stesen Minyak)	SIP, KKM	Semua Daerah
14 - 15/06/2022	Per 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (Kedai Runcit)	UIP, JKNNS	14/6 - Seremban
		SIP, KKM	Semua Daerah
24 - 25/06/2022	OPS Bersepadu PPKHT 2004 Per 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (OPS Mega)	SIP, KKM	Semua Daerah
14/07/2022	OPS Bersepadu PPKHT 2004 Per.11(1) (OPS Mega)	UIP, JKNNS	Semua Daerah

Tarikh	Tema	Arahan Operasi	Daerah
2-3/08/2022	Peraturan 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (Pasar Awam / Pasar Besar)	SIP, KKM	Semua Daerah
24/08/2022	OPS Bersepadu PPKHT 2004 Per.11(1) (OPS Mega)	UIP, JKNNS	Semua Daerah
28/09/2022	OPS Bersepadu PPKHT 2004 Per 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A)	UIP, JKNNS	Semua Daerah
14/8 - 1/10/2022	OPS Bersepadu PPKHT 2004 Per 7 (1), 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (OPS Gempur Runcit)	SIP, KKM	Semua Daerah
4 - 5/10/2022	Per 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (Pasar Raya)	SIP, KKM	Semua Daerah
8 - 9/11/2022	Per 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (Stesen Minyak)	SIP, KKM	Semua Daerah
6 - 7/12/2022	Per 8A(5A), 8C(1), 8C(2), 8F(1) dan 15(4A) (Kedai Runcit)	SIP, KKM	6/12 - Semua Daerah
		UIP, JKNNS	7/12 - Rembau, Seremban dan Tampin

Secara keseluruhan pencapaian aktiviti penguatkuasaan di bawah PPKHT 2004 pada tahun 2022 adalah baik. Merujuk kepada **Rajah 1**, pengeluaran notis seksyen 32B meningkat sebanyak 561.3% berbanding tahun 2021. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan di bawah PPKHT 2004 bagi tahun 2022 seperti di **Jadual 1.**

Jadual 1 : Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 Mengikut Daerah, 2022


Bil.	Pencapaian	Daerah							Jumlah
		Jelebu	K.Pilah	Tampin	Seremban	Rembau	Port Dickson	Jempol	
1.	Bil. Operasi dijalankan	36	80	74	180	71	131	86	**658**
2.	Bil. Premis dilawati	100	589	716	1,500	221	2,287	2,723	**8,136**
3.	Bil. Notis Seksyen 32B dikeluarkan	176	440	270	935	309	439	453	**3,022**
4.	Bil. Kompaun dikeluarkan	81	148	150	970	90	160	228	**1,827**
5.	Jum. Amaun kompaun ditawarkan (RM)	21,850	39,000	39,800	261,550	20,000	46,600	62,150	**490,950**
6.	Bil. Kompaun dibayar *	81	148	150	970	90	160	228	**1,827**
7.	Jum. Amaun kompaun dibayar (RM)	17,425	30,100	30,500	194,650	15,000	35,300	42,715	**365,690**
8.	Bil. Kertas siasatan dirujuk ke TPR untuk Izin Dakwa	62	133	52	87	55	190	120	**699**
9.	Bilangan kes NFA oleh TPR **	0	0	0	2	0	0	0	**2**
10.	Bilangan kes daftar di mahkamah ***	50	128	29	676	52	147	99	**1,181**

Bil.	Pencapaian	Daerah							Jumlah
		Jelebu	K.Pilah	Tampin	Seremban	Rembau	Port Dickson	Jempol	
11.	Bilangan kes telah selesai ***	18	61	10	402	25	112	64	**692**
	11.1 Bilangan didenda	3	30	1	93	9	47	24	**207**
	11.2 Amaun didenda (RM)	800	10,730	350	25,900	2,350	11,050	6,640	**57,820**
	11.3 Bilangan dipenjara	0	1	0	0	0	0	0	**1**
	11.4 Bilangan A & D	0	1	0	4	1	0	2	**8**
	11.5 Bilangan DNAA	13	21	7	266	12	58	33	**410**
	11.6 Bilangan kes ditarik balik / batal	2	8	2	39	3	7	5	**66**

* Amaun kompaun dibayar adalah selepas pengurangan berikutan rayuan orang kena kompaun (OKK).

Rajah 1 menunjukkan pencapaian pengeluaran notis seksyen 32B pada tahun 2018 sehingga tahun 2022 yang menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2021.

Rajah 1 : Pencapaian Pengeluaran Notis PPKHT 2004 Mengikut Daerah, 2018 - 2022



	Jelebu	K. Pilah	Tampin	Seremban	Rembau	P. Dickson	Jempol	N. Sembilan
2018	252	592	631	910	427	710	518	4040
2019	206	435	487	365	307	478	276	2554
2020	78	182	282	286	110	199	335	1472
2021	64	75	31	58	17	56	156	457
2022	176	440	270	935	309	439	453	3022

PENGUATKUASAAN AKTA PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT 1975

Pada tahun 2022, sebanyak 75 operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (APSPP 1975) dilaksanakan di tujuh Pejabat Kesihatan Daerah di seluruh Negeri Sembilan. Fokus utama operasi adalah di premis-premis berisiko tinggi pembiakan aedes khususnya yang terletak di lokaliti wabak denggi seperti tapak bina, premis barang lusuh, tapak semaian dan kilang. Operasi bertema dijalankan seperti berikut:

Tarikh	Tema	Arahan Operasi	Daerah
25 - 26/01/2022	Ops Gempur Aedes Siri 1 (Ops Tapak Semaian)	UIP, JKNNS	25/1 - Bersepadu Seremban
		SIP, KKM	26/1 - Semua Daerah
22 - 22/02/2022	Ops Gempur Aedes Siri 2 (Ops Barang Lusuh)	SIP, KKM	22/2 - Semua Daerah
		UIP, JKNNS	23/2 - Bersepadu Seremban
29 - 30/03/2022	Ops Gempur Aedes Siri 3 (Ops Premis Tumpuan Awam)	SIP, KKM	Semua Daerah
27 - 28/04/2022	Ops Gempur Aedes Siri 4 (Ops Tapak Komersial)	SIP, KKM	Semua Daerah
25 - 26/05/2022	Ops Gempur Aedes Siri 5 (Ops Tapak Binaan Awam)	SIP, KKM	25/5 - Semua Daerah
		UIP, JKNNS	26/5 - Bersepadu Seremban
28 - 29/06/2022	Ops Gempur Aedes Siri 6 (Ops Tapak Semaian)	SIP, KKM	Semua Daerah
16 - 17/08/2022	Ops Gempur Aedes Siri 7 (Ops Premis Tumpuan Awam)	SIP, KKM	Semua Daerah
27 - 28/09/2022	Ops Gempur Aedes Siri 8 (Ops Tapak Komersial)	SIP, KKM	Semua Daerah
26 - 27/10/2022	Ops Gempur Aedes Siri 9 (Ops Tapak Binaan)	SIP, KKM	Semua Daerah
22 - 23/11/2022	Ops Gempur Aedes Siri 10 (Ops Tapak Semaian)	SIP, KKM	Semua Daerah
13 - 14/12/2022	Ops Gempur Aedes Siri 11 (Ops Barang Lusuh)	SIP, KKM	Semua Daerah

Secara keseluruhan pencapaian aktiviti penguatkuasaan di bawah APSPP 1975 pada tahun 2022 meningkat berbanding tahun 2021. Sepanjang tempoh ini 248,828 premis diperiksa berbanding 191,549 pada tahun 2021, dengan peningkatan sebanyak 29.9%. Selain itu, 828 kompaun dikeluarkan pada tahun 2022 berbanding 501 pada tahun 2021 dengan peningkatan sebanyak 65.3%. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan di bawah APSPP 1975 pada 2022 berbanding tahun-tahun sebelum ini seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2 : Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, 2018 - 2022

Bil.	Pencapaian	2018	2019	2020	2021	2022
1.	Bil. premis diperiksa	281,216	322,208	277,432	191,549	248,828
2.	Bil. premis positif	5,337	6,034	12,229	8,262	5,967
3.	Perintah Notis Sek. 8	863	345	173	84	188
4.	Bil. kompaun dikeluarkan	1,645	2,409	1,531	501	828
5.	Amaun kompaun (RM)	822,500	1,204,500	765,500	250,500	41,4000
6.	Bil. kompaun dibayar	1,397	1,639	1,420	453	668
7.	Amaun dibayar (RM)	219,603	248,610	203,570	82,575	118,700
8.	Peratus kompaun dibayar	84.9%	68.0%	92.7%	90.4%	81%
9.	Bil. kes dirujuk ke TPR	359	390	306	437	248

Pencapaian keseluruhan aktiviti penguatkuasaan di bawah APSPP 1975 bagi tahun 2022 seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3 : Pencapaian Aktiviti Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 Mengikut Daerah, 2022

Bil.	Pencapaian	Daerah							Negeri Sembilan
		Jelebu	K.Pilah	Tampin	Seremban	Rembau	Port Dickson	Jempol	
1.	Bil. Premis diperiksa	10,962	28,383	20,239	142,127	10,879	17,794	18,444	**248,828**
2.	Bil. Premis positifpPembiakan	30	386	182	3,744	718	641	266	**5,967**
3.	Bil. Perintah Notis Sek. 8	4	2	48	27	15	8	84	**188**
4.	Bil. Kompaun dikeluarkan	19	119	58	156	57	221	198	**828**
5.	Amaun kompaun ditawar (RM)	9,500	59,500	29,000	78,000	28,500	110,500	99,000	**414,000**
6.	Bil. Kompaun dibayar	19	114	59	82	54	173	167	**668**
7.	Amaun Kompaun dibayar (RM)	2,300	17,350	10,160	15,500	17,550	29,220	26,620	**118,700**
8.	Bil. Kertas siasatan dibuka	19	115	60	541	61	342	229	**1,367**
9.	Bil. Kes dirujuk ke TPR untuk izin dakwa	0	2	1	230	0	8	7	**248**
10.	Bil. Kes NFA oleh TPR	0	0	0	0	0	0	0	**0**
11.	Bil. Kes daftar mahkamah	0	2	1	650	0	16	9	**678**

Bil.	Pencapaian	Daerah							Negeri Sembilan
		Jelebu	K.Pilah	Tampin	Seremban	Rembau	Port Dickson	Jempol	
1.	Bilangan kes selesai	0	2	1	473	0	24	8	**508**
2.	12.1 Bilangan didenda	0	1	0	161	0	14	5	**181**
3.	12.2 Bilangan dipenjara	0	0	0	0	0	0	0	**0**
4.	12.3 Amaran	0	1	0	2	0	0	0	**3**
5.	12.4 Amaun didenda (RM)	0	400	0	52,200	0	6,800	3,500	**62,900**
6.	12.5 Bilangan A & D	0	0	0	3	0	0	0	**3**
7.	12.6 Bilangan DNAA	0	0	1	290	0	9	3	**303**
8.	12.7 Bilangan kes ditarik balik / batal	0	0	0	17	0	1	0	**18**

Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT 2004) serta Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (PPM 1985) dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM 2009).

Pada tahun 2022, sebanyak 1,457 kes prosiding pendakwaan dan mendapat keputusan di mahkamah. Pencapaian keseluruhan aktiviti pendakwaan di mahkamah pada tahun 2022 seperti di dalam **Jadual 4**.

Jadual 4 : Ringkasan Keputusan Mahkamah Bagi Kes-Kes Pendakwaan Yang Selesai, 2022

Akta / Peraturan	Bil. Kes Selesai	Keputusan Kes						
		Bil. Denda	Amaun Didenda (RM)	Amaran	Penjara	A&D	DNAA	Kes Tarik Balik / Batal
AM 1983 / PPM 1985 / PPKM 2009	257	111	36,520	0	0	1	136	9
PPKHT 2004	692	207	57,820	0	1	8	410	66
APSPP 1975	508	181	62,900	3	0	3	303	18
Jumlah	**1,457**	**499**	**157,240**	**3**	**1**	**12**	**849**	**93**

PENGURUSAN AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

i. Pemprosesan Permohonan Kad Perakuan Kuasa, Perwakilan Kuasa dan Kuasa Mendakwa Di Mahkamah

UIPN, JKNNS bertanggungjawab dalam proses awal penyediaan Kad Perakuan Kuasa dan Perwakilan Kuasa bagi pegawai-pegawai yang baru berkhidmat di Negeri Sembilan untuk dimajukan ke SIP, KKM dan permohonan kuasa mendakwa di mahkamah kepada Pengarah Pendakwaan Negeri untuk proses selanjutnya. Sejumlah 31 permohonan melibatkan 17 orang pemohon terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pegawai / Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Pembantu Kesihatan Awam diproses sepanjang tahun 2022.

ii. Mesyuarat, Bengkel, Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Sebagai satu mekanisma memastikan semua aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan mengikut prosedur-prosedur yang disediakan, Mesyuarat Teknikal Inspektorat dan Penguatkuasaan diadakan untuk membincang dan menilai keberkesanan, kelemahan-kelemahan serta mengenalpasti penambahbaikan bagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan.

Pada tahun 2022, sebanyak 3 kursus (LDP) dengan peruntukan sebanyak RM3,360.00 dilaksanakan untuk mempertingkat dan memperkukuhkan mutu perkhidmatan khususnya penguatkuasaan dan pendakwaan di Negeri Sembilan Darul Khusus.

iii. Audit teknikal

Pada tahun 2022, semua tujuh daerah di Negeri Sembilan diaudit sebanyak dua kitaran bagi setiap daerah. Hasil daripada audit dijalankan menunjukkan terdapat peningkatan dari segi penambahbaikan khususnya terhadap pengurusan Unit Inspektorat dan Perundangan di daerah.

KESIMPULAN

Unit Inspektorat dan Perundangan, Negeri Sembilan berjaya melaksanakan fungsinya dengan baik dan konsisten terhadap pengurusan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan di sepanjang tahun 2022. Unit ini dapat melaksanakan semua operasi yang dirancang termasuk pencapaian 100% terhadap Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi indikator prestasi untuk pematuhan pelaksanaan operasi yang diarahkan oleh KKM. Di sepanjang tahun 2022, UIPN mengkoordinasi aktiviti berkaitan operasi bersepadu dengan jayanya di seluruh daerah menggunakan modus operandi dan strategi hasil dari risikan sistematik dan mantap. Bebanan kerja dan cabaran di lapangan semakin meningkat memerlukan kekuatan mental dan psikologi anggota yang kuat dan mantap dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan. Sehubungan itu, keperluan logistik dan sumber manusia yang optima perlu untuk memastikan aktiviti dilaksanakan dengan sempurna pada tahap kualiti yang tinggi, adil, telus dan berintegriti. Unit ini akan terus komited dan berusaha meningkatkan prestasi dan peranan dalam melindungi kesihatan orang awam melalui aktiviti penguatkuasaan yang berkesan dan mampan.

2.13 UNIT ENTOMOLOGI DAN PEST

PENGENALAN

Unit Entomologi dan Pest Pejabat Kesihatan Daerah Seremban dan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan berfungsi menjalankan ujian dan kajian terhadap vektor dan pest meliputi aktiviti Siasatan Entomologi, Surveilan, siasatan aduan, ujian keberkesanan kawalan, audit teknikal di pintu masuk antarabangsa dan juga ujian kerintangan racun serangga.

VISI

Menjadikan organisasi unggul berkualiti dalam menangani ancaman serangga pembawa penyakit dan Pest berkepentingan kesihatan awam.

MISI

Memperkasa Pengurusan Vektor Bersepadu (*Integrated Vector Management*, IVM) dan amalan Pengurusan Pest Bersepadu (*Integrated Pest Management*, IPM) serta perkembangan "*Subject Matter Expert*, SME" di bidang Entomologi dan Pest.

OBJEKTIF UNIT

Aktiviti dilaksanakan untuk mencapai visi dan misi:

1. Memperkasa Pelan Strategik Perkhidmatan serta Pembangunan Entomologi dan Pest.
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui transformasi pembangunan modal insan, penulisan saintifik serta pembangunan prasarana entomologi dan pest.
3. Menggalakkan inisiatif inovasi dan tambah nilai teknologi entomologi serta menjayakan fasiliti bebas pest.
4. Komited melaksanakan Penyelidikan/Kajian Operasi bagi menambah nilai perkhidmatan secara saintifik.
5. Memastikan Akta 774 (Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016) dipatuhi.

KAJIAN DAN PEMANTAUAN NYAMUK AEDES SP.

Terdapat beberapa aktiviti berkaitan pemantauan nyamuk Aedes dijalankan sepanjang 2022 iaitu Siasatan Entomologi dan Penilaian Risiko Entomologi melalui Sticky Ovitrap, Audit teknikal ovitrap di Pintu Masuk Antarabangsa Pelabuhan Port Dickson dilaksanakan setiap tahun bagi menentukan densiti vektor bagi penyakit Yellow Fever.


Entomology Investigation (EI) dilaksanakan di lokaliti keutamaan iaitu lokaliti wabak tidak terkawal/ hotspot dan lokaliti kematian denggi. Tujuan EI dijalankan bagi menentukan kepadatan sebenar *Indeks Aedes* serta mencari punca-punca pembiakan utama yang tidak dikesan oleh pihak daerah. Bagi lokaliti kes kematian Denggi, EI lebih bertujuan untuk menentukan lokaliti jangkitan, membantu menghapuskan tempat-tempat pembiakan yang masih ditemui seterusnya memutuskan jangkitan virus Denggi. Selain pemeriksaan premis, ada juga lokaliti yang dijalankan aktiviti Ovitrap Sticky sebagai EI. Sepanjang 2022 aktiviti EI dan ERA hanya dijalankan di daerah Seremban.

Jadual 1 : Pencapaian EI Di Negeri Sembilan Mengikut Daerah, 2022


Daerah	Bil. lokaliti kajian	Indeks Aedes	Pembiakan Ae. Albopictus	Pembiakan Ae. Aegypti	Catatan
Seremban	130	Julat	80 (57.1%)	60 (42.6%)	WTK / Hotspot / Kematian DD

Indeks Aedes tertinggi direkodkan di Teratak Anggerik Labu Batu 13 (50.0%), **Rajah 1** Pembiakan Aedes albopictus (57.1%) dan Ae.aegypti (42.6%) hampir menyamai densiti antara satu sama lain.

Rajah 1 : Indeks Aedes Di Lokaliti Siasatan Entomologi, 2022



Sambungan...




Audit Teknikal Ovitrap di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA)

Aktiviti surveilan ovitrap di Pintu Masuk Antarbangsa (PMA) dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson bertujuan memantau kehadiran nyamuk Aedes aegypti bagi tujuan pencegahan penyakit Yellow Fever. Pasukan Entomologi menjalankan Audit Teknikal di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) ini sekali setahun untuk menilai densiti Aedes melalui Indeks ovitrap. Pemantauan Indeks Ovitrap terutama Indeks Aedes aegypti tahunan adalah seperti di **Rajah 2**. Bagi tahun 2022, aktiviti dilaksanakan pada 4-18 April 2022. Sebanyak 60 bekas ovitrap dipasang, 34 di dalam dan 26 di luar premis.

Hasil pemantauan tahun 2022 sebanyak 11 bekas positif pembiakan Aedes dikesan pada minggu pertama (Indeks ovitrap = 18.3%) dan 8 bekas positif pembiakan Aedes dikesan pada minggu kedua (Indeks ovitrap = 13.4%). Walau bagaimanapun, semua pembiakan Aedes pada ovitrap yang positif adalah Aedes albopictus. Ini bermakna Indeks ovitrap Aedes aegypti adalah 0% dan tidak melebihi *threshold* yang ditetapkan.

Rajah 2 : Indeks Ovitrap di Pintu Masuk Antarabangsa Port Dickson, 2022



Seterusnya, Audit Teknikal di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) juga menilai densiti Aedes melalui pemasangan sangkar roden. Aktiviti telah dilaksanakan pada 4 April 2022 sehingga 18 April 2022. Sebanyak sangkar diletakkan di dalam dan diluar premis. Walau bagaimanapun tiada roden dikesan.


UJIAN KEBERKESANAN AKTIVITI KAWALAN DENGGI

Sebanyak 5 kali aktiviti Entomologi berkaitan ujian keberkesanan bagi kawalan Denggi dijalankan meliputi Ujian Air-Borne Bioassay, Ovitrap 48 Jam dan Pengukuran Saiz Droplet bagi racun serangga yang digunakan. (Termasuk ujian bagi menguji keberkesan racun serangga Acpidor dan pemeriksaan saiz nozel)

Ujian Air-Borne Bioassay

Ujian Bioassay dijalankan bertujuan bagi menguji keberkesanan semburan kabus termal dengan penggunaan insektisid terhadap nyamuk Aedes dewasa.

Rajah 4 : Ujian Bioassay Bagi Menilai Keberkesanan Aktiviti Semburan Termal Di Lokaliti Wabak, 2022




	Taman Matahari Heights	Taman Jati Heights
Knockdown	97	100
Mortality	100	100
Control	0	0

Ujian Ovitrap 48 Jam

Pemantauan Ovitrap 48 jam bertujuan mengesan kehadiran nyamuk gravid (bersedia untuk bertelur) yang tidak mati selepas semburan selesai dijalankan, kemungkinan disebabkan liputan semburan yang tidak mencukupi atau semburan dijalankan di luar pintu pagar.

Rajah 5 : Indeks Ovitrap Melalui Perlaksanaan Sticky Ovitrap 48 Jam Bagi Mengesan Kehadiran Nyamuk Gravid Di Lokaliti Wabak, 2022




	Taman Matahari Heights	Taman Jati Heights
Indoor	0	0
Outdoor	21	10

UJIAN PENGESANAN VIRUS DALAM NYAMUK AEDES (VDIM)

Surveilan virus di lokaliti kes kematian denggi serta lokaliti Hotspot/ Wabak Tidak terkawal dilaksanakan secara berterusan. Pengesanan virus di dalam nyamuk dilaksanakan dengan menggunakan SD Rapid Test NS1 dengan kadar *sensitivity* 92.4% dan *specificity* 98.4%. Sampel Aedes diperolehi melalui aktiviti Sticky ovitrap bagi tujuan dijalankan ujian VDIM. Didapati tiada lokaliti yang positif, berkemungkinan surveilan virus dilakukan pada tahun 2021 adalah di kawasan Hotspot Denggi. Manakala pada tahun 2022, surveilan dilaksanakan di kawasan wabak biasa.

Rajah 7 : Keputusan Ujian Virus menggunakan SD Rapid Test NS1




KAJIAN DAN PEMANTAUAN NYAMUK ANOPHELES SP.

Kajian dan pemantauan vektor malaria bagi tujuan pengesanan Anopheles (larva dan dewasa) dijalankan di lokaliti sentinel. Tiada lokaliti wabak Malaria dan kes tempatan serta kes import bergamet dilaporkan. Penilaian turut dijalankan di lokaliti bagi tujuan penentuan tahap Reseptiviti bagi Program Eliminasi Malaria Kebangsaan

Stesen Sentinel Anopheles sp.

Pemantauan di stesen sentinel Anopheles dijalankan setiap bulan sepanjang tahun di lokaliti sentinel iaitu Kg. Bukit Melintang, Port Dickson. Pemilihan lokaliti Kg. Bukit Melintang dibuat berdasarkan densiti nyamuk Anopheles yang tinggi dan juga pengesanan spesis vektor human malaria iaitu An.epiroticus semasa kajian EI dijalankan terhadap kes malaria P.vivax bergametosit yang dilaporkan pada tahun 2018. Kehadiran vektor dikesan melalui 2 kaedah iaitu Human Landing Catch dan Animal Bait.

Rajah 8: Bilangan *An.epiroticus* di Kg. Bukit Melintang, Port Dickson Mengikut Kaedah Tangkapan




	Jan'19	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan'20	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan'21	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan'22	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
HLC	3	5	2	1	0	1	15	13	2	2	0	0	1	1	5	0	2	0	0	2	0	2	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	2	0	
Umpan Haiwan	2	5	3	0	0	13	9	11	3	0	0	2	2	5	2	0	2	0	2	2	1	2	0	0	0	0	0	0	0	3	0	1	1	0	0	0	0	0	5	0	0	0	3	0	10	5	0	
Tangkap Hinggap	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
Kajian Larva	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	3	0	


Entomologi Investigation (EI) dan Entomology Risk Assesment (ERA) Malaria

Aktiviti Entomologi Investigation (EI) Malaria perlu dijalankan di lokaliti kes human malaria import bergamet. Terdapat tiga kes bagi kriteria berkaitan dilaporkan bagi tahun 2022 iaitu di Kg. Air Mawang, Kg. Dioh Besar dan Kg. Tebat Kering di Kuala Pilah. Aktiviti *Entomology Risk Assesment* (ERA) dijalankan di sebanyak 12 lokaliti bagi kes Malaria P.knowlesi. Penilaian dijalankan oleh Unit Entomologi Daerah Seremban. Dua (2) buah lokaliti dikesan kehadiran vektor zoonotik Malaria iaitu Kg. OA Chergun, Kuala Pilah dan Kg. Kundur Hilir, Rembau. Sebanyak 12 buah lokaliti lain dijalankan ERA bagi tujuan penilaian semula di keseluruhan Negeri Sembilan. Terdapat 18 lokaliti dikesan kehadiran vektor human Malaria iaitu An.maculatus. Taburan vektor keseluruhan Negeri Sembilan seperti di **Rajah 9** dan **Rajah 10**.

Rajah 9 : Pecahan Bilangan Kajian Dijalankan Mengikut Daerah



Rajah 10 : Kehadiran Vektor Mengikut Spesis Yang Dikesan



PENGAWASAN KERINTANGAN VEKTOR TERHADAP INSEKTISID

Bagi pengawasan kerintangan vektor terhadap insektisid, kajian pengesanan lanjut dilaksanakan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK). Peringkat negeri hanya dipertanggungjawabkan bagi menghantar sampel telur Aedes mengikut jadual yang dikeluarkan oleh Ketua Seksyen Entomologi MKAK. Pada tahun 2021, sampel dihantar sebanyak satu kali iaitu pada Julai.

Ujian dilaksanakan terhadap 3 jenis racun serangga iaitu Temephos 0.012 mg/l bagi larva serta Permethrin 0.25% dan Malathion 0.8% bagi nyamuk dewasa. MKAK akan menghasilkan koloni nyamuk dewasa dari lokaliti yang dipilih (dewasa >500) bagi membolehkan ujian kerintangan mengikut kaedah WHO dijalankan. Keputusan ujian masih belum dimaklumkan ke peringkat negeri oleh pihak MKAK.


Walau bagaimanapun, UEP turut menjalankan saringan status kerintangan menggunakan rapid test kit (RTK). Sebanyak 6 lokaliti dijalankan pemantauan dari lokaliti yang sama sampel telur dihantar ke MKAK iaitu Taman Bukit Chedang, Kampung Padang Biawas, Apartment Desa Palma dan Flat Dahlia. Sampel nyamuk dewasa diperolehi melalui kajian tangkap hinggap nyamuk dewasa di lokaliti.

Terdapat dua jenis RTK yang digunakan iaitu RTK Oxidase merujuk kepada ujian kerintangan terhadap racun serangga Sintetik Piretroid dan RTK Esterase merujuk kepada ujian kerintangan terhadap racun serangga Organofosfat. Hasil ujian kerintangan adalah seperti di **Rajah 11** dan **Rajah 12**.

Rajah 11 : Hasil Ujian Kerintangan Terhadap Racun Serangga Kumpulan Sintetik Piretroid




Rajah 12 : Hasil Ujian Kerintangan Terhadap Racun Serangga Kumpulan Organofosfat



SIASATAN ADUAN PEST


Pelbagai aduan berkaitan pest diterima sepanjang tahun 2022. Antaranya aduan berkaitan Tikus di Hospital Tuanku Jaafar dan 17 Fasiliti Kesihatan di Seremban, Kelawar dan Bed Bug di Kuarters Hospital Jempol, Aduan Rama-rama di Pantai, Aduan Kluster Ruam di Taman Beringin dan seterusnya Burung dan Hama di Klinik Kesihatan Bukit Pelanduk. Siasatan dijalankan bagi mengesan punca kacau ganggu. Tindakan lain yang diberikan termasuklah cadangan tindakan kawalan yang perlu dijalankan oleh pihak daerah.

Rajah 14 : Aduan Pest, 2022



	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Lain-lain			1					2				
Anai-anai	1					1	1					
Tikus			2	1	2		2	8	2			

Rajah 15 : Siasatan Aduan Pest, 2022



PENCEGAHAN ANAI-ANAI DI FASILITI KESIHATAN

Pemantauan kesesuaian dijalankan di daerah Jempol, Kuala Pilah, Port Dickson, Rembau, Seremban, Tampin dan Jelebu bagi aktiviti pencegahan anai-anai di sekitar fasiliti. Pencegahan merujuk kepada aktiviti yang dijalankan untuk mencegah kejadian serangan anai-anai. Ini berikutan anai-anai memang sedia ada di dalam persekitaran tanah yang sesuai. Sebanyak 8 buah fasiliti di daerah Jempol dijalankan pemeriksaan (**Jadual 3)**. Adalah didapati 3 kemudahan kesihatan di Jelebu sesuai untuk kawalan anai-anai yang dirancang oleh Unit Entomologi JKNNS menggunakan kaedah *above-ground station* kerana fasiliti tersebut masih di dalam tempoh jaminan pihak kontraktor selama 5 tahun.

Jadual 3 : Pemantauan Kesesuaian Fasiliti Daerah Jelebu Untuk Aktiviti Pencegahan

Fasiliti	Jenis Struktur Bangunan	Kehadiran Anai-Anai
KD Felda Bukit Rokan Barat	Semi konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KD Pasoh 3	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)
KD Air Hitam	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)
KD Palong 1	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)
KD Palong 2	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)
KD Kuala Jempol	Semi konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KD Serting Ulu	Semi konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KD Serting Tengah	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)

Daerah seterusnya yang dijalankan pemeriksaan adalah Kuala Pilah. Dari 15 buah fasiliti yang dijalankan pemeriksaan, 5 buah didapati sesuai dijalankan aktiviti pencegahan (**Jadual 4**). Kaedah *above-ground* dengan *bait station* dijalankan sehingga koloni anai-anai lenyap. Dengan ini, struktur bangunan dijamin dari serangan dalam masa terdekat. Pemantauan diteruskan dari semasa ke semasa. Untuk tahun seterusnya, daerah-daerah lain turut dibuat penilaian.

Jadual 4 : Pemantauan Kesesuaian Fasiliti Daerah Kuala Pilah Untuk Aktiviti Pencegahan

Fasiliti	Jenis Struktur Bangunan	Kehadiran Anai-Anai
KD Talang	Semi konkrit	kesan lama (tidak aktif)
KD Kampung Kepis	Semi konkrit	Tiada anai-anai dijumpai
KD Felda Kepis	Semi konkrit	Tiada anai-anai dijumpai
KD Ulu Pilah	Tidak dinilai kerana mempunyai PSK sendiri	
KD Jelai	Semi konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KD Gachong	Semi konkrit	Kawalan anai-anai tamat
KK Padang Lebar	Konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KK Johol	Konkrit	Tiada anai-anai dijumpai
KD Ayer Mawang	Semi konkrit	Tiada anai-anai dijumpai
KD Betong	Semi konkrit	Tiada anai-anai dijumpai
KD Tengkek	Semi konkrit	Tiada anai-anai dijumpai
KD Inas	Semi konkrit	Tiada anai-anai dijumpai
KD Kampung Tengah	Semi konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KK Gunung Pasir	Konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KK Terachi	Konkrit	Tiada anai-anai dijumpai

Daerah seterusnya yang dijalankan pemeriksaan adalah Rembau. Dari tujuh buah fasiliti yang dijalankan pemeriksaan, empat buah didapati sesuai untuk dijalankan aktiviti pencegahan (**Jadual 5**). Kaedah *in-ground* dengan *bait station* telah dijalankan sehingga koloni anai-anai lenyap. Dengan ini, struktur bangunan dijamin dari serangan dalam masa terdekat.

Jadual 5 : Pemantauan Kesesuaian Fasiliti Daerah Rembau Untuk Aktiviti Pencegahan

Fasiliti	Jenis Struktur Bangunan	Kehadiran Anai-Anai
KD Chembong Halt	Semi konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KD Selemak	Semi konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KD Pilin	Semi konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KD Sepri / Kuaters	Tidak dinilai kerana mempunyai PSK sendiri	
KD Bongek	Semi konkrit	Kawalan anai-anai tidak dijalankan
KK Kota	Konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan
KD Semerbok	Semi konkrit	Kawalan anai-anai tidak dijalankan

Daerah seterusnya yang dijalankan pemeriksaan adalah Port Dickson. Dari dua (2) buah fasiliti yang dijalankan pemeriksaan, semua fasiliti didapati tidak sesuai untuk dijalankan aktiviti pencegahan (**Jadual 6**).

Jadual 6 : Pemantauan Kesesuaian Fasiliti Daerah Port Dickson Untuk Aktiviti Pencegahan

Fasiliti	Jenis Struktur bangunan	Kehadiran anai-anai
KD Teluk Kemang	Semi konkrit	Kawalan anai-anai tidak dijalankan
KD Bagan Pinang	Semi konkrit	Kawalan anai-anai tidak dijalankan

Daerah seterusnya yang dijalankan pemeriksaan adalah Seremban. Dari tiga buah fasiliti yang dijalankan pemeriksaan, tiga buah didapati sesuai untuk dijalankan aktiviti pencegahan (**Jadual 7**). Kaedah *above-ground* dengan bait station dijalankan sehingga koloni anai-anai lenyap. Dengan ini, struktur bangunan dijamin dari serangan dalam masa terdekat.

Jadual 7 : Pemantauan Kesesuaian Fasiliti Daerah Seremban Untuk Aktiviti Pencegahan

Fasiliti	Jenis Struktur bangunan	Kehadiran anai-anai
KD Jimah	Semi konkrit	Kawalan anai-anai tamat
KK Sikamat, Stor Premier	Konkrit	Kawalan anai-anai tamat
KD Mambau	Semi konkrit	Kawalan anai-anai tamat

Daerah seterusnya yang dijalankan pemeriksaan adalah Tampin. Dari tiga buah fasiliti yang dijalankan pemeriksaan, dua buah didapati sesuai untuk dijalankan aktiviti pencegahan (**Jadual 8**). Kaedah *above-ground* dengan bait station telah dijalankan sehingga koloni anai-anai lenyap. Dengan ini, struktur bangunan dijamin dari serangan dalam masa terdekat.

Jadual 8 : Pemantauan Kesesuaian Fasiliti Daerah Tampin Untuk Aktiviti Pencegahan

Fasiliti	Jenis Struktur bangunan	Kehadiran anai-anai
KK Air Kuning Selatan	Konkrit	Kawalan anai-anai tamat
KD Sg. Kelamah	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)
Stor Vektor, PKD Tampin	Konkrit	Kawalan anai-anai dijalankan

Daerah seterusnya yang dijalankan pemeriksaan adalah Jelebu. Dari enam buah fasiliti yang dijalankan pemeriksaan, ke semua fasiliti didapati tidak sesuai untuk dijalankan aktiviti pencegahan (**Jadual 9**). Dengan ini, struktur bangunan dijamin dari serangan dalam masa terdekat. Pemantauan akan diteruskan dari semasa ke semasa. Untuk tahun seterusnya, daerah-daerah lain juga akan dibuat penilaian.

Jadual 9 : Pemantauan Kesesuaian Fasiliti Daerah Jelebu Untuk Aktiviti Pencegahan

Fasiliti	Jenis Struktur Bangunan	Kehadiran Anai-Anai
KD Petaseh / Kuaters	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)
KD Ulu Jelebu	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)
KD Pasoh 4	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)
KD Lakai	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)
KD Ulu Klawang	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)
KD Jerang	Semi konkrit	Kesan lama (tidak aktif)

KURSUS YANG DIJALANKAN, 2022

Unit Entomologi dan Pest melaksanakan empat kursus. Antaranya ialah Kursus Pengecaman Larva Bagi Pembantu Kesihatan Awam 2022 pada 23-24 Februari 2022 bertempat di Bilik Latihan Makmal Entomologi dan

Pest, Jalan Za'aba, Seremban. Kursus dibuka kepada semua Pembantu Kesihatan Awam (PKA) dari semua daerah di Negeri Sembilan. Seramai tiga orang peserta dari setiap Pejabat Kesihatan Daerah dicalonkan oleh Ketua Unit bagi pelantikan sebagai Pegawai Pemeriksa Larva di daerah masing-masing dengan tujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang pengenalpastian larva nyamuk. Terdapat dua bentuk ujian iaitu ujian bertulis dan ujian praktikal.

Seterusnya, Kursus Pengenalan Acarine dan produk kawalan berkaitan yang dijalankan selama satu hari pada 11 Ogos 2022 bertempat di Bilik Seminar Alamanda, Unit Latihan Dan Inovasi, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan bertujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang pengenalpastian 'Acarine' dan produk-produk kawalan berkaitan.

Selain daripada itu, Kursus Kerintangan dan Kerentanan serangga terhadap racun serangga juga dijalankan pada 13-14 Oktober 2022 bertempat di Bilik Latihan Makmal Entomologi dan Pest, Jalan Za'aba, Seremban bertujuan untuk melatih kumpulan sokongan di bahagian Unit Entomologi dan Pest Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan dan Pejabat Kesihatan Seremban berkaitan pendedahan secara teori, prinsip kerintangan dan kerentanan serangga terhadap racun serangga, kerja kumpulan serta praktikal teknik-teknik perlaksanaan WHO *susceptibility bioassay* dibuat mengikut garis panduan WHO dan KKM.

Seterusnya, Unit Entomologi dan Pest Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan dan Pejabat Kesihatan Seremban menjalankan taklimat dan lawatan ke Makmal Entomologi dan Insektarium Jabatan Kesihatan Negeri Johor pada 8 November 2022 (Selasa). Lawatan bertujuan bertukar maklumat teknikal dan pengalaman tentang pengurusan makmal serangga dan insektarium serta pengurusan koloni nyamuk Wolbachia secara khususnya.

Kursus yang terakhir pada tahun 2022 ialah Kursus Pengenalan dan Kawalan LILATI yang dijalankan selama dua hari pada 28-29 November 2022 bertempat di Institut Latihan FAMA, Port Dickson Negeri Sembilan bertujuan memberi latihan pengenalan serta pemantapan pengetahuan peserta berkaitan biologi dan kaedah kawalan LILATI (Lipas, Lalat dan Tikus) yang merupakan skop tugas Unit Entomologi dan Pest.

KESIMPULAN

Unit Entomologi dan Pest menjalankan aktiviti merangkumi pelbagai aspek surveilan dan siasatan terhadap vektor dan pest. Bagi tahun 2022, aktiviti dikembangkan meliputi *expanded scope of* Entomologi iaitu pengesanan, pencegahan dan kawalan Anai-anai di fasiliti kesihatan. Penilaian, surveilan dan siasatan vektor serta pest penting demi memastikan aktiviti dijalankan dan ditangani dengan berkesan.

BAHAGIAN KEJURUTERAAN

3.1 UNIT BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS)

PENGENALAN

Program BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS) ditubuhkan dengan matlamat utama untuk mencegah kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis melalui penyediaan bekalan air yang bersih dan sistem sanitasi yang sempurna seperti tandas di kawasan luar bandar dan pedalaman yang tidak mendapat perkhidmatan bekalan air selamat daripada pihak pembekal air atau pihak berkuasa tempatan.

Pelan pelaksanaan dalam program BAKAS mencapai sasaran 100% liputan bagi kemudahan bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang sempurna di kawasan luar bandar. Antara strategi yang dilaksanakan ialah meningkatkan penglibatan penduduk ke atas setiap projek yang dijalankan melalui kaedah gotong-royong, penggunaan teknologi kos rendah yang efisien serta penggabungan elemen pendidikan kesihatan ketika perlaksanaan projek.

Perancangan dan pembinaan projek BAKAS dilaksanakan oleh pasukan daripada Unit Kejuruteraan Negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP), Pembantu Kesihatan Awam (PKA), Pembantu Rendah Am (PRA) serta pemandu di setiap daerah bagi melancarkan pelaksanaan program.

Antara projek pembinaan di bawah Program BAKAS yang dilaksanakan pada tahun 2022 ialah 8 projek SBPA-KKM, 19 projek tandas curah, 13 projek SPAL dan 53 projek SPSP dah telah siap sepenuhnya dengan jumlah peruntukan yang diterima sebanyak RM145,980.00.

Secara keseluruhannya bagi tahun 2022, program BAKAS yang dirancang berjaya dilaksanakan dengan baik. Liputan rumah yang mempunyai tandas yang sempurna meningkat iaitu sebanyak 99.28%, manakala liputan rumah yang mempunyai sistem air limbah yang sempurna sebanyak 82.29% merujuk kepada jumlah rumah di luar bandar 2022. Ini secara tidak langsung meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar dengan penyediaan kemudahan asas kebersihan, walaupun mereka berada jauh daripada kepesatan pembangunan di bandar.

OBJEKTIF

1. Mencegah serta mengawal berlakunya kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis di kalangan penduduk luar bandar melalui penyediaan kemudahan asas bekalan air bersih dan sistem sanitasi yang sempurna.
2. Melaksanakan semua sasaran pembinaan projek yang telah ditetapkan mengikut jumlah peruntukan diterima.
3. Menjalankan pendidikan kesihatan berkaitan dengan kebersihan diri dan persekitaran kepada masyarakat luar bandar terutamanya penerima projek ketika lawatan data asas dan pemantuan projek dilaksanakan.

LIPUTAN PENCAPAIAN

Semenjak Program BAKAS diperkenalkan, pencapaian liputan bagi bekalan air dan sistem sanitasi sempurna di rumah kawasan luar bandar adalah seperti dalam **Jadual 1.**


Jadual 1 : Pencapaian Liputan Bekalan Air dan Sistem Sanitasi Program BAKAS

Bilangan Penduduk Luar Bandar	204,099
Bilangan Rumah Luar Bandar	61,659
Liputan Bekalan Air Selamat (%rumah)	99.18 %
Liputan Tandas Sempurna (%rumah)	99.28 %
Liputan Sistem Pelupusan Air Limbah SPAL (%rumah)	82.29 %
Liputan Sistem Pelupusan Sisa Pepejal SPSP (%rumah)	84.45 %

PENCAPAIAN PROGRAM

Pada tahun 2022, terdapat 93 projek dirancang dan mencapai sasaran ditetapkan. Projek yang terlibat adalah projek pembinaan SBPA-KKM (8 projek), Tandas curah (19 projek), SPAL (13 projek) dan SPSP (53 projek). **Rajah 1** menunjukkan sasaran dan pencapaian Projek BAKAS bagi tahun 2022 yang berjaya disiapkan mengikut spesifikasi kerja ditetapkan bagi memenuhi objektif program BAKAS.


Rajah 1 : Sasaran dan Pencapaian Pembinaan Projek BAKAS, 2022



PENCAPAIAN KEWANGAN

Pada tahun 2022, sebanyak RM145,980.00 peruntukan diterima dan berjaya dibelanjakan dalam tahun tersebut. Peratus perbelanjaan bagi peruntukan yang diterima pada tahun 2022 adalah 100%. Perbelanjaan peruntukan ini digunakan meliputi pembinaan projek SPBA-KKM, projek sanitasi tandas curah, Projek SPSP dan sistem SPAL di seluruh daerah dalam Negeri Sembilan.

Rajah 2 : Peruntukan BAKAS Mengikut Pecahan Projek Yang Diterima, 2022



LAIN-LAIN AKTIVITI

Pemantauan Kualiti Air Rekreasi Semulajadi

Aktiviti Pemantauan Kualiti Air Rekreasi (Air Marin Dan Air Tawar) dan Kualiti Air Kolam Renang dilaksanakan pada setiap bulan dan masih diteruskan lagi pada tahun 2022, bertujuan memantau kualiti air rekreasi dan mengenalpasti risiko kesihatan yang mungkin dihadapi oleh pengguna. Selain itu, pemantauan dijalankan untuk mengenalpasti potensi bahaya yang akan dihadapi di kawasan air rekreasi dan penilaian kesan terhadap kesihatan akibat daripada pencemaran alam sekitar seperti effluen kumbahan domestik dan industri, pembuangan sampah, aktiviti perternakan, pertanian, perhutanan, perikanan dan lain-lain aktiviti pembangunan.

Pusat rekreasi yang dipilih adalah kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai dalam melakukan aktiviti air. Terdapat 9 lokasi yang dirancang bagi pelaksanaan program ini. Senarai lokasi adalah seperti berikut:

- Rekreasi Ulu Bendol, Kuala Pilah - Air Tawar
- Hutan Lipur Jeram Tengkek, Kuala Pilah - Air Tawar
- Rekreasi Jeram Toi, Jelebu - Air Tawar
- Hutan Lipur Serting Ulu, Jempol - Air Tawar
- Hutan Lipur Lenggeng, Seremban - Air Tawar
- Pantai Bagan Pinang, Port Dickson - Air Masin
- Pantai Saujana, Port Dickson - Air Masin
- Kolam Renang Awam, Paroi, Seremban
- Kolam Renang di Klana Resort, Port Dickson

Walau bagaimanapun, terdapat kekangan bagi lokasi Rekreasi Jeram Toi, Jelebu pada tahun 2022 memandangkan lokasi tersebut telah ditutup buat sementara waktu bagi memberi laluan kerja-kerja baik pulih kerosakan berlaku akibat dari bencana banjir. Tiada sebarang pensampelan dapat dilaksanakan pada tahun 2022 akibat daripada penutupan tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pencapaian program BAKAS di Negeri Sembilan adalah baik dan memuaskan. Semua projek yang dirancang iaiti sebanyak 8 projek SBPA-KKM, 19 projek Tandas, 13 projek SPAL dan 53 projek SPSP dapat dilaksanakan sepenuhya pada tahun 2022. Peruntukan projek diterima berdasarkan kemampuan projek yang dapat dilaksanakan diperingkat daerah iaitu sebanyak RM145,980.00. Peratus liputan penduduk luar bandar di Negeri Sembilan yang mendapat tandas yang sempurna menunjukan peningkatan sebanyak 99.28% sehingga tahun 2022. Penduduk luar bandar yang belum mendapat liputan air bersih atau tandas sempurna adalah melibatkan rumah-rumah yang baru dibina dan penduduk berpindah kawasan yang mana ini merupakan kebiasaan atau gaya hidup bagi masyarakat orang asli yang hidup di kawasan pedalaman. Bagi aktiviti Pemantauan Kualiti Air Rekreasi pula, pencapaian keseluruhan adalah memuaskan.

3.2 UNIT PROGRAM KAWALAN MUTU AIR MINUM KEBANGSAAN (KMAM)

PENGENALAN

Tahap kualiti air terawat yang dibekalkan oleh Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dipantau oleh Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) yang terletak di bawah Unit Kejuruteraan (Kejuruteraan Air dan Sanitasi), Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Program dimulakan sejak tahun 1983 di bawah Program Mutu Air Minum Kebangsaan, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Aktiviti pemantauan ini meliputi semua daerah di Negeri Sembilan dan dilaksanakan oleh tujuh (7) orang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP), U29 serta dibantu oleh lima (5) Pembantu Kesihatan Awam, U17.

SAINS membekalkan air kepada hampir 1.19 juta penduduk di negeri ini (sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020) melalui 20 buah loji rawatan air (LRA) miliknya. Daripada 20 loji ini, 18 menjalani proses rawatan penuh, manakala 2 buah LRA menjalani rawatan separa iaitu Tengkek dan Ulu Bendul, Kuala Pilah. Sejumlah 269 stesen Pensampelan dipantau yang terdiri daripada 20 stesen air mentah dan 249 lagi stesen air terawat.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 6,501 sampel diambil bagi Kumpulan I, 1,409 sampel bagi kumpulan II, 648 sampel diambil bagi kumpulan III, manakala bagi Kumpulan IV terdapat 398 sampel yang dirancang Berjaya diambil. Pada 2022 menyaksikan SAINS hanya berjaya mematuhi piawaian bagi 3 daripada 5 parameter utama "Quality Assurance Programme" (QAP) iaitu E.Coli, baki klorin dan parameter gabungan E.Coli dan baki klorin.

Secara keseluruhannya, kualiti air terawat yang dibekalkan oleh SAINS kurang memuaskan dan perlu ditambah baik dari semasa ke semasa.

VISI

Untuk menjadi pasukan kerja profesional yang berpengetahuan, cekap dan berkemahiran tinggi dalam memberi perkhidmatan kesihatan persekitaran dan perkhidmatan kejuruteraan yang berkualiti dan berinovasi di Negeri Sembilan.

MISI

Untuk membekalkan perkhidmatan berkualiti, bermutu dan tepat kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti kesihatan persekitaran dan perkhidmatan kejuruteraan fasiliti-fasiliti kesihatan.


OBJEKTIF

Memastikan pelaksanaan dan pemantauan program kejuruteraan dalam aspek-aspek teknikal kejuruteraan kesihatan umum dan kejuruteraan penjagaan kesihatan yang efisien, efektif dan berkualiti.

MAKLUMAT ASAS SISTEM BEKALAN AIR

7

daerah yang menjalankan program KMAM iaitu Seremban, Jelebu, Port Dickson, Kuala Pilah, Tampin, Rembau dan Jempol.



BILANGAN LRA



20

Loji Rawatan Air yang beroperasi di bawah Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)

JUMLAH RANGKAIAN

35

Rangkaian air yang membekalkan air kepada lebih kurang 1.19 juta orang penduduk di negeri ini. (*sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020*)

JENIS RAWATAN

18 Rawatan Penuh

2 Rawatan Separa:
LRA Tengkek
LRA Ulu Bendul)

STESEN PERSAMPELAN

269



Stesen Persampelan Air (SPA) yang dipantau dengan bilangan stesen air mentah sebanyak 20 dan 249 stesen air.

AKTIVITI TAHUN 2022

Penilaian Prestasi KMAM 2022

Pada tahun 2022, sebanyak 9,223 sampel air dirancang dan sebanyak 8,956 sampel air yang berjaya diambil bagi tujuan pemantauan. Catatan peratus keseluruhan pencapaian Pensampelan bagi tahun 2022 adalah 97.11%. Ianya termasuk air mentah dan terawat yang dianalisa dalam empat kumpulan. **Jadual 1** menunjukkan pencapaian Pensampelan air mengikut kumpulan I, II, III dan IV seluruh daerah di Negeri Sembilan.

Jadual 1 : Pencapaian Pensampelan Air Program KMAM, 2022


	Kumpulan I		Kumpulan II		Kumpulan III		Kumpulan IV	
	P	B	P	B	P	B	P	B
Jelebu	726	726	154	154	76	76	50	50
Kuala Pilah	1,200	1,200	276	276	110	110	79	79
Port Dickson	844	824	170	170	90	90	45	41
Rembau	717	565	166	130	68	44	46	20
Seremban	1,576	1,575	336	331	156	156	98	98
Tampin	816	816	180	180	76	76	54	54
Jempol	794	794	168	168	96	96	56	54
Jumlah	**6,673**	**6,501**	**1,450**	**1,409**	**672**	**648**	**428**	**398**

P= Jumlah sampel dirancang
B= Jumlah sampel diambil


Pencapaian Program Penjaminan Mutu (*Quality Assurance Programme*, QAP)

Pada tahun 2022, SAINS berjaya mematuhi tiga daripada lima parameter QAP iaitu E.Coli, baki klorin, dan gabungan parameter E.Coli dan baki klorin. Manakala, dua parameter QAP iaitu parameter kekeruhan dan aluminium mencatatkan ketidakpatuhan sebanyak 3.87% dan 14.38%. Penyumbang terbesar kepada kemerosotan parameter kekeruhan dan aluminium adalah dari daerah Jelebu. **Graf 7** hingga **Graf 10** memaparkan pencapaian QAP tahun 2022 mengikut daerah.

Graf 1 : Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter E.Coli, 2022




Graf 2 : Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter Baki Klorin, 2022




	Jelebu	K.Pilah	PD	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	Negeri Sembilan
% Perlanggaran 2022	0.17%	0%	0%	1.63%	0%	0.00%	0.55%	0.21%
Piawaian QAP <1.85 %	1.85%	1.85%	1.85%	1.85%	1.85%	1.85%	1.85%	1.85%

Graf 3 : Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter Kekeruhan, 2022



	Jelebu	Kuala Pilah	Port Dickson	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	N. Sembilan
% Perlanggaran 2022	25.61%	0.00%	0.53%	1.33%	0.00%	2.76%	2.37%	3.87%
Piawaian QAP <2.0%	2%	2%	2%	2%	2%	2%	2%	2%

Graf 4 : Peratus Pencapaian QAP bagi Parameter Aluminium, 2022



	Jelebu	K.Pilah	PD	Rembau	Seremban	Tampin	Jempol	Negeri Sembilan
% Perlanggaran 2022	26.27%	18.05%	7.84%	14.10%	15.45%	16.67%	0.81%	14.38%
Piawaian QAP <10.2%	10.00%	10.00%	10.00%	10.00%	10.00%	10.00%	10.00%	10.00%

Agihan/ rangkaian retikulasi di daerah Jempol adalah sangat jauh dan memerlukan proses pembasmian kuman kedua untuk memastikan klorin mampu bertindak untuk melindungi air dari bakteria hingga ke peti yang paling hujung. Masalah utama yang dihadapi di daerah ini adalah fungsi *secondary dosing* yang selalu gagal. Justeru, jumlah baki klorin adalah kurang dari piawaian yang dicadangkan oleh KKM iaitu 0.2 mg/dl hingga 5.0 mg/dl.

Isu ini dibincangkan bersama SAINS dengan kehadiran SPAN Cawangan Wilayah Selatan. Lawatan ke lokasi *secondary dosing* juga dilakukan bersama SPAN dan kesihatan, namun malangnya ia masih berterusan dari 2016 hingga ke tahun 2022. SAINS turut memaklumkan bahawa permintaan air yang kurang menyebabkan air *stagnant* dalam tangki dan menyebabkan kandungan baki klorin menurun.

Di daerah Jelebu, ketidakpatuhan QAP parameter Kekeruhan dan Aluminium adalah 25.61% dan 26.27%. Lokasi yang seringkali berlaku perlanggaran bagi kedua-dua parameter ini adalah di LRA Ulu Kemin; 25 pelanggaran parameter aluminium dan 136 pelanggaran parameter kekeruhan. Kemerosotan kualiti air di Jelebu ini bermula pada penghujung 2021, iaitu banjir besar dan tanah runtuh berlaku dan sehingga kini prestasi kualiti air di Jelebu masih belum pulih sepenuhnya.

Semua maklumat berkaitan pencapaian pematuhan QAP dalam Program KMAM di Negeri Sembilan dimaklumkan kepada SAINS melalui bersurat dan medium-medium perbincangan bersama SPAN dan agensi-agensi lain.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kualiti air yang dibekalkan pada tahun 2022 oleh Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) di Negeri Sembilan kurang memuaskan. Masih ada banyak ruang untuk penambahbaikan dari segi kualiti. Isu kualiti air di daerah Jelebu, telah dibincangkan di medium-medium yang lebih tinggi seperti di mesyuarat di peringkat daerah, negeri dan bersama agensi-agensi berkepentingan yang lain. Pihak SAINS perlu meningkatkan fokus dari segi penambahbaikan kualiti air dan penyelenggaran *secondary dosing* kepada daerah-daerah yang mempunyai rangkaian air yang panjang/ jauh seperti di daerah Port Dickson dan Jempol. Air yang dibekalkan mestilah selamat untuk diminum. Objektif ini akan dapat dicapai melalui kerjasama yang baik di antara pelbagai agensi yang berkaitan bagi memastikan kelestarian sumber air yang bersih. Perbincangan berkaitan kualiti air di pelbagai peringkat haruslah sentiasa dilaksanakan untuk memastikan air yang bersih dapat dinikmati oleh rakyat.

3.3 UNIT KEJURUTERAAN OPERASI HOSPITAL

PENGENALAN

Unit Kejuruteraan (Operasi Hospital) bertanggungjawab di dalam membuat pemantauan ke atas kontrak Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH). Kontrak PSH adalah kontrak penyelenggaraan selama sepuluh (10) tahun bermula 1 April 2015. Skop perkhidmatan yang terdapat di dalam kontrak PSH termasuk:

i. Facility Engineering Maintenance Services (FMS)
ii. Facilities Management Services (FEMS)
iii. Biomedical Engineering Maintenance Services (BEMS)
iv. Cleansing Services (CLS)
v. Healthcare Waste Management Services (HWMS)
vi. Linen and Laundry Services (LLS)

Sebanyak enam buah hospital di Negeri Sembilan terlibat dalam kontrak PSH ini iaitu Hospital Tuanku Jaafar, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Hospital Port Dickson, Hospital Tampin, Hospital Jempol dan Hospital Jelebu. Syarikat yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti penyelenggaraan bagi semua hospital tersebut ialah Medivest Sdn. Bhd.

VISI

Perkhidmatan kejuruteraan yang profesional, berpengetahuan, cekap dan berkemahiran tinggi di dalam memberi perkhidmatan kejuruteraan berkualiti dan berinovatif.

MISI

Memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada:

- Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti perkhidmatan kejuruteraan fasiliti dan peralatan biomedikal, perkhidmatan pembersihan, pembekalan linen dan pengurusan sisa klinikal serta perkhidmatan penyelenggaraan fasiliti kesihatan.
- Perancangan, pelaksanaan, penyeliaan projek-projek fizikal di fasiliti kesihatan.

OBJEKTIF


i. Memastikan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dilaksanakan mengikut kontrak dan sistem kejuruteraan hospital berfungsi dengan optimum.
ii. Memberikan khidmat nasihat teknikal mengikut "*best engineering practice*" serta lain-lain yang berkaitan.
iii. Memperkukuhkan dan memperkasakan pemantauan PSH melalui pembangunan modal insan dan kompetensi serta pemahaman terhadap kontrak PSH.

PENCAPAIAN AKTIVITI UNIT

Objektif utama Unit Kejuruteraan (Operasi Hospital) ialah memastikan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dilaksanakan mengikut kontrak dan sistem kejuruteraan hospital berfungsi dengan optimum. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan bagi mencapai objektif ini adalah dengan memantau pencapaian sasaran *uptime* bagi aset yang terdapat di semua hospital.


Aset-aset di hospital boleh dikategorikan kepada dua iaitu aset FEMS dan aset BEMS. Jumlah aset FEMS dan BEMS yang berusia 15 tahun ke bawah yang terdapat di setiap hospital pada tahun 2022 adalah seperti berikut.

Carta 1 : Jumlah Aset FEMS dan BEMS Berusia 15 Tahun ke Bawah




Sasaran *uptime* bagi setiap aset berpandukan kepada usia dan kategori aset tersebut sepertimana yang dinyatakan di dalam dokumen kontrak Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH). Pada tahun 2022, pemantauan *uptime* dilaksanakan ke atas 23,504 buah aset FEMS dan BEMS yang berusia 15 tahun dan ke bawah. Daripada jumlah itu, sebanyak 22,864 buah aset atau 98.06% mencapai sasaran *uptime* yang ditetapkan. Carta berikut menunjukkan peratusan aset BEMS dan FEMS mencapai sasaran *uptime* mengikut hospital pada tahun 2022.

Carta 2: Jumlah Peratusan Aset BEMS Dan FEMS Yang Mencapai Sasaran *Uptime*



Jumlah peratusan aset FEMS dan BEMS yang mencapai sasaran *uptime* pada tahun 2022 didapati menurun sebanyak 0.46% tahun sebelumnya kepada 98.06%. Berikut ialah carta yang menunjukkan peratusan pencapaian sasaran *uptime* bermula dari tahun 2018.

Carta 3 : Peratusan Pencapaian Sasaran *Uptime*, 2018 - 2022



KESIMPULAN

Secara umumnya, pencapaian sasaran *uptime* setiap aset yang terdapat di semua hospital secara tidak langsung dapat memberi gambaran ke atas tahap Perkhidmatan Sokongan Hospital bagi skop perkhimatan BEMS dan FEMS yang dilaksanakan di hospital. Pencapaian sasaran *uptime* menunjukkan bahawa perkhidmatan ini dilaksanakan dengan baik, namun masih terdapat penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk memantapkan Perkhidmatan Sokongan Hospital.

3.4 UNIT KEJURUTERAAN FASILITI KESIHATAN (OPERASI KLINIK)

Unit Operasi Klinik berperanan dalam memastikan pengurusan penyelenggaraan fasiliti kesihatan dan peralatan biomedikal di klinik-klinik dilaksanakan dengan mengikut amalan kejuruteraan yang baik serta mematuhi terma kontrak. Antara peranan utama adalah:

i. Pelaksanaan dan pemantauan Kontrak Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS), Perkhidmatan Pembersihan (CLS) dan Pengurusan Sisa Klinikal (CWMS).
ii. Pemantauan pelaksanaan penyelenggaraan perlatan perubatan serta pembekalan dan pemasangan peralatan perubatan baru berdasarkan penentuan GAP di bawah kontrak Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET).
iii. Memberikan khidmat nasihat teknikal kejuruteraan berkaitan fasiliti klinik kesihatan dan peralatan biomedikal.

PENGENALAN PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK)

Objektif PSK adalah untuk memastikan pembaikan dan penyelenggaraan dilaksanakan secara komprehensif dan sistematik terhadap bangunan, aset dan sistem kejuruteraan di fasiliti klinik kesihatan dan klinik pergigian bagi skop perkhidmatan FEMS, CLS dan CWMS. Syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melaksanakan PSK di Negeri Sembilan adalah RND Resources Sdn Bhd dengan tempoh kontrak 3 tahun bermula pada 1 Jun 2019 sehingga 31 Mei 2022 melibatkan 12 klinik kesihatan dan 1 klinik pergigian.

Mulai tahun 2021, Perjanjian Tambahan (Supplemental Agreement) dipersetujui untuk melaksanakan peluasan kontrak PSK dengan tambahan 4 klinik kesihatan, menjadikan keseluruhan klinik yang terlibat adalah 17 buah klinik.

SKOP PERKHIDMATAN PSK

Skop perkhidmatan yang terlibat adalah:

- **Facility Engineering Maintenance Services (FEMS)**
  Melibatkan Planned Preventive Maintenance (PPM) dan Corrective Maintenance (CM) ke atas bangunan, infrastruktur dan sistem kejuruteraan mekanikal dan elektrikal termasuk penyelenggaraan lanskap (GM) serta kawalan serangga perosak.

- **Cleansing Services (CLS)**
  Melibatkan pencucian, pembersihan ruangan dalaman dan luaran bangunan serta menyediakan peralatan, kelengkapan dan bahan-bahan pencucian/kebersihan diri serta pembekalan bahan guna habis.

- **Clinical Waste Management Services (CWMS)**
  Melibatkan proses pengutipan, penyimpanan, dan pengangkutan termasuk pengurusan pelupusan oleh Kualiti Alam serta pembekalan bahan guna habis.

SENARAI FASILITI KESIHATAN YANG TERLIBAT

1. Klinik Kesihatan Bahau
2. Klinik Kesihatan Gemas
3. Klinik Kesihatan Gemencheh
4. Klinik Kesihatan Johol
5. Klinik Kesihatan Juasseh
6. Klinik Kesihatan Kuala Pilah
7. Klinik Kesihatan Lukut

8. Klinik Kesihatan Port Dickson
9. Klinik Kesihatan Rembau
10. Klinik Kesihatan Senawang
11. Klinik Kesihatan Seremban
12. Klinik Kesihatan Seremban 2
13. Pusat Pergigian Pakar Seremban
14. Klinik Kesihatan Nilai
15. Klinik Kesihatan Sikamat
16. Klinik Kesihatan Pasir Panjang
17. Klinik Kesihatan Jelebu

BILANGAN KERJA PEMBAIKAN (CM) YANG DILAKSANAKAN

Kontrak PSK menyediakan peruntukan bagi kerja pembaikan aset, sistem kejuruteraan dan kenderaan di klinik kesihatan dan klinik pergigian yang terlibat. Pembaikan dilaksanakan oleh pihak syarikat bagi memastikan aset, kenderaan dan sistem kejuruteraan boleh berfungsi secara optimum dan efisien. Bilangan kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Nama Klinik	Bil. Keseluruhan Kerja Pembaikan
Klinik Kesihatan Seremban	4
Klinik Kesihatan Seremban 2	11
Klinik Kesihatan Senawang	6
Pusat Pergigian Pakar Seremban	4
Klinik Kesihatan Rembau	11
Klinik Kesihatan Gemencheh	7
Klinik Kesihatan Gemas	5
Klinik Kesihatan Port Dickson	8
Klinik Kesihatan Lukut	7

Nama Klinik	Bil. Keseluruhan Kerja Pembaikan
Klinik Kesihatan Kuala Pilah	14
Klinik Kesihatan Johol	6
Klinik Kesihatan Juasseh	4
Klinik Kesihatan Bahau	20
Klinik Kesihatan Sikamat	2
Klinik Kesihatan Nilai	12
Klinik Kesihatan Pasir Panjang	4
Klinik Kesihatan Jelebu	4

PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK) KITARAN 3

Kontrak PSK di Negeri Sembilan oleh RND Resources Sdn Bhd tamat tempoh pada 31 Mei 2022 dan penutupan akaun selesai dilaksanakan pada bulan Ogos 2022. Kontrak PSK Kitaran 3 yang baru bermula pada 1 Oktober 2022 yang melibatkan tempoh kontrak selama lima tahun dengan bilangan klinik yang sama.

Skop perkhidmatan hanya melibatkan FEMS dan CLS sahaja manakala sisa klinikal dihantar kepada hospital terdekat untuk diuruskan pelupusan. Syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk melaksanakan PSK Kitaran 3 di Negeri Sembilan adalah Gafis (M) Sdn. Bhd., dengan tempoh kontrak bermula pada 1 Oktober 2022 sehingga 30 September 2027.

PENGENALAN MEDICAL EQUIPMENT ENHANCEMENT TENURE (MEET)

Program MEET merupakan kontrak penyelenggaraan dan pembekalan peralatan biomedikal selama 13 tahun bermula 17 Disember 2014 sehingga 16 Disember 2027. Semua klinik kesihatan, klinik pergigian dan klinik desa termasuk klinik komuniti di Negeri Sembilan terlibat dalam kontrak MEET ini. Syarikat yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah Quantum Medical Solutions Sdn. Bhd.

SKOP PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan yang utama kontrak MEET adalah:

1. Penyelenggaraan Peralatan Perubatan
   a. Penyelenggaran berjadual dan tidak berjadual bagi:
      i. Existing Biomedical Equipment (EBE)
      ii. New Biomedical Equipment (NBE) and Purchase Biomedical Equipment (PBE)

i2. Pembekalan dan Pemasangan Peralatan Perubatan
   a. Perolehan peralatan NBE dan PBE berdasarkan senarai *equipment gap*.

KATEGORI PERALATAN BIOMEDIKAL

Bilangan peralatan biomedikal mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori Peralatan	Bilangan Peralatan Biomedikal			
	Kesihatan		Pergigian	
	2021	2022	2021	2022
Existing Biomedical Equipment (EBE)	3,590	3,590	1,981	1,981
New Biomedical Equipment (NBE)	1,411	1,411	667	667
Purchase Biomedical Equipment (PBE)	1,150	990	249	249
Jumlah	**6,151**	**5,991**	**2,897**	**2,897**

Sumber: Computerized Asset Maintenance Management System (CAMMS)

Pertambahan peralatan biomedikal adalah melalui perolehan peralatan dalam kontrak MEET iaitu PBE dan NBE. Manakala pengurangan bilangan peralatan EBE adalah kerana pelupusan peralatan.

KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI)

Pencapaian prestasi syarikat Quantum Medical Solutions Sdn. Bhd. adalah ditentukan berdasarkan KPI berikut:

Bil.	Key Performance Indicators	2021	2022
1.	Response Time (Clinic's Operational Days)	100.00%	100.00%
2.	Repair Time (Clinic's Operational Days)	93.42%	93.05%
3.	Preventive Maintenance (to be completed within the scheduled month)	100.00%	100.00%

BAHAGIAN PERUBATAN

4.1 UNIT PERKEMBANGAN DAN AMALAN PERUBATAN

Unit Perkembangan dan Amalan Perubatan, Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan merupakan sebuah unit yang menjalankan dua fungsi utama yang meliputi aktiviti Amalan Perubatan dan Perkembangan Perubatan. Unit diketuai oleh seorang Ketua Unit, seorang pegawai perubatan dan lima orang paramedik. Aktiviti-aktiviti dilaksanakan merangkumi keseluruhan aspek pengurusan klinikal dan bukan klinikal di tujuh buah hospital di Negeri Sembilan iaitu:

- Hospital Tuanku Jaafar, Seremban
- Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah
- Hospital Port Dickson
- Hospital Tampin
- Hospital Jempol
- Hospital Jelebu
- Hospital Rembau

VISI

Bersedia untuk memberikan perkhidmatan perawatan yang efisien, cekap, dinamik dan selamat kepada semua pesakit yang memerlukan.

MISI

Selaras dengan Misi Bahagian Perubatan JKNNS, unit ini mempunyai misi iaitu:

i. Menyediakan perkhidmatan perubatan yang berkualiti, komprehensif, efisien dan selamat.
ii. Menjalankan latihan yang berterusan kepada setiap anggota bagi memastikan pengetahuan ditahap optimum.

OBJEKTIF

Unit ini berusaha memastikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti, efisien, responsif, selamat dan berdaya saing bagi memenuhi harapan masyarakat dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti perawatan perubatan yang holistik sesuai dengan perkembangan teknologi terkini.

Skop perkhidmatan bagi sub Amalan Perubatan adalah:
i. Menyelaras penempatan dan pemerkasaan sumber manusia di kalangan pegawai pengurusan dan profesional agar berada di tahap optimum.
ii. Menyelaras aktiviti berkenaan medikolegal di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri.
iii. Menyelaras aduan yang diterima oleh hospital-hospital Negeri Sembilan.
iv. Menyelaras aktiviti di bawah perkhidmatan Traditional Complimentary Medicine.

Skop perkhidmatan bagi sub Perkembangan Perubatan adalah:
i. Pelaksanaan dan Pemantauan Polisi Pengoperasian Hospital.
ii. Pemantauan penyampaian perkhidmatan klinikal di hospital-hospital.
iii. Menyelaras aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) di hospital-hospital.
iv. Menyelaras aktiviti Clinical Practice Guideline (CPG) di peringkat negeri.
v. Mengkaji permohonan projek pembangunan di fasiliti hospital dan memantau perkembangan projek.
vi. Mengkaji permohonan dan melaksanakan agihan kewangan bagi pengoperasian hospital-hospital.
vii. Menyelaras dan mengkaji permohonan peralatan perubatan di peringkat JKN.

viii. Menyelaras pelaksanaan program di peringkat negeri; Pre-Hospital Care, Organ Donation, Blood Transfusion, Wound Care dan lain-lain.
ix. Menyelaras pelaksanaan inisiatif Hospital Kluster dan Sistem Casemix.
x. Menyelaras inisiatif bersama Kerajaan Negeri bagi perkhidmatan rawatan pesakit di hospital-hospital.
xi. Urusetia Mesyuarat-mesyuarat teknikal yang berkaitan di peringkat negeri.
xii. Menyelaras maklumbalas soalan Dewan Undangan Negeri (DUN).

1.0 PENCAPAIAN

1.1 Perkhidmatan Kepakaran

Di Negeri Sembilan, terdapat sebuah Hospital Negeri iaitu Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, sebuah Hospital Pakar Major iaitu Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah, dan sebuah Hospital Pakar Minor iaitu Hospital Port Dickson. Selain itu, terdapat empat buah hospital tanpa pakar iaitu Hospital Tampin, Hospital Jempol, Hospital Jelebu, dan Hospital Rembau. Walaupun hospital-hospital tersebut merupakan hospital tanpa pakar, terdapat perkhidmatan kepakaran disediakan yang merangkumi pakar perubatan tetap dan atas lawatan. Memastikan penawaran perkhidmatan perubatan di hospital-hospital KKM adalah berkualiti, selamat, efektif dan lebih efisien, terdapat beberapa penambahbaikan yang dipersetujui untuk dilaksanakan bersama dengan kerjasama di antara pakar-pakar dari kepakaran Perubatan Dalaman dan dua belas subkepakaran. Subkepakaran yang terlibat adalah subkepakaran Dermatologi, Endokrinologi, Gastroenterologi dan Hepatologi, Geriatrik, Hematologi Klinikal, Kardiologi, Nefrologi, Neurologi, Perubatan Paliatif, Perubatan Penyakit Berjangkit, Perubatan Respiratori dan Rheumatologi.

1.2 Pencapaian Unit Penolong Pegawai Perubatan

1.2.1 Permohonan Pelindungan Perubatan dan Kesihatan (*Medical Standby*)

Pada tahun 2022, jumlah Pelindungan Perubatan dan Kesihatan *(Medical Standby)* yang disediakan melalui penyelarasan oleh Bahagian Perubatan meningkat berbanding jumlah pada tahun 2021 iaitu 87 tugasan berbanding 26 tugasan. Ini berikutan pelaksanaan semula program dan majlis Kerajaan berskala besar selepas ditangguhkan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara untuk tahun 2021. Jumlah permohonan mengikut agensi dan hospital yang terlibat dalam penyediaan pasukan *Medical Standby* seperti berikut:

Jadual 1 : Bilangan Penyediaan Pelindungan Perubatan dan Kesihatan Mengikut Hospital

Kategori Permohonan (Bulan Januari - Disember)	HTJ	HTAN	HPD	HTAM	HJEM	HJEL	HREM
Yang Di-Pertuan Agong	0	1	0	0	0	0	0
Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan	15	6	1	2	1	1	0
Sultan dan Raja Melayu	0	0	0	0	0	0	0
Undang Luak	0	3	0	0	0	0	0
Yang Di-Pertua Negeri	0	0	0	0	0	0	0
Perdana Menteri	0	1	1	1	0	1	0
Timbalan Perdana Menteri	0	0	0	0	0	0	0
Menteri	0	0	0	0	0	0	0
Menteri Besar	20	6	9	3	0	4	5
Tetamu Asing	0	0	0	0	0	0	0
Kejohanan Antarabangsa	0	0	1	0	0	1	0
Kejohanan Kebangsaan	0	1	1	0	0	1	1
Kejohanan Negeri	0	0	0	0	0	0	0

Kategori Permohonan (Bulan Januari - Disember)	HTJ	HTAN	HPD	HTAM	HJEM	HJEL	HREM
Kejohanan Daerah	0	0	0	0	0	0	0
Perhimpunan Awam	0	0	0	0	0	0	0
Lain-lain	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	**35**	**18**	**13**	**6**	**1**	**8**	**6**

1.2.2 Tugasan Perkhidmatan Pra Hospital dan Perkhidmatan Ambulans

Jabatan Kecemasan dan Trauma di semua hospital Kerajaan di Negeri Sembilan menyediakan Perkhidmatan Pra Hospital dan Perkhidmatan Ambulans (PRPA) setiap hari untuk sepanjang tahun. Pada tahun 2022, pasukan PRPA hospital melaksanakan sebanyak 36,960 kali tugasan yang melibatkan respon panggilan kecemasan, rujukan kes ke hospital lain, pemindahan kes dalam fasiliti dan lain-lain. Jumlah tugasan mengikut hospital dan jenis aktiviti seperti berikut:


Jadual 2 : Bilangan Tugasan Aktiviti PRPA

Hospital	Respons Ambulans	Rujukan Interfasiliti	Pemindahan Intra Fasiliti	Lain-Lain	Jumlah
Hospital Tuanku Ja'afar	10,928	1,288	5,138	0	17,354
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	947	2,089	106	0	3,142
Hospital Port Dickson	2,083	1,984	721	0	4,788
Hospital Tampin	973	2,060	0	0	3,033
Hospital Jempol	641	1,682	0	0	2,323
Hospital Jelebu	419	1,303	1,808	21	3,551
Hospital Rembau	611	2,158	0	0	2,769
Jumlah	**16,602**	**12,564**	**7,773**	**21**	**36,960**

1.2.3 Peratus Kes Keutamaan Satu Dengan Masa Respon Ambulans 15 Minit Atau Kurang Di Daerah Atau Bandar Dengan Jumlah Panggilan Kecemasan Tinggi Melalui Sistem MERS999

Antara pemantauan berkaitan tugasan PRPA ialah pencapaian respon ambulans untuk kes keutamaan satu iaitu kategori panggilan kecemasan dengan klasifikasi Kod Delta dan Echo menggunakan Medical Priority Dispatch System (MPDS). Daerah yang terlibat bagi pemantauan ialah Seremban, Port Dickson dan Tampin iaitu kawasan yang menyumbang panggilan kecemasan tertinggi. Sasaran pencapaian ditetapkan ialah bersamaan atau melebihi 50 peratus dari keseluruhan kes keutamaan satu. Secara purata pencapaian bagi tahun 2022 ialah 50.40%. Carta berikut menunjukkan pencapaian dari bulan Januari sehingga Disember 2022.

Carta 1 : Pencapaian Respon Ambulans 15 Minit atau Kurang untuk Kes Keutamaan Satu, 2022



1.3 Aktiviti Kualiti Kejururawatan

1.3.1 Hospital Performance Indicator Approach (HPIA)

a. Incidence of Thrombophlebitis among inpatients with intravenous (IV) cannulation

Jadual 3 : Pencapaian Bagi Incidence of Thrombophlebitis Among Inpatients With Intravenous (IV) Cannulation, 2022

BIL	HOSPITAL	Q1 2022			Q2 2022			Q3 2022			Q4 2022			Q1-Q4 2022		
		N	D	%	N	D	%	N	D	%	N	D	%	N	D	%
1	Hospital Tuanku Jaafar Seremban	4	11434	0.03	15	11,357	0.13	24	11784	0.2	16	12346	0.13	59	46921	0.13
2	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	0	5465	0	2	6,821	0.03	0	7249	0	0	7516	0	2	27051	0.01
3	Hospital Port Dickson	0	1939	0	1	2,109	0.05	2	2245	0.09	1	2091	0.05	4	8384	0.05
4	Hospital Tampin	0	193	0	0	393	0	1	1185	0.08	0	1506	0	1	3277	0.03
5	Hospital Jempol	0	1024	0	0	940	0	0	1352	0	0	1126	0	0	4442	0
6	Hospital Jelebu	0	430	0	0	621	0	0	758	0	0	743	0	0	2552	0
7	Hospital Rembau	0	618	0	0	636	0	0	735	0	1	814	0.12	1	2803	0.04
JUMLAH		4	21103	0.02	**18**	**22,877**	**0.08**	**27**	**25308**	**0.11**	**18**	**26142**	**0.07**	**67**	**95430**	**0.07**

Jadual di atas menunjukkan peratus pencapaian bagi HPIA-Incidence of *Thrombophlebitis among inpatients with Intravenous cannulation* di semua hospital di Negeri Sembilan mengikut hospital pada tahun 2022. Semua hospital mencapai standard yang ditetapkan iaitu ≤ 0.5%.

1.3.2 National Indicator Approach (NIA)

a. Peratus *Incidence of Healthcare Associated Pressure Ulcers*

Jadual 4 : Pencapaian National Indicator Approach (NIA) bagi Peratus Incidence of Healthcare Associated Pressure Ulcers, 2022

BIL	HOSPITAL	Q1 2022			Q2 2022			Q3 2022			Q4 2022			Q1 -Q4 2022		
		N	D	%	N	D	%	N	D	%	N	D	%	N	D	%
1	Hospital Tuanku Jaafar Seremban	27	1720	1.60%	32	1863	1.71%	53	2126	2.49%	51	1889	2.70%	163	7598	2.15%
2	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	16	665	2.40%	14	915	1.50%	3	903	0.33%	4	940	0.43%	37	3423	1.10%
3	Hospital Port Dickson	0	288	0%	0	317	0%	0	370	0%	0	339	0%	0	1314	0%
4	Hospital Tampin	0	29	0%	0	30	0%	0	58	0%	0	59	0%	0	176	0%
5	Hospital Jempol	0	41	0%	0	62	0%	0	136	0%	0	129	0%	0	368	0%
6	Hospital Jelebu	0	76	0%	0	69	0%	0	61	0%	0	69	0%	0	275	0%
7	Hospital Rembau	0	62	0%	1	43	0%	0	58	0%	0	82	0%	1	245	0.40%
JKNNS		**43**	**2881**	**1.49%**	**47**	**3299**	**1.42%**	**56**	**3712**	**1.50%**	**55**	**3507**	**1.57%**	**201**	**13399**	**1.50%**

Jadual di atas menunjukkan peratus pencapaian NIA Peratus *Incidence of Healthcare Associated Pressure Ulcers* pada tahun 2022 mengikut hospital. Semua hospital mencapai standard ditetapkan iaitu ≤2.1% kecuali Hospital Tuanku Jaafar Seremban dengan 2.15%, kebanyakan kes dilaporkan adalah pesakit yang dirawat di ICU (*ventilator*) dan wad Ortopedik.

a. To Reduce Patient Fall


Jadual 5 : Pencapaian National Indicator Approach (NIA) bagi To Reduce Patient Fall, 2022

Bil.	Hospital	Jumlah Kes	Total Number of Occupied Bed Days	Rate / 1000 Bed Days
1.	Hospital Tuanku Jaafar Seremban	76	255,706	0.30
2.	Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	19	83,527	0.23
3.	Hospital Port Dickson	8	32,254	0.25
4.	Hospital Tampin	4	15,844	0.25
5.	Hospital Jempol	6	22,423	0.27
6.	Hospital Jelebu	3	14,036	0.21
7.	Hospital Rembau	2	14,574	0.14
	JUMLAH	**118**	**438,364**	**0.27**

1.3.3 National Nursing Audit (NNA)

a. Fasa 1 (Mac-April) Administration of Intravenous Infusion, Pain as 5th Vital Sign and Aseptic wound dressing.


Graf 1 : Peratus Pencapaian National Nursing Audit bagi Fasa 1, 2022



Graf di atas menunjukkan peratus pencapaian Audit NNS bagi Fasa 1, tahun 2022. Hasil Audit Administration of Intravenous Infusion, Pain as 5th Vital Sign dan Aseptic Wound Dressing. Standard yang ditetapkan bagi *Administration of Intravenous Infusion* ialah >90%%, *Pain as 5th Vital Sign*- 85%, *Aseptic wound dressing*- 90%. Semua hospital telah terlibat kecuali Hospital Tampin, Hospital Jempol dan Hospital Jelebu yang masih *fully Covid-19* hospital. Kumulatif pencapaian terhadap Audit bagi Fasa 1, tahun 2022 tercapai.

iii. Fasa 2 (Jun-Julai) - Administration of Blood / Blood Product Component Transfusion, Administration of Oral Medication and Aspetic Wound Dressing

Graf 2 : Peratus Pencapaian National Nursing Audit bagi Fasa 2, 2022



Pencapaian Audit NNA Fasa 2 menunjukkan Audit Administration of Blood/Blood Product Component Transfusion, Administration of Oral Medication and Audit Aseptic Wound Dressing. Standard yang ditetapkan bagi Administration of Blood/Blood Product Component Transfusion ialah 100%, Administration of oral medications ialah 100% dan Aseptic wound dressing ialah >90%. Semua hospital terlibat kecuali Hospital Tampin, Hospital Jempol dan Hospital Jelebu yang masih *fully* Covid-19 hospital. Kumulatif pencapaian terhadap Audit NNA bagi Fasa 2 tercapai.

iv. National Operating Room Nursing Audit (NORNA) Graf 3 : Peratus Pencapaian National Operation Room Nursing Audit, 2022



Graf di atas menunjukkan Audit NORNA pada tahun 2022 untuk empat prosedur adalah 100%. Hospital yang terlibat ialah Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah dan Hospital Port Dickson. Standard ditetapkan bagi semua elemen NORNA ialah 100%.

2. Laporan Perbelanjaan Aktiviti Program Perubatan, 2022

Sehingga penghujung tahun 2022, sebanyak **RM673,054,515.00** diperuntukan bagi aktiviti di bawah Objek Am 10000 dan Objek Am 20000 Program Perubatan di Negeri Sembilan. Agihan pecahan Objek Am tersebut mengikut hospital adalah seperti berikut:

Jadual 6 : Agihan Peruntukan Belanja Mengurus Di Bawah Objek Am 10000 dan Objek Am 20000 Program Perubatan Mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ)

PTJ	OA 10000	OA20000
Bahagian Perubatan, JKNNS	2,926,400.000	501,232.74
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	249,576,078.99	179,223,869.67
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	78,806,700.00	45,302,194.07
Hospital Port Dickson	560,200.00	3,280,561.21
Hospital Tampin	23,967,531.00	12,928,220.78
Hospital Jempol	15,802,985.00	12,498,974.87
Hospital Jelebu	13,156,030.38	6,425,702.12
Hospital Rembau	13,724,080.00	14,373,754.17
Jumlah	**398,520,005.37**	**274,534,509.63**

3. Aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan

Bagi tahun 2022, sebanyak RM181,055.80 diperuntukan bagi aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan. Daripada jumlah peruntukan yang diterima sebanyak RM175,559.75 (96.96%) berjaya dibelanjakan. Sebanyak 204 kursus secara fizikal dianjurkan oleh Bahagian Perubatan dan hospital-hospital, Negeri Sembilan dengan kehadiran 5,489 peserta secara fizikal dan 188 peserta di atas talian. Para peserta terdiri daripada anggota pengurusan dan professional serta anggota sokongan. Terdapat peningkatan ketara dalam perbelanjaan berbanding tahun terdahulu bagi keseluruhan negeri dan juga kebangsaan. Walaupun negara berada di dalam fasa peralihan ke endemik, pematuhan SOP pencegahan Covid-19 yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan KKM tetap diutamakan dan dipatuhi di dalam penganjuran kursus.

4. Pelaksanaan *Decanting* di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban

Decanting atau perpindahan sementara lokasi rawatan yang melibatkan beberapa jabatan di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dilaksanakan secara berperingkat bagi memberi laluan kepada kerja-kerja naiktaraf Sistem Bekalan Gas Perubatan, Sistem Pendingin Hawa Berpusat, Sistem Pencegahan Kebakaran, Sistem Pendawaian Elektrik dan kerja-kerja berkaitan di Bangunan Utama yang bermula pada bulan Mac 2022 dan dijangka akan berakhir pada tahun 2025. Kerja-kerja menaiktaraf dilaksanakan tanpa memberhentikan perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai.

5. Inisiatif Bersama Kerajaan Negeri Sembilan

Sejak tahun 2020, Kerajaan Negeri Sembilan melaksanakan inisiatif bantuan kepada pesakit-pesakit rakyat Negeri Sembilan. Ini meliputi Inisaitif Bantuan Implan Ortopedik yang bermula pada tahun 2020 dan diperluaskan kepada inisiatif Skim Tabungan Bantuan Dialisis bagi menampung Kos Pembedahan AV Fistula pada tahun 2021. Pihak Jabatan Kesihatan bertanggungjawab bagi urusan pemprosesan dokumen permohonan untuk dikemukakan ke Pejabat Menteri Besar, Kerajaan Negeri Sembilan. Kedua-dua inisiatif ini untuk golongan sasaran iaitu rakyat Negeri Sembilan yang kurang berkemampuan dan memenuhi syarat permohonan yang ditetapkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pada tahun 2022 menyaksikan perkhidmatan dan aktiviti kesihatan kembali meningkat berbanding 2 tahun sebelum ini, apabila negara memasuki fasa peralihan ke endemik Covid-19 bermula pada 1 April 2022. Hal ini dapat dicapai susulan kejayaan program vaksinasi COVID-19 dan sistem perkhidmatan kesihatan yang berada pada tahap yang terkawal. Aktiviti perlindungan perubatan dan kesihatan (*medical standby*) turut meningkat berikutan kebenaran semula penganjuran majlis-majlis sosial melibatkan para pembesar negeri dan pemimpin negara. Peruntukan aktiviti Latihan Dalam Perkhidmatan dibelanjakan secara optimum dengan penganjuran kursus dan latihan secara bersemuka kembali dianjurkan. Pada masa yang sama, penekanan kepada pematuhan SOP tetap diberi keutamaaan. Fokus pada tahun 2022 untuk mengukuhkan sistem kesihatan negara secara menyeluruh agar sejajar dengan keperluan kesihatan rakyat, selain sentiasa bersedia mendepani cabaran dalam tahun-tahun yang mendatang. Dengan ini, perkhidmatan kesihatan akan berupaya memenuhi keperluan rawatan secara mampan dan berdaya tahan daripada semua cabaran termasuk situasi pandemik global.

4.2. UNIT KUALITI PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Kualiti Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan berfungsi untuk menyelaraskan dan memantau semua aktiviti inisiatif kualiti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Unit Kualiti di setiap hospital menjalankan aktiviti-aktiviti inisiatif kualiti bagi memastikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti diberikan kepada pesakit-pesakit di Negeri Sembilan.

VISI

Selaras dengan Visi Bahagian Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan iaitu melalui hospital kerajaan di seluruh Negeri Sembilan bersedia untuk memberi perkhidmatan penentuan penyakit, perawatan dan pemulihan bermutu tinggi dengan cekap dan berkesan kepada pesakit dalam dan pesakit luar yang memerlukan rawatan menyelamatkan nyawa dan menghilangkan kesakitan bagi mencapai pemulihan awal dan maksima.

MISI

Selaras dengan Misi Bahagian Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan iaitu melalui hospital kerajaan di seluruh Negeri Sembilan:

i. Menyediakan perkhidmatan penentuan penyakit, perawatan dan pemulihan yang berkualiti, mesra, cekap dan berkesan kepada pesakit-pesakit untuk menyelamatkan nyawa, melegakan kesakitan dan mencapai pemulihan yang awal dan maksima.

ii. Memberikan latihan yang bermutu dan sempurna di peringkat basik, pos basik dan lepasan ijazah kepada pelbagai kategori pelatih dan anggota.

OBJEKTIF

Unit ini berusaha memastikan perkhidmatan perubatan berkualiti, komprehensif, efisien, berkesan, selamat dan responsif kepada keperluan dan ekspektasi masyarakat dengan hospital kerajaan di seluruh Negeri Sembilan melalui pengumpulan maklumat/data secara berkala serta mengenalpasti kelemahan sistem dan mengambil tindakan penambahbaikan perkhidmatan pelanggan hospital.

PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Memantau dan menyelaras pencapaian indicator Hospital Performance Indicator for Accountability/Key Performance Index (HPIA/ KPI) klinikal di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
2. Pelaksanaan audit pemantauan pencapaian indikator HPIA/KPI.
3. Memantau pelaksanaan laporan Shortfall in Quality/Root Caue Analysis (SIQ/RCA) untuk HPIA/KPI yang tidak tercapai.
4. Memantau dan menyelaras pencapaian KPI PKN dan TPKN dan membuat audit pemantauan di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
5. Menyelaras laporan *Clinical Departmental Profile* dan *Hospital Parameter* di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
6. Memantau aktiviti Malaysian Patients Safety Goals (MPSG) di hospital-hospital.
7. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti *Lean Healthcare* di hospital.
8. Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti-aktiviti audit organisasi ke atas Sistem Pengurusan ISO 9001:2015 dan Akreditasi MSQH hospital.

9. Memantau dan mengkoordinasi pelaksanaan aktiviti program Bebas Kesakitan dan *Pain as 5th Vital Sign*.
10. Memantau pelaksanaan pelaporan *virtual* Perioperative Mortality Review (vPOMR) di hospital-hospital berpakar di Negeri Sembilan.
11. Merancang, menyelaras dan memantau pelaporan kekerasan dan keganasan terhadap anggota-anggota KKM di hospital-hospital di Negeri Sembilan.
12. Memantau pelaksanaan dan menganalisa kes-kes pelaporanan insiden *(Incidental Reporting*) serta memantau pelaksanaaan Root Cause Analysis (RCA) untuk kes-kes IR yang berkaitan.
13. Memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti kawalan infeksi dan antibiotik Negeri Sembilan.
14. Bertindak sebagai Penyelaras Kualiti Negeri bagi Konvensyen QA peringkat Kebangsaan dan program bersama IHSR.
15. Menyelaras pelaksanaan Konvensyen QA Peringkat Negeri Sembilan setiap tahun.


AKTIVITI

1. PERFORMANCE INDICATOR SURVEILLANCE PROGRAM HOSPITAL


Pemantauan Hospital Performance Indicator for Accountability (HPIA) dan KPI Perkhidmatan Klinikal perlu dipantau setiap tahun di semua hospital di Negeri Sembilan, seperti digariskan dalam edaran pekeliling oleh Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Analisa pencapaian bagi tempoh Januari sehingga Disember 2022 untuk Hospital Performance Indicator for Accountability (HPIA) dan KPI Perkhidmatan Klinikal adalah seperti di **Rajah 1** dan **Rajah 2**. Secara keseluruhan pencapaian pada tahun 2022 lebih baik berbanding tahun sebelumnya.

Rajah 1 : Peratus Bilangan KPI HPIA Yang Mencapai Standard Mengikut Hospital Di Negeri Sembilan, 2021 - 2022



Rajah 2 : Peratus Bilangan KPI Klinikal Yang Mencapai Standard Mengikut Hospital Di Negeri Sembilan, 2021 dan 2022




2. KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI) PENGARAH KESIHATAN NEGERI (PKN)


Pada tahun 2022, terdapat 15 indikator KPI PKN yang dipantau dan melibatkan enam Program KKM. Pencapaian indikator yang mencapai sasaran mengikut program adalah seperti di **Rajah 3** dan trend pencapaian sejak tahun 2015 hingga 2022 seperti di **Rajah 4**.

Aktiviti audit silang dilaksanakan di peringkat negeri secara audit silang di antara program-program di JKN untuk memastikan data pencapaian KPI dikemukakan ke KKM disemak dan diperakukan terlebih dahulu.

Rajah 3 : Jumlah Indikator KPI PKN dan Pencapaian Indikator Yang Mencapai Standard, 2022



Rajah 4 : Trend Bilangan Indikator Yang Dipantauan Pencapaian KPI PKN, 2015 - 2022



3. PERTANDINGAN INOVASI PERINGKAT KEBANGSAAN

Inovasi iaitu hasil cetusan idea-idea yang kreatif dalam beberapa aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kepada organisasi. Cetusan idea-idea berkenaan meliputi pelbagai aspek dan boleh merangkumi apa-apa perubahan dalam bentuk sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.

Pada tahun 2022, pelbagai inovasi baru dihasilkan oleh hospital-hospital di Negeri Sembilan memenangi pertandingan di peringkat negeri dan kebangsaan seperti di bawah:

Jadual 1 : Projek Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Inovasi Memenangi Pertandingan Peringkat Kebangsaan, 2022

Hospital	Nama Projek	Kategori	Anugerah
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Cemerlang (TORCH)	Primer Penambahbaikan	Tempat Ketiga

Jadual 2 : Projek Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Memenangi Pertandingan Peringkat Negeri (KIK SUK), 2022

Hospital	Nama Projek	Kategori	Anugerah
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Cemerlang (TORCH)	Penyampaian Perkhidmatan dan Penyampaian Dokumentasi Terbaik	Tempat Pertama
Hospital Tuanku Jaafar	Smart Ice Cream	Sosial	Tempat Kedua

Jadual 3 : Projek Kumpulan Inovatif Dan Kreatif Memenangi Pertandingan Peringkat JKNNS, 2022

Hospital	Nama Projek	Kategori	Anugerah
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Cemerlang (TORCH)	Penyampaian Perkhidmatan dan Penyampaian Dokumentasi Terbaik	Tempat Pertama
Hospital Tuanku Jaafar	Purple Zone	Proses	Tempat Ketiga

Jadual 4 : Projek Inovasi Yang Memenangi Pertandingan Peringkat Negeri, 2022

Hospital	Nama Projek	Kategori	Anugerah
Hospital Tuanku Jaafar	TOP CHARMS	Proses	Tempat Pertama
	REPAC	Proses	Tempat Kedua
	My Rmed	Proses	Tempat Ketiga

4. SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT ZON TENGAH TAHUN 2022

Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Zon Tengah berlangsung pada 28 September 2022 di Dewan Merbau, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan. Seramai 80 orang peserta hadir dari hospital-hospital di Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Seminar mendapat sambutan baik berdasarkan ulasan peserta dan berharap diadakan setiap tahun. Berikut adalah gambar-gambar sepanjang majlis berlangsung:

Gambar 1: Perasmian Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Zon Tengah oleh Dr. Hj Mohd. Ferous bin Alias, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)



Gambar 2 : Peserta yang hadir dari pelbagai latar belakang profesi



5. PENSIJILAN MS ISO HOSPITAL NEGERI SEMBILAN

Perlaksanaan dan pensijilan MS ISO 9001:2015 di hospital kerajaan di Negeri Sembilan dengan tempoh laku disenaraikan seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5 : Tempoh Laku Pensijilan MS ISO 9001:2015 Mengikut Hospital

Hospital	Status MS ISO	Edisi	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
Hospital Tuanku Jaafar	Ada	9001:2015	11.7.2019	10.7.2022
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Ada	9001:2015	18.9.2020	19.7.2023
Hospital Port Dickson	Ada	9001:2015	1.10.2020	12.10.2023
Hospital Tampin	Ada	9001:2015	8.8.2019	4.11.2022
Hospital Jempol	Ada	9001:2015	10.10.2018	25.5.2022
Hospital Jelebu	Ada	9001:2015	5.11.2019	12.2.2022

6. SAMBUTAN HARI KESELAMATAN PESAKIT SEDUNIA, 2022

Hari Keselamatan Pesakit Sedunia Tahun 2022 diraikan dengan nyalaan lampu jingga bangunan-bangunan ikonik di seluruh malaysia. Nyalaan lampu jingga turut diadakan di Digital Board Majlis Bandaraya Seremban dan juga di Masjid Seri Sendayan, Negeri Sembilan. Video sambutan tersebut turut dikongsi bersama dan disiarkan semasa program bersama KKM.

Gambar 3 : Nyalaan Lampu Jingga di Masjid Seri Sendayan




Gambar 3 : Digital Board Majlis Bandaraya Seremban



7. KONVENSYEN QA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN

Konvensyen QA Peringkat Negeri Sembilan dilaksanakan pada 1 Jun 2022 di Dewan Merbau, JKN Negeri Sembilan. Ringkasan pelaksanaan seperti berikut:



7. KONVENSYEN QA PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-11

Konvensyen QA Peringkat Kebangsaan diadakan di Hotel The Light, Seberang Jaya, Pulau Pinang pada 4 sehingga 6 Oktober 2022. Semua delegasi dan peserta dari seluruh negeri di Malaysia berkumpul di *platform* ini bagi berkongsi ilmu dan juga menambah ilmu pengetahuan.

Negeri Sembilan turut diwakili 3 orang peserta yang memenangi semasa Konvensyen Negeri dan peserta video pendek. Pada majlis tersebut turut diserahkan plak tanda bagi Tuan Rumah Konvensyen QA Kebangsaan yang seterusnya iaitu Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan.

Jadual 6 : Senarai Pemenang Dan Tajuk Projek Yang Memenangi Anugerah

Tajuk Projek QA	PTJ	Kategori	Anugerah
Improving Pharmacological Pain Management During Venipuncture in Pediatric Patients	HTJ	Video Pendek	Tempat Pertama
Improving Eye Drop Administration Technique Among Glaucoma Patients Referred By Doctors In Outpatient Pharmacy Department At Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Negeri Sembilan	HTAN	Video Pendek	Tempat Ketiga
Reducing Percentage of Inappropriate Tramadol Prescribing in Emergency and Trauma Department (ETD) of Hospital Tuanku Ampuan Najihah	HTAN	Poster	Projek Strategik Inovatif

Gambar 4 : Antara Pemenang Dan Delegasi Di Pentas Utama Konvensyen QA Kebangsaan



Gambar 5 : Dr Siti Hanisah Zainal mewakili JKN Negeri Sembilan untuk menerima plak tanda sebagai Tuan Rumah Konvensyen QA Kebangsaan, 2024



8. PENGURUSAN PANDEMIK COVID-19 DI PERINGKAT JKN NEGERI SEMBILAN

Unit Kualiti Perubatan bertanggungjawab dalam penyelarasan dan pengumpulan data *line listing* Pesakit Covid-19 yang dirawat di hospital dan PKRC di Negeri Sembilan untuk keperluan pihak KKM, pada masa yang ditetapkan setiap hari. Data ini penting sebagai input dan *projection* kepada pengurusan tertinggi di peringkat negeri mahupun KKM dalam menyusun strategi selanjutnya untuk menghadapi pandemik tersebut.

Data tersebut turut dibentangkan setiap hari oleh Bahagian Perubatan dalam Mesyuarat CPRC Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Pengarah Kesihatan Negeri. Unit ini juga membantu dalam penyelarasan data kes-kes kematian berkaitan Covid-19 di hospital-hospital di Negeri Sembilan.

Gambar 2 : Nama Sistem CPRC Hospital System ditukar kepada Medical Program Information System Sebagai Pengkalan Data Bagi Pelaporan Pesakit Covid dan Non-Covid Secara Harian dan Kes-Kes Kematian Berkaitan Covid



4.3 UNIT KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)

PENGENALAN

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) yang sebelumnya dikenali sebagai Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS) ditubuhkan pada 23 Oktober 2003. Nama asal CKAPS hanya digunakan untuk organisasi di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia di bawah Bahagian Amalan Perubatan, manakala nama UKAPS digunakan untuk organisasi di setiap Jabatan Kesihatan Negeri dan Wilayah Persekutuan di bawah Bahagian Perubatan. Namun, penjenamaan semula nama CKAPS di Bahagian Amalan Perubatan kepada CKAPS HQ dan UKAPS JKN/ JKWP kepada CKAPS JKN/ JKWP dikuatkuasakan bermula 2 Januari 2019. (Ruj KKM 87/A2/100-5/0/3 Jld 2 (27) bertarikh 17 Januari 2019).

Peranan CKAPS adalah untuk menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], iaitu CKAPS perlu mengawal dan mengawal selia Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) selaras dengan peruntukan Akta, Peraturan dan Arahan yang ditetapkan.

VISI

Ke arah perkhidmatan kesihatan swasta yang selamat dan berkualiti.

MISI

Mengawal dan mengawalselia Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta melalui penguatkuasaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan peraturan-peraturannya serta akta-akta yang berkaitan.

DIMENSI DAN AKTIVITI

Selaras dengan peruntukan Seksyen 3 dan Seksyen 4, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], kemudahan dan perkhidmatan yang dikawal seperti di **Jadual 1**.

Kemudahan dan perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Seksyen 3, Akta 586 perlu dilesenkan dan lesen perlu diperbaharui setiap dua tahun. Manakala bagi klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 4, Akta 586 perlu didaftarkan.

Aktiviti kawalan dan kawal selia yang perlu dilaksanakan oleh CKAPS di peringkat negeri adalah:

- Memproses permohonan pendaftaran klinik perubatan/pergigian swasta baharu.
- Memproses permohonan pembaharuan lesen KPJKS selain klinik.
- Verifikasi pindaan, pengubahsuaian dan pelupusan KPJKS.
- Pengendalian aduan.
- Aktiviti penguatkuasaan termasuk pemantauan, intipan dan risikan serta serbuan.

Jadual 1 : Jenis Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) yang perlu dilesenkan atau didaftarkan di bawah Akta Kemudahan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta [Akta 586]

Jenis KPJKS Yang Perlu Dilesenkan	Sumber Akta 586
1. Hospital Swasta	**Seksyen 3**
2. Hospital Psikiatri Swasta	
3. Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	
4. Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta	
5. Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta	
6. Rumah Bersalin Swasta	
7. Bank Darah Swasta	
8. Pusat Hemodialisis Swasta	
9. Hospis Swasta	
10. Pusat Kesihatan Mental Masyarakat Swasta	
11. Lain-lain yang ditentukan oleh Menteri melalui Warta	
12. Gabungan dua atau lebih (a) hingga (k)	
Nota: KPJKS berlesen perlu memperbaharui lesen setiap dua (2) tahun	
Jenis KPJKS Yang Perlu Didaftarkan	**Sumber Akta 586**
13. Klinik Perubatan Swasta	**Seksyen 4**
14. Klinik Pergigian Swasta	

STATISTIK KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA (KPJKS)

Kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) di Negeri Sembilan yang berlesen dan berdaftar di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] sehingga 31 Disember 2022 berjumlah 507 buah premis, 55 buah premis KPJKS berlesen dan 452 buah pula klinik berdaftar.

Jadual 2 di bawah menunjukkan statistik KPJKS berlesen di Negeri Sembilan mengikut jenis KPJKS bagi tempoh lima tahun pada 2018 - 2022.

Jadual 2 : Statistik Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) Berlesen di Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Jenis KPJKS	2018	2019	2020	2021	2022
Hospital Swasta	7	8	8	8	8
Hospital Psikiatri Swasta	0	0	0	0	0
Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	1	1	3	5	6
Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta	0	0	0	0	0
Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta	0	0	0	0	0
Rumah Bersalin Swasta	1	1	1	1	1
Bank Darah Swasta	0	0	0	0	0
Pusat Hemodialisis Swasta	29	29	30	35	39
Hospis Swasta	0	0	0	1	1
Jumlah	**38**	**39**	**42**	**50**	**55**

Manakala **Jadual 3** di bawah menunjukkan statistik klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta berdaftar di Negeri Sembilan bagi tempoh lima tahun pada 2018 - 2022.

Jadual 3 : Statistik Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) Berdaftar di Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Jenis KPJKS	2018	2019	2020	2021	2022
Klinik Perubatan Swasta	284	295	300	312	349
Klinik Pergigian Swasta	70	74	80	90	103
Jumlah	**354**	**369**	**380**	**402**	**452**

Jadual 4 pula menunjukkan taburan KPJKS berlesen dan berdaftar mengikut daerah di Negeri Sembilan.

Jadual 4 : Taburan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta di Negeri Sembilan, (sehingga 31 Disember 2022)

Jenis KPJKS	Seremban	Kuala Pilah	Port Dickson	Jempol	Rembau	Tampin	Jelebu	Jumlah
Berlesen (*Licensed*)								
Hospital Swasta	7	0	1	0	0	0	0	**8**
Hospital Psikiatri Swasta	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	5	0	0	1	0	0	0	**6**
Rumah Jagaan Kejururawatan Swasta	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Swasta	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Rumah Bersalin Swasta	1	0	0	0	0	0	0	**1**
Bank Darah Swasta	0	0	0	0	0	0	0	**0**
Pusat Hemodialisis Swasta	24	4	3	3	1	3	1	**39**
Hospis Swasta	1	0	0	0	0	0	0	**1**
Jumlah Berlesen	**38**	**4**	**4**	**4**	**1**	**3**	**1**	**55**
Nota: KPJKS berlesen perlu memperbaharui lesen setiap dua tahun								
Berdaftar (*Registered*)								
Klinik Perubatan Swasta	252	10	30	27	9	17	4	**349**
Klinik Pergigian Swasta	82	2	9	5	2	3	0	**103**
Jumlah Berdaftar	**334**	**12**	**39**	**32**	**11**	**20**	**4**	**452**
Jumlah Keseluruhan KPJKS Berlesen Dan Berdaftar	**372**	**16**	**43**	**36**	**12**	**23**	**5**	**507**

KPJKS BERLESEN

Pada tahun 2022 terdapat lapan buah KPJKS baharu yang dilesenkan iaitu sebuah pusat jagaan ambulatori swasta dan tujuh buah pusat hemodialisis swasta (termasuk dua buah yang pindah lokasi). Terdapat sebuah pusat hemodialisis swasta dilupuskan kerana berpindah lokasi ke negeri lain.

Semua KPJKS yang dilesenkan hanya dibenarkan menggunakan kapasiti dilesenkan dan menjalankan perkhidmatan selaras dengan Lesen (Borang 4 atau Borang 7) yang dikeluarkan untuk premis masing-masing.

Hospital Swasta

Di Negeri Sembilan sehingga 31 Disember 2022 terdapat tujuh buah hospital swasta multidisiplin dan sebuah hospital swasta niche O&G iaitu Hospital Bersalin Sukhilmi.

Tiga dari tujuh buah hospital multidisiplin iaitu KPJ Seremban Specialist Hospital, Mawar Medical Centre dan UCSI Hospital dilesenkan dengan perkhidmatan hemodialisis. Pada tahun 2022, perkhidmatan hemodialisis yang asalnya dilesenkan di CMH Specialist Hospital telah dilesenkan secara berasingan sebagai pusat hemodialisis swasta.

Jadual 5 menunjukkan senarai hospital swasta di Negeri Sembilan dan kapasiti katil, kerusi dialisis atau yang seumpamanya yang dilesenkan. Tiada hospital swasta baharu dilesenkan atau dilupuskan pada tahun 2022.

Jadual 5 : Kapasiti Lesen Hospital Swasta Di Negeri Sembilan (sehingga 31 Disember 2022)

Bil.	Hospital Swasta	Kapasiti							
		Katil	Kot	Bassinet	Kerusi Sandar	Kerusi Dialisis			
						Jumlah	Non Hep.	Hep. B	Hep. C
1.	KPJ Seremban Specialist Hospital	206	1	9	0	34	32	1	1
2.	CMH Specialist Hospital	66	0	5	0	0	0	0	0
3.	Columbia Asia Hospital	114	5	9	2	0	0	0	0
4.	SALAM Senawang Specialist Hospital	95	0	6	0	0	0	0	0
5.	Hospital Bersalin Sukhilmi	4	0	4	0	0	0	0	0
6.	Mawar Medical Centre	48	0	0	0	44	35	4	5
7.	Aurelius Hospital Nilai	100	0	4	4	0	0	0	0
8.	UCSI Hospital	48	1	4	0	6	6	0	0
	Jumlah	**681**	**7**	**41**	**6**	**84**	**73**	**5**	**6**

Pusat Hemodialisis Swasta

Sehingga 31 Disember 2022, terdapat sejumlah 39 buah pusat hemodialisis swasta di Negeri Sembilan termasuk lima buah pusat hemodialisis swasta baharu dan dua buah pusat hemodialisis swasta berpindah lokasi iaitu:

a. Pusat Dialysis An Nur Hemodialysis Sdn. Bhd di Bandar Enstek
b. Pusat Hemodialisis Harmoni Hemodialisis (Cawangan Rantau)
c. Pusat Hemodialisis Harmoni Hemodialisis (Cawangan Seri Menanti)
d. Pusat Hemodialisis Suria Mantin
e. NSCMH Dialysis Care Seremban - dilesenkan secara berasingan daripada lesen CMH Specialist Hospital
f. Pusat Dialisis Mukmin Seremban - pindah lokasi ke Seremban 2
g. Pusat Dialisis Nephrocare Global (Cawangan Senawang) - pindah ke lokasi berhampiran

Terdapat sebuah pusat hemodialisis swasta iaitu Pusat Hemodialisis Suria Tampin dilupuskan pada tahun 2022 kerana berpindah lokasi ke negeri Melaka.

Jadual 6 di bawah menunjukkan kapasiti lesen bagi setiap pusat hemodialisis swasta di Negeri Sembilan.

Jadual 6 : Kapasiti Lesen Pusat Hemodialisis Swasta Di Negeri Sembilan (sehingga 31 Disember 2022)

Bil.	Pusat Hemodialisis Swasta	Kapasiti			
		Jumlah Kerusi Dialisis	Kategori		
			Non Hep.	Hep. B	Hep. C
1.	An Nur (Enstek)	6	6	0	0
2.	Azalea (Seremban 2)	10	10	0	0
3.	Davita Seremban	9	9	0	0
4.	Davita Kuala Pilah	12	12	0	0
5.	Davita Rembau	12	12	0	0
6.	Davita Taman Tasik Jaya	12	12	0	0
7.	Dkasih (Bandar Seri Jempol)	12	12	0	0
8.	Dkasih (Gemas)	12	12	0	0
9.	Dkasih (Kuala Klawang)	12	12	0	0
10.	Dkasih (Taman Seremban Jaya)	16	16	0	0
11.	Foresight (Nilai)	6	6	0	0
12.	Harmoni (Nilai)	6	6	0	0
13.	Harmoni (Rantau)	6	6	0	0
14.	Harmoni (Seri Menanti)	6	6	0	0
15.	MAINS-PNB-USIM	6	6	0	0
16.	Mukmin Seremban	12	12	0	0
17.	Mukmin Sikamat	12	12	0	0
18.	Mukmin Bahau	12	12	0	0
19.	MyKidney (Rasah Prima)	6	6	0	0
20.	Nephrocare Global (Senawang)	12	12	0	0
21.	Nilai Dialysis Centre	14	10	0	4
22.	NSCMH Bahau	18	16	1	1
23.	NSCMH Kuala Pilah	10	10	0	0
24.	NSCMH Lukut	10	10	0	0
25.	NSCMH Mantin	10	10	0	0
26.	NSCMH Rantau	6	6	0	0
27.	NSCMH Seremban	24	24	0	0
28.	Nur Kasih (Rasah Prima)	18	18	0	0
29.	Pernama (Sendayan)	6	6	0	0
30.	Persada (Bukit Chedang)	10	10	0	0
31.	Renalteam (Port Dickson)	6	6	0	0
32.	Seremban Dahlia	11	11	0	0
33.	Sinar (Tampin)	6	6	0	0
34.	Suria Gemencheh	7	7	0	0
35.	Suria Senawang	6	6	0	0
36.	Suria Mantin	6	5	1	0
37.	Waqaf An-Nur (Senawang)	12	12	0	0
38.	Yakin Prima PD	4	4	0	0
39.	YKN (Kuala Pilah)	9	9	0	0
	Jumlah	**390**	**383**	**2**	**5**

Nota: Nama Pusat Hemodialisis Swasta yang tertera adalah nama premis yang diringkaskan.

Terdapat sejumlah 390 kerusi dialisis, iaitu 383 kerusi dialisis non-hepatitis, dua buah kerusi Hepatitis B dan lima buah kerusi Hepatitis C.

Jadual 7 di bawah menunjukkan taburan kerusi dialisis di pusat hemodialisis swasta mengikut daerah di Negeri Sembilan.

Jadual 7 : Taburan Kerusi Dialisis di Pusat Hemodialisis Swasta Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan (sehingga 31 Disember 2022)

Perkara	Seremban	Kuala Pilah	Port Dickson	Jempol	Rembau	Tampin	Jelebu	Jumlah
Bilangan Kerusi Dialisis (Non-Hepatitis)	237	37	20	40	12	25	12	**383**
Bilangan Kerusi Dialisis (Hepatitis B)	1	0	0	1	0	0	0	**2**
Bilangan Kerusi Dialisis (Hepatitis C)	4	0	0	1	0	0	0	**5**
Jumlah Kerusi Dialisis di Pusat Hemodialisis Swasta	**242**	**37**	**20**	**42**	**12**	**25**	**12**	**390**

KPJKS Berlesen Lain

Selain dari Hospital Swasta dan Pusat Hemodialisis Swasta, terdapat lapan buah KPJKS berlesen lain di Negeri Sembilan sehingga 31 Disember 2022.

KPJKS tersebut adalah enam buah Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (Ambulatory Care Centre, ACC), sebuah Rumah Bersalin Swasta (Maternity Home, MH) dan sebuah Hospis Swasta (Hospice).

Pada tahun 2022, terdapat sebuah Pusat Jagaan Ambulatori Swasta baharu dilesenkan iaitu Optimax Bahau Eye Specialist Centre di daerah Jempol. KPJKS berlesen lain terletak di daerah Seremban. **Jadual 8** menunjukkan senarai KPJKS tersebut dan kapasiti lesen bagi premis masing-masing.

Jadual 8 : Kapasiti Lesen KPJKS Berlesen Lain Di Negeri Sembilan (sehingga 31 Disember 2022)

Bil.	KPJKS	Jenis Kemudahan	Katil	Basinet	Kerusi Sandar	Catatan
1.	SEHAT Healthcare Centre	Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC)	2	0	0	Oftalmologi Mula operasi : 2014
2.	Wisma Bersalin Walidah	Rumah Bersalin Swasta (MH)	2	2	0	Obstetrik Mula operasi : 2018
3.	Pusat Pakar Mata Top Vision Eye Specialist Centre	Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC)	0	0	1	Oftalmologi Mula operasi : 2020
4.	Optimax Seremban Eye Specialist Centre	Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC)	2	0	2	Oftalmologi Mula operasi : 2020
5.	Oasiseye Specialists	Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC)	0	0	1	Oftalmologi Mula operasi : 2021
6.	Metro IVF	Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC)	4	0	0	Perubatan Reproduktif Mula operasi : 2021
7.	Pertubuhan Hospice Negeri Sembilan	Hospis Swasta	0	0	0	Hospice Home Care Services Volunteer Services Mula operasi : 2022

Bil.	KPJKS	Jenis Kemudahan	Katil	Basinet	Kerusi Sandar	Catatan
8.	Optimax Bahau Eye Specialist Centre	Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC)	0	0	2	Oftalmologi Mula operasi : 2023

KPJKS BERDAFTAR: KLINIK PERUBATAN SWASTA ATAU DAN KLINIK PERIGIGIAN SWASTA

Sehingga 31 Disember 2022 terdapat sebanyak 452 buah KPJKS berdaftar di bawah Akta 586 di Negeri Sembilan iaitu 349 buah adalah klinik perubatan swasta, manakala 103 buah adalah klinik pergigian swasta.

Semua klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta berdaftar hanya dibenarkan menggunakan kemudahan dan menjalankan perkhidmatan selaras dengan Perakuan Pendaftaran Certificate of Registration (COR) yang dikeluarkan untuk premis masing-masing. Pihak premis perlu mengemukakan permohonan pindaan kepada CKAPS HQ sekiranya berhasrat melakukan perubahan ke atas kemudahan dan/atau perkhidmatan yang diberikan.

Klinik Perubatan Swasta

Sehingga 31 Disember 2022, terdapat 41 buah klinik perubatan swasta baharu didaftarkan dan empat buah klinik perubatan swasta dilupuskan. **Jadual 9** menunjukkan taburan klinik perubatan swasta di Negeri Sembilan mengikut jenis perkhidmatan yang didaftarkan.

Jadual 9 : Taburan Klinik Perubatan Swasta Berdaftar Di Negeri Sembilan Mengikut Jenis Perkhidmatan (sehingga 31 Disember 2022)

Jenis Perkhidmatan	Seremban	Kuala Pilah	Port Dickson	Jempol	Rembau	Tampin	Jelebu	Jumlah
Klinik Perubatan Swasta Umum	218	10	29	26	9	17	4	**320**
Klinik Perubatan Swasta Umum dengan perkhidmatan estetik sebagai *area of interest*	7	0	0	0	0	0	0	**7**
Klinik Perubatan Swasta Pakar	26	0	1	1	0	0	0	**29**
Klinik Perubatan Swasta Pakar dengan perkhidmatan estetik sebagai *area of interest*	1	0	0	0	0	0	0	**1**
Jumlah	**252**	**10**	**30**	**27**	**9**	**17**	**4**	**349**

Klinik perubatan swasta dengan perkhidmatan estetik sebagai *area of interest* hanya boleh menawarkan perkhidmatan estetik, selaras dengan Letter of Credentialing dan Privileging (LCP) Aesthetic Medical Practice sah bagi pengamal perubatan berdaftar yang bertanggungjawab bagi klinik tersebut.

Klinik Pergigian Swasta

Bagi klinik pergigian swasta pula, terdapat sebanyak 16 buah klinik pergigian swasta baharu didaftarkan dan tiga buah klinik pergigian swasta dilupuskan pada tahun 2022. **Jadual 10** menunjukkan taburan klinik pergigian swasta di Negeri Sembilan mengikut jenis perkhidmatan yang didaftarkan.

Jadual 10 : Taburan Klinik Pergigian Swasta Berdaftar (Umum / Pakar) Mengikut Daerah Di Negeri Sembilan (sehingga 31 Disember 2022)

Jenis Perkhidmatan	Seremban	Kuala Pilah	Port Dickson	Jempol	Rembau	Tampin	Jelebu	Jumlah
Klinik Pergigian Swasta Umum	80	2	9	5	2	3	0	101
Klinik Pergigian Swasta Pakar	2	0	0	0	0	0	0	2
Jumlah	**82**	**2**	**9**	**5**	**2**	**3**	**0**	**103**

AKTIVITI CKAPS JKNNS

Aktiviti CKAPS JKNNS dibahagikan kepada aktiviti kawalan (regulatori) dan aktiviti kawal seliaan.

Aktiviti kawalan iaitu aktiviti melibatkan pendaftaran dan pelesenan KPJKS dilaksanakan oleh Sektor Pendaftaran dan Pelesenan (SDL) yang terdiri daripada seorang Pegawai Perubatan dan dua orang Paramedik.

Manakala aktiviti kawal seliaan iaitu aktiviti berkaitan pengendalian aduan KPJKS dan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan oleh Sektor Aduan dan Penguatkuasaan (SAP) yang terdiri daripada seorang Pegawai Perubatan dan seorang Paramedik.

Namun, kerana kekangan anggota kedua-dua Sektor ini (SDL dan SAP) perlu saling membantu tugas antara satu sama lain terutama bagi aktiviti pembaharuan lesen dan penguatkuasaan.

CKAPS JKNNS juga bekerjasama erat dengan Unit Amalan dan Perkembangan Pergigian JKNNS (Penguatkuasa Pergigian) bagi aktiviti kawalan dan kawal seliaan Klinik Pergigian Swasta dan perkhidmatan pergigian swasta yang lain.

PENCAPAIAN AKTIVITI KAWALAN

Aktiviti Kawalan Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 72 permohonan pendaftaran klinik diterima berbanding 27 permohonan pada tahun 2021. Sebanyak 52 permohonan (berbanding 17 permohonan pada tahun 2021) adalah bagi pendaftaran Klinik Perubatan Swasta dan bakinya 20 permohonan (berbanding 10 permohonan pada tahun 2021) adalah bagi pendaftaran Klinik Pergigian Swasta.

Terdapat peningkatan permohonan pendaftaran klinik yang amat ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Bagi lawatan pemeriksaan, sebanyak 64 lawatan pra pendaftaran klinik, 22 lawatan pasca pendaftaran klinik dan 22 lawatan verifikasi klinik dilakukan.


Lawatan pemeriksaan pra pendaftaran ini perlu dilaksanakan dalam tempoh tujuh hari bekerja selepas notifikasi siap ubahsuai/ bina diterima oleh CKAPS.

Lawatan pemeriksaan pasca pendaftaran klinik merupakan lawatan pemeriksaan ke atas Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta yang perlu dijalankan dalam tempoh 12 bulan selepas sesuatu klinik itu didaftarkan.

Lawatan verifikasi pula akan dilaksanakan susulan arahan daripada CKAPS HQ apabila pihak premis mengemukakan permohonan pindaan kepada CKAPS HQ bagi pengubahsuaian klinik atau permohonan pelupusan klinik.


Rajah 1 dan **Rajah 2** di bawah masing-masing menunjukkan pencapaian aktiviti kawalan bagi Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta di Negeri Sembilan bagi tempoh lima tahun.

Rajah 1 : Aktiviti Kawalan Berkaitan Klinik Perubatan Swasta (PMC), 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Penerimaan Permohonan Pendaftaran PMC	17	22	19	17	52
Lawatan Pra Pendaftaran PMC	23	28	16	15	48
Lawatan Pasca Pendaftaran PMC	17	20	17	17	12
Lawatan Verifikasi PMC	8	12	12	6	8

Rajah 2 : Aktiviti Kawalan Berkaitan Klinik Pergigian Swasta (PDC), 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Penerimaan Permohonan Pendaftaran PDC	11	13	8	10	20
Lawatan Pra Pendaftaran PDC	6	11	5	19	28
Lawatan Pasca Pendaftaran PDC	8	6	10	14	14
Lawatan Verifikasi PDC	6	3	5	8	12

Aktiviti Kawalan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (selain klinik)

Sebanyak 23 permohonan pembaharuan lesen yang diterima pada tahun 2022 iaitu enam permohonan pembaharuan lesen Hospital Swasta, 14 permohonan pembaharuan lesen Pusat Hemodialisis Swasta dan tiga permohonan pembaharuan lesen Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC).

Setiap pemegang lesen dikehendaki memperbaharui lesen premis masing-masing setiap dua tahun. Permohonan pembaharuan lesen perlu dikemukakan oleh pihak premis kepada CKAPS JKNNS selewat-lewatnya enam bulan sebelum lesen premis tersebut tamat.


Terdapat dua buah pusat hemodialisis swasta lewat mengemukakan dokumen permohonan pembaharuan lesen dan dikenakan denda.

Lawatan pemeriksaan pembaharuan lesen akan dilakukan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan pembaharuan lesen diterima oleh CKAPS JKNNS.

Selain itu, pihak CKAPS JKNNS juga melakukan lawatan pra-pelesenan bagi permohonan lesen baharu dan lawatan verifikasi bagi peluasan atau pengubahsuaian premis. Lawatan akan dilakukan sama ada oleh CKAPS JKNNS sendiri atau secara bersepadu bersama-sama CKAPS HQ.


Rajah 3 dan **Rajah 4** menunjukkan pencapaian aktiviti kawalan bagi Hospital Swasta dan Pusat Hemodialisis Swasta di Negeri Sembilan bagi tempoh 2018 - 2022. **Rajah 5** menunjukkan pencapaian aktiviti kawalan bagi KPJKS berlesen lain iaitu Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC), Rumah Bersalin Swasta (MH) dan Hospis Swasta bagi tempoh 2018 - 2022.

Rajah 3 : Aktiviti Kawalan Berkaitan Hospital Swasta di Negeri Sembilan, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Permohonan Pembaharuan Lesen Hospital Swasta	7	1	6	2	6
Lawatan Pembaharuan Lesen Hospital Swasta	7	2	6	2	6
Lawatan Verifikasi Hospital Swasta	2	4	1	2	9
Lawatan Pra Pelesenan Hospital Swasta	0	1	0	1	0

Rajah 4 : Aktiviti Berkaitan Pusat Hemodialisis Swasta (PHS) di Negeri Sembilan, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Permohonan Pembaharuan Lesen PHS	13	14	11	14	14
Lawatan Pembaharuan Lesen PHS	10	15	9	16	11
Lawatan Verifikasi PHS	9	4	1	2	7
Lawatan Pra Pelesenan PHS	0	0	2	9	9

Rajah 5 : Aktiviti Kawalan Berkaitan Pusat Jagaan Ambulatori Swasta (ACC), Rumah Bersalin Swasta (MH) dan Hospis Swasta di Negeri Sembilan, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Permohonan Pembaharuan Lesen KPJKS lain	1	1	1	2	3
Lawatan PembaharuanKPJKS lain	1	1	1	2	3
Lawatan Verifikasi KPJKS lain	0	0	0	0	1
Lawatan Pra Pelesenan KPJKS lain	0	0	1	3	0


PENCAPAIAN AKTIVITI KAWAL SELIAAN

Aktiviti Pengendalian Aduan

Pada tahun 2022, sebanyak 32 aduan diterima, iaitu 17 aduan adalah terhadap Klinik Perubatan Swasta, 12 aduan terhadap Hospital Swasta, dua aduan terhadap Klinik Pergigian Swasta dan satu aduan terhadap premis selain KPJKS.


Aduan berkaitan perkhidmatan merupakan kategori aduan yang tertinggi. Sebanyak 24 aduan perlu dikendalikan oleh pihak KPJKS untuk menjalankan tatacara ketidakpuasan hati (*grievance mechanism, GM*) bersama pengadu selaras dengan peruntukan Akta 586 dan peraturannya yang berkenaan. Manakala sebanyak empat aduan telah disiasat. Selebihnya satu aduan dimajukan kepada pihak berkenaan, satu aduan (1) ditarik balik oleh pengadu dan empat aduan dikeluarkan surat arahan kepada pihak premis untuk memberikan penjelasan. **Rajah 6** hingga **Rajah 8** merupakan maklumat berkaitan aktiviti pengendalian aduan oleh CKAPS JKNNS bagi tempoh lima tahun dari 2018 hingga 2022.

Rajah 6 : Statistik Aduan KPJKS Mengikut Jenis Kemudahan, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Klinik Perubatan Swasta	5	14	11	20	17
Klinik Pergigian Swasta	0	1	1	2	2
Hospital Swasta	6	11	8	10	12
Pusat Hemodialisis Swasta	3	3	1	1	0
Rumah Bersalin Swasta	1	0	0	0	0
Pusat Jagaan Ambulatori Swasta	0	1	0	0	0
Lain - lain	0	1	2	2	1
Jumlah	15	31	23	35	32

Rajah 7 : Kategori Aduan Yang Diterima Oleh CKAPS JKNNS, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Perkhidmatan (a)	15	25	17	28	27
Kemudahan (b)	0	0	0	0	0
Personel (c)	0	4	3	1	0
Gabungan (a), (b) atau (c)	0	1	2	4	4
Lain - lain	0	2	1	2	1
JUMLAH	15	32	23	35	32

Rajah 8 : Cara Pengendalian Aduan KPJKS, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Tatacara Grievance Mechanism (GM)	11	20	16	21	24
Siasatan	3	9	3	6	4
Lain-lain	1	2	4	8	4

Aktiviti Penguatkuasaan

Aktiviti penguatkuasaan terdiri dari aktiviti lawatan pemantauan, aktiviti *undercover* (intipan dan risikan) dan aktiviti serbuan sama ada bagi pengkompaunan kesalahan atau pendakwaan serta lawatan bagi melengkapkan kertas siasatan. **Rajah 9** dan **Rajah 10** menunjukkan aktiviti lawatan pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan KPJKS bagi tempoh lima tahun 2018 - 2022.

Rajah 9 : Aktiviti Lawatan Pemantauan KPJKS, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Pemantauan PMC	24	50	40	66	17
Pemantauan PDC	46	56	79	79	53
Pemantauan KPJKS lain (selain klinik)	7	9	5	4	2
Jumlah lawatan pemantauan	77	115	124	149	73

Rajah 10 : Aktiviti Penguatkuasaan KPJKS, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Intipan & Risikan	2	10	2	20	5
Serbuan	3	1	1	0	1
Serbuan (Negeri lain)	2	0	1	0	3
Pendakwaan	0	1	0	0	0
Kompaun	2	0	0	0	0

KPJKS berdaftar tidak pe\\rlu memperbaharui perakuan pendaftaran premis masing-masing seperti KPJKS berlesen yang perlu memperbaharui lesen premis iaitu pemeriksaan perlu dilakukan setiap dua tahun. Namun demikian, KPJKS berdaftar perlu mengemukakan pindaan perakuan pendaftaran klinik sekiranya sebarang pindaan dan/ atau pengubahsuaian ke atas kemudahan dan perkhidmatan dilakukan. Justeru itu, aktiviti pemantauan difokuskan kepada kemudahan Klinik Perubatan Swasta dan Klinik Pergigian Swasta berdaftar berbanding KPJKS berlesen lain.

Pada tahun 2022 terdapat satu aktiviti serbuan berjaya dilaksanakan ke atas sebuah premis disyaki menyediakan Klinik Pergigian Swasta tidak berdaftar. Terdapat juga dua aktiviti serbuan (termasuk satu aktiviti serbuan secara bersepadu dengan Jabatan Imigresen) yang dirancang telah dibatalkan. Tiada aktiviti serbuan bagi pengkompaunan kesalahan dan pendakwaan.

KEY PERFORMANCE INDIKATOR (KPI)

Terdapat satu *key performance indikator* (KPI) Ketua Pengarah Kesihatan, Pengarah Kesihatan Negeri dan Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) untuk tindakan CKAPS JKN Negeri/Wilayah Persekutuan iaitu peratus Klinik Perubatan Swasta berdaftar yang dipantau dalam tempoh 12 bulan setelah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Penetapan dan sasaran KPI ini adalah seperti disyor Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia yang dipersetujui oleh Ketua Pengarah Kesihatan setelah dikaji dan dimuktamadkan berdasarkan beberapa faktor tertentu. Pencapaian KPI ini melibatkan tanggungjawab bersama (*shared/ collective responsibility*) di setiap peringkat KKM, iaitu pegawai perlu berusaha dan bekerjasama dalam mencapai KPI ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.


Pada tahun 2022, sasaran KPI pemeriksaan pasca pendaftaran klinik perubatan swasta dikekalkan 75% seperti tahun 2021. Di Negeri Sembilan sejumlah 10 buah Klinik Perubatan Swasta perlu dilakukan pemeriksaan pasca pendaftaran. Semua klinik tersebut dapat dilakukan lawatan pemeriksaan pasca pendaftaran dalam tempoh 12 bulan klinik tersebut didaftarkan.

Pencapaian KPI seperti di jadual di bawah:

Bil.	Indikator	Definisi		Standard	Pencapaian		
		Numerator (A)	Denominator (B)		(a)	(b)	% [a/b x 100%]
1	**Peratus klinik perubatan swasta berdaftar** yang dipantau dalam **tempoh dua belas bulan** setelah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	Bilangan klinik perubatan swasta berdaftar yang telah dipantau pada tahun 2021	Jumlah klinik perubatan swasta yang berdaftar dengan KKM yang perlu dipantau pada tahun 2021	≥75%	10	10	100%

Manakala **Rajah 11** menunjukkan pencapaian KPI tersebut bagi tempoh lima tahun, 2018 - 2022.

Rajah 11 : Pencapaian KPI - Pemeriksaan Pasca Pendaftaran Klinik Perubatan Swasta, 2018 - 2022



KESIMPULAN

Semua aktiviti pada tahun 2022 dapat dilaksanakan dengan baik hasil komitmen anggota CKAPS JKNNS yang terdiri dari tiga orang pegawai perubatan, dua orang penolong pegawai perubatan dan seorang ketua jururawat serta kerjasama padu tiga orang pegawai pergigian dari Unit Amalan dan Perkembangan Pergigian JKNNS.

4.4 UNIT REKOD PERUBATAN

PENGENALAN

Unit Rekod Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan bertanggungjawab memantau dan menyelia laporan dari semua hospital KKM di Negeri Sembilan menerusi Sistem Pengurusan Maklumat Kesihatan (HMIS) dan juga laporan dari hospital swasta melalui sistem e-Reporting. Merupakan salah satu perkhidmatan yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan perkara berhubung rekod perubatan pesakit dan statistik hospital bagi membantu dalam perawatan pesakit yang cekap, berkesan dan berkualiti. Unit Rekod Perubatan sentiasa berusaha memastikan sistem pengurusan rekod perubatan pesakit berada ditahap yang terbaik dan sistematik dengan memberikan perkhidmatan yang memenuhi kepuasan pelanggan.

MISI

Ke arah mewujudkan sistem pengurusan maklumat rawatan pesakit yang berkualiti dan efisien serta memenuhi keperluan seiring dengan perubahan teknologi dan persekitaran.

VISI

Menyediakan perkhidmatan rekod perubatan yang cekap dan cepat kepada masyarakat dengan menekankan kepada aspek berorientasikan pelanggan:

- Memastikan kerahsiaan pelanggan dilindungi.
- Mewujudkan satu sistem yang unggul bagi memastikan rekod perubatan dipelihara dan disimpan dengan selamat dan teratur.
- Mengamalkan budaya kerja yang menekankan kepada komunikasi yang berkesan. Perkhidmatan secara profesional yang cekap, cepat dan tepat serta semangat kerja berpasukan.
- Memelihara kebajikan anggota dan mewujudkan persekitaran dan suasana kerja yang selamat dan selesa.

OBJEKTIF

i. Mengumpul, menyemak, menganalisa, menyimpan dan menjaga maklumat kesihatan yang dibekalkan melalui tujuh buah hospital, tujuh buah Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Komuniti Negeri Sembilan.
ii. Mengumpul, menyemak, menganalisa, menyimpan dan menjaga maklumat kesihatan daripada kemudahan dan perkhidmatan jagaan swasta bagi Negeri Sembilan.
iii. Mengumpul, menyemak, menyimpan dan menjaga maklumat tabung darah yang dibekalkan melalui tujuh buah hospital bagi Negeri Sembilan.
iv. Mengurus permohonan penubuhan Lembaga Perubatan ke atas pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain kakitangan.
v. Merancang dan mengendalikan kursus, seminar, bengkel bagi anggota Unit Rekod perubatan di Peringkat Jabatan, Hospital dan Negeri.


1. KATIL DAN KADAR PENGGUNAAN KATIL

Negeri Sembilan mempunyai tujuh buah hospital iaitu tiga hospital berpakar dan empat hospital tanpa pakar. Hospital Tuanku Jaafar, Seremban merupakan hospital berpakar negeri dan menjadi rujukan bagi lain-lain hospital. Oleh yang demikian, Hospital Tuanku Jaafar mempunyai bilangan katil hospital terbanyak berbanding dengan hospital daerah yang lain seperti di **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

Jadual 1 : Jumlah Katil Mengikut Kelas Bagi Hospital-Hospital Di Negeri Sembilan, 2022

Hospital	Bilangan Katil	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas VIP / Diraja
Hospital Tuanku Jaafar	1,143	33	60	1,048	2
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	314	48	36	230	-
Hospital Port Dickson	116	4	-	112	-
Hospital Tampin	108	-	24	84	-
Hospital Jelebu	76	-	12	64	-
Hospital Jempol	108	-	-	108	-
Hospital Rembau	76	-	20	56	-
Jumlah	**1,941**	**85**	**152**	**1,702**	**2**

Jadual 2 : Kadar Penggunaan Katil Hospital-Hospital Di Negeri Sembilan, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Hospital Tuanku Jaafar	79.02%	78.40%	66.49%	66.80%	64.13%
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	74.60%	73.39%	66.27%	68.53%	72.54%
Hospital Port Dickson	88.25%	88.76%	71.79%	64.66%	75.56%
Hospital Tampin	57.34%	66.13%	51.70%	92.30%	53.90%
Hospital Jempol	55.43%	55.79%	50.54%	81.10%	58.28%
Hospital Jelebu	55.96%	56.52%	53.28%	80.91%	47.93%
Hospital Rembau	0	0	44.91%	52.51%	52.91%
Negeri Sembilan	75.18%	75.07%	63.77%	69.16%	64.21%

2. JUMLAH PESAKIT DALAM

Jumlah kemasukan pesakit dalam pada tahun 2022 adalah 116,127, berbanding tahun 2021 iaitu 111,183. Peningkatan kemasukan pesakit sebanyak 4,944 (4.4%) adalah berikutan berakhirnya pandemik COVID-19 kepada endemik.

Jadual 3 : Jumlah Kemasukan Pesakit Dalam Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Hospital	2018	2019	2020	2021	2022
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	75,046	77,034	65,762	59,823	63,920
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	25,227	24,496	22,436	22,695	23,909
Hospital Port Dickson	11,420	11,532	9,846	9,243	10,392
Hospital Tampin	8,576	8,942	6,282	5,976	5,515
Hospital Jempol	6,847	7,077	6,104	6,619	5,328
Hospital Jelebu	3,240	3,319	3,148	3,827	2,963
Hospital Rembau	-	-	1,808	3,000	4,100

Hospital	2018	2019	2020	2021	2022
PKRC Akademi Imigresen Malaysia, PD	-	-	189	-	-
PKRC Institusi Pemulihan Dadah, Jelebu	-	-	175	-	-
PKRC Penjara Seremban	-	-	877	-	-
PKRC Kolej Komuniti Jelebu	-	-	220	-	-
PKRC Politeknik Port Dickson	-	-	1,961	-	-
PKRC Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Rembau	-	-	654	-	-
Jumlah	**130,356**	**132,400**	**119,242**	**111,183**	**116,127**

3. SEBAB KEMASUKAN UTAMA

Terdapat 10 sebab kemasukan ke hospital di Negeri Sembilan bagi tahun 2022 di **Jadual 4**. Kumpulan kod penyakit Pregnancy, Childbirth and the Puerperium merupakan sebab utama iaitu 14,391 (19.94%) diikuti dengan kumpulan Diseases of The Respiratory System sebanyak 11,095 (15.41%).

Jadual 4 : 10 Sebab Utama Kemasukan Pesakit Dalam Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2022

Bil.	Kod Penyakit	Kumpulan Penyakit	Jumlah
1.	O00-O99	Pregnancy, Childbirth and the Puerperium	14,391
2.	J00-J99	Disease of Respiratory System	11,095
3.	I00-I99	Disease of Circulatory System	6,548
4.	P00-P96	Certain Conditions Originating In The Perinatal Period	6,379
5.	U00-U89	Codes For Special Purposes	6,145
6.	A00-B99	Certain Infectious and Parasitic Disease	4,965
6.	S00-T98	Injury, Poisoning and Certain Other Consequences of External Causes	4,311
8.	K00-K93	Disease of Digestive System	2,696
9.	N00-N99	Disease of Genitourinary System	2,517
10.	R00-R99	Symptoms, Signs And Abnormal Clinical And Laboratory Findings, Not Elsewhere Classified	2,376

Berdasarkan 'Major Cause Groups ICD 10th Revision'.

4. SEBAB UTAMA KEMATIAN

Terdapat 10 sebab utama kematian di hospital di Negeri Sembilan bagi tahun 2022 seperti di **Jadual 5**. Kumpulan kod penyakit Diseases of Circulatory System merupakan sebab yang utama iaitu 366 (22.48%), diikuti dengan kumpulan Diseases of The Respiratory System sebanyak 311 (19.10%).

Jadual 5 : 10 Sebab Utama Kematian Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2022

Bil.	Kod Penyakit	Kumpulan Penyakit	Jumlah
1.	I00-I99	Disease of Circulatory System	366
2.	J00-J99	Disease of Respiratory System	311
3.	A00-B99	Certain Infectious and Parasitic Disease	251
4.	R00-R99	Symptoms, Signs And Abnormal Clinical And Laboratory Findings, Not Elsewhere Classified	130
5.	N00-N99	Disease of Genitourinary System	109
6.	C00-D48	Neoplasms	105
7.	E00-E90	Endocrine, Nutritional and Metabolic Diseases	90
8.	K00-K93	Disease of Digestive System	74

Bil.	Kod Penyakit	Kumpulan Penyakit	Jumlah
9.	U00-U89	Codes For Special Purposes	66
10.	G00-G99	Diseases of the Nervous System	29

Berdasarkan 'Major Cause Groups ICD 10th Revision'

Jumlah kematian mencatat peningkatan sebanyak 44.8% (978 kematian) pada tahun 2022. Hospital Tuanku Jaafar mengalami penurunan paling ketara iaitu 22% (517 orang), manakala Hospital Port Dickson mencatat kenaikan 32 kematian. Jumlah kematian di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2018 - 2022 seperti di **Jadual 6.**

Jadual 6 : Jumlah Kematian Di Hospital-hospital Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Hospital	2018	2019	2020	2021	2022
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	1,881	1,997	1,626	2,354	1,837
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	670	656	698	773	626
Hospital Port Dickson	184	190	229	222	254
Hospital Tampin	117	110	89	183	138
Hospital Jempol	105	98	81	234	170
Hospital Jelebu	42	48	52	178	79
Hospital Rembau			1	46	58
Jumlah	**2,999**	**3,099**	**2,776**	**2,184**	**3,162**

5. KELAHIRAN

Secara keseluruhan, jumlah kelahiran pada tahun 2022 di Negeri Sembilan adalah 13,966, berbanding 14,033 pada tahun 2021. Terdapat penurunan ebanyak 67 (0.5%).

Hospital Tuanku Jaafar Seremban mencatatkan kelahiran tertinggi iaitu 9,410, manakala Hospital Tampin mencatat kenaikan yang ketara selepas tidak lagi dijadikan hospital untuk merawat pesakit COVID-19. Jumlah kelahiran di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2018 hingga 2022 seperti di **Jadual 7.**

Jadual 7 : Jumlah Kelahiran Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Hospital	2018	2019	2020	2021	2022
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	10,543	10,253	9,573	9,052	9,410
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	3,624	3,191	3,571	3,451	3,057
Hospital Port Dickson	1,207	1,132	1,450	1,442	1,393
Hospital Tampin	133	82	38	8	23
Hospital Jempol	129	114	84	44	36
Hospital Jelebu	33	77	57	20	19
Hospital Rembau	0	0	5	16	28
Jumlah	**15,669**	**14,549**	**14,778**	**14,033**	**13,966**

6. RAWATAN PESAKIT LUAR

Kategori pesakit luar terdiri daripada pesakit:

- Klinik Pakar
- Jabatan Kecemasan

Jadual 8 menunjukkan kedatangan pesakit ke Klinik Pakar dan Jabatan Kecemasan hospital-hospital di Negeri Sembilan. Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah dan Hospital Port Dickson menawarkan perkhidmatan rawatan pesakit luar pakar. Manakala lain-lain hospital adalah perkhidmatan pesakit luar pakar atas lawatan sahaja. Jumlah kedatangan pesakit luar ke hospital di Negeri Sembilan pada tahun 2022 mencatat peningkatan sebanyak 167,524 orang (30.5%).

Jadual 8 : Jumlah Kedatangan Pesakit Luar di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2021 - 2022

Hospital	Klinik Pakar		Kecemasan		Jumlah	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	223,247	274,907	70,233	94,878	293,480	369,785
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	67,097	73,824	29,991	39,624	97,088	113,448
Hospital Port Dickson	26,399	31,308	42,506	63,477	68,905	94,785
Hospital Tampin	4,620	12,767	19,840	31,791	24,460	44,558
Hospital Jempol	8,759	11,405	18,966	25,385	27,725	36,790
Hospital Jelebu	4,007	3,941	15,430	20,171	19,437	24,112
Hospital Rembau	1,818	3,994	15,934	28,899	17,752	32,893
Jumlah	**335,947**	**412,146**	**212,900**	**304,225**	**548,847**	**716,371**

Jadual 9 : Jumlah Kedatangan Jabatan Kecemasan Mengikut Zon di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2022

Hospital	Kedatangan Mengikut Kategori Zon			Jumlah
	Merah	Kuning	Hijau	
Hospital Tuanku Jaafar	9,305	68,481	17,092	94,878
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	19,165	15,427	5,032	39,624
Hospital Port Dickson	48,385	10,581	4,511	63,477
Hospital Tampin	26,184	4,973	634	31,791
Hospital Jempol	13,493	10,310	1,582	25,385
Hospital Jelebu	12,283	7,220	668	20,171
Hospital Rembau	20,546	7,611	742	28,899
Jumlah	**149.361**	**124,603**	**30,261**	**304,225**

7. PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIKAL

7.1 Perkhidmatan Patologi

Secara keseluruhannya, jumlah ujian makmal pada tahun 2022 mencatat peningkatan sebanyak 5.71% (314,738 ujian) berbanding tahun 2021. Kebanyakan hospital mengalami peningkatan jumlah ujian makmal berikutan peningkatan kemasukan pesakit dalam tetapi berbeza dengan Hospital Jempol dan Hospital Jelebu yang mencatat penurunan sebanyak 10,897 ujian. Jumlah ujian makmal di hospital Negeri Sembilan tahun 2018 sehingga 2022 seperti di **Jadual 10.**

Jadual 10 : Jumlah Ujian Makmal Di Hospital-hospital Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Hospital	2018	2019	2020	2021	2022
Hospital Tuanku Jaafar	2,809,594	3,129,998	3,412,863	3,095,009	3,194,571
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	1,342,836	1,443,006	1,254,606	1,219,062	1,314,394
Hospital Port Dickson	404,126	506,239	400,345	304,301	338,311

Hospital	2018	2019	2020	2021	2022
Hospital Tampin	303,543	362,329	290,453	206,497	256,417
Hospital Jempol	194,553	201,581	400,161	386,451	381,724
Hospital Jelebu	159,942	161,969	167,045	172,134	165,964
Hospital Rembau	0	0	13,375	133,519	180,430
Jumlah	**5,214,594**	**5,805,122**	**5,938,848**	**5,516,973**	**5,831,811**

7.2 Perkhidmatan Fisioterapi

Rawatan fisioterapi diberikan kepada pesakit mencatat peningkatan pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 iaitu sebanyak 41.8% (66,503). Jumlah rawatan fisioterapi di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2021 sehingga 2022 seperti **Jadual 11.**

Jadual 11 : Jumlah Rawatan Fisioterapi di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2021 - 2022

Hospital	2021			2022		
	Pesakit Dalam	Pesakit Luar	Jumlah	Pesakit Dalam	Pesakit Luar	Jumlah
Hospital Tuanku Jaafar	47,106	32,214	79,320	69,647	42,113	111,760
Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah	17,315	11,651	28,966	27,653	14,043	41,696
Hospital Port Dickson	13,643	8,959	22,602	18,768	10,114	28,882
Hospital Tampin	36	3,098	3,134	3,140	5,088	8,228
Hospital Jempol	1,147	4,384	5,531	1,896	6,975	8,871
Hospital Jelebu	613	4,593	5,206	960	5,697	6,657
Hospital Rembau	3,617	10,776	14,393	7,709	11,852	19,561
Jumlah	**83,477**	**75,675**	**159,152**	**129,773**	**95,882**	**225,655**

7.3 Perkhidmatan Tabung Darah

Pada tahun 2022, jumlah kutipan darah mengalami sedikit peningkatan iaitu 13.3% (2,852) berbanding tahun 2021. Bilangan penerima darah meningkat iaitu sebanyak 17.3% (2,438 orang). Jumlah kutipan dan penggunaan darah di hospital-hospital Negeri Sembilan tahun 2021 dan 2022 adalah seperti di dalam **Jadual 12.**

Jadual 12 : Jumlah Kutipan Dan Penggunaan Darah Di Hospital-Hospital Negeri Sembilan, 2021 - 2022


Hospital	Kutipan Darah						Penggunaan Darah			
	Tabung Darah		Tabung darah Bergerak		Jumlah		Bil. Penerima		Bil. Unit Darah	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Hospital Tuanku Jaafar	8,127	6,103	7,410	10,092	15,537	16,195	10,141	12,038	29,675	31,152
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	723	386	2,869	4,438	3,592	4,824	1,848	1,973	3,880	4,509
Hospital Port Dickson	758	179	0	1,245	758	1,424	1,051	1,138	1,589	1,618
Hospital Tampin	626	382	1,007	1,547	1,633	1,929	116	284	117	316
Hospital Jempol	0	0	0	0	0	0	534	752	771	997

Hospital	Kutipan Darah						Penggunaan Darah			
	Tabung Darah		Tabung darah Bergerak		Jumlah		Bil. Penerima		Bil. Unit Darah	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Hospital Jelebu	0	0	0	0	0	0	139	111	211	183
Hospital Rembau	0	0	0	0	0	0	232	203	300	292
Jumlah	**10,234**	**7,050**	**11,286**	**17,322**	**21,520**	**24,372**	**14,061**	**16,499**	**36,543**	**39,067**

8. PERMOHONAN LAPORAN PERUBATAN

Jumlah permohonan laporan perubatan bagi tahun 2022 menunjukkan sedikit penurunan keseluruhan bagi tujuh buah Hospital di Negeri Sembilan berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 438 (3.45%). Pada tahun 2022 jumlah permohonan laporan perubatan adalah 12,691.

Jadual 13 : Jumlah Permohonan Laporan Perubatan di Hospital-Hospital KKM di Negeri Sembilan, 2021-2022



9. PENUBUHAN LEMBAGA PERUBATAN

Lembaga Perubatan ini ditubuhkan untuk tujuan Pemeriksaan Kesihatan bagi kemungkinan persaraan, pengesahan Cuti Sakit dan penilaian Ex-Gratia.

Statistik permohonan di bawah menunjukkan jabatan serta agensi yang memohon untuk penubuhan lembaga perubatan. Pada tahun 2022, sebanyak 75 permohonan berjaya disiapkan mengikut tempoh ditetapkan iaitu enam minggu dari tarikh permohonan lengkap. Statistik penubuhan lembaga perubatan seperti **Jadual 14.**

Jadual 14 : Statistik Penubuhan Lembaga Perubatan

Bilangan Penubuhan Mengikut Agensi	2019		2020		2021		2022	
	Kerajaan	Swasta	Kerajaan	Swasta	Kerajaan	Swasta	Kerajaan	Swasta
Jumlah	81	3	68	1	78	6	69	6

9. PENCAPAIAN KPI DAN NIA

Jadual 15 menunjukkan pencapaian KPI dan NIA bagi rekod perubatan di hospital-hospital KKM di Negeri Sembilan bagi tahun 2022.

Bil.	Indicator KPI / NIA Hospital	Percentage of Medical Reports Prepared Within The Stipulated Period: State & Specialist Hospital <4 Weeks. Other Hospital: <2 Weeks Standard : >90%	Percentage of Medical Records That Were Dispatched Within 72 Working Hours of Discharge Standard: >95%	Percentage of completed requests for medical reports that were sent to the doctors within the stipulated period State & Specialist Hospital <10 days. Other Hospitals <5 days Standard: >90%	Percentage of medical records for specialist clinic appointment that were traced within 3 working days Standard: >95%
1.	HTJ	96.28%	95.57%	91.18%	100.00%
2.	HTAN	92.94%	96.91%	92.29%	100.00%
3.	HPD	89.29%	96.90%	99.87%	0
4.	H.Tampin	100.00%	99.58%	100.00%	100.00%
5.	H.Jempol	95.57%	95.26%	96.27%	100.00%
6.	H.Jelebu	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%
7.	H.Rembau	100.00%	100.00%	100.00%	100.00%

KESIMPULAN

Perkhidmatan Unit Rekod Perubatan di Negeri Sembilan sentiasa berusaha melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang digalas sama ada di peringkat hospital dana Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan dengan sokongan daripada semua pihak. Pada tahun 2023, adalah diharapkan kualiti perkhidmatan Unit Rekod Perubatan ipertingkatkan lagi dengan jalinan kerjasama yang baik di antara unit dan jabatan di hospital-hospital.

BAHAGIAN PERGIGIAN

PENGENALAN

Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Sembilan merupakan komponen Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan yang memberi perkhidmatan kesihatan pergigian secara holistik kepada masyarakat di Negeri Sembilan melalui kolaborasi dengan agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan.

Pengurusan perkhidmatan diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) yang bertanggungjawab kepada Pengarah Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan.

Terdapat tujuh buah Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah di Negeri Sembilan iaitu Seremban, Kuala Pilah, Port Dickson, Tampin, Jelebu dan Rembau iaitu pentadbiran di bawah Pegawai Pergigian Daerah.

Fungsi Bahagian Kesihatan Pergigian merangkumi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian semua aktiviti-aktiviti utama perkhidmatan kesihatan pergigian, keperluan sumber kewangan, sumber manusia, infrastruktur dan pentadbiran am.

Fungsi utama adalah seperti berikut:

Fungsi 1 : Pengurusan
Kewangan / Perolehan
Perkhidmatan
Pentadbiran

Fungsi 2 : Penjagaan Kesihatan Pergigian
Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer
Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran
Penjagaan Kesihatan Pergigian Masyarakat
Peningkatan Kualiti - KPI/ NIA/ DSA
Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015
Epidemiologi dan Kajian

Fungsi 3 : Amalan Dan Perkembangan Kesihatan Pergigian
Perundangan dan Penguatkuasaan
Amalan Kesihatan Pergigian Profesional dan Auksiliari
Pengendalian Kecederaan Akibat Alatan Tajam
Perkhidmatan Sokongan - QMS, MEET, PSK
Pembangunan Kemudahan Pergigian
Peningkatan Kualiti- Inisiatif Inovasi, KIK, QA

Fungsi 4 : Pengurusan Teknikal Kesihatan Pergigian
Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian
Promosi Kesihatan Pergigian
Latihan lapangan (Accreditation and Globalisation/ Elective Posting)
Teknologi Maklumat dan Pengurusan Maklumat - TPC - OHCIS/ HRMIS
Peningkatan Kualiti - EKSA, QA, Waktu Menunggu Rawatan Dan Kajian Kepuasan Pelanggan
Pengendalian Aktiviti Pendidikan Kesihatan Pergigian

VISI DAN MISI

Adalah selaras dengan Visi dan Misi Kementerian Kesihatan Malaysia.

VISI

Negara menggembeleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.

MISI

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

i. untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:
- mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
- menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
- mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

ii. untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:
- mengutamakan pelanggan
- saksama
- tidak membebankan
- cekap
- wajar mengikut teknologi
- boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- inovatif

iii. dengan menekankan:
- sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
- sifat menghormati maruah insan
- penglibatan masyarakat

OBJEKTIF

Mempertingkatkan taraf kesihatan pergigian penduduk melalui perkhidmatan pergigian, promosi kesihatan pergigian, pencegahan, perawatan dan pemulihan dengan memberi keutamaan kepada kumpulan sasaran utama supaya taraf kesihatan masyarakat dikekalkan selaras dengan kemajuan sosioekonomi negara.

PENCAPAIAN PROGRAM

1.0 PENGURUSAN

1.1 Sumber Kewangan

Pada tahun 2022, Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan menerima peruntukan berjumlah RM63,333,573 di bawah Belanja Mengurus dan sebanyak RM64,757,598 (102.2%) dibelanjakan. Bahagian turut menerima RM1,943,210 di bawah lain-lain peruntukan dan dibelanjakan 100%. Ini menjadikan keseluruhan peruntukan yang diterima sebanyak RM 68,804,480. Manakala perbelanjaan sebanyak RM70,228,505 (102.2%). Peruntukan dan perbelanjaan tahun 2022 seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Prestasi Perbelanjaan, 2022

Kod Aktiviti	Emolumen		Perkhidmatan dan Bekalan		Lain-lain		Jumlah	
	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan	Peruntukan	Perbelanjaan
040000	56,009,506	57,405,616	3,796,337	3,824,254	-	-	63,333,573	64,757,598
080700			3,122,855	3,122,855	-	-	3,122,855	3,122,855
990100			404,842	404,842	-	-	404,842	404,842
00105 (LDP)					34,028	34,028	34,028	34,028
005000					48,479	48,479	48,479	48,479
00201 (Pembinaan KK)					141,090	141,090	141,090	141,090
BP 00600					326,617	326,617	326,617	326,617
01100 / 107					1,186,796	1,186,796	1,186,796	1,186,796
01100 / 117					206,200	206,200	206,200	206,200
Jumlah	**56,009,506**	**57,405,616**	**7,324,034**	**3,909,951**	**1,943,210**	**1,943,210**	**68,804,480**	**70,228,505**

1.2 Sumber Manusia

Perjawatan

Pada tahun 2022, sebanyak 908 daripada 965 perjawatan diisi (94.1%). Kedudukan perjawatan dari tahun 2018 hingga 2022 seperti di **Jadual 2**. Terdapat 511 perjawatan kontrak, terdiri daripada 455 orang Pegawai Pergigian di bawah program New Dental Officer (NDO), 3 orang Juruterapi Pergigian dan 53 orang Pembantu Pembedahan Pergigian.

Jadual 2 : Kedudukan Perjawatan, 2018 - 2022

Perkara	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Perjawatan	922	918	946	944	965
Bilangan dan Peratus Pengisian	858 (93.1%)	881 (95.9%)	874 (92.4%)	890 (94.3%)	908 (94.1%)
Bilangan dan Peratus Kekosongan	64 (6.9%)	37 (4.0%)	72 (7.6%)	54 (5.7%)	57 (5.9%)

1.3 Kemudahan

Jumlah fasiliti adalah seperti di **Jadual 3.**

Jadual 3 : Kemudahan Fasiliti Pergigian

Bil.	Jenis Klinik Pergigian	Jumlah
1.	Klinik Pergigian *'Standalone"*	6
2.	Pusat Pakar Pergigian Seremban	1
3.	Klinik Pergigian Pakar di Hospital	2
4.	Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan	36
5.	Klinik Pergigian UTC	1
6.	Klinik Pergigian Sekolah Rendah	27
7.	Klinik Pergigian Sekolah Menengah	9
8.	Klinik Pergigian Bergerak	2

Bil.	Jenis Klinik Pergigian	Jumlah
9.	Makmal Pergigian Bergerak	1
10.	Pasukan Pergigian Bergerak Sekolah Rendah	35
11.	Pasukan Pergigian Bergerak Sekolah Menengah	
12.	Pasukan Pergigian Pra-Sekolah	
13.	Lain-lain klinik / Klinik Pergigian di Institusi Lain (Penjara Seremban, Penjara Jelebu dan Rumah Sinar Harapan Seremban)	3
	Jumlah	**123**

2.0 PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN

Bahagian Kesihatan Pergigian bertanggungjawab dalam menyediakan akses kepada penjagaan kesihatan pergigian yang mencukupi terutamanya kepada populasi yang kurang mendapat perkhidmatan dan memantau hasil akhir bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.


2.1 Penjagaan Kesihatan Pergigian Primer

Perkhidmatan Pergigian yang diberikan mengikut kumpulan keutamaan adalah seperti berikut:

- Toddler
- Kanak-kanak pra-sekolah
- Murid Sekolah Rendah dan Menengah
- Program Keperluan Khas
- Ibu Mengandung
- Orang Dewasa
- Warga Emas


Penggunaan fasiliti Kesihatan Pergigian KKM di Negeri Sembilan mengikut kumpulan keutamaan seperti di **Graf 1**. Pelajar Sekolah Rendah merupakan kumpulan tertinggi mendapat perkhidmatan pergigian pada tahun 2022.

Graf 1 : Peratus Kedatangan Pesakit Baru di Fasiliti KKM Negeri Sembilan, 2022 Berdasarkan Kumpulan Sasaran



Terdapat peningkatan dari segi bilangan pesakit baru yang hadir di Fasiliti KKM Negeri Sembilan pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya seperti di **Graf 2**.


Graf 2 : Kedatangan Pesakit Baru Dan Jumlah Kedatangan Pesakit Ke Fasiliti KKM Negeri Sembilan, 2018 - 2022



2.1.1 Program Toddler

Graf 3 menunjukkan sebanyak 47.58% *toddler d*iperiksa pada tahun 2022, iaitu seramai 15,806 *toddler* diperiksa berbanding 33,218 kedatangan baru *toddler* di KKIA. Ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2021. Di dalam program ini ibubapa/ penjaga diberi Anticipitory guidance (AG), manakala toddler akan menerima aplikasi Fluoride Varnish (FV).

Graf 3 : Peratus Toddler Yang Diperiksa, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Peratus Toddler Diperiksa	58.3%	62.2%	36.2%	44.4%	47.6%

2.1.2 Program Pra Sekolah / Tadika

Perkhidmatan kesihatan pergigian diberikan kepada kanak-kanak di pra-sekolah/ tadika kerajaan dan tadika swasta. Program ini dijalankan untuk memberikan kesedaran terhadap penjagaan kesihatan pergigian. Aktiviti-aktiviti bawah program ini merangkumi Latihan Memberus Gigi (LMG), ceramah dan *role play* serta rawatan tampalan Atraumatic Restoration Treatment (ART) melalui sesi lawatan dua kali setahun ke pra-sekolah/ tadika oleh Juruterapi Pergigian. Pada tahun 2022, terdapat peningkatan yang ketara dari tahun 2021 dari segi peratusan liputan bagi kanak-kanak pra-sekolah.

Graf 4 : Pencapaian Program Pra-sekolah, 2018 - 2022




2.1.3 Program Sekolah Rendah dan Menengah

Terdapat 351 buah sekolah rendah dan 124 buah sekolah menengah di bawah perkhidmatan pergigian di Negeri Sembilan, sebanyak 269 buah sekolah rendah dan 98 sekolah menengah berisiko tinggi yang telah dilawati pada tahun 2022. Pencapaian bagi sekolah rendah dan menengah adalah seperti di **Jadual 4** dan **Graf 5 dan Graf 6**.


Jadual 4 : Peratus Pesakit Baru Sekolah Tahun 2018 - 2022

Bil.	Indikator	2018	2019	2020	2021	2022
1.	Peratus murid sekolah rendah dirawat (kes baru)	99.5%	99.5 %	38.4 %	6.9%	91.9%
2.	Peratus murid sekolah menengah dirawat (kes baru)	98.7%	99.1 %	48.2 %	3.2%	84.7%

Graf 5 : Petunjuk Impak bagi Program Sekolah Rendah, 2018- 2022



Graf 6 : Petunjuk Impak bagi Program Sekolah Menengah, 2018 - 2022




Graf 5 menunjukkan pada tahun 2022 terdapat peningkatan yang mendadak dari tahun 2021 di dalam peratusan Tidak Perlu Rawatan (TPR) bagi murid sekolah rendah, murid 6 tahun Mulut Bebas Karies (MBK) dan juga murid 12 tahun Bebas Karies (BK).

Graf 6 juga menunjukkan peningkatan yang ketara bagi peratusan murid sekolah menengah TPR & murid 16 tahun BK. Graf 5 dan 6 menunjukkan trend yang tidak konsisten disebabkan pada tahun 2021 hanya murid berisiko tinggi diperiksa di Klinik Pergigian dan tiada lawatan ke sekolah sepanjang tahun 2021.


2.1.4. Program Keperluan Khas

Pada tahun 2022 terdapat 813 Kanak-Kanak Keperluan Khas yang diperiksa dan ia menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun 2021 (Graf 7). Peratus TPR meningkat bagi ketiga-tiga fasiliti (Graf 8). Usaha-usaha penerapan penjagaan kesihatan pergigian kendiri kepada pelatih dan penjaga perlu dipertingkatkan bagi pelatih di PDK memandangkan peratus TPR mereka yang masih rendah iaitu hanya 32.5%.

Graf 7 : Pesakit Baru Kanak-kanak Keperluan Khas Yang Diperiksa Di Institusi Dan Sekolah, 2018 - 2022



Graf 8 : Peratus Kanak-kanak Keperluan Khas yang Tidak Perlu Rawatan, 2018 - 2022




2.1.5 Program Ibu Mengandung

Program ini dijalankan bagi memberi kesedaran tentang kepentingan kesihatan mulut bagi ibu dan anak. Aktiviti terdiri dari pemeriksaan mulut, rawatan serta ceramah pergigian.


Pada tahun 2022, terdapat peningkatan bilangan kes baru ibu mengandung berbanding tahun 2021. Sebanyak 68.0% pesakit yang mendaftar di Klinik Ibu dan Anak (KKIA) menjalani pemeriksaan pergigian dan 75.9% menerima pendidikan kesihatan pergigian serta 53.7% ibu mengandung yang diperiksa turut menerima rawatan pergigian sehingga kes selesai.

Graf 9 : Bilangan Kes Baru Ibu Mengandung, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Kes Baru	11312	12907	7935	10502	15084


Graf 10 : Pencapaian Indikator bagi Program Ibu Mengandung, 2018 - 2022



2.1.6 Program Kesihatan Pergigian Warga Emas

Bagi golongan warga emas, mereka diberi laluan keutamaan untuk mendapatkan rawatan pergigian bagi pesakit yang hadir ke klinik pergigian. Program khas juga dijalankan di institusi warga emas di bawah kelolaan kerajaan dan swasta yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pada tahun 2022, bilangan Pesakit Baru Warga Emas di Klinik Pergigian dan Institusi meliputi 17,809 daripada 148,000 (9.26%) keseluruhan warga emas di Negeri Sembilan. Terdapat peningkatan bilangan Pesakit Baru berbanding tahun 2021.

Graf 11 : Bilangan Pesakit Baru Warga Emas di Klinik Pergigian Dan Institusi, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Bi. Kes Baru	17,982	19,448	13,872	13,709	17,809

2.1.7 Program Kesihatan Pergigian Primer Untuk Orang Asli

Pada tahun 2022 sebanyak 57 daripada 68 (83.82%) buah kampung orang asli telah dilawati. Aktiviti yang dijalankan semasa program tersebut ialah pemeriksaan dan rawatan pergigian, ceramah kesihatan pergigian, latihan memberus gigi dan pameran. Secara keseluruhan bilangan orang asli yang diperiksa hanya 1,708 daripada 12,016 (14.21%) pada tahun 2022 dan terdapat peningkatan yang ketara berbanding tahun 2021.

Graf 12 : Bilangan Orang Asli Menjalani Pemeriksaan Pergigian, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Bil.OA Diperiksa	971	830	976	192	3,245

2.1.8 Perkhidmatan Makmal Pergigian Bergerak (MPB)

Pada tahun 2022, Makmal Pergigian Bergerak telah digunakan di 37 lokasi dan telah memberi perkhidmatan kepada 175 orang pesakit dengan bilangan 275 gigi palsu telah dihasilkan.

Graf 13 : Perkhidmatan Makmal Pergigian Bergerak, 2018 - 2022




2.2 Kesihatan Pergigian Kepakaran

Terdapat 5 Kepakaran Pergigian di Negeri Sembilan yang dikategorikan sebagai kepakaran Hospital Based dan Kepakaran Non-Hospital Based. Kepakaran Hospital Based terdiri dari Kepakaran Bedah Mulut dan Maksilofasial dan Kepakaran Pergigian Pediatrik manakala Kepakaran Non-Hospital Based terdiri dari Ortodontik, Periodontik dan Pergigian Restoratif. Jadual 5 menunjukkan lokasi dan taburan klinik kepakaran di Negeri Sembilan. **Graf 14** menunjukkan peningkatan bilangan pesakit yang menerima rawatan kepakaran pergigian sepanjang tahun 2022.

Jadual 5 : Lokasi dan Taburan Klinik Pergigian Pakar di Negeri Sembilan

Kepakaran Bedah Mulut dan Maksilofasial	Bertempat di Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah.
Kepakaran Pergigian Pediatrik	Bertempat di Hospital Tuanku Jaafar Seremban dan Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah.
Kepakaran Ortodontik	Bertempat di Pusat Pakar Pergigian Seremban, Klinik Pergigian Seremban 2, Klinik Pergigian Senawang, Klinik Pergigian Kuala Pilah, Klinik Pergigian Port Dickson dan Klinik Pergigian Tampin.
Kepakaran Pergigian Periodontik	Bertempat di Pusat Pakar Pergigian Seremban dan Klinik Pergigian Kuala Pilah.
Kepakaran Pergigian Restoratif	Bertempat di Pusat Pakar Pergigian Seremban dan Klinik Pergigian Kuala Pilah.

Graf 14 : Bilangan Pesakit Baru Yang Menerima Rawatan Kepakaran, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Pesakit Baru	12,926	13,172	11,207	9,783	11,623

2.3 Kesihatan Pergigian Masyarakat

2.3.1 Program Pemfluoridaan Bekalan Air Minuman

Pemfluoridaan bekalan air awam adalah salah satu cara untuk mencegah kejadian karies. Ia adalah selamat, efektif dan ekonomi dalam kaedah pencegahan dan kawalan karies. Bagi kawalan kejadian karies ini, paras optimum fluorida mesti berada dalam julat 0.4 ppm hingga 0.6 ppm. Pada tahun 2022 dianggarkan 96.26 % daripada penduduk Negeri Sembilan telah menerima bekalan air berfluorida. **Jadual 6** menunjukkan paras optimal fluorida di tapak retikulasi.

Jadual 6 : Pencapaian Peratusan Paras Optima Fluorida Di Tapak Retikulasi, 2018 - 2022

Tahun	Paras < 0.4 ppm (< 25%)	Paras < 0.6 ppm (< 7%)
2018	1.79	0.00
2019	1.14	2.56
2020	0.43	0.00
2021	0.22	0.00
2022	0.00	0.00

2.3.2 Pencegahan Klinikal

Pada tahun 2022, seramai 40,773 orang kanak-kanak diperiksa di fasiliti pergigian, 1,133 kanak-kanak dibuat pengapan fisur, manakala 3,533 kanak-kanak dibuat sapuan fluorida. Terdapat 160 kanak-kanak lengkap empat kali sapuan fluorida mengikut Kohot sapuan pertama pada tahun 2020.

Jadual 7 : Pencapaian Program Pencegahan Klinikal

Bil.	Indikator	2018	2019	2020	2021	2022
1.	Pengapan Fisur	6,307 (12,779 gigi)	6,788 (12,885 gigi)	1,805 (3,274 gigi)	146 (297 gigi)	1,133 (1,941 gigi)
2.	Sapuan Fluorida	11,127	11,338	5,346	5,683	3,533
3.	Selesai 4 Kali Sapuan Fluorida	523	346	224	248	160

2.3.3 Program Pencegahan Dan Pengesanan Awal Pra-kanser dan Kanser Mulut


Program ini meliputi pemeriksaan mulut, ceramah pergigian dan pameran pendidikan kesihatan pergigian. Kes akan dirujuk kepada Pakar Bedah Mulut sekiranya perlu. Saringan ini dijalankan ke atas pesakit yang berisiko di estet/ ladang dan juga semasa program kemasyarakatan serta pesakit luar yang hadir ke klinik. **Jadual 8** menunjukkan pada tahun 2022 terdapat peningkatan dari segi bilangan pesakit yang dirujuk kepada Pakar Bedah Mulut.

Jadual 8 : Saringan Kanser Mulut, 2018 - 2022

Bil.	Indikator	2018	2019	2020	2021	2022
1.	Peratus Pesakit Baru >18 Tahun Disaring	6,086 136,866 (4.45%)	7,407 143,625 (5.17%)	9,050 91,634 (9.88%)	69,449 85,140 (81.57%)	101,897 103,820 (98.15%)
2.	Bilangan Komuniti Berisko Tinggi Yang Dilawati	60	42	1	4	494
3.	Bilangan Peserta Di Komuniti Yang Diberi Ceramah	3,331	3,492	2,317	3030	2,489
4.	*Peratus Pesakit Dirujuk Dan Telah Diperiksa Oleh Pakar Bedah Mulut	22	19 22 (86.4%)	20 23 (86.9%)	28 35 (80.0%)	34 35 (97.15%)

* Penunjuk ditukar daripada bilangan pesakit yang dirujuk kepada Pakar OMF (2015-2018) kepada % pesakit yang dirujuk dan telah diperiksa oleh Pakar OMF (2019)

Graf 15 : Peratus Pesakit Baru >18 Tahun Disaring, 2018 - 2022



2.3.4 Program Kampung Angkat

Program Kampung Angkat Pergigian merupakan satu inisiatif baharu dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian yang telah dimulakan di Negeri Sembilan pada tahun 2019 dan dikembangkan ke seluruh negara pada tahun 2020. Penggunaan istilah 'kampung' dalam program ini merujuk kepada sesebuah kelompok penempatan komuniti sama ada di kampung atau di bandar termasuk penempatan golongan B40, masyarakat terpinggir dan golongan miskin bandar. Program ini melibatkan kolaborasi antara Bahagian Kesihatan Pergigian dan pihak pengurusan di sesebuah komuniti iaitu setiap klinik pergigian akan bertanggungjawab dalam penjagaan kesihatan pergigian masyarakat kampung di bawah jagaan masing-masing. Berikut adalah pencapaian program seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9 : Pencapaian Program Kampung Angkat, 2022

Bil.	Indikator	Jan 2019 - Dis 2020	Jan - Dis 2021	Jan - Dis 2022
1.	Peratus Klinik Pergigian Primer Yang Mempunyai Kampung Angkat	100 % (36/36)	100 % (36/36)	100% (36/36)
2.	Peratus Kampung Yang Dijadikan Kampung Angkat Pergigian	8.69% (36/414)	15.11 % (63/417)	17.15% (71/414)
3.	Peratus Keluarga Yang Dilawat	12.13% (1,053/8,678)	0.34% (113/3,990)	13.18% (161/1,222)

2.3.5 Program Perumahan Rakyat (PPR)

Program Perumahan Rakyat adalah satu program kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah (B40). Negeri Sembilan mempunyai 2 PPR iaitu PPR Ladang Siliau dan PPR Bersepadu Senawang 2.

Lawatan dilakukan pada 10 Disember 2022 dan 13 November 2022 yang melibatkan 2 PPR ini. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti pemeriksaan mulut, ceramah pergigian, pameran pendidikan kesihatan pergigian latihan memberus gigi dan saringan Pra-Kanser Mulut. Seramai 115 penduduk menjalani pemeriksaan pergigian, manakala seramai 297 diberikan pendidikan kesihatan pergigian.

2.4 Pencapaian Peningkatan Kualiti - KPI/ NIA/ DSA

2.4.1 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Jadual 11 menunjukkan pencapaian indikator Petunjuk Prestasi Utama tahun 2022 mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada tahun 2022, menunjukkan peningkatan yang terbaik iaitu semua sasaran tercapai bagi 26 indikator yang ditetapkan.

Jadual 11 : Pencapaian Key Performance Indicator, 2022

KPI	Sasaran 2022 (%)	Numerator	Denominator	N	D	Pencapaian (%)
1. Peratus klinik pergigian (KP) yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari	≥70	Bilangan KP yang menjalankan prosedur AGP setiap hari.	Jumlah KP yang menyediakan perkhidmatan pergigian primer	37	41	90.2
2. Peratus Klinik Kesihatan (KK) yang mempunyai komponen fasiliti pergigian	≥60	Bilangan Klinik Kesihatan yang mempunyai komponen fasiliti pergigian.	Jumlah Klinik Kesihatan	37	43	86.1
3. Peratus toddler dengan status maintaining orally-fit	≥ 75	Jumlah toddler yang tidak perlu rawatan.	Jumlah kedatangan baharu toddler pada tahun semasa	12,521	15,806	79.2
4. Peratus ibu mengandung mencapai status orally-fit	≥ 50	Jumlah ibu mengandung yang telah selesai rawatan pergigian	Jumlah kedatangan baharu ibu mengandung pada tahun semasa.	5,514	10,263	79.73
5. Peratus murid 6 tahun bebas penyakit karies gigi	≥ 41	Bilangan murid 6 tahun yang bebas penyakit karies gigi	Jumlah kedatangan baru murid 6 tahun yang diperiksa di bawah Incremental Dental Care	7,833	13,246	59.1
6. Peratus murid 12 tahun bebas penyakit karies gigi	≥ 71	Bilangan murid 12 tahun yang bebas penyakit karies gigi	Jumlah kedatangan baru murid 12 tahun yang diperiksa di bawah Incremental Dental Care	10,741	12,653	84.9

KPI	Sasaran 2022 (%)	Numerator	Denominator	N	D	Pencapaian (%)
7. Peratus murid 16 tahun bebas penyakit karies gigi	≥ 61	Bilangan murid 16 tahun yang bebas penyakit karies gigi.	Jumlah kedatangan baru murid 16 tahun yang diperiksa di bawah Incremental Dental Care.	8,475	11,718	72.3
8. Peratus keberhasilan rawatan bagi gigi yang telah diberikan rawatan fissure sealant	≥ 50	Bilangan gigi yang tidak mempunyai pembentukan karies awal (E10 dan E12) / karies Class I pada tahun 2022 setelah diberikan rawatan fissure sealant pada tahun 2019.	Jumlah gigi yang diperiksa pada tahun 2022 yang diberikan rawatan fissure sealant pada tahun 2019.	2,305	2,455	93.9
9. Peratus murid sekolah rendah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang berjanji ingin berhenti merokok selepas intervensi program KOTAK	≥ 50	Bilangan murid sekolah rendah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang telah mempunyai quit date selepas intervensi.	Jumlah murid sekolah rendah yang dikenalpasti sebagai perokok semasa yang diberi intervensi.	10	11	90.9
10. Peratus pesakit berumur 60 tahun ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu	≥ 55	Jumlah pesakit berumur 60 tahun dan ke atas mendapat dentur dalam tempoh 8 minggu dari tarikh permintaan untuk dentur dan didapati keadaan mulut pesakit sesuai untuk menerima rawatan dentur.	Jumlah pesakit berumur 60 tahun dan ke atas meminta untuk dentur dan didapati sesuai untuk menerima rawatan dentur.	1,637	2,131	76.8
11. Peratus pesakit yang disaring untuk lesi mulut	≥ 95	Bilangan pesakit warganegara berumur 18 tahun dan ke atas yang disaring lesi mulut di klinik pergigian dan program komuniti biasa.	Jumlah kedatangan baru pesakit warganegara berumur 18 tahun dan ke atas yang mendapatkan pemeriksaan pergigian di klinik pergigian dan program komuniti biasa.	101,897	103,820	98.1

KPI	Sasaran 2022 (%)	Numerator	Denominator	N	D	Pencapaian (%)
12. Peratus pesakit yang mempunyai lesi mulut menghadiri janji temu di Klinik Pergigian Pakar apabila dirujuk bagi meningkatkan pengesanan awal kanser mulut	≥ 80	Bilangan pesakit warganegara berumur 18 tahun dan ke atas yang mempunyai lesi mulut dan menghadiri janji temu di Klinik Pergigian Pakar apabila dirujuk.	Jumlah pesakit warganegara berumur 18 tahun dan ke atas yang mempunyai lesi mulut dan dirujuk ke Klinik Pergigian Pakar.	33	35	94.3
13. Bilangan bahan-bahan Pendidikan Kesihatan Pergigian yang dihasilkan oleh negeri yang mendapat sekurang-kurangnya sepuluh (10) share di laman rasmi Facebook negeri dalam setahun	12 bahan PKP dalam setahun	Bilangan bahan-bahan Pendidikan Kesihatan Pergigian yang dihasilkan oleh Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri yang mendapat sekurang-kurangnya sepuluh (10) share di laman rasmi Facebook negeri dalam setahun.	Tiada	37		37
14. Peratus daerah / bahagian / kawasan / zon yang menjalankan sekurang-kurangnya lima (5) aktiviti melibatkan Ikon Gigi dalam tempoh setahun	≥ 75	Bilangan daerah / bahagian / kawasan / zon yang menjalankan sekurang-kurangnya 5 aktiviti yang melibatkan Ikon Gigi dalam setahun.	Jumlah daerah / bahagian / kawasan / zon di negeri.	7	7	100.0
15. Peratus pesakit yang menunjukkan penurunan ≥ 50% poket periodontium dalam masa 6 bulan selepas menerima rawatan	≥ 75	Bilangan pesakit yang mengalami penurunan ≥ 50% poket periodontium (hanya kedalaman poket yang berukur ≥ 6mm semasa pencartaan baseline) dalam masa 6 bulan selepas menerima rawatan.	Bilangan semua pesakit dengan poket periodontium (kedalaman poket yang berukuran ≥6mm semasa pencartaan baseline) yang menepati kriteria inklusi.	161	187	86.1

KPI	Sasaran 2022 (%)	Numerator	Denominator	N	D	Pencapaian (%)
16. Peratus gigi abutment vital yang tiada komplikasi endodontik dalam masa 2 tahun selepas penyimenan korona dan jambatan	≥ 98	Bilangan gigi abutment vital yang tiada komplikasi endodontik dalam masa 2 tahun selepas penyimenan korona dan jambatan semasa rawatan susulan pada tahun semasa.	Jumlah gigi abutment vital bagi kes-kes korona dan jambatan yang disusul pada tahun semasa.	36	36	100.0
17. Peratusan kes pembedahan elektif gigi terimpak yang dijalankan sebagai pembedahan rawatan harian (Elective cases of surgical removal of impacted tooth done as daycare surgery)	≥ 60	Bilangan kes pembedahan gigi terimpak yang dijalankan secara kes rawatan harian *(Number of cases of surgical removal of impacted teeth done as daycare).*	Jumlah kes elektif pembedahan gigi terimpak dilaksanakan di bawah bius Am *(Total number of elective cases of surgical removal of impacted teeth to be conducted under general anaesthesia).*	94	117	80.3
18. Peratus anggota pergigian yang baru dilantik dilatih untuk membuat saringan dan intervensi berhenti merokok di sekolah	≥ 90	Bilangan anggota pergigian yang baru dilantik dalam tahun semasa iaitu Juruterapi Pergigian dan Pegawai Pergigian yang terlibat dalam Incremental Dental Care di sekolah yang telah dilatih untuk membuat saringan dan intervensi berhenti merokok di sekolah	Jumlah anggota pergigian yang baru dilantik dalam tahun semasa iaitu Juruterapi Pergigian dan Pegawai Pergigian yang terlibat dalam Incremental Dental Care di sekolah	56	56	100.0
19. Peratus Peralatan Berat Pergigian yang diperolehi pada tahun semasa selamat digunakan	100	Bilangan peralatan berat pergigian yang lulus Pengujian dan Pentauliahan dalam perolehan pada tahun semasa	Bilangan peralatan berat pergigian yang diperolehi pada tahun semasa	1	1	100.0

KPI	Sasaran 2022 (%)	Numerator	Denominator	N	D	Pencapaian (%)
20. Peratus fasiliti pergigian KKM yang disasarkan dijalankan Audit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja berada di tahap optimum	≥90	Bilangan fasiliti yang diaudit	Jumlah fasiliti pergigian yang disasarkan untuk diaudit	59	59	100.0
21. Peratus Fasiliti Pergigian KKM yang Mencapai ≥ 90% Pematuhan Semasa Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Bagi Memastikan Fasiliti Yang Diaudit Berada Di Tahap Optimum.	≥88	Bilangan fasiliti yang diaudit mencapai ≥ 90% pematuhan	Bilangan fasiliti diaudit	59	59	100.0
22. Peratus klinik pergigian dengan persijilan MS ISO 9001:2015.	≥90	Bilangan KP yang telah memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2015	Jumlah KP di negeri tersebut	43	43	100.0
23. Peratus pemeriksaan pemantauan ke atas Klinik Pergigian Swasta (KPS) yang dikenal pasti untuk memastikan kepatuhan kepada Akta dan Peraturan berkaitan bagi menjamin kualiti perkhidmatan pergigian di sektor swasta .	≥ 95	Bilangan KPS yang dijalankan pemeriksaan pemantauan	Bilangan KPS yang dikenal pasti	45	45	100.0
24. Peratus pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan kesihatan pergigian yang diterima.	≥ 95	Bilangan pelanggan yang berpuas hati dengan perkhidmatan kesihatan pergigian yang diterima (pelanggan yang memberi purata skor 4 atau / dan 5 bagi Bahagian II hingga IV Kajian Kepuasan Pelanggan (KKP))	Jumlah pelanggan yang disampel (Semua Klinik Pergigian termasuk kepakaran jika ada)	4,789	4,840	98.9

KPI	Sasaran 2022 (%)	Numerator	Denominator	N	D	Pencapaian (%)
25. Pembudayaan inovasi di Klinik Pergigian (pengreplikasian dan pengamalan hasil inovasi tersebut dijalankan dalam tempoh dua (2) tahun termasuk tahun semasa).	≥ 95	Bilangan klinik pergigian yang melaksanakan pengreplikasi / pengamalan hasil inovasi	Jumlah klinik pergigian di negeri tersebut	43	43	100.0
26. Peratus aduan iaitu pengadu berpuas hati dengan tindakan penyelesaian yang diambil.	≥ 85	Bilangan aduan berasas (kategori biasa) iaitu pengadu berpuas hati dengan tindakan penyelesaian	Jumlah aduan berasas (kategori biasa) dengan maklum balas kepuasan daripada pengadu	17	17	100.0

2.4.2 National Indicator Approach (NIA)

Indikator-indikator NIA diukur mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. NIA mempunyai empat indikator. Satu (1) daripada empat indikator NIA tidak mencapai sasaran iaitu peratus murid sekolah menengah mengekalkan status orally fit (TPR). Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya terdapat peningkatan semua indikator NIA pada tahun 2022.

Jadual 12 : Pencapaian National Indicator Approach, 2018 - 2022

Bil.	Indikator NIA	Piawai	2018	2019	2020	2021	2022
1.	Peratus murid sek. rendah mengekalkan status orally fit (TPR)	>65%	65.7%	69.9%	62.43%	28.5%	65.2%
2.	Peratus murid sek. menengah mengekalkan status orally fit (TPR)	>80%	68.8%	74.2%	74.02%	30.8%	65.0%
3.	Peratus ketidakpatuhan paras optima fluorida di tapak retikulasi Paras < 0.4ppm	≤25%	1.8 %	1.1%	0.43%	0.22%	1.8%
4.	Peratus ketidakpatuhan paras optima fluorida di tapak retikulasi Paras > 0.6ppm	≤7%	0.0%	2.6%	0.0%	0.0%	0.0%

2.4.3 Pencapaian Indikator *District Specific Approach* (DSA)

Pada tahun 2022, 1 indikator DSA yang melibatkan ibu mengandung sahaja tercapai manakala dua indikator melibatkan Min D bagi sekolah rendah dan sekolah menengah ini tidak tercapai. Namun, terdapat peningkatan dari segi pencapaian tahun 2022 berbanding tahun 2021.

Jadual 11 : Pencapaian District Specific Approach. 2018 - 2022

Indikator	Piawai	2018	2019	2020	2021	2022
1. Peratus ibu mengandung diberi PKP	≥ 75%	68.43	80.03	47.17	75.0	76%
2a. Min D murid sekolah rendah	≤ 0.07	-	0.05	0.05	0.20	0.08
2b. Min D murid sekolah menengah	≤ 0.18	-	0.14	0.14	0.74	0.22

2.5 EPIDEMIOLOGI DAN KAJIAN (HEALTH SYSTEM RESEARCH)

Terdapat sebelas kajian aktif pada tahun 2022 iaitu dua telah selesai, lima kajian sedang berjalan dan lima adalah kajian baru untuk tahun 2022. Topik penyelidikan adalah seperti berikut:

1. *Acute Facial Cellulitis of Odontogenic Origin in Children - Multicentre study* (selesai)
2. *Oral Health Status And Practices Of Adult Orang Asli In Tampin District* (sedang berjalan)
3. *The Prevalence Of Early Childhood Caries (ECC) And Comparison Between dmft Index And Significant Caries Index (SIC) Among Children 36-71 Month In Seremban, Negeri Sembilan* (sedang berjalan)
4. *Survival Of Endocrown: An Alternative Approach to Conventional Crowns for Endodontically Treated Teeth* (sedang berjalan)
5. *Oral Health Literacy and Oral Health Practice Among Adults Who Attend Government Dental Clinic In Seremban* (selesai)
6. *Awareness Of Fake Braces Among Secondary School Students In Jempol District, Negeri Sembilan Malaysia* (sedang berjalan)
7. *The Changes In Oral Health Knowledge, Attitude, Practices And Perception Of Patients In Klinik Pergigian Mesra Promosi (KPMP) And Involvement Of The Implementers* (projek baru 2022)
8. *Root Supported Overdenture: Knowledge and Practice Among Malaysian Government Dentists in Negeri Sembilan* (projek baru 2022)
9. *Factors Related to Retention and Survival of Avulsed Replanted Anterior Permanent Teeth among Children in Pediatric Dental Department Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan* (projek baru 2022)
10. *Study on impacted maxillary canine and the type of managements: A Retrospective Study* (projek baru 2022)
11. *Oral Health Literacy among Caregivers of Community-Based Rehabilitation Centre (PDK) in Seremban District* (projek baru 2022).

3.0 AMALAN DAN PERKEMBANGAN KESIHATAN PERGIGIAN

3.1 Pendaftaran Klinik Pergigian Baru dan Pemantauan Klinik Pergigian Swasta

Pada tahun 2022, sebanyak 19 permohonan pendaftaran Klinik Pergigian Swasta yang mematuhi Akta Perkhidmatan dan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Sembilan. Manakala 13 buah klinik yang diverifikasi melalui pemeriksaan Pasca Pendaftaran untuk kepatuhan klinik-klinik berdaftar dilaksanakan. Sebanyak 45 daripada 90 (50%) buah klinik sedia ada dipantau sepanjang tahun 2022.

3.2 Lain-Lain Inisiatif Kualiti

Selain pemantauan terhadap indikator kualiti yang dipantau di bawah Penjagaan Kesihatan Pergigian terdapat juga beberapa inisiatif kualiti lain seperti berikut:

a. MS ISO 9001:2015

Bahagian Kesihatan Pergigian telah menerima persijilan MS ISO 9001:2015 dari SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 4 Disember 2017. Audit Surveillance telah diadakan pada 17, 18, dan 19 Oktober 2022 dengan melibatkan 43 buah Klinik Pergigian di seluruh Negeri Sembilan yang diadakan secara fizikal. Skop pensijilan adalah Pengurusan Perancangan, Pemantauan dan Penilaian Aktiviti-aktiviti Utama Perkhidmatan Kesihatan Pergigian di Negeri Sembilan.

b. Inovasi

Pada tahun 2022, beberapa projek inovasi telah menyertai pertandingan iaitu:

1. SParkS (PKPD Seremban) - Johan Kategori Produk di Anugerah Inovasi KKM dan Naib Johan Kategori Produk di Anugerah Inovasi JKNNS

2. *Pocket Dam* (PKPD Seremban) - Anugerah Khas Juri Kategori Produk di Anugerah Inovasi JKNNS

3. *LEDenExL* (PKPD Seremban) - Penyertaan Kategori Produk di Anugerah Inovasi JKNNS

4. *Prostho Box* (PKPD Seremban) - Penyertaan Kategori Produk di Anugerah Inovasi JKNNS

5. *Smile Birthday Box* (S.B.B) (PKPD Jempol) - Johan Kategori Perkhidmatan di Anugerah Inovasi JKNNS dan Penyertaan Kategori Produk di Anugerah Inovasi KKM

6. Kad Kemajuan Status Kebersihan Gigi dan Mulut Anak Anda (Kad Twinkle) (PKPD Seremban) – Tempat Ketiga Kategori Perkhidmatan di Anugerah Inovasi JKNNS dan Penyertaan Kategori Produk di Anugerah Inovasi KKM.

7. *Fluoride Varnish Reminder System* (PKPD Rembau) – Penyertaan Kategori Perkhidmatan di Anugerah Inovasi JKNNS

8. *SISPEKD* (PKPD Tampin) – Penyertaan Kategori Proses di Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian KKM dan Anugerah Inovasi JKNNS

c. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Pada tahun 2022, Projek Smart Smile Wheel (SSW) (PKPD Jempol) mendapat Tempat Pertama Kategori Primer Hibrid di Konvensyen KIK KKM, Tempat Kedua Kategori Penciptaan di Konvensyen KIK JKNNS dan Tempat Ketiga Kategori Horizon di Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian KKM.

d. Quality Assurance (QA)

Projek QA “Meningkatkan Kepatuhan Toddler Mengikut Temujanji Sapuan Varnis Fluorida di Klinik Pergigian Rembau” (PKPD Rembau) merangkul Tempat Ketiga Kategori Poster di Konvensyen QA JKNNS dan Penyertaan Kategori Poster di Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian KKM.

4.0 PENGURUSAN TEKNIKAL KESIHATAN PERGIGIAN

4.1 Kolaborasi Kesihatan Pegigian dan Badan Agama (KOA)

Program dijalankan melalui penglibatan badan keagamaan bagi memperbaiki perspektif masyarakat terhadap kesihatan bahawa penjagaan kesihatan diri sendiri adalah sebahagian daripada kehidupan beragama. Majoriti masyarakat akan memberi sepenuh perhatian semasa ceramah yang diadakan dalam majlis keagamaan. Melalui program seperti ini, dapat membina satu jaringan (networking) promosi kesihatan pergigian bersama institusi keagamaan yang lebih sistematik.

Jadual 14 : Pencapaian Aktiviti Kolaborasi Kesihatan Pergigian dan Badan Agama, 2022

Bil.	Aktiviti	Bil. Diadakan	Ceramah		Pameran	
			Bil.	Peserta	Bil.	Peserta
1.	KOA Islam	8	6	285	8	421
2.	KOA Buddha	4	4	148	4	160
3.	KOA Hindu	6	7	191	6	224
4.	KOA Kristian	3	11	303	3	304
	Jumlah	**21**				

4.2 Ikon Gigi

Program Ikon Gigi (iGG) dilaksanakan dengan penglibatan komuniti sebagai medium pengantara dalam penyampaian maklumat dengan lebih berkesan melalui konsep community empowerment. Dalam program ini, wakil komuniti yang dipilih akan bertindak sebagai pemudahcara untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan kesihatan pergigian. Sepanjang tahun 2022, terdapat penambahan 11 orang ikon gigi yang baru menjadikan keseluruhan iGG adalah 65 orang.

Mereka telah menjalankan sebanyak 1,026 aktiviti penyampaian maklumat kesihatan pergigian kepada 77,592 orang. Pasca pandemik Covid-19 telah menunjukkan aktviti-aktiviti ikon gigi tidak terhad kepada media sosial sahaja, malah aktiviti seperti ceramah, latihan memberus gigi, lawatan ke rumah, permainan interaktif dan lain-lain semakin meningkat.


4.3 Kolaborasi Program Kesihatan Pergigian Bersama Institut Perguruan (IPG)

Program bersama Institut Perguruan dijalankan bagi memperkasakan guru-guru dalam memberi sumbangan yang berkesan terhadap peningkatan taraf kesihatan pergigian murid-murid. Negeri Sembilan mempunyai dua institut perguruan yang terlibat iaitu:

- Institut Perguruan Raja Melewar, Seremban
- Institut Perguruan Teknik Kampus Bandar Enstek, Nilai

Graf 16 di bawah menunjukkan penurunan bilangan bakal guru yang menjalani program ini bagi tahun 2022. Hal ini kerana, hanya satu sahaja Institut Perguruan yang dilawati pada tahun 2022.


Graf 16 : Bilangan Guru Pelatih Menjalani Program, 2018 - 2022




4.4 Aktiviti Promosi Kesihatan Pergigian

Graf 17 dan **Graf 18** menunjukkan bilangan peserta menjalani aktiviti promosi kesihatan pergigian dari 2018 hingga 2022. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan pelbagai peringkat umur masyarakat. Pada tahun 2022, terdapat peningkatan yang ketara bagi aktiviti latihan memberus gigi, pameran dan projek komuniti manakala terdapat peningkatan bagi peserta yang menerima ceramah dari tahun 2021. Pasca Pandemik Covid-19 menunjukkan aktiviti-aktiviti promosi telah dilakukan secara fizikal disamping Pendidikan Kesihatan Pergigian sentiasa dijalankan melalui media sosial iaitu Facebook dan Instagram rasmi Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri / Daerah.

Graf 17 : Bilangan Peserta Menjalani Latihan Memberus Gigi Dan Ceramah, 2018 - 2022



Graf 18 : Bilangan Pameran Dan Projek Komuniti Dijalankan, 2018 - 2022



4.5 Perkembangan Profesion Kesihatan Pergigian

Latihan Dalam Perkhidmatan diberikan kepada semua kakitangan bagi meningkatkan kompetensi. Pada tahun 2021, semua kakitangan menghadiri kursus dengan 69.36% daripadanya hadir sekurang-kurangnya tujuh hari. Terdapat kenaikan peratusan tersebut bagi tahun 2022 berbanding tahun 2021. Kebanyakan latihan dijalankan secara hibrid.

Jadual 15: Pencapaian Latihan Dalam Perkhidmatan, 2017 - 2021

Indikator	2018	2019	2020	2021	2022
Bilangan kakitangan yang menghadiri kursus	989 (100%)	1078 (100%)	1093 (100%)	1152 (100%)	1106 (100%)
Bilangan kakitangan minima 7 hari berkursus	833 (84.2%)	697 (64.7%)	567 (51.9%)	801 (69.4%)	514 (83.3%)

Pengurusan Teknologi Maklumat

Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS) dimulakan sebagai projek rintis di 7 buah Klinik Pergigian di Daerah Seremban. Projek Peluasan TPC-OHCIS dilaksanakan di tiga buah klinik pergigian di Daerah Seremban dan 21 buah klinik di daerah-daerah lain seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16 : Senarai Klinik Projek PerluasanTPC-OHCIS

Daerah	Klinik Pergigian
Seremban (telah menggunakan TPC-OHCIS)	Klinik Pergigian Rantau
	Klinik Pergigian Kuarters KLIA
	Klinik Pergigian Sendayan
Kuala Pilah	Klinik Pergigian KK3 Kuala Pilah
	Klinik Pergigian Juasseh
	Klinik Pergigian Kuala Pilah
	Klinik Pergigian Johol
Port Dickson	Klinik Pergigian Bukit Pelandok
	Klinik Pergigian Linggi
	Klinik Pergigian Pasir Panjang
	Klinik Pergigian Port Dickson
	Klinik Pergigian Lukut
	Unit Pergigian Orthodontik Port Dickson
Tampin	Klinik Pergigian Tampin
	Klinik Pergigian Gemencheh
	Klinik Pergigian Jelai
	Klinik Pergigian Gemas
Jempol	Klinik Pergigian Bandar Seri Jempol
	Klinik Pergigian Bahau
Jelebu	Klinik Pergigian Jelebu
	Klinik Pergigian Petaling
Rembau	Klinik Pergigian Rembau
	Klinik Pergigian Astana Raja
	Klinik Pergigian Pedas

ISU DAN CABARAN

Malaysia sudah memasuki fasa endemik Covid-19 selepas beberapa tahun melalui fasa pandemik yang amat sukar. Impak terhadap beban penyakit pergigian telah meningkat di dalam era pasca pandemik Covid-19 ini kerana dua tahun yang lalu, Covid-19 banyak membantutkan perkhidmatan pergigian terutamanya di sekolah-sekolah dan rawatan perkhidmatan pergigian di klinik kerajaan juga terhad kerana bilangan pesakit yang dikawal untuk mengelakkan wabak ini tersebar luas.

Tahun 2022 menunjukkan kebangkitan semula iaitu perkhidmatan pergigian kepada masyarakat telah kembali melalui perkhidmatan pergigian sekolah dan rawatan elektif seperti tampalan gigi, pengskaleran, rawatan gigi palsu dan lain-lain rawatan yang bukan kecemasan telah dijalankan secara serta-merta di klinik pergigian. Namun, anggota kesihatan pergigian perlu sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan prosedur operasi standard hendaklah dipatuhi sebelum, semasa dan selepas rawatan pergigian dijalankan. Teknik pembersihan tangan yang betul, pemakaian alat pelindung (PPE) yang lengkap dan betul, pembersihan dan pemprosesan semula peralatan pergigian yang boleh digunakan semula dengan betul sebelum digunakan pada pesakit lain perlu dilakukan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pada tahun 2022, pencapaian perkhidmatan Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Sembilan menunjukkan peningkatan ketara setelah jatuh mendadak pada tahun 2020 dan 2021. Perkhidmatan pergigian kepada masyarakat telah kembali seperti sedia kala. Pasca pandemik Covid-19 telah menunjukkan aktiviti-aktiviti promosi tidak terhad kepada media sosial sahaja, malah aktiviti seperti ceramah, latihan memberus gigi, lawatan ke rumah, projek komuniti, permainan interaktif dan lain-lain yang dilakukan secara fizikal semakin meningkat. Penyampaian pendidikan kesihatan pergigian melalui platform media sosial juga masih diteruskan dan akan dipertingkatkan lagi. Perluasan program vaksinasi, telah banyak membantu di dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian iaitu ia dapat dijalankan dengan lebih selamat kepada pesakit dan terdapat pelindungan ke atas kesihatan pekerja.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

PENGENALAN

Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan terdiri daripada tiga cawangan iaitu Pengurusan Farmasi, Amalan dan Perkembangan Farmasi dan Penguatkuasaan Farmasi. Bahagian ini diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi).

Cawangan Pengurusan Farmasi bertanggungjawab untuk memastikan perancangan strategik dan dasar dilaksana mengikut sasaran yang ditetapkan, pengagihan sumber manusia mengikut keperluan dan kepentingan perkhidmatan, pembangunan modal insan yang relevan serta memastikan urusan pentadbiran dan kewangan mengikut peraturan.

Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi berperanan menyelaras perkhidmatan penyediaan dan pembekalan ubat-ubatan serta penjagaan farmaseutikal di Hospital dan Klinik Kesihatan dengan memastikan pengurusan pemilihan, pembelian dan pengedaran produk farmaseutikal yang berkesan serta penggunaan ubat yang rasional.

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi pula berperanan memastikan semua produk farmaseutikal, tradisional dan kosmetik dalam pasaran adalah sah dari segi pendaftaran dan notifikasi. Penguatkuasaan farmasi juga berfungsi untuk memastikan bahawa pengendalian rangkaian bekalan dan pemasaran, iklan-iklan produk dan penggunaannya dikendalikan dengan mematuhi peruntukan akta-akta dan undang-undang yang berkaitan.

VISI

Menerajui pengurusan berkualiti ke atas ubat-ubatan melalui tenaga kerja yang berdaya saing, sains dan teknologi bersesuaian dan perkongsian dengan semua pihak yang berkepentingan.

MISI

Memastikan ubat-ubatan berkualiti untuk negara.

OBJEKTIF

Memastikan semua keluaran farmaseutikal dan produk penjagaan kesihatan yang berada di pasaran adalah berkualiti, selamat, berkesan dan dikawal mengikut undang-undang yang berkaitan serta digunakan secara rasional.

1. CAWANGAN PENGURUSAN FARMASI

Pengurusan Farmasi bertanggungjawab untuk memastikan perancangan sumber manusia mengikut keperluan dan kepentingan perkhidmatan, pembangunan modal insan yang relevan serta memastikan urusan pentadbiran dan kewangan mengikut peraturan.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Sumber manusia untuk Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Negeri Sembilan mengikut kategori dan bilangan jawatan adalah seperti **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

Jadual 1 : Perjawatan Anggota Farmasi di Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Tahun	Pegawai Farmasi		Penolong Pegawai Farmasi	
	Bilangan Jawatan	Bilangan Pengisian (%)	Bilangan Jawatan	Bilangan Pengisian (%)
2018	348	318 (91.4%)	175	167 (95.4%)
2019	348	332 (95.4%)	175	171 (97.7%)
2020	356	349 (98.0%)	182	169 (92.8%)
2021	363	352 (97.0%)	189	175 (92.6%)
2022	380	363 (95.5%)	192	172 (89.6%)

Jadual 2 : Perjawatan Anggota Farmasi Mengikut Jenis Fasiliti di Negeri Sembilan, 2022

Jawatan	Bahagian Perkhidmatan Farmasi		Hospital		Kesihatan	
	Jawatan	Pengisian (%)	Jawatan	Pengisian (%)	Jawatan	Pengisian (%)
Pegawai Farmasi	30	30 (100%)	203	198 (97.5%)	147	135 (91.8%)
Penolong Pegawai Farmasi	0	0	67	61 (91.0%)	125	111 (88.8%)
Jumlah	**30**	**30 (100%)**	**270**	**259 (95.9%)**	**272**	**246 (90.4%)**

PENCAPAIAN AKTIVITI LATIHAN

Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Sembilan telah diperuntukan sebanyak RM19,000.00 bagi tujuan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi tahun 2022. Pengagihan peruntukan LDP bagi tahun 2018 sehingga 2022 seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3 : Peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan, 2018 - 2022

Peruntukan LDP	2018	2019	2020	2021	2022
Peruntukan (RM)	18,334.00	60,000.00	13,650.00	6,885.00	19,000.00
Perbelanjaan (RM) / Peratus Perbelanjaan (%)	18,331.00 (99.98%)	59,998.00 (100.00%)	13,646.00 (99.97%)	6,885.00 (100.00%)	18,933.00 (99.65%)

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 12 kursus dianjurkan secara bersemuka dan dihadiri oleh 553 anggota iaitu seramai 380 anggota kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 173 anggota kumpulan sokongan. Senarai latihan yang dianjurkan pada tahun 2022 seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4 : Senarai Latihan Yang Dianjurkan, 2022

Bil.	Nama Kursus	Tarikh
1.	Bengkel Pengukuhan Inisiatif Kualiti 1: *Quality Assurance* (QA)	23 Mei 2022
2.	Bengkel Keselamatan Farmasi Logistik Negeri Sembilan	1-2 Jun 2022
3.	Kursus Pengurusan Minda Sihat di Kalangan Anggota Farmasi	13-14 Jun 2022
4..	Kursus Pengukuhan Kerja Berpasukan	28-29 Jun 2022
5.	*MTAC Pharmacist Restrendgthening Programme* Negeri Sembilan 2022	28 Julai 2022
6.	Kursus Pemantapan bagi Penolong Pegawai Farmasi Siri 1	2 Ogos 2022
7.	*Delivering Pharmacotherapy in Critical Care*	17 Ogos 2022

Bil.	Nama Kursus	Tarikh
8.	Kursus Keselamatan Pengubatan	22 Ogos 2022
9.	Anticoagulation Updates	30 Ogos 2022
10.	Kursus Pemantapan bagi Penolong Pegawai Farmasi Siri 2	20 September 2022
11.	Bengkel Penulisan Manuskrip BPFNS 2022	12-13 Oktober 2022
12.	Kursus Dokumentasi Horizon Baharu Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)	18-19 Oktober 2022

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI PENGURUSAN FARMASI

Jadual 5 : Pencapaian Indikator Key Performance Indicators (KPI) OBB untuk Cawangan Pengurusan Farmasi, 2018 - 2022

Bil.	Indikator KPI	2018	2019	2020	2021	2022
1.	Peratus Preskripsi Didispens Dalam Tempoh 30 Minit. ***Sasaran: 95% Preskripsi***	90.05%	94.14%	95.86%	96.54%	95.60%
2.	Peratus Pegawai Farmasi yang mencapai mata minimum CPD. Januari - Disember = 40 mata ***Sasaran: 100%***	100%	100%	100%	100%	100%
3.	Peratus Penolong Pegawai Farmasi yang mencapai mata minimum CPD. Januari - Disember = 40 mata ***Sasaran: 100%***	100%	100%	100%	100%	100%
4.	Peratus Fasiliti Farmasi KKM Menjalankan Penyelidikan Farmasi atau Inisiatif Kualiti & Inovasi Farmasi. ***Sasaran: ≥90%***		100%	100%	100%	100%
5.	Bilangan Pembentangan Hasil Penyelidikan dan Inisiatif Kualiti dan Inovasi Farmasi di Peringkat Tempatan dan Antarabangsa.		64 (sasaran: 18)	24 (sasaran: 22)	46 (sasaran: 21)	80 (sasaran: 21)
6.	Peratus perbelanjaan bagi peruntukan Pelan Operasi Latihan (POL) berbanding peruntukan yang diterima dalam setahun. ***Sasaran: ≥95%***			99.97%	100%	99.65%
7.	Bilangan hasil kajian R&D/ Inisiatif Kualiti yang diterbitkan dalam tahun semasa		8 (sasaran: 4)	7 (sasaran: 4)	6 (sasaran: 4)	7 (sasaran: 4)

Bil.	Indikator KPI	2018	2019	2020	2021	2022
8.	Peratus perbelanjaan bagi peruntukan BP01100 berbanding peruntukan yang diterima dalam setahun ***Sasaran: ≥95%***					95%
9.	Peratus aduan awam dalam tahap kesukaran biasa yang diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) diselesaikan dalam tempoh 15 hari bekerja ***Sasaran: ≥90%***					100% (2/2)

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

Sebanyak 48 Kajian Penyelidikan dan Pembangunan Farmasi (R&D) serta Projek Inisiatif Kualiti Farmasi telah dipertandingkan dalam pertandingan peringkat negeri dan kebangsaan pada tahun 2022 seperti dalam **Jadual 6**.

Jadual 6 : Bilangan Penyertaan Kajian R&D dan Projek Inisiatif Kualiti Farmasi, 2022

Bil.	Platform	Bil. Penyertaan
1.	Saringan Pertandingan Projek QA Peringkat Negeri, JKNNS	11
2.	Saringan Projek Program Perkhidmatan Farmasi ke Konvensyen QA Kebangsaan 2022	2
3.	Mini Konvensyen QA JKNNS 2022	7
4.	Anugerah Inovasi JKNNS 2022	10
5.	Konvensyen KIK JKNNS 2022	3
7.	Konvensyen QA Kebangsaan 2022	3
8.	Saringan Anugerah Inovasi KKM 2022	4
9.	Anugerah Inovasi KKM 2022	3
10.	Konvensyen KIK Kebangsaan 2022	1
11.	Konvensyen KIK SUK Negeri 2022	2
12.	14th MOH-AMM Scientific Meeting 2022 in Conjuction with 23rd NIH Scientific Seminar	1
13.	28th Federation of Asian Pharmaceutical Associations (FAPA) Congress and National Pharmacists Convention 2022	1

Jadual 7 : Pengiktirafan dan Pencapaian Kajian R&D dan Projek Farmasi Dipertandingkan, 2022

Platform Pertandingan	Tajuk Projek	Fasiliti	Pencapaian
Mini Konvensyen QA JKNNS 2022 (1 Jun 2022)	Reducing Frequency of MDI Salbutamol Exchange Among Patients with Controller in PKD Port Dickson	Unit Farmasi PKD, Port Dickson	Johan (Kategori Oral)
	Improving percentage of refill extemporaneous syrup preparations dispensed within 30 minutes among outpatients in Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	Jabatan Farmasi, HTJS	Naib Johan (Kategori Oral)

Platform Pertandingan	Tajuk Projek	Fasiliti	Pencapaian
	Improving Eye Drop Administration Among Glaucoma Patients Referred by Doctors in Outpatient Pharmacy Department, Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Jabatan Farmasi, HTAN	Tempat Ketiga (Kategori Oral)
	Reducing Inappropriate Tramadol Prescribing in Emergency and Trauma Department (ETD) of Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN)	Jabatan Farmasi, HTAN	Naib Johan (Kategori Poster)
Anugerah Inovasi JKNNS (14 - 15 Jul 2022)	Top Chams	Jabatan Farmasi Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	Johan (Kategori Proses)
	REPAC	Jabatan Farmasi Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	Naib Johan (Kategori Proses)
	RMED	Jabatan Farmasi Hospital Tuanku Ja'afar Seremban	Tempat Ketiga (Kategori Proses)
	EzyCollect	Unit Farmasi Klinik Kesihatan Ampangan	Naib Johan (Kategori Perkhidmatan)
	V-Stand	Bahagian Perkhidmatan Farmasi, JKN Negeri Sembilan	Johan (Kategori Produk)
	Pharmazee Eduboard	Unit Farmasi PKD, Seremban	Tempat Ketiga (Kategori Produk)
Konvensyen KIK JKNNS (14 - 15 Julai 2022)	TORCH	Jabatan Farmasi, Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Johan dan Piala Pusingan
Konvensyen KIK Kebangsaan 2022	TORCH	Jabatan Farmasi, Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Tempat Ketiga
Konvensyen KIK SUK Negeri 2022	TORCH	Jabatan Farmasi, Hospital Tuanku Ampuan Najihah	Naib Johan dan Dokumentasi Terbaik
	My Inotrope Pro	Jabatan Farmasi HTJS	Penyertaan
Anugerah Inovasi KKM 2022	REPAC	Jabatan Farmasi HTJS	Penyertaan
	Pharmazee Eduboard	Pejabat Kesihatan Daerah Seremban	Anugerah Khas Juri
	V-Stand	Bahagian Perkhidmatan Farmasi, JKN Negeri Sembilan	Penyertaan

Gambar 1 : Pencapaian Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022





Gambar 2 : Pencapaian Anugerah Inovasi KKM, 2022





Gambar 3 : Pencapaian Anugerah Inovasi Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan, 2022



Gambar 4 : Pencapaian Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan, 2022



Gambar 5 : Pencapaian Pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Perkhidmatan Awam, 2022



2. CAWANGAN AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Amalan dan Perkembangan Farmasi mempunyai objektif utama untuk memastikan keperolehan dan kepenggunaan ubat-ubatan yang berkualiti melalui amalan farmasi yang berkesan bagi meningkatkan perkhidmatan farmasi di hospital dan klinik kesihatan di Negeri Sembilan.

Objektif Khusus Amalan dan Perkembangan Farmasi

i. Mengoptimakan terapi ubat-ubatan melalui penyampaian perkhidmatan farmasi yang berkesan, dinamik dan progresif, amalan berkualiti terkini serta perkhidmatan yang profesional.
ii. Memastikan perbelanjaan ubat-ubatan berada di tahap yang ekonomik.
iii. Mempromosikan kesedaran berkenaan penggunaan ubat secara rasional, keselamatan pengubatan dan pelaporan kesan *advers* ubat mahupun kesan sampingan ubat.
iv. Mengoptimakan penggunaan tenaga kerja bagi perkhidmatan penjagaan farmaseutikal di dalam negara.
v. Memastikan pencapaian perkhidmatan berkualiti yang berterusan.

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI

Jadual 8 : Pencapaian Indikator *Quality Assurance Program* (QAP) untuk Aktiviti Amalan dan Perkembangan Farmasi, 2018 - 2022

Bil.	Indikator *QAP*	2018	2019	2020	2021	2022
1.	QAP 1 : *Percentage of prescriptions wrongly filled and detected before dispensing to the total number of prescriptions counterchecked* ***(Standard: 0%)***	0.071%	0.071%	0.053%	0.059%	0.048%
2.	QAP 2 : *Percentage of toxicity cases interpreted and recommendations communicated* ***within two hours*** *to the requesting Doctor / Units to the total number of toxicity cases received* ***(Standard: 100%)***	100%	100%			
	QAP 2 : *Percentage of toxicity cases interpreted and recommendations communicated* ***within one hour*** *to the requesting Doctor / Units to the total number of toxicity cases received* ***(Standard: 100%)***			100%	100%	100%
3.	QAP 3 : *Percentage of Value of Stocks Disposed and written off to value of stocks handled annually* ***(Standard: 0%)***	0%	0%	0%	0%	0.004%

Jadual 9 : Pencapaian Indikator KPI untuk Aktiviti Cawangan Amalan dan Perkembangan Farmasi, 2019 - 2022


Bil.	Indikator KPI	2019	2020	2021	2022
1.	Peratus fasiliti KKM yang berjaya mencapai paras simpanan stok ubat yang optimum (1-3 bulan) ***Sasaran: >90%***	100% (13 / 13)	85.71% (12 / 14)	95.83% (13.42 / 14)	100% (14 / 14)
2.	Peratus fasiliti farmasi yang diaudit oleh Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF) mendapat tahap pematuhan baik ***Sasaran: ≥60%***	88.46% (23 / 26)	85.18% (23 / 27)	100% (26 / 26)	93.10% (27 / 29)
3.	Peratus preskripsi susulan yang didispen melalui Perkhidmatan Tambah Nilai (VAS) berbanding preskripsi susulan diterima. ***Sasaran: ≥20%***	23.38%	29.23%	32.25% ***sasaran: 25%***	33.75% ***sasaran: 25%***
4.	Peratus klinik kesihatan yang mencapai kepatuhan penuh bagi kriteria amalan keselamatan pengubatan yang ditetapkan. ***Sasaran: ≥80%***	84.6% (11 / 13)	95.65 % (44 / 46)	100% (46 / 46) ***sasaran: 90%***	100% (51 / 51) ***sasaran: 90%***
5.	Peratus fasiliti mencapai sasaran penggunaan PhIS yang ditetapkan ***Sasaran: 100%***	70% (44 / 63)	60 / 64 (93.75%)	92.19% (59/64)	92.31% (60 / 65)
6.	Peratus bilangan kaunseling kepada pesakit semasa lawatan Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC) ***Sasaran: 100%*** **(KPI dipantau mulai tahun 2022)**				100% (7320 / 7320)
7.	Peratus Program Kenali Ubat Anda yang dilaksanakan secara norma baharu ***Sasaran: >15%*** **(KPI dipantau mulai tahun 2022)**				24.12% (110 / 456)

PENCAPAIAN AKTIVITI AMALAN DAN PERKEMBANGAN FARMASI, 2022

Perkhidmatan Perolehan Ubat-ubatan

Pada tahun 2022, nilai perolehan ubat-ubatan di semua hospital dan klinik kesihatan di Negeri Sembilan sebanyak RM137,675,042.35. Nilai perbelanjaan ubat-ubatan tersebut meningkat sebanyak 19.9% berbanding tahun 2021. **Rajah 1** menunjukkan jumlah peruntukan dan perbelanjaan ubat bagi tahun 2018 sehingga 2022.

Rajah 1: Peruntukan dan Perbelanjaan Ubat, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Peruntukan Ubat (RM)	96,638,387.	114,216,683	104,935,322	114,821,374	138,452,949
Perbelanjaan Ubat (RM)	96,503,720.	114,209,756	104,918,629	114,808,498	137,675,042
Peratus Perbelanjaan (%)	99.86	99.99	99.98	99.99	99.44

Perkhidmatan Farmasi Klinikal dan Teknikal


Matlamat perkhidmatan farmasi di hospital dan kesihatan adalah untuk menyediakan penjagaan farmaseutikal yang berorientasikan pesakit. Perkhidmatan Farmasi Ambulatori menekankan kualiti penggunaan ubat, promosi cara hidup yang sihat dan pemberian perkhidmatan yang inovatif untuk memberi impak positif kepada pesakit.

Perkhidmatan Farmasi Klinikal menyediakan perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan, *Medication Therapy Adherence Clinic (*MTAC), Kaunseling Methadone, Farmasi Wad, Pusat Maklumat Ubat, Farmakokinetik Klinikal, Nutrisi Parenteral dan Farmasi Onkologi.

i. Perkhidmatan Kaunseling Ubat-ubatan

Perkhidmatan kaunseling ubat-ubatan diberikan supaya pesakit mematuhi rawatan farmakoterapi dan memahami cara pengambilan ubat-ubatan. Kaunseling ubat-ubatan di Hospital meliputi pesakit dalam, pesakit luar dan pesakit discaj. Pada tahun 2022, terdapat pengurangan sebanyak 14.2 % kaunseling pesakit luar di hospital, peningkatan sebanyak 13.5 % kaunseling pesakit dalam dan peningkatan 12.3% kaunseling di klinik kesihatan berbanding tahun 2021. **Rajah 2** menunjukkan bilangan kaunseling ubat-ubatan bagi Negeri Sembilan secara keseluruhannya meningkat sebanyak 5.2 % pada tahun 2022.

Rajah 2 : Bilangan Pesakit Diberi Kaunseling, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Pesakit Luar (Hospital)	14,381	19,535	20,481	27,737	23,798
Pesakit Dalam (Hospital)	27,371	35,459	32,444	33,152	37,615
Pesakit Luar (Kesihatan)	27,358	35,528	35,757	36,904	41,460
Jumlah Keseluruhan	69,110	90,522	88,682	97,793	102,873

ii. Perkhidmatan *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC)

Aktiviti MTAC adalah untuk mengoptimakan terapi ubat penyakit kronik seperti penyakit diabetes mellitus, penyakit retroviral (RVD), warfarin, nefrologi, respiratori, hipertensi, epilepsi, psoriasis dan hemofilia. **Rajah 3** menunjukkan bilangan kaunseling melalui aktiviti MTAC. Bagi aktiviti kaunseling MTAC hospital sebanyak 8,562 kaunseling dilakukan oleh Pegawai Farmasi, manakala di kesihatan awam sebanyak 2,147.

Rajah 3 : Bilangan Kaunseling Melalui Perkhidmatan MTAC, 2018 – 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Hospital	17,656	15,768	13,859	8,589	8,562
Klinik Kesihatan	2,218	2,223	1,959	2,199	2,147

iii. Perkhidmatan Rawatan Terapi Gantian Methadone


Aktiviti pendispensan Methadone dilakukan oleh pegawai farmasi. Pendispensan Methadone kepada pesakit adalah melalui *Direct Observation Therapy* (DOT) dan juga melalui Dos Bawa Balik (DBB) seperti di **Rajah 4**. Pada tahun 2022, 31% pendispensan Methadone kepada pesakit adalah secara DOT, manakala 69 % didispen secara DBB. Bilangan kaunseling Methadone secara individu mahupun kaunseling berkumpulan adalah seperti di **Rajah 5**.

Rajah 4 : Bilangan Pendispensan Methadone, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Direct Observation Therapy (DOT)	221,230	206,213	147,375	123,054	123,630
Dos Bawa Balik (DBB)	235,106	229,160	286,386	281,760	272,195

Rajah 5 : Bilangan Kaunseling Methadone, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Individu	359	273	78	97	278
Bil. Pesakit (kumpulan)	2,274	2,217	1,640	2,603	2,165
Sesi Berkumpulan	19	15	10	25	43

Perkhidmatan Farmasi Wad

Pegawai Farmasi Klinikal telah ditempatkan di wad dengan pelbagai disiplin. Mereka melibatkan diri secara aktif dalam rondaan wad dengan pakar perubatan dan anggota kesihatan ke arah mengoptimakan terapi ubat pesakit demi meningkatkan taraf kesihatan pesakit. Perkhidmatan Farmasi Wad meliputi disiplin utama seperti perubatan, pembedahan, pediatrik, rawatan rapi dan lain-lain seperti di **Jadual 10**.

Penempatan Pegawai Farmasi Wad sepenuh masa terdapat di Hospital Tuanku Jaafar, Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Hospital Port Dickson dan Hospital Tampin. Manakala penempatan Pegawai Farmasi separuh masa di Hospital Jelebu, Hospital Jempol dan Hospital Rembau di wad Multidisplin.

Jadual 10 : Penempatan Pegawai Farmasi di Wad, 2022


Jawatan	Bilangan Wad	Bilangan Pegawai Farmasi		Disiplin Utama
		Sepenuh Masa	Separuh Masa	
Hospital Tuanku Jaafar	37	16	0	Perubatan, Anestesiologi & Rawatan Rapi, Pediatrik, Kecemasan, Pembedahan, Obstetrik & Ginekologi (O&G)
Hospital Tuanku Ampuan Najihah	12	9	1	Perubatan, Anestesiologi & Rawatan Rapi, Pediatrik, Kecemasan
Hospital Port Dickson	7	4	2	Perubatan, Rawatan Rapi, Pediatrik, Multidisiplin
Hospital Tampin	5	2	0	Perubatan, Rawatan Rapi
Hospital Jelebu	6	0	1	Multidisiplin
Hospital Jempol	4	0	1	Multidisiplin
Hospital Rembau	3	0	1	Multidisiplin
Jumlah	**74**	**31**	**6**	

Perkhidmatan Maklumat Ubat-ubatan

Pegawai Farmasi bertanggungjawab menyampaikan maklumat ubat-ubatan serta memberi maklumbalas terhadap isu-isu berkaitan dengan penggunaan ubat-ubatan. Pertanyaan maklumat ubat bukan sahaja diterima daripada anggota kesihatan, malah daripada orang awam dan pesakit. Terdapat pengurangan sebanyak 33.4% dan 24.9% pelaporan berkaitan Adverse Drug Reaction (ADR) dan Adverse Events Following Immunization (AEFI) diterima

di klinik kesihatan dan hospital pada tahun 2022 berbanding tahun 2021. Maklumat pertanyaan maklumat ubat-ubatan dan laporan ADR (2018 - 2022) adalah seperti **Rajah 6**.

Rajah 6 : Bilangan Pertanyaan Ubat-Ubatan dan ADR, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Pertanyaan Hospital	18,112	12,649	6,264	8,797	8,305
Pertanyaan KK	7,361	3,921	3,969	3,696	3,019
ADR Hospital	832	760	662	702	527
ADR KK	500	482	549	996	663

Perkhidmatan Farmasi Pesakit Luar dan Dalam


Pendispensan ubat untuk pesakit luar adalah aktiviti utama yang dijalankan di farmasi hospital dan klinik kesihatan. Pembekalan ubat kepada pesakit dalam dilakukan menggunakan Unit Dose System (UDS). **Rajah 7** dan **Rajah 8** menunjukkan jumlah preskripsi yang diterima di hospital dan kesihatan bagi tahun 2018 - 2022

Rajah 7 : Jumlah Preskripsi Diterima Di Hospital, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Preskripsi Pesakit Luar	730,527	721,433	605,094	575,334	701,544
Preskripsi Pesakit Dalam & Discaj	491,546	513,171	464,797	586,497	544,645
Jumlah Item (Pesakit Luar)	2,541,597	2,698,394	2,035,248	1,980,735	2,355,978
Jumlah Item (Pesakit Dalam & Discaj)	3,191,303	3,389,761	2,716,663	3,113,807	2,712,188

Rajah 8 : Jumlah Preskripsi Diterima Di Kesihatan, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah Preskripsi	2,452,000	2,437,584	2,010,964	1,942,945	2,209,775
Jumlah Item	8,554,605	8,142,821	6,802,464	6,745,348	7,332,368

Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal (Therapeutic Drug Monitoring, TDM)

Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal hanya disediakan di Hospital Tuanku Jaafar yang menerima sampel dari semua fasiliti kesihatan di Negeri Sembilan **Rajah 9** menunjukkan pencapaian perkhidmatan farmakokinetik klinikal.

Rajah 9 : Pencapaian Perkhidmatan Farmakokinetik Klinikal, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Bilangan Kes	1,442	1,572	1,350	1,309	1,418
Bilangan Analisa	3,013	2,832	2,905	3,226	3,453

Perkhidmatan Sediaan Steril


Perkhidmatan sediaan steril meliputi penyediaan nutrisi parenteral, ubat sitotoksik dan admikstur intravena serta penyediaan ubat titis mata/hidung dan telinga.

Rajah 10 : Pencapaian Perkhidmatan Rekonstitusi Ubat Sitotoksik, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Pesakit	915	1,643	2,064	2,059	578
Bil. Sediaan	3,297	6,455	7,934	7,315	6593

Rajah 11 : Pencapaian Perkhidmatan Sediaan Steril, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Sediaan (TPN)	9,938	7,807	6,364	6,385	7,998
Bil. Sediaan (IV Admikstura & Ubat Titis)	14,652	15,504	12,609	11,937	10,277
Bil Kes (TPN)	513	403	570	715	818

Penggunaan Ubat Secara Berkualiti - Pengguna (PUB-P) dan Aktivititi Pendidikan dan Pelindungan Pengguna

Pada tahun 2022, **Rajah 12** menunjukkan sebanyak 456 aktiviti Kenali Ubat Anda dijalankan meliputi Program *Pharmacy Integrated Community Care* (PICC), Duta Prihatin Masyarakat, pameran, ceramah, sesi interaktif fizikal atau dalam talian dengan penyesuaian pelaksanaan secara norma baharu. Semasa tempoh pandemik, sebanyak 24.12% aktiviti Kenali Ubat Anda dilaksanakan secara atas talian.

Rajah 12 : Aktiviti Kenali Ubat Anda, 2022



Gambar 6 : Infografik Wawancara Radio, 2022











Sambutan Hari Farmasi Sedunia dan Kempen Kenali Anda, 2022

Bahagian ini dengan kerjasama Persatuan Farmasi Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan sambutan Hari Farmasi Sedunia Peringkat Kebangsaan dan Kempen Kenali Ubat Anda 2022 di KIPMall Senawang pada 24 September 2022. Majlis perasmian disempurnakan oleh Yang Berusaha Puan Norhaliza binti A Halim, Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Turut hadir adalah Yang Berbahagia Dato' Dr Harlina Abdul Rashid, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan dan wakil Persatuan Farmasi Malaysia dan wakil dari Cawangan Negeri Sembilan.

Hari Farmasi Sedunia disambut pada 25 September setiap tahun dan tema pada tahun 2022 ialah "Pharmacy United in Action for Healthier World". Pelbagai aktiviti dilaksanakan antaranya pameran, saringan kesihatan, senaman kecergasan, pertandingan mewarna, forum kesihatan dan aktivti Duta Prihatan Masyarakat (DPM). Berikut merupakan gambar-gambar aktiviti semasa sambutan tersebut:

Gambar 7 : Sambutan Hari Farmasi Sedunia dan Kempen Kenali Ubat Anda, 2022













CAWANGAN PENGUATKUASAAN FARMASI

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) merupakan salah satu cawangan di bawah Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Sembilan yang menjalankan penguatkuasaan undang-undang seperti berikut:

i. Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya
ii. Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya
iii. Akta Pendaftaran Farmasi 1951 dan Peraturan-peraturannya
iv. Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturannya
v. Akta Dadah Berbahaya 1952

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Sembilan terbahagi kepada empat (4) seksyen iaitu:

i. Seksyen Pelesenan, Pemeriksaan dan Pintu Masuk
ii. Seksyen Perisikan dan Operasi
iii. Seksyen Siasatan dan Pendakwaan
iv. Seksyen Kawalan Iklan dan Perkembangan Penguatkuasaan Farmasi

Selain daripada menjalankan aktiviti penguatkuasaan undang-undang, CPF juga menjalankan aktiviti kesedaran pengguna iaitu penyebaran informasi berkaitan produk berdaftar dan kosmetik bernotifikasi serta pengiklanan produk dan perkhidmatan kesihatan.

PENCAPAIAN AKTIVITI KUALITI PENGUATKUASAAN FARMASI NEGERI SEMBILAN

Berikut adalah pencapaian QAP Cawangan Penguatkuasaan Farmasi untuk 2018 - 2022:

Jadual 11 : Pencapaian QAP Penguatkuasaan Farmasi, 2018 - 2022

Bil.	QAP Indicator	2018	2019	2020	2021	2022
1.	**QAP 1 :** Complaint related to infringement of pharmacy laws verified and responded within 2 weeks	Pencapaian (%)				
		100	100	100	100	100
		Sasaran (%)				
		100	100	100	100	100
2.	**QAP 2 :** Tactical intelligence completed with operation order within 2 months	Pencapaian (%)				
		100	100	100	100	100
		Sasaran (%)				
		95	95	95	95	95
3.	**QAP 3 :** Completion of investigation papers within 4 months	Pencapaian (%)				
		98.1	91.9	92	82	81.25
		Sasaran (%)				
		85	85	85	85	85
4.	**QAP 4 :** Follow-up actions taken after inspection of premises within 3 months	Pencapaian (%)				
		98.5	98.8	99	98	98.52
		Sasaran (%)				
		98	98	98	98	98

Pencapaian QAP pada tahun 2022, secara keseluruhan mencapai sasaran ditetapkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia kecuali satu indikator iaitu QAP 3 *Completion of investigation papers within 4 months.*

Berikut adalah pencapaian KPI Cawangan Penguatkuasaan Farmasi untuk 2018 - 2022.

Jadual 12 : Pencapaian KPI Penguatkuasaan Farmasi, 2018 - 2022

Bil.	KPI	2018	2019	2020	2021	2022
PK1	Peratus pengeluaran lessen / permit baru yang dikeluarkan di bawah Akta Racun 1952 dalam tempoh 7 hari berkerja	Pencapaian (%)				
		99	100	100	100	100
		Sasaran (%)				
		90	90	90	90	90
PK2	Peratus aduan awam mengenai penjualan / pengiklanan produk yang tidak mematuhi undang-undang yang berjaya diambil tindakan penguatkuasaan (serbuan / pemeriksaan) dalam tempoh 60 hari daripada tarikh penerimaan aduan.	Pencapaian (%)				
		TB	TB	0	100	100
		Sasaran (%)				
		100	100	100	70	75
PK3	Peratus kes yang berjaya dalam dalam pendakwaan di mahkamah	Pencapaian (%)				
		97.8	97.4	100	100	97.22
		Sasaran (%)				
		85	95	100	100	100
PK4	Peratus kertas penyiasatan yang berjaya mendapat sanksi / arahan untuk mendakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya	Pencapaian (%)				
		92.6	97.1	100	100	95.12
		Sasaran (%)				
		90	90	90	90	90
PK5	Peratus iklan perubatan yang melanggar undang-undang yang dikuatkuasakan berjaya di ambil tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja	Pencapaian (%)				
		96	92.3	100	93.3	100
		Sasaran (%)				
		90	90	90	70	80
PK6	Peratusan Laporan Pemprofilan yang diambil tindakan dalam tempoh 14 hari bekerja	Pencapaian (%)				
		TB	87.5	100	100	100
		Sasaran (%)				
		TB	70	90	95	95


Pencapaian KPI pada tahun 2022 secara keseluruhan mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia kecuali indikator PK3 Peratus kes yang berjaya dalam pendakwaan di mahkamah.

PENCAPAIAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN FARMASI

a. Pelesenan

Aktiviti ini meliputi pengeluaran Lesen Racun Jenis A, B, E, Permit NaOH (Natrium Hidroksida) dan Permit Psikotropik (Methadone and Burprenorphine) kepada pemohon yang dipertimbangkan layak oleh Pegawai Pelesenan Negeri (lantikan diberikan kepada Pengarah Kesihatan Negeri) di bawah peruntukan Akta Racun 1952 untuk mengendalikan ubat-ubatan dan bahan kimia yang mengandungi bahan-bahan terkawal dalam aktiviti perniagaan.

Rajah 13 : Aktiviti Pengeluaran Lesen Racun dan Permit, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Lesen A	155	215	231	285	305
Lesen B	51	55	50	53	60
Lesen E	0	0	0	0	0
Permit NaOH	93	110	110	118	120
Permit Psikotropik (M/B)	13	14	17	19	16
Permit Psikotropik	2	2	2	2	2

Pada tahun 2022, sebanyak 523 lesen racun dikeluarkan oleh Pegawai Pelesenan Negeri Sembilan. Lesen Racun Jenis A paling banyak dikeluarkan iaitu 305 diikuti oleh 120 Permit Sodium Hydroxide, 60 Lesen Racun Jenis B, 16 Permit Psikotropik (Methadone and Buprenorphine) dan 2 Permit Psikotropik untuk kegunaan industri.

Lesen Racun Jenis A dikeluarkan kepada ahli farmasi swasta yang berdaftar di bawah Lembaga Farmasi Malaysia yang ingin menjalankan perniagaan farmasi secara runcit, borong atau borong dan runcit. Lesen Racun Jenis B pula dikeluarkan kepada mana-mana yang layak untuk mengimport, menyimpan dan menjual secara borong 'racun' (bahan kimia yang disenaraikan di bawah Akta Racun 1952) seperti syarat-syarat yang dinyatakan sewaktu permohonan lesen tersebut. Permit Membeli, Menyimpan dan Mengguna Natrium Hidroksida dikeluarkan kepada mana-mana individu untuk membeli, menyimpan dan mengguna Natrium Hidroksida yang kepekatannya tidak kurang daripada 12%.

Permit Psikotropik (Methadone and Burprenorphine) dikeluarkan untuk mengawal pembelian dan penggunaan Methadone dan Buprenorphine bagi tujuan rawatan terapi gantian dadah jenis opiod oleh pengamal perubatan swasta. **Rajah 14** menunjukkan bilangan pemegang lesen dan permit di dalam Negeri Sembilan dari tahun 2018 hingga 2022.

Rajah 14 : Bilangan Pemegang Lesen dan Permit, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Lesen A	153	170	194	231	236
Lesen B	51	46	47	47	48
Permit NaOH	93	100	97	99	107
Permit Psikotropik Industri	2	2	2	2	2
Permit Psikotropik Methadone	13	12	13	14	11

b. Pemeriksaan


Aktiviti pemeriksaan dijalankan ke atas premis-premis yang mengendalikan ubat-ubatan atau bahan-bahan kimia seperti yang disenaraikan di dalam Senarai Racun, Akta Racun 1952. Selain itu, aktiviti pemeriksaan juga dilakukan bagi menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturannya, Akta Pendaftaran Farmasi 1951 dan Peraturan-peraturannya, serta Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 dan Peraturan-peraturannya. Secara keseluruhan, 817 pemeriksaan dijalankan pada tahun 2022. **Jadual 13** memperincikan bilangan pemeriksaan premis mengikut kategori.

Jadual 13 : Aktiviti Pemeriksaan Premis Berlesen / Berdaftar / Tidak Berlesen, 2018 - 2022

Jenis Premis	2018	2019	2020	2021	2022
Premis Berlesen	**300**	**331**	**331**	**363**	**377**
Farmasi (Runcit sahaja / Borong sahaja / Runcit dan Borong / Pengilang / Veterinar)	134	154	164	192	200
Lesen Racun Jenis B	53	56	49	49	50
Lesen Racun Jenis E	0	0	0	0	0
Permit NaOH	99	106	99	103	110
Permit Psikotropik (Methadone dan Buprenorphine)	12	13	17	17	15
Permit Psikotropik (Industri)	2	2	2	2	2
Premis Berdaftar	**166**	**166**	**118**	**160**	**162**
Klinik Perubatan	115	188	80	119	125
Klinik Pergigian	31	30	25	24	26
Klinik Haiwan	14	9	7	10	5
Hospital Swasta	6	9	6	7	6
Premis Tidak Berlesen	**381**	**362**	**284**	**361**	**364**
Kedai Runcit/ Kedai Ubat/ Pasar Mini/ Supermarket	327	212	231	310	293
Pengamal TCM	7	1	5	3	4
Premis Lain	36	148	46	36	48
Salun Kecantikan/ SPA / Aromatherapy / Pusat Rawatan Rambut	11	1	2	12	19
Lesen Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) (Lesen Borong / Lesen Pengimport / Lesen Pengilang)	**22**	**19**	**12**	**16**	**14**


Carta 1 menunjukkan pecahan pemeriksaan terbanyak dijalankan melibatkan premis berlesen dan premis tidak berlesen iaitu sebanyak 41% dan 40%.

Carta 1 : Pecahan Pemeriksaan Premis Mengikut Jenis Premis, 2022



Rajah 15 menunjukkan perbandingan bilangan pemeriksaan premis mengikut jenis premis yang dilakukan pada 2018 - 2022.

Rajah 15 : Bilangan Pemeriksaan Premis Berlesen Mengikut Jenis Premis, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Farmasi	134	154	164	192	200
Lesen B	53	56	49	49	50
Permit NaOH	99	106	99	103	110
Permit Psikotropik	12	13	17	17	17
Bilangan Premis Berlesen	300	331	331	363	377

c. Saringan di Pintu Masuk

Terdapat satu pintu masuk di dalam Negeri Sembilan iaitu Jeti CIQ Port Dickson mula beroperasi sejak tahun 2016, dengan menerima kemasukan penumpang feri dari Dumai, Indonesia. Cawangan Penguatkuasaan Farmasi membantu pihak Kastam DiRaja Malaysia dalam membuat saringan bagasi penumpang untuk memastikan tiada kemasukan ubat atau produk kesihatan tidak berdaftar ke Malaysia.

Rajah 16 menunjukkan bilangan bagasi penumpang yang dirujuk oleh pihak Kastam DiRaja Malaysia mengikut tahun. Pada tahun 2021, tiada penumpang yang dirujuk direkodkan disebabkan penutupan pintu sempadan ekoran daripada pandemik COVID-19. Pada tahun 2022, sebanyak 40 orang penumpang dirujuk oleh pihak Kastam Di Raja Malaysia kerana disyaki membawa ubat terlarang melalui Jeti Penumpang Port Dickson.

Rajah 16 : Bilangan Penumpang yang Dirujuk oleh Pihak Kastam Di Raja Malaysia, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Bilangan Penumpang Dirujuk	50	47	7	0	40

d. Serbuan

Berikut adalah taburan pencapaian bagi aktiviti serbuan yang melibatkan premis dan sasaran di dalam Negeri Sembilan.

Jadual 14 : Aktiviti Serbuan, 2018 - 2022

Bil.	Jenis Aktiviti	2018	2019	2020	2021	2022
1.	Bilangan Serbuan	60	60	53	55	60
2.	Bilangan Perkara Dirampas	906	1,685	863	1,000	1,220
3.	Nilai rampasan keseluruhan (RM)	1,240,839	5,014,306	157,450	524,660	757,468


Operasi serbuan dijalankan berdasarkan aduan atau maklumat yang disahkan. Berikut adalah pecahan nilai rampasan mengikut kategori produk.

Jadual 15 : Jumlah Nilai Rampasan Mengikut Produk, 2018 - 2022

Bil.	Kategori Produk	Nilai Rampasan (RM)				
		2018	2019	2020	2021	2022
1.	Produk Racun	209,414	4,280,823	28,111	86,944	46,604
2.	Produk *Over the Counter* (OTC)	77,460	42,018	25,341	63,020	76,745
3.	Produk Tradisional	98,103	269,094	67,423	342,312	192,525
4.	Produk Kosmetik	654,729	31,978	20,439	6689	6,915
5.	Minuman / Makanan / Bahan Mentah	200,433	331,822	6,499	13,765	59,200
6.	Lain-lain	-	-	-	-	312,450


Nilai tertinggi rampasan pada tahun 2022, melibatkan cecair rokok elektronik, diikuti oleh produk tradisional dan produk *Over the Counter* (OTC).

Carta 2 : Pecahan Rampasan Mengikut Jenis Produk, 2022



Rajah 17 menunjukkan perbandingan nilai rampasan bagi aktiviti serbuan, serahan sewaktu pemeriksaan dan serahan sewaktu saringan bagasi di pintu masuk.

Rajah 17 : Jumlah Nilai Rampasan Aktiviti Serbuan, Pemeriksaan dan Pintu Masuk, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Pemeriksaan	47,075.00	9,840.00	47,075.00	13,434.00	4,833.00
Pintu Masuk	21,971.00	2,460.00	164.00	0.00	9,644.00
Serbuan	1,240,839.00	5,014,306.00	157,458.00	524,660.00	757,468.00

Jumlah nilai rampasan aktiviti serbuan bagi tahun 2022 menunjukkan peningkatan ketara berbanding dua tahun sebelumnya. Trend peningkatan berkemungkinan kerana premis perniagaan telah kembali beroperasi secara fizikal dan penguatkuasaan undang-undang dijalankan dengan lebih giat berbanding semasa tempoh pandemik COVID-19. Begitu juga dengan nilai rampasan di pintu masuk, meningkat dengan mendadak selepas pintu masuk Malaysia dibuka kembali selepas tamat tempoh PKP.

e. Siasatan

Siasatan kes dilakukan bagi mengumpulkan keterangan mengenai kesalahan dilakukan oleh tertuduh sewaktu operasi serbuan atau penguatkuasaan dilakukan. **Rajah 18** menunjukkan bilangan kertas siasatan baru yang dibuka mengikut tahun.


Rajah 18 : Bilangan Kes Siasatan Baru Dibuka, 2018 - 2022



	2018	2019	2020	2021	2022
Bil Kes Siasatan	55	59	42	47	53

Sebanyak 53 kes siasatan baru dibuka pada tahun 2022. Siasatan pada tahun 2022 melibatkan dua kes siasatan iklan dan 51 kes siasatan serbuan premis.

Rajah 19 : Bilangan Kesalahan mengikut Akta Farmasi, 2018 - 2022




	2018	2019	2020	2021	2022
Akta Jualan Dadah 1952	49	47	33	44	56
Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956	2	4	2	3	2
Akta Racun 1952	10	8	7	14	20

Rajah 19 menunjukkan pecahan kes siasatan mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan dari tahun 2018 hingga tahun 2022. Kesalahan di bawah Akta Jualan Dadah 1952 masih menjadi kesalahan utama yang disiasat oleh Bahagian ini.

Kesalahan ini melibatkan penjualan produk-produk tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan kosmetik-kosmetik tidak bernotifikasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebanyak 14 kes siasatan dijalankan pada tahun 2022, melibatkan gabungan pelanggaran undang-undang kedua-dua Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952.

Carta 3 : Pecahan Siasatan Mengikut Kesalahan Di Bawah Akta Farmasi, 2022



Kebanyakan kes disiasat adalah kes melibatkan produk-produk tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan kosmetik-kosmetik yang tidak bernotifikasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebanyak 14 kes siasatan dijalankan pada tahun 2022 melibatkan gabungan pelanggaran undang-undang kedua-dua Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952, lima kes melibatkan Akta Racun 1952 dan dua kes di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.

f. Kawalan Iklan

Salah satu aktiviti utama Cawangan adalah menguatkuasakan keperluan undang-undang di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Akta 290). Akta 290 bertujuan mengawal pengiklanan yang berkaitan hal-hal perubatan dan mengawalselia penjualan bahan-bahan yang disyorkan sebagai ubat. Maka, setiap pengiklanan ubat-ubatan atau perihal yang berkaitan dengan perubatan seperti perkhidmatan perubatan perlulah mematuhi Akta 290. Cawangan ini memantau iklan-iklan perkhidmatan perubatan dan ubat-ubatan di semua jenis media seperti:


i. Media cetak: majalah, akhbar tempatan dan perdana, majalah, risalah bercetak, poster dan lain-lain jenis cetakan promosi di premis tumpuan jualan.
ii. Media elektronik: papan tanda elektronik, siaran televisyen, siaran radio.
iii. Media baharu: laman sosial, platform e-dagang, blogspot dan lain-lain.

Tumpuan saringan iklan produk perubatan tertumpu kepada produk-produk perubatan atau produk kesihatan mempunyai tuntutan perubatan untuk mempromosikan produk seperti ubat-ubatan berdaftar, produk makanan, kosmetik, peranti perubatan dan iklan perkhidmatan. Saringan dilakukan ke atas iklan-iklan produk disyaki tidak berdaftar dan produk diiklankan dengan tuntutan melampau bagi melindungi kesihatan orang awam. Pada tahun 2022, sebanyak 707 iklan yang perkhidmatan dan produk kesihatan disaring dan dua kes siasatan dibuka kerana disyaki melanggar Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956. Sebanyak 78% saringan iklan dijalankan secara dalam talian melibatkan platform-platform media sosial dan platform e-dagang kerana peningkatan kewujudan dan penggunaan aplikasi-aplikasi dalam talian memudahkan akses orang awam dan menjalankan aktiviti jual beli.

Jadual 16 : Aktiviti Pemonitoran Ke Atas Iklan Perubatan, 2018 - 2022

Aktiviti	2018	2019	2020	2021	2022
Bilangan iklan perubatan yang disaring	391	443	533	925	707
Bilangan siasatan kes kesalahan iklan perubatan	1	4	2	3	2

Carta 4 : Pecahan Saringan Iklan Perubatan Mengikut Media, 2022



g. Aktiviti Kesedaran *Stakeholder*

Pada 1 April 2022, kerajaan Malaysia mengumumkan Fasa Peralihan ke Endemik iaitu aktiviti di tempat-tempat awam boleh dilaksanakan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Banyak aktiviti pendidikan kepada orang awam dilaksanakan secara bersemuka dengan melaksanakan SOP mengikut prosedur yang digariskan oleh MKN. Tumpuan pendidikan dan kesedaran pada tahun 2022, tertumpu kepada penggunaan secara selamat dan waspada dengan iklan produk perubatan.

Berikut adalah aktiviti-aktiviti kesedaran *stakeholder* di **Jadual 17** dan aktiviti pameran, ceramah dan dialog dengan stakeholder pada **Jadual 18** yang dijalankan sepanjang tahun 2022.

Jadual 17 : Aktiviti Kesedaran yang Dijalankan, 2022

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1.	Aktiviti ceramah kepada *stakeholders*	7
2.	Aktiviti dialog dengan *stakeholders*	4
3.	Aktivtii pameran kepada *stakeholders*	6
4.	Sesi rundingcara bersama-sama *stakeholders*	30
5.	Penceramah jemputan oleh agensi lain	4

Jadual 18 : Aktiviti Pameran, Ceramah dan Dialog dengan *Stakeholder*, 2022

Bil.	Tarikh	Nama Program / Aktiviti	Tajuk Ceramah / Artikel	Nama Tempat
1.	19 Mac 2022	AGM, MPS Negeri Sembilan	Updates Aktiviti Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Sembilan	Palm Hotel, Seremban
2.	4 Jun 2022	Program Kesihatan Sambutan Hari Kanser PKD Port Dickson	Ubat-ubatan Selamat	Surau D'Ambang Kota, Port Dickson
3.	19 Ogos 2022	Latihan kepada PF dan PPD Mengenai Label Keselamatan Hologram	Perundangan Farmasi	Dewan Merbau, JKNNS
4.	19 Ogos 2022	Wawancara Facebook Live JKNNS	Bahaya Ubat Kuat	FB live, JKNNS
5.	24 September 2022	Hari Farmasi Sedunia Peringkat Kebangsaan	Ubat Kuat	KIP Mall, Senawang
6.	26 November 2022	Bincang Sihat 2022	Ubat vs Supplement	Dewan Menara, MAINS
7.	5 Disember 2022	Sesi Bersama Pemegang Permit Bahan Psikotropik N.Sembilan	Penemuan Dalam Pemeriksaan Premis Berdaftar Dengan Permit Bahan Psikotropik	Bilik Mesyuarat Berlian, JKNNS

Gambar 8 : AGM, MPS Negeri Sembilan



Gambar 9 : Wawancara Facebook Live JKNNS





Gambar 10 : Bincang Sihat 2022



Gambar 11 : Sesi Bersama Pemegang Permit Bahan Psikotropik N.Sembilan, 2022





KESIMPULAN

Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Negeri Sembilan sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan farmasi yang terbaik sejajar dengan misi dan visi Bahagian, Jabatan Kesihatan Negeri dan Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia.

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

PENGENALAN

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan bertanggungjawab dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai aktiviti keselamatan dan kualiti makanan bagi melindungi masyarakat daripada bahaya-bahaya kesihatan yang berpunca daripada pencemaran makanan dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan.

Program ini merangkumi aktiviti-aktiviti utama seperti Pensijilan, Pelesenan dan Pembangunan Industri Makanan, Komunikasi dan Kepenggunaan, Survelan Makanan, Pematuhan dan Kawalan Makanan Domestik, Import dan Eksport, Penguatkuasaan Akta Makanan 1983, Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) diketuai oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan) dan mempunyai empat unit iaitu:

- Unit Industri Makanan, Komunikasi dan Kepenggunaan
- Unit Surveilan Makanan
- Unit Pematuhan Makanan
- Unit Pengurusan

VISI

Peneraju kawalan keselamatan dan kualiti makanan negara.

MISI

Memperkasakan kawalan keselamatan dan kualiti makanan di sepanjang rantaian bekalan makanan melalui akauntabiliti bersama pemegang taruh bagi memastikan rakyat mendapat makanan yang selamat dan berkualiti.

OBJEKTIF

Melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan serta mempermudahkan perdagangan makanan melalui:

- Pengukuhan dasar dan perundangan keselamatan dan kualiti makanan.
- Pengukuhan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan ke atas makanan import, domestik dan premis makanan bagi memastikan kepatuhan terhadap perundangan makanan negara.
- Pengukuhan kawalan makanan eksport.
- Pemantapan intervensi dalam menangani isu dan cabaran keselamatan makanan.
- Penggunaan sains dan teknologi baharu dalam penghasilan maklumat keselamatan dan kualiti makanan berasaskan bukti saintifik.
- Pemerkasaan keupayaan komunikasi dan pendidikan berhubung keselamatan dan kualiti makanan.
- Pemerkasaan industri makanan dan pengguna dalam pembudayaan keselamatan dan kualiti makanan.
- Pemantapan kolaborasi dengan semua pemegang taruh di dalam dan luar negara bagi melindungi kepentingan negara berkaitan keselamatan dan kualiti makanan.

Pelaksanaan aktiviti keselamatan dan kualiti makanan sepanjang 2022 di lapangan dilaksanakan oleh anggota di BKKM JKNNS dan di Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan (UKKM) di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Seremban, PKD Kuala Pilah, PKD Tampin, PKD Port Dickson, PKD Jempol, PKD Jelebu dan PKD Rembau.

PENCAPAIAN AKTIVITI

PENSAMPELAN MAKANAN

Pensampelan makanan merupakan salah satu aktiviti utama dalam Program Keselamatan dan Kualiti Makanan. Tujuan pensampelan makanan adalah untuk memastikan makanan yang disediakan dan/atau dijual mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Aktiviti pensampelan makanan melibatkan beberapa parameter analisis berikut:

i. Kimia
ii. Fizikal
iii. Mikrobilogi
iv. Bioteknologi
v. Radioaktif

Jadual 1 menunjukkan bilangan pensampelan makanan mengikut parameter analisis berdasarkan pelan tindakan dari Cawangan Pematuhan Domestik, Ibu Pejabat Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Secara keseluruhannya, sebanyak 459 jumlah sampel disasarkan pada tahun 2022. Jumlah sampel dan jenis parameter yang disasarkan bergantung kepada kajian *trend* pelanggaran serta pemantauan berkala pada tahun-tahun sebelumnya yang dijalankan oleh pihak Ibu Pejabat.

Jadual 1 : Bilangan Sasaran Pensampelan Makanan Mengikut Parameter Analisis bagi Negeri Sembilan, 2018 - 2022

Parameter	2018	2019	2020	2021	2022
Kimia	232	122	162	301	294
Fizikal	18	389	332	6	33
Mikrobiologi	106	6	1	173	157
Bioteknologi	7	0	0	4	8
Radioaktif	34	13	0	0	0
Jumlah	**397**	**530**	**495**	**484**	**459**

Jadual 2 menunjukkan pencapaian pensampelan makanan mengikut daerah yang melibatkan sampel pematuhan domestik berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan dan sampel-sampel lain iaitu sampel pemantauan dapur hospital, sampel aduan, sampel pelesenan Mesin Jual Air (MJA), sampel pelesenan Air Mineral Semulajadi (AMS), sampel pelesenan Air Minuman Berbungkus (AMB), sampel eksport, sampel keracunan makanan dan lain-lain sampel yang diarahkan dari masa ke semasa, bergantung kepada isu/ krisis semasa. Pada tahun 2022, peratus pencapaian pensampelan makanan yang diambil melebihi sasaran iaitu sebanyak 119.2%. Hal ini berikutan terdapat tambahan pengambilan sampel seperti permohonan baru bagi pensampelan MJA, AMS dan AMB serta lain-lain keperluan seperti yang dinyatakan di atas.

Jadual 2 : Peratus Pencapaian Pensampelan Makanan Mengikut Daerah, 2018 - 2022

Daerah	2018			2019			2020			2021			2022		
	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%
Seremban	96	810	843.6	120	836	697	88	744	845	89	509	572	60	71	118
K.Pilah	46	173	376.1	59	163	276	84	172	205	71	126	178	56	62	110.7
Tampin	44	68	154.5	63	112	178	96	110	115	62	101	163	54	60	111
P.Dickson	48	159	331.3	84	215	256	100	2,104	2,104	84	434	517	60	89	148
Jempol	67	105	156.8	83	140	169	90	124	138	79	135	171	62	71	114.5
Jelebu	55	58	105.5	63	80	127	65	92	142	49	92	188	47	50	106.4


Daerah	2018			2019			2020			2021			2022		
	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%	Sasaran	Sampel diambil	%
Rembau	41	66	160.8	58	79	136	37	77	208	50	56	112	43	56	130
Jumlah	**397**	**1,439**	**362.5**	**530**	**1,625**	**307**	**495**	**3,423**	**692**	**484**	**1,453**	**300**	**385**	**459**	**119.2**

Jadual 3 dan **Rajah 1** menunjukkan peratus pelanggaran sampel makanan mengikut daerah. Pada tahun 2022, peratus pelanggaran sampel makanan adalah sebanyak 2.6% seperti tahun sebelumnya.

Jadual 3 : Peratus Pelanggaran Sampel Makanan Mengikut Daerah, 2018 - 2022

Tahun	Daerah	Seremban	K.Pilah	Tampin	P.Dickson	Jempol	Jelebu	Rembau	Jumlah
2018	Bil. Keputusan Diterima	215	148	68	159	78	58	49	**775**
	Keputusan Melanggar	3	31	6	6	1	4	0	**51**
	% Melanggar	1.4%	20.94%	8.82%	3.77%	1.3%	6.9%	0%	**6.6%**
2019	Bil. Keputusan Diterima	784	139	112	216	140	80	79	**1,550**
	Keputusan Melanggar	9	32	0	16	5	5	3	**70**
	% Melanggar	1. %	23%	0%	7.4%	3.6%	6.25%	3.8%	**4.5%**
2020	Bil. Keputusan Diterima	239	74	30	2,049	62	41	26	**2,521**
	Keputusan Melanggar	3	0	6	13	0	5	3	**30**
	% Melanggar	1.3%	0%	20%	0.6%	0%	12.2%	11.5%	**1.2%**
2021	Bil. Keputusan Diterima	509	126	101	434	135	92	56	**1,453**
	Keputusan Melanggar	3	1	4	19	4	5	2	**38**
	% Melanggar	0.6%	0.8%	4%	4.4%	3%	5.4%	3.6%	**2.6%**
2022	Bil. Keputusan Diterima	71	62	60	89	71	50	56	**459**
	Keputusan Melanggar	0	0	6	0	0	3	3	**12**
	% Melanggar	0%	0%	10%	0%	0%	6%	5.4%	**2.6%**

Rajah 1 : Peratus Pelanggaran Sampel Makanan Mengikut Daerah, 2022



Jadual 4 menunjukkan pencapaian tindakan mahkamah bagi kes pelanggaran sampel makanan. Bagi tahun 2022, sebanyak 12 sampel telah melanggar, iaitu tujuh daripadanya diambil tindakan pendakwaan. Baki lima sampel yang tidak diambil tindakan pendakwaan adalah merupakan sampel pemantauan. Hasil kutipan bagi kes pendakwaan ialah sebanyak **RM5,900.**

Jadual 4 : Pencapaian Tindakan Mahkamah bagi Sampel Melanggar, 2018 - 2022

Perkara	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. sampel diambil	1,439	1,625	3,428	1453	480
Bil. pelanggaran	51	70	30	38	12
Bil. denda (mahkamah)	4	11	9	17	7
Jumlah Kutipan (RM)	**11,100**	**31,400**	**5, 500**	**13,400**	**5,900**

NOTIFIKASI ALERT MAKANAN

Pada tahun 2022, sebanyak empat (4) notifikasi *alert* dihantar oleh JKN Negeri Sembilan ke Ibu Pejabat PKKM, berdasarkan pelanggaran sampel produk makanan yang dikenal pasti dan produk makanan tersebut tertakluk dalam kriteria notifikasi *alert* makanan. Berikut adalah senarai notifikasi seperti ditunjukkan di dalam **Jadual 5.**

Jadual 5. Senarai Notifikasi *Alert* ke Ibu Pejabat KKM, 2022

Bil.	Nama Produk	Kesalahan	Peruntukan
1.	Mix Lemon Powder Drink with Tea Polyphenols (Health & Health Marketing Sdn. Bhd)	Mengandungi Tadalafil	Seksyen 13 (1), Akta Makanan 1983
2.	Jus Tuan Haji 1921 (1921)	Mengandungi Dexamathasone	Seksyen 13 (1), Akta Makanan 1983
3.	Soybean (Huron Commodities Inc.)	Tidak melabelkan makanan melalui kaedah bioteknologi moden	Peraturan 11 (7), PPM 1985
4.	Crunch Peach (Golden Eagle)	Mengandungi Siklamat	Seksyen 13B (2), Akta Makanan 1983

AKTIVITI PEMERIKSAAN PREMIS OUTLET MAKANAN


Aktiviti pemeriksaan premis outlet makanan juga merupakan salah satu aktiviti utama yang dijalankan di bawah Program Keselamatan dan Kualiti Makanan. Premis outlet makanan yang diperiksa termasuk restoran, gerai, penjaja, kantin, dapur dan kenderaan saji (*food truck*). Aktivti ini dijalankan secara rutin atau bersepadu bersama pihak inter-agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Sehingga Disember 2022, jumlah premis makanan yang berdaftar dalam sistem *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM) adalah sebanyak 9,068 premis.

Jadual 6 menunjukkan pencapaian pemeriksaan dan penutupan premis makanan. **Rajah 2** pula menunjukkan tahap kebersihan premis makanan di Negeri Sembilan. Bagi tahun 2022, sebanyak 4,642 premis diperiksa dan semua mencapai tahap kebersihan melebihi markah 60%. Daripada 4,642 premis yang diperiksa, hanya 27 premis diarah tutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

Jadual 6 : Perbandingan Pemeriksaan dan Penutupan Premis Makanan Mengikut Daerah, 2018 - 2022

Daerah	2018			2019			2020			2021			2022		
	Periksa	< 60%	Tutup	Periksa	<60%	Tutup	Periksa	<60%	Tutup	Periksa	<60%	Tutup	Periksa	<60%	Tutup
Seremban	1,847	12	74	1,968	12	51	824	2	20	885	0	1	1,449	17	15
K.Pilah	843	0	3	1,012	0	5	408	0	3	461	0	0	564	2	2
Tampin	850	1	3	714	0	7	570	0	0	679	0	0	634	0	0
P.Dickson	984	4	16	1,223	2	15	590	0	12	565	0	0	495	2	2
Jempol	575	1	11	748	0	7	972	1	2	485	0	0	453	9	9
Jelebu	635	1	2	693	0	0	405	0	3	283	0	0	535	0	0
Rembau	652	1	2	681	0	1	619	0	2	206	0	1	512	1	1
Jumlah	**6,179**	**28**	**140**	**6,646**	**17**	51	**6,631**	**3**	**85**	**3,564**	**0**	**2**	**4,642**	**31**	**27**

Rajah 2 : Tahap Kebersihan Premis Makanan di Negeri Sembilan, 2018 - 2022



Pelbagai kesalahan berkaitan kebersihan premis makanan boleh dikenakan tindakaan penguatkuasaan seperti yang termaktub di dalam Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009.

Jadual 7 menunjukkan pencapaian pengeluaran Notis 32B bagi kesalahan di bawah PPKM 2009. Bagi tahun 2022, sebanyak 1,726 bilangan Notis 32B dikeluarkan, 1,169 daripadanya ditawarkan kompaun. Baki 557 Notis masih dalam proses mendapat izin kompaun daripada Timbalan Pendakwa Raya. Hasil kutipan kompaun ditawarkan sebanyak **RM242,795.**

Jadual 7 : Pencapaian Pengeluaran Notis 32B di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan (PPKM) 2009, 2018 - 2022

Perkara	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Notis 32 Dikeluarkan	1,136	1,771	1,018	372	1,726
Bil. Kompaun	605	1,207	264	346	1,169
Jumlah Kompaun Dibayar (RM)	**24,260**	**219,233.50**	**27, 845**	**51, 630**	**242, 795**

AKTIVITI PENYITAAN MAKANAN

Aktiviti rampasan dan penyitaan makanan dilakukan bagi makanan yang tidak mematuhi Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya seperti di **Jadual 8**:

Jadual 8 : Aktiviti Penyitaan Makanan

Perkara	2018	2019	2020	2021	2022
Bilangan operasi	73	133	326	40	70
Nilai rampasan (RM)	**26,665.45**	**33,206.75**	**7,381.91**	**32, 222.59**	**41,819.67**

Jadual 9 menunjukkan pencapaian pengeluaran Notis 32B bagi kesalahan di bawah PPM (Pengkompaunan Kesalahan) 2017. Pada tahun 2022, sebanyak 33 bilangan notis 32B dikeluarkan, iaitu 30 daripadanya ditawarkan kompaun. Baki tiga notis masih dalam proses mendapat izin kompaun daripada Timbalan Pendakwa Raya (TPR). Hasil kutipan kompaun ditawarkan sebanyak **RM98,875.**

Jadual 9 : Pencapaian Pengeluaran Notis 32B di bawah Peraturan-Peraturan Makanan (Pengkompaunan Kesalahan) 2017, 2018 - 2022

Perkara	2018	2019	2020	2021	2022
Bil. Notis 32 Dikeluarkan	4	18	16	10	33
Bil. Kompaun	4	17	13	6	30
Jumlah Kompaun Dibayar (RM)	**12,000**	**41,300**	**25,500**	**18,000**	**98,875**

PEMERIKSAAN KANTIN SEKOLAH DAN DAPUR ASRAMA

Pemeriksaan kantin dan dapur asrama sekolah dijalankan bagi memastikan kebersihan dan keselamatan makanan di kantin dan dapur asrama sekolah adalah baik dan memuaskan. Pencapaian dan gred yang dicapai bagi pemeriksaan tahun 2018 hingga 2022 adalah di **Jadual 10**.

Jadual 10 : Pengredan Kantin Sekolah dan Dapur Asrama

Kategori Premis	2018	2019	2020	2021	2022
Kantin Sekolah					
Gred A	191	194	177	135	264
Gred B	224	229	119	85	278
Gred C	35	26	17	5	84
Tiada Gred	0	0	0	0	31
Dapur Asrama					
Gred A	56	49	40	31	69
Gred B	15	17	29	11	33
Gred C	1	5	3	0	4
Tiada Gred	0	0	0	0	3

PENGURUSAN ADUAN


Selain aktiviti pemeriksaan premis dan pensampelan makanan, aktiviti di dalam PKKM merangkumi juga siasatan aduan dari segi keselamatan makanan atau premis makanan. Siasatan aduan merangkumi semua aspek keselamatan makanan daripada penerimaan bahan mentah makanan sehingga makanan siap dimakan. Siasatan aduan perlu dilaksanakan untuk memastikan aduan diterima berasas dan memastikan makanan dibekalkan kepada pengguna adalah selamat dan bebas daripada ancaman kesihatan.

Pada tahun 2022, terdapat 89 aduan diterima dalam kategori biasa dan diselesaikan dalam tempoh 15 hari seperti yang ditetapkan dalam piagam pelanggan. **Jadual 11** menunjukkan pecahan aduan yang diterima dan **Rajah 3** menunjukkan *trend* bilangan aduan diterima dari tahun 2018 sehingga 2022. Terdapat peningkatkan aduan yang diterima dan kebanyakannya disebabkan oleh aduan premis makanan yang kotor. Hasil tinjauan mendapati kebanyakan premis mula beroperasi secara aktif selepas pandemik Covid-19 dan kekurangan latihan pengendali makanan menjadikan pengendali makanan tidak peka dengan penyediaan makanan bersih dan menjaga persekitaran kedai masing-masing.

Jadual 11 : Bilangan Pecahan Aduan Mengikut Kategori, 2022

Kategori Aduan	Bilangan Aduan
Benda Asing	11
Kebersihan Premis Makanan	41
Keracunan Makanan	4
Makanan Rosak	9
Pencemaran Makanan	4
Pelabelan Makanan	2
Makanan Tamat Tempoh	5
Lain-Lain	13
Jumlah	**89**

Rajah 3 : Bilangan Aduan yang Diterima Mengikut Kategori, 2018 - 2022



PROGRAM PENGIKTIRAFAN BERSIH, SELAMAT DAN SIHAT (BeSS)

Pengiktirafan “Bersih, Selamat dan Sihat” atau BeSS adalah satu pengiktirafan yang diberikan kepada pengusaha premis makanan bagi menggalakkan pengusaha premis makanan menyediakan makanan yang selamat dan sihat kepada pelanggan sekaligus dapat meningkatkan pendapatan mereka dan tahap kebersihan serta keselamatan makanan di premis.

Pengiktirafan idiberikan secara percuma dan pengusaha makanan perlu memenuhi empat kriteria berikut untuk mendapat pengiktirafan BeSS:

- Premis makanan adalah bersih dan mendapat markah pemeriksaan premis makanan melebihi 86%.
- Menyediakan makanan yang selamat.
- Menyediakan makanan yang sihat.
- Menyediakan makanan dalam saiz hidangan yang betul mengikut keperluan individu.

Pengiktirafan BeSS diberikan kepada premis makanan mematuhi kedua-dua komponen iaitu komponen keselamatan makanan dan komponen pemakanan seperti yang dinyatakan di dalam garis panduan Pengiktirafan "Bersih, Selamat dan Sihat".

Sebanyak 46 premis makanan merangkumi premis gerai makanan Fasiliti Kerajaan, Fasiliti Swasta, Kantin Sekolah dan Dewan Makan Asrama telah berjaya mendapat pengiktirafan premis makanan BeSS sehingga Disember 2022.

Jadual 12 menunjukkan bilangan pemegang sijil BeSS mengikut jenis premis makanan yang mendapat pengiktirafan BeSS pada tahun 2022.

Jadual 12 : Pemegang Sijil BeSS Mengikut Jenis Premis di Negeri Sembilan, 2022

Bil.	Jenis Premis	Bilangan Premis
1.	Fasiliti Kerajaan (Kafeteria / Dapur / Kantin)	12
2.	Fasiliti Swasta (Hentian Rehat dan Rawat / Kafeteria / Dapur / Kantin / Restoren / Gerai Makan / Medan selera / *Food Truck*)	18
3.	Sekolah (Dewan Makan Asrama / Kantin)	16
	Jumlah	**46**

PENDAFTARAN *MYFOOD TAG*

Pendaftaran *MyFood Tag* adalah sebagai satu mekanisma pengukuhan kawalan keselamatan makanan dan kebolehkesanan di sepanjang rantaian bekalan makanan. Antara peringkat rantaian makanan yang terlibat adalah peringkat gudang dan pusat pengumpulan, peringkat pengangkutan, peringkat pengilaangan dan peringkat peruncitan. Fokus akan diberikan terhadap keselamatan makanan di *check point/*peringkat rantaian tertentu di sepanjang rantaian bekalan makanan.

Premis makanan di *check point/* peringkat rantaian bekalan makanan yang memenuhi kriteria keselamatan makanan ditetapkan akan diberikan pengiktirafan melalui pemberian nombor pendaftaran *MyFood Tag*. Sehingga Disember 2022 sebanyak 46 pendaftaran *MyFood Tag* berjaya didaftarkan mengikut kategori komoditi makanan seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13 : Pendaftaran MyFood Tag Mengikut Kategori Komoditi Makanan di Negeri Sembilan, 2022

Bil.	Nama Syarikat	Peringkat Rantaian Makanan	Kategori Komoditi Makanan	Bilangan Pendaftaran Mengikut Peringkat Rantaian
1.	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd. (Cawangan Bahau)	Pemprosesan	Ais	1
2.	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd. (Cawangan Bahau)	Pengangkutan	Ais	6
3.	Seremban Ice Cube Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Ais	1

Bil.	Nama Syarikat	Peringkat Rantaian Makanan	Kategori Komoditi Makanan	Bilangan Pendaftaran Mengikut Peringkat Rantaian
4.	Seremban Ice Cube Sdn. Bhd.	Pengangkutan	Ais	5
5.	Hokto Malaysia Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Sayur-sayuran dan Hasil Sayur-sayuran (Mushroom)	1
6.	PK Agro-Industrial Products (M) Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Daging dan hasil daging Ikan dan hasil ikan Telur dan hasil telur Sup dan stok SOP	1
7.	Pan Asian Dairies Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Susu dan hasilan susu	1
8.	Heuliez (M) Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Lemak makan dan minyak makan	1
9.	Hallmark Beverage Industry Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Minuman ringan	1
10.	Deqyoung Vision Enterprise	Pemprosesan	Pelbagai (kekacang bersalut)	1
11.	Seremban Ice Cube Sdn. Bhd. (Cawangan Bahau)	Pemprosesan	Ais	1
12.	Harolds Bread (Factory) Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Konfeksi	1
13.	Asia One Food Industries Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Konfeksi	1
14.	Shafa Resources Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Pelbagai (biji habbatus sauda, minyak habbatus sauda)	1
15.	Advance Nature Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Susu dan hasilan susu, Minuman ringan	1
16.	Titi Eco Organic Food Industry Sdn. Bhd	Pemprosesan	Lemak makan dan minyak makan, jem, jeli buah, marmalad dan seri kaya	1
17.	NS Agriculture Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Telur dan hasil telur	1
18.	NS Agriculture Sdn. Bhd.	Pengangkutan	Telur dan hasil telur	12
19.	Prestige Herbs Manufacturing Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Teh, kopi, cikori dan hasil berkaitan, koko dan hasil koko	1
20.	Sungai Lui Fruit Enterprise Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Pelbagai (buah-buahan dan hasil buah-buahan)	1
21.	Olley Food Industries	Pemprosesan	Minuman ringan	1
22.	Nicko Jeep Manufacture Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Konfeksi	1
23.	Nicko Jeep Manufacture Sdn. Bhd.	Pengangkutan	Konfeksi	3
24.	Mya Edaran Sdn. Bhd.	Pemprosesan	Bijirin, hasil bijirin, kanji dan roti	1
			Jumlah	**46**

PENSIJILAN

PENSIJILAN *TRUST MY CATERING*

Pensijilan

Trust MyCatering diwujudkan bagi mengiktiraf pengusaha katering yang menyumbang kepada perkembangan industri makanan negara serta mewujudkan persaingan sihat untuk industri katering makanan menghasilkan makanan yang selamat. Pensijilan ini juga merupakan satu bentuk pengiktirafan kepada pengusaha katering yang komited dalam menghasilkan makanan yang selamat. Permohonan untuk mendapatkan pensijilan ini adalah

terbuka kepada semua jenis pengusaha katering makanan mengikut kategori iaitu skala kecil dan sederhana serta *mass catering*.

Sebanyak 11 pensijilan Trust MyCatering yang merangkumi pengusaha katering makanan di Fasiliti Kerajaan dan Fasiliti Swasta termasuk Kantin Sekolah dan Dewan Makan Asrama berjaya mendapat pensijilan Trust MyCatering sehingga Disember 2022. **Jadual 14** menunjukkan bilangan pensijilan Trust MyCatering mengikut kategori skala yang mendapat pengiktirafan pada tahun 2022.

Jadual 14 : Pensijilan Trust MyCatering Mengikut Kategori di Negeri Sembilan, 2022

Bil.	Nama Pengusaha / Syarikat	Kategori Katerer
1.	Desatera Sdn. Bhd.	Mass
2.	Ilham Famous Cuisine	Sederhana
4.	Suasana Impian Enterprise	Sederhana
5.	Mas Awana Services Sdn. Bhd.	Sederhana
7.	Kakinyum Enterprise	Kecil
8.	Eirryana Enterprise	Kecil
9.	Mekdau Enterprise	Kecil
10.	Selera Rasa Ibu	Kecil
11.	Isma Dinar	Kecil

PENSIJILAN HAZARD ANALYSIS AND CRITICAL CONTROL POINT (HACCP) KKM

Pengiktirafan pensijilan Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP) diwujudkan bagi memberi pengiktirafan rasmi kepada industri yang berjaya melaksanakan elemen-elemen HACCP, sekaligus memenuhi kehendak keselamatan makanan dan kehendak pengguna. Bermula 19 April 2001, Skim Pensijilan HACCP dilancarkan secara rasmi dan objektif skim untuk memberikan pengiktirafan rasmi kepada premis makanan yang berjaya mengamal dan mengekalkan sistem HACCP bagi produk makanan mereka.

Premis pemegang sijil HACCP KKM akan mendapat manfaat iaitu pengeluaran sijil kesihatan bagi tujuan pengeksportan ke luar negara dalam masa 3 hari dari tarikh permohonan berbanding bagi premis yang tiada HACCP KKM dalam masa 19 hari dari tarikh permohonan.


PENSIJILAN AMALAN PENGILANGAN YANG BAIK / *GOOD MANUFACTURING PRACTISE* (GMP)

Pengiktirafan Pensijilan Good Manufacturing Practice (GMP) diwujudkan bagi memberi pengiktirafan rasmi kepada industri yang berjaya mengamalkan elemen-elemen GMP, sekaligus memenuhi kehendak-kehendak keselamatan makanan dan kehendak pengguna. Skim Pensijilan GMP dilancarkan untuk memberikan pengiktirafan rasmi kepada premis makanan yang berjaya mengamal dan mengekalkan sistem GMP di premis makanan.

Pengiktirafan ini akan meningkatkan keyakinan pengguna ke atas produk yang dikeluarkan dan membantu meluaskan pasaran produk ke peringkat antarabangsa dan juga mematuhi Perundangan dan Peraturan Makanan serta standard semasa.

Jumlah pemegang Sijil HACCP dan GMP di Negeri Sembilan dari tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti di **Rajah 4.** Senarai syarikat yang mendapat pensijilan GMP dan HACCP di Negeri Sembilan pada tahun 2022 di **Jadual 15** dan **Jadual 16**.

Rajah 4 : Bilangan Pemegang Sijil HACCP dan GMP di Negeri Sembilan, 2020 - 2022



Jadual 15 : Senarai Syarikat Yang Mendapat Pensijilan GMP KKM di Negeri Sembilan

No.	Nama Syarikat	Tarikh Sijil	Tarikh Tamat
1.	Hospital Port Dickson	21 Februari 2022	20 Februari 2025
2.	Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Segar FAMA Kuala Pilah	15 Jun 2022	14 Jun 2025
3.	Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Segar FAMA Jelebu	27 Jun 2022	26 Jun 2025

Jadual 16 : Senarai Syarikat Yang Mendapat Pensijilan HACCP KKM di Negeri Sembilan


No.	Nama Syarikat	Tarikh Sijil	Tarikh Tamat
1.	OPM United (M) Sdn. Bhd.	6 Januari 2022	5 Januari 2025
2.	Synergydc (M) Sdn. Bhd.	10 Januari 2022	9 Januari 2025
3.	Kellogg Asia Products Sdn. Bhd.	10 Mac 2022	9 Mac 2025
4.	Kian Joo Canpack Sdn. Bhd.	6 April 2022	5 April 2025
5.	Ajinomoto Malaysia Berhad	22 Jun 2022	21 Jun 2025

PENSIJILAN MAKANAN SELAMAT TANGGUNGJAWAB INDUSTRI (MeSTI)

Skim Pensijilan MeSTI adalah satu skim yang dijenamakan semula untuk menggantikan Skim Keselamatan Makanan 1 Malaysia (SK1M). Skim Pensijilan MeSTI merupakan hasil penambahbaikan dari SK1M bagi memudahkan premis makanan terutamanya pihak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memenuhi keperluan-keperluan yang diperuntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Premis yang mendapat pensijilan MeSTI pada tahun 2022 adalah sebanyak 31 premis. Jumlah peningkatan pemegang sijil MeSTI dari tahun 2020 sehingga 2022 adalah seperti di **Rajah 5.**

Rajah 5 : Jumlah Pemegang Sijil MeSTI, 2020 - 2022



Senarai pemegang Sijil MeSTI di Negeri Sembilan pada tahun 2022 seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17 : Senarai Syarikat Yang Mendapat Pensijilan MeSTI KKM di Negeri Sembilan

Bil.	Nama Syarikat	Tarikh Lulus	Tarikh Tamat Tempoh
1.	Choms Legacy	3 Mac 2022	2 Mac 2025
2.	Synergydc (M) Sdn. Bhd.	13 Januari 2022	9 Januari 2025
3.	OPM United (M) Sdn. Bhd.	13 Januari 2022	5 Januari 2025
4.	Jiwajiwa Anggun Services	16 November 2022	15 November 2025
5.	Guan Zhi Yan Trading	25 Februari 2022	24 Februari 2025
6.	Happy Ice Enterprise	18 Februari 2022	27 Januari 2023
7.	A&T Ingredients Sdn. Bhd.	1 April 2022	31 Mac 2025
8.	Orilavish Enterprise	8 April 2022	7 April 2025
9.	Guan Zhi Yan Trading	25 Februari 2022	24 Februari 2025
10.	Eramas Ingredients Sdn. Bhd.	31 Mac 2022	30 Mac 2025
11.	Pan Asian Dairies Sdn. Bhd.	31 Mac 2022	30 Mac 2025
12.	Kellogg Asia Products Sdn. Bhd.	31 Mac 2022	9 Mac 2025
13.	Shanature Enterprise	10 Mei 2022	9 Mei 2025
14.	Shafa Resources Sdn. Bhd.	12 April 2022	11 April 2022
15.	Magic Foods Sdn. Bhd.	8 April 2022	7 April 2025
16.	Asia Africa Global Coffee Sdn. Bhd.	13 April 2022	12 April 2025
17.	Mataf Industries	2 September 2022	1 September 2025
18.	Avocado Import & Export (M) Sdn. Bhd.	6 Jun 2022	5 Jun 2025
19.	Rozimz Enterprise	2 Jun 2022	1 Jun 2025
20.	Frais Funghi Sdn. Bhd.	28 Jun 2022	27 Jun 2025
21.	Ajinomoto Malaysia Berhad	22 Jun 2022	21 Jun 2025
22.	Mataf Industries (Lot 54)	4 Julai 2022	3 Julai 2025
23.	SRN Seremban Rice Noodles	28 September 2022	27 September 2025
24.	Kwong Chee Lan Sdn. Bhd.	12 Oktober 2022	11 Oktober 2025
25.	Sungai Lui Fruit Enterprise Sdn. Bhd.	22 Julai 2022	21 Julai 2025
26.	Cr Khan Global Trading	28 September 2022	27 September 2025
27.	Sriza Healthcare Food Services Holdings (M) Sdn. Bhd.	7 Oktober 2022	6 Oktober 2025
28.	Israf Harmoni Enterprise	7 September 2022	6 September 2025
29.	Baker's Cottage Central Kitchen Seremban	14 September 2022	13 September 2025

Bil.	Nama Syarikat	Tarikh Lulus	Tarikh Tamat Tempoh
30.	Hokto Malaysia Sdn. Bhd.	17 November 2022	16 November 2025
31.	Greenlife Harvest (M) Sdn. Bhd.	8 Disember 2022	8 Disember 2023

PELESENAN


i. Pelesenan Mesin Jual Air (MJA)

Pelesenan Mesin Jual Air (MJA) merupakan permohonan lesen pengendalian MJA daripada sumber air terawat atau bekalan air awam yang perlu melalui beberapa proses seperti penurasan, osmosis songsang, penyulingan, pengionan atau proses yang setara dan diikuti proses penyahjangkitan.


Bagi tujuan pengoperasian, MJA mestilah mematuhi standard yang ditetapkan di bawah Peraturan 360C di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Manakala peruntukan di bawah Peraturan 53 dan 55, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan pula menetapkan beberapa spesifikasi yang perlu ada dan perlu dipatuhi oleh setiap pemohon.

Sehingga tahun 2022 sebanyak 586 MJA dilesenkan iaitu 69.9% daripada jumlah 838 MJA yang direkodkan bagi seluruh Negeri Sembilan bagi tahun semasa. **Rajah 6** menunjukkan peningkatan bilangan MJA yang mendapat lesen dari tahun 2020 sehingga tahun 2022, manakala **Rajah 7** menunjukkan data keseluruhan MJA mengikut status permohonan lesen bagi tahun 2022.

Rajah 6 : Bilangan Mesin Jual Air (MJA) yang Mendapat Lesen di Negeri Sembilan, 2020 - 2022



Rajah 7 : Data Keseluruhan Mesin Jual Air Mengikut Status Permohonan Lesen, 2022



* Berdasarkan jumlah bilangan keseluruhan MJA: 838

ii. Pelesenan Air Mineral Semulajadi (AMS)

Pelesenan Air Mineral Semulajadi (AMS) adalah permohonan lesen bagi air mineral semulajadi daripada sumber air yang diperolehi daripada strata kandungan air bawah tanah melalui mata air, telaga, lain-lain jalan keluar, dengan atau tanpa tambahan karbon dioksida.

Semua produk AMS yang dijual atau diperdagangkan untuk orang awam, sama ada sumber air tempatan atau diimport mestilah mempunyai kelulusan lesen daripada KKM dan tertakluk kepada pematuhan Peraturan 360A di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Senarai pemegang lesen AMS di Negeri Sembilan bagi tahun 2022 adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18 : Senarai Pemegang Lesen AMS di Negeri Sembilan, 2022

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1.	Seremban	Vitaton (M) Sdn. Bhd.	Lot 5043, Kg. Sompo, Jalan Setul - Lenggeng, 71750 Lenggeng, Negeri Sembilan
2.		Sciensterra Sdn. Bhd.	Telaga Al Asr, Lot 18308, Kompleks Al Ammar, Kg Kanchong, 71200 Rantau, Negeri Sembilan
3.	Rembau	Darul Khusus Venture Sdn. Bhd.	No. 517, Kampung Mungkal 71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan
4.		OPM United Sdn. Bhd.	Lot 1390, Jalan Fajar Harapan 3, Ampung Chenong, Mukim Chengkau, 71300 Rembau, Negeri Sembilan

iii. Pelesenan Air Minuman Berbungkus (AMB)

Pelesenan Air Minuman Berbungkus (AMB) adalah merupakan permohonan lesen air minuman diperlakukan selain daripada AMS yang terkedap di dalam botol atau bungkusan-bungkusan lain dan dicadangkan bagi kegunaan manusia.

Sumber AMB adalah daripada air dari sistem bekalan awam, air permukaan (tasik, sungai dan kolam) dan air tanah (telaga, tiub dan mata air). Senarai pemegang lesen AMB di Negeri Sembilan bagi tahun 2022 adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19 : Pemegang Lesen AMB di Negeri Sembilan, 2022

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1.	Seremban	PRO Network Sdn. Bhd.	22, Jalan Lombong Emas 12, Seremban Light Industries Park, Jalan Tun Dr. Ismail, 70200 Seremban
2.		Apple Green Water Supply	PT 8036, Jalan BBN 5/3B, Jasmine Avenue, 71800 Nilai Negeri Sembilan
3.		Gemspring Sdn. Bhd.	No. 25899, Jalan S2C6, Green Technology Park, Seremban 2, 70300 Seremban, Negeri Sembilan
4.		RO Water Sdn. Bhd.	Lot 3430,Batu 8, Jalan Lenggeng, Kawasan Industri Kecil Mantin, Mukim Setul, Seremban, Negeri Sembilan
5.		Bioton Corporation Sdn. Bhd.	Lot 113 & 114, Jalan Nilai 3/12, Kawasan Perindustrian Nilai 3, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
6.		Efficient RE Sdn. Bhd.	Lot 34650, Lengkuk Teknologi 4, Taman Teknologi Enstek, 71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan
7.		Vitaton (M) Sdn. Bhd.	Lot 5043, Kg. Sompo, Jalan Setul - Lenggeng, Lenggeng, Negeri Sembilan
8.	Port Dickson	Cheok Cheng Loon Enterprise Sdn. Bhd.	28, Taman Perindustrian Palong Lukut, Jalan Lukut-Sepang, 71010 Lukut, Port Dickson
9.	Rembau	Aquario Beverages Sdn. Bhd.	Kawasan Perindustrian Halal MIEL Pedas, 71400 Pedas, Negeri Sembilan
10.		DNR Maju Resources	Lot 988 & 989 Jalan Durian Daun, Kampung Pulau Bukit, 71300 Rembau, Negeri Sembilan

iv. Pelesenan Ais

Pelesenan ais ialah permohonan lesen bagi produk dari air minuman yang boleh diminum dan diproses sejukbeku. Semua ais yang disediakan untuk perdagangan / jualan mestilah dilesenkan dan mematuhi standard peraturan di bawah Peraturan 394A di bawah Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2009 berkuatkuasa pada 1 September 2009.

Terdapat tiga jenis ais iaitu Ais Kiub/ Tiub, Ais Blok dan Ais *Flake.* Tempoh sah bagi Lesen ais adalah satu tahun dari tempoh kelulusan lesen dan perlu diperbaharui setiap tahun. Pemantauan kilang dan pensampelan juga dijalankan setiap tahun bagi memastikan kilang ais yang berlesen sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Senarai pemegang lesen ais di Negeri Sembilan adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20 : Pemegang Lesen Ais di Negeri Sembilan, 2022

Bil.	Daerah	Nama Syarikat	Alamat Syarikat
1.	Seremban	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd. (Senawang)	Lot 2105, Jalan Tampin, Kawasan Perindustrian Sri Senawang, 71450 Seremban, Negeri Sembilan
2.		Atlas Edible Ice Sdn. Bhd (Nilai)	Pt 2192, Jalan TS 2/8C, Taman Semarak II, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
3.		Seremban Ice Cube Sdn. Bhd.	Lot 38079, Jalan Industri Galla 14, Galla Industrial Park, 70200 Seremban, Negeri Sembilan
4.	Jempol	Atlas Edible Ice Sdn. Bhd. (Bahau)	2008, Taman Industri Bahau, 72100 Bahau, Negeri Sembilan
5.		Seremban Ice Cube Sdn. Bhd.	Lot 38079, Jalan Industri Galla 14, Galla Industrial Park, 70200 Seremban, Negeri Sembilan
6.		Happy Ice Sdn. Bhd.	No.2, Jalan Balau 4, Pusat Perniagaan Balau, 72100 Bahau, Negeri Sembilan
7.	Port Dickson	SP Tube Ice Enterprise Sdn. Bhd.	No.138, Jalan Bukit Palong, Taman Perindustrian Perdana, 71010 Lukut, Port Dickson, Negeri Sembilan

EKSPORT

Pengeluaran sijil eksport bagi produk makanan perlu mematuhi keperluan negara pengimport dan mematuhi kehendak-kehendak Akta Makanan serta Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Sijil eksport terbahagi dua iaitu:

i. Sijil Kesihatan Bagi Produk Makanan dan Bahan Bersentuhan Makanan
- Permohonan sijil ini dikeluarkan di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
- Fi bagi Sijil Kesihatan adalah seperti berikut:
  a. Pemegang Sijil HACCP KKM: RM 100.00 / sijil.
  b. Tiada HACCP KKM: RM 300.00 / sijil.

ii. Sijil Penjualan Bebas bagi Produk Makanan
- Permohonan sijil ini dikeluarkan di peringkat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS).
- Fi bagi Sijil Penjualan Bebas adalah RM100.00 / sijil.

Jadual 16 menunjukkan bilangan pengeluaran Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas mengikut bulan pada tahun 2022. Jumlah pengeluaran Sijil Eksport bagi tahun 2022 adalah **1,244 sijil** dengan jumlah kutipan fi sebanyak **RM158,400.00.**

Jadual 16 : Bilangan Sijil Kesihatan dan Sijil Penjualan Bebas Mengikut Bulan, 2022

Bil.	Bulan	Jumlah Sijil Yang Dikeluarkan		
		Sijil Kesihatan		Sijil Penjualan Bebas
		Tiada HACCP KKM (19 hari)	Pemegang Sijil HACCP KKM (3 hari)	
1.	Januari	4	61	7
2.	Febuari	14	58	5
3.	Mac	2	81	14
4.	April	16	81	12
5.	Mei	27	86	7
6.	Jun	16	72	7
7.	Julai	16	88	10
8.	Ogos	28	76	10
9.	September	16	96	9
10.	Oktober	17	72	6
11.	November	3	94	9
12.	Disember	11	99	14
Jumlah Pengeluaran Sijil		**170**	**964**	**110**
Jumlah Kutipan Fi		**RM96,400**	**RM51,000**	**RM11, 000**

PROMOSI

Aktiviti Promosi BKKM JKNNS, 2022

Bil.	Perkara	Gambar
1.	**"Walkabout Bazar Ramadan 2022"** Walkabout Bazar Ramadan diadakan pada 13 April 2022 di Metropark Sendayan Negeri Sembilan dengan kerjasama Persatuan Bazar Ramadan Metropark Sendayan. Walkabout ini melibatkan kerjasama dengan Pejabat Kesihatan Daerah Seremban, Majlis Bandaraya Seremban dan KPDNHEP Negeri Sembilan.	 
2.	**"Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia dan Anugerah Medan Selera 2022"** Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2022 diadakan pada 17 Julai 2022 di Mydin Seremban 2, Negeri Sembilan. Majlis disempurnakan oleh Pengarah Kesihatan Negeri Dato' Dr. Harlina binti Abdul Rashid.	  

Bil.	Perkara	Gambar
3.	**"Aspirasi Keluarga Malaysia dan Agenda Nasional Malaysia Sihat"** AKM dan ANMS yang telah diadakan di Dataran Seri Jempol pada 7-9 Oktober 2022.	  
4.	**"Outreach Program Keselamatan Makanan"** di TUDM Sendayan sempena RMAF Tools Down Day yang diadakan pada 31 Oktober 2022.	  
5.	**"Taklimat Penyenaraian Homebased"** yang telah dijalankan pada 15 Ogos 2022 kepada pengusaha *home-based* yang berpotensi.	 

Bil.	Perkara	Gambar
		 
6.	**Bengkel Penyediaan Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM)** yang dijalankan 22 September 2022 kepada industri makanan yang berpotensi dalam PJKM.	  
7.	**Program bersama Syarikat Coca-Cola Bottlers Sdn. Bhd** di Bandar Enstek pada 10 Ogos 2022 sempena Minggu Keselamatan Makanan.	   

Bil.	Perkara	Gambar
8.	**Program Food Safety for Young Generation (FooYoo) di UITM Kuala Pilah** Penyertaan pelajar bagi program generasi muda FooYoo di UITM Kampus Kuala Pilah pada 6 Disember 2022.	   

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya pencapaian Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan bagi tahun 2022 adalah baik dan memuaskan meskipun berdepan dengan cabaran pasca pandemik Covid-19. Bahagian ini menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan baik dan dengan bertambahnya anggota yang terlibat dalam aktiviti pengurusan dan pemantauan akan dapat memberikan satu aras perkhidmatan yang terbaik serta mengukuhkan lagi aktiviti pemantauan keselamatan makanan yang lebih sistematik. Usaha berterusan juga sedang dan akan dijalankan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa dipertingkatkan dan berjalan lancar sejajar dengan misi dan visi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia.